

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 46**

**Isnin**

**14 November 2016**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2017

**Jawatankuasa:**

**Jadual:**

Maksud B.24 (Halaman 31)  
Maksud B.25 (Halaman 97)  
Maksud B.13 (Halaman 156)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 30)

Usul Anggaran Pembangunan 2017

**Jawatankuasa:**

Maksud P.24 (Halaman 31)  
Maksud P.25 (Halaman 97)  
Maksud P.13 (Halaman 156)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 14 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said )  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pembantu guru telah dilaksanakan di semua sekolah di seluruh negara dan jika belum, bilakah pelaksanaan ataupun pelantikan pembantu guru akan bermula bagi mengurangkan bebanan tugas guru masa sekarang.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2016, sebanyak 860 orang pembantu guru telah dilantik sebagai Pekerja Sambilan Harian (PSH) di sekolah negeri Melaka dan Kedah. Pelantikan ini merupakan program pemantapan profesion guru (PPG) melalui inisiatif *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*, *Repositioning Teachers to Their Core Duties* dengan izin, di bawah sub inisiatif mengurangkan beban kerja pentadbiran guru. Walau bagaimanapun, peluasan program PPG ke negeri-negeri lain bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada menempatkan PSH sebagai kaedah menangani isu beban tugas dalam kalangan guru, Kementerian Pendidikan Malaysia turut menggunakan pelbagai kaedah untuk menangani isu tersebut seperti berikut:

- (i) pengisian jawatan kosong di sekolah;
- (ii) mengkaji keperluan jawatan guru dan anggota pelaksana;
- (iii) mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data ataupun pelaporan; dan
- (iv) memperhalus kaedah pengoperasian atau pengurusan sekolah yang lebih mengutamakan keberhasilan pembelajaran murid dan mengurangkan beban aktiviti bukan melibatkan pengajaran dan

pembelajaran di sekolah selaras dengan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 13 Tahun 2016 berhubung Garis Panduan Pengurusan Majlis/Acara dan Pengurangan Amalan Protokol dan Sambutan di Bahagian/Jabatan/Institusi Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak mengalu-alukan kehadiran rombongan UMNO Cawangan Felda Sg. Tekam Utara Barat ke Dewan pada pagi ini. *[Dewan tepuk]*

Saya hendak mengucapkan tahniah di atas inisiatif penempatan pembantu guru secara perintis di Kedah dan juga Melaka. Jadinya soalan tambahan saya kepada pihak kementerian, apakah cabaran dan juga isu yang berbangkit bagi menjayakan pelaksanaan program pementapan guru secara menyeluruh dan sejauh manakah penstrukturan semula KPM dapat meringankan kompleksiti tugas guru di Malaysia ini? Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit Sulong yang begitu prihatin terhadap penstrukturan semula Kementerian Pendidikan Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini, kajian penstrukturan semula KPM sedang dalam pertimbangan agensi pusat. Sekiranya kajian penstrukturan semula KPM ini diluluskan, ia dijangka akan dapat meminimumkan pertindihan fungsi serta mengurangkan beban tugas guru melalui fungsi perancangan pelaksanaan sekolah yang lebih teratur di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Pelaksanaan program ini di peringkat sekolah akan lebih teratur mengikut keutamaan perancangan di mana kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) lebih berfokuskan kepada pembangunan guru dalam perkhidmatan.

Berhubung dengan cadangan tadi, pelantikan pembantu guru secara – kita berharap selepas pengukuhan kewangan kerajaan, kita dapat memperluaskan lantikan itu ke semua negeri di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya menyusur semula berkait dengan Jawatankuasa Khas Kaji Beban Guru yang dibawa kira-kira lebih dua tahun lalu. Jadi Menteri pun sudah berganti dan antara isu utama Yang Berhormat Menteri Pendidikan nyatakan, selain daripada keperluan guru-guru tambahan, pembantu guru bagi mengurangkan bebanan, ada juga isu penyelarasan sistem data.

**■1010**

Ketika ini, saya fikir kerja-kerja perkeranian yang banyak membebankan para guru adalah bila masa dia terpaksa lakukan atas talian, tetapi tidak mempunyai *connectivity* yang mencukupi. Antara yang saya dimaklumkan oleh pihak guru termasuk PBS, APDM, PAJSK, e-Operasi, e-Pangkat dan banyak lagi program Tuan Yang di-Pertua.

Jadi persoalan saya, bila masa kementerian mengambil kira, pertama, impak dan kesan. Kalau positif daripada program di Melaka dan Kedah, bahagi 860 orang, jadi harus ada jangka masa yang jelas, tuntas bagi memberikan para guru penyelesaian yang terkini dan secepat mungkin. Keduanya, perancangan kerana sudah lebih dua tahun tetapi penyelarasan data dan sistem data ini masih lagi agak berkecamuk. Saya mohon pandangan Yang Berhormat dan perancangan efektif dalam masa terdekat. Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai atas soalan tambahan. Memang sebelum ini beban tugas guru dibebani dengan *key-in* ataupun laporan daripada segi pelaporan melalui pencapaian internet ataupun capaian yang lemah. Akan tetapi untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menghentikan Pentaksiran Berasaskan Sekolah secara *online* sejak tahun 2014 iaitu tugas-tugas Pentaksiran Berasaskan Sekolah itu sekarang dilakukan secara *offline* dengan menggunakan aplikasi *Excel*. Jadi, tidak ada isu tentang capaian yang lemah itu dan banyak perubahan yang dilakukan di peringkat kementerian untuk mengurangkan beban guru dalam menggunakan e-Operasi ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya satu sistem sahaja yang perlu dilakukan setiap hari iaitu e-Kehadiran. Kita mengambil data-data kehadiran murid dan itu pun dengan cara kita mengambil siapa yang tidak hadir di sekolah. Jadi, mudah dengan cara itu dan e-Operasi itu dilakukan hanya bila ada perubahan data maklumat diri. Kita juga menggunakan sistem *single sign on*. Satu *username*, satu *password* dengan izin, untuk pencapaian pelbagai aplikasi.

Akan tetapi kita juga menghadapi masalah bila di sekolah, di PPD, di JPN, kadang-kadang mereka menggunakan sistem aplikasi mereka. Jadi di peringkat kementerian, kita sedang membuat penyusunan semula supaya di peringkat sekolah, PPD dan JPN kita selaraskan sistem penggunaan maklumat ini supaya mereka tidak perlu terlalu banyak pengisian daripada segi pencapaian melalui komputer. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Soalan tambahan boleh? Untuk cikgu-cikgu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Baling. Tahniah di atas anugerah Darjah Kebesaran Negeri Kelantan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian dalam khususnya melaksanakan program PPG ini, apatah lagi mereka telah melakukannya di negeri Kedah, di negeri saya. Terima kasih banyak-banyak.

Pada masa yang sama berkaitan dengan tugas guru ini, saya ingin menanyakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ia juga ada berkaitan, ada berkait-kait di mana saya masih lagi sebagai seorang Ahli Parlimen mendapat surat-surat daripada warga-warga guru ini di mana pertukaran di antara suami dan isteri masih jauh. Ada suami di Sarawak, isteri di Kelantan, begitu lama. Lebih empat tahun, malah ada yang lima tahun pun masih tidak dapat lagi bersama-sama isteri atau suami dipindahkan balik.

Ini juga sekali gus sedikit sebanyak akan mengganggu-gugat program prestasi guru-guru yang dibuat oleh kementerian sebab mereka berjauhan. Jadi pelbagai kekangan, perkara, masalah yang mereka hadapi, guru-guru ini dari sudut kebajikan, apatah lagi ada anak kecil dan sebagainya. Jadi soalan saya, apakah tindakan pihak kementerian untuk melaksanakan yang mana kita tahu kekangan yang dihadapi oleh guru-guru ini yang duduk berjauhan dengan suami atau isteri? Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tidak ada kaitan dengan soalan asal, tetapi saya boleh memberikan jawapan. Berkenaan dengan pengasingan suami isteri yang berjauhan iaitu 'duka lara' seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Selepas Yang Berhormat Menteri menerajui kementerian, beliau amat prihatin terhadap isu ini dan banyak dilakukan supaya suami isteri yang mengajar berasingan, yang jauh, disatukan semula. Jadi, pertukaran guru itu dilakukan bukan hanya dua kali setahun seperti sebelum ini, tetapi empat kali setahun. Keutamaan diberikan kepada mereka yang berpisah jauh.

Walau bagaimanapun, kita perlu faham bahawa penempatan seseorang guru di setiap sekolah itu juga perlu berdasarkan kepada opsyen. Kalau tidak ada keperluan opsyen di sekolah tersebut atau daerah tersebut, tidak dapat hendak kita tempatkan. Walau bagaimanapun, kita boleh memberikan jaminan bahawa kita memberikan keutamaan kepada mana-mana suami isteri yang berpisah jauh dan yang telah lama berpisah. Sekian, terima kasih.

2. **Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah pendirian kerajaan terhadap Konvensyen Berkaitan Pelarian 1951 di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Gombak di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini, Malaysia bukan merupakan negara pihak kepada dengan izin, *state party* kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol Pelarian 1967 dengan izin, *Convention Relating to the Status of Refugees 1951 and its Protocol 1967*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hanya Cambodia dan Phillippines sahaja merupakan negara-negara ASEAN yang merupakan negara pihak kepada konvensyen berkenaan.

Sebelum Malaysia mengambil keputusan untuk menyertai mana-mana instrumen antarabangsa, satu kajian yang menyeluruh perlu dilakukan dan dilaksanakan secara teliti oleh kerajaan dan keputusan yang bakal diambil mengambil kira kesesuaian peruntukan yang terkandung di dalam konvensyen berkenaan dengan rangka perundangan Perlembagaan Negara serta dasar negara yang sedia ada. Dalam mempertimbangkan penyertaan Malaysia ke konvensyen berkenaan, kerajaan juga mengkaji dengan mendalam akan kesan dan implikasi penyertaannya ke negara tersebut. Antara yang utama ialah kajian daripada segi ancaman keselamatan, peningkatan gejala sosial, aspek bebanan kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan.

Ingin ditegaskan bahawa menjadi negara ahli pada mana-mana instrumen antarabangsa datang dengan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan dipatuhi seperti yang diperuntukkan di bawah instrumen antarabangsa tersebut. Oleh itu, adalah wajar untuk Kerajaan Malaysia memastikan bahawa kerajaan telah benar-benar mampu untuk memikul tanggungjawab sebagai negara ahli Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol Pelarian 1967.

Seperti Ahli Dewan sedia maklum, walaupun undang-undang negara tidak memberi status kepada pelarian atau pemohon suaka, namun atas dasar kemanusiaan, kerajaan telah membenarkan pemegang kad UNHCR ataupun *United Nations High Commissioner for Refugees* dan orang tertentu memerlukan perlindungan untuk terus tinggal di sini sementara menunggu untuk ditempatkan semula di negara-negara lain atau pulang semula ke negara asal mereka.

Malaysia bekerjasama dengan pihak UNHCR di Malaysia dalam memberi bantuan serta perlindungan dengan izin, kepada *person of concern* dan terutamanya

kepada pemegang kad UNHCR. Walau bagaimanapun, ingin ditegaskan sekali lagi bahawa kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan pelarian yang merupakan pendatang asing ini yang memegang kad UNHCR untuk tinggal sementara sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga.

Dasar negara mengenai perkara ini adalah menggunakan asas satu kes ke satu kes ataupun *case to case basis* dan berdasarkan kemampuan kerajaan. Perkara ini memerlukan penyelarasan dan kerjasama semua pihak dan kementerian serta agensi kerajaan khususnya Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Dalam Negeri selaku peneraju bagi isu pelarian dan migrasi di Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedia maklum bahawa kemenangan Donald Trump baru-baru ini juga bermakna TPP boleh dianggap dengan izin, *death before arrival*.

#### ■1020

Ini juga bermakna status Malaysia yang mencabar realiti sebagai negara peringkat kedua atau pun *tier 2* dalam laporan pemerdagangan orang oleh US States Department akan berubah ke satu yang peringkat yang lebih rendah, atas alasan bahawa kedudukan Malaysia sebagai *tier 2* ini adalah bagi tujuan memastikan penyertaan Malaysia dalam TPP. Persoalan saya ialah, oleh sebab dasar Malaysia adalah untuk tidak meratifikasikan Konvensyen Pelarian PBB, ini bermakna pelarian-pelarian yang sedia ada di Malaysia ini mudah terdedah kepada pemerdagangan manusia.

Terutamanya, 34,600 kanak-kanak pelarian yang ada di Malaysia, di bawah umur 18 tahun dan sehingga Ogos 2016, jumlah pelarian yang berdaftar dengan UNHCR adalah 150,200 orang. Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum bahawa mengikut rekod, sebelum ini jumlah pelarian yang dihantar balik ke negara asal atau pun negara ketiga yang disebut tadi adalah sekitar 8,000 hingga 9,000 orang sahaja. Manakala jumlah yang ada dalam negara kita lebih 150,000. Ini bermakna selebihnya akan kekal sebagai pelarian dalam negara Malaysia.

Oleh sebab Malaysia sekadar negara transit dan tidak mengiktiraf hak pelarian di sisi undang-undang, maka lebih 100,000 pelarian ini terdedah kepada diskriminasi sebagai pelarian, tahanan polis dan juga pemerdagangan manusia. Persoalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah negara Malaysia sudah bersedia untuk menentukan satu tempoh masa bagi meratifikasikan konvensyen berkaitan pelarian ini, supaya imej negara Malaysia tidak terpalit dengan isu pemerdagangan orang.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada 27 Disember 2015, ada laporan yang menyatakan dengan izin, "*Malaysian Government Extend Helping Hand to Syrian Refugees as Thousand of other Refugees Struggle in Illegal Limbo*". Di mana laporan ini mendakwa kerajaan Malaysia melayan pelarian, *refugee* ini sebagai *first class refugees* dan tidak memberikan layanan yang sama kepada pelarian-pelarian yang lain di dalam negara kita. Jadi, saya pohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Amat Berhormat Gombak. Bila dibangkitkan berkaitan dengan isu pelarian, sememangnya isu ini mempunyai kaitan dan *intertwine* dengan izin, dengan pelbagai isu-isu yang lain. Malaysia masih- bila saya sebut apabila kita tidak menjadi *state party* kepada Konvensyen 1951 dengan Protokol 1967, tidak bererti bahawa kita tidak sedang melihat apa-apa perkara yang berkaitan dengan perundangan negara agar membolehkan kita untuk menjadi *state party* kepada kedua-duanya.

Tapi sebagaimana yang saya sebut awal tadi, Malaysia sentiasa memilih untuk bila mana kita menyertai *when we participate in either ratifying* atau pun *being the signatories*, kita melihat bahawa ia memerlukan tanggungjawab. Saya nak menyatakan kepada Yang Amat Berhormat bahawa ada juga negara-negara yang telah *sign and became both state party to 1951 and also 1967 but, when it comes to implementation*, mereka tidak dapat melunaskan kerana perkara-perkara yang menjadi kekangan. Ada yang membina sampai *a fan of razor blade*, padahal mereka adalah *among the earlier countries* yang menjadi *state party* kepada kedua-duanya.

Keduanya, berkaitan dengan isu Syria juga. Isu Syria ini adalah isu yang amat-amat mendesak dan pada waktu ini, saya nak maklumkan bahawa keadaan *refugees* di seluruh dunia adalah yang keadaan amat-amat getir. Dilaporkan seramai 65.3 juta dikatakan *who has been forced from home* dan 21.3 juta menjadi *refugees*, satu angka yang dikatakan terburuk selepas Perang Dunia Kedua. Dan jumlah pelarian yang paling teruk, Yang Amat Berhormat Gombak adalah pelarian daripada Syria, *the worst ever* selepas daripada. Maka, soal dalam menghulurkan bantuan, sebenarnya tidak timbul dari segi menghulurkan bantuan melalui ataupun secara *first class* dan sebagainya.

Kita menghulurkan bantuan berdasarkan atas perikemanusiaan sebab kita tidak masih lagi belum iktiraf sebagai *refugees*. Sebagaimana kita pernah lakukan dulu kepada Bosnia, kepada Vietnam, kepada Aceh. Dalam soal kita menghulurkan bantuan kepada Syria ini, saya nak nyatakan secara jelas bahawa kita juga menggunakan pendekatan apa yang disebut dalam pendekatan fiqah iaitu... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Bila kita bantu orang, kita nak pastikan yang dibantu itu tidak mendapat mudarat



dan yang membantu juga tidak terbeban dengan mudarat. Maka sebab itu lah pendekatan kita agak *pragmatic* dalam memastikan dalam kita terlibat membantu bantuan perikemanusiaan, kita tidak membebankan mereka yang dibantu. Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar bahawa pemegang kad UNHCR ini sebenarnya banyak juga terlibat daripada *syndication* atau pun sindiket mengeluarkan kad-kad UNHCR. Adakah kerajaan sedar bahawa perkara ini berlaku. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin, atas soalan tambahan tersebut, memang benar. Dan untuk makluman, pihak kerajaan telah mengadakan satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri untuk menubuh sebuah yang dipanggil *Joint Task Force* bagi memastikan pengeluaran kad-kad UNHCR ini melalui proses-proses yang lebih- bukan sahaja telus, tapi mengambil perkiraan aspek-aspek keselamatan. Dan untuk makluman juga UNHCR pun telah pun mengeluarkan kad baru, bagi memastikan kad yang lama itu diganti yang dikatakan tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan dan mudah untuk diduplikasikan.

Cuma saya nak maklumkan pengendalian tentang soal *refugees* ini berada di bawah kendalian, di bawah arahan yang dikatakan Arahan 23 Majlis Keselamatan Negara dan pihak peneraju yang berkaitan adalah Kementerian Dalam Negeri dan Majlis Keselamatan Negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ya, Yang Berhormat Jerantut juga berminat.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya lagi untuk menyambung ucapan tahniah atas kehadiran rombongan UMNO Utara Barat Parlimen Jerantut ke Dewan ini pada pagi ini. [Tepuk]. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan menggesa UNHCR untuk menguruskan soal pelarian dan permohonan suaka di negara ini, apakah tindakan kerajaan yang selanjutnya untuk memastikan rakyat tempatan tidak terkesan dengan kehadiran mereka, terutamanya dari segi aspek sosioekonomi dan berapakah jumlah sebenar pemegang kad UNHCR yang telah dihantar pulang oleh kerajaan ke negara asal atau ke negara ketiga. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih kepada soalan tambahan lagi. Sebenarnya, sememangnya itu lah yang sebagaimana saya jawab pada soalan asal yang ditanyakan oleh Yang Amat Berhormat Gombak tadi, kerana kita ingin memastikan

bahawa dalam kita mengendalikan isu imigran ini, kadang-kadang *it gets intertwined* dengan apa yang disebut tadi *economic migrant*. Ada juga di kalangan imigran-imigran yang *riding on process* pelarian yang sedia ada ini dan *they are actually not politically persecuted migrant but they are more on economic migrant*. So sebab itu lah Malaysia tidak menjadi parti kerana kita mengkaji sebab bila kita jadi parti kepada 1951 dan juga 1967 yang saya maklumkan tadi, ada artikel-artikel tertentu yang meletakkan obligasi terhadap kita yang terpaksa memberi layanan kepada *refugees* ini sama dengan sama dengan warganegara kita. *This is something which* saya lihat merupakan satu perkara yang sulit untuk dilakukan. Dan sebagaimana yang dinyatakan dia minta tadi jumlah, jumlah yang telah pun- yang ada oleh UNHCR yang ada dalam rekod saya ini ialah, keseluruhan 150,669

### ■1030

Daripada jumlah tersebut, pecahan-pecahan dia ada di kalangannya adalah Myanmar yang paling ramai. Terdiri daripada:

Etnik	Bilangan
Chin	41,000
Rohingya	54,856
Muslim Myanmar	10,928

Jumlah yang telah pun dihantar pulang saya tidak ada spesifik di sini tetapi mengikut anggaran sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Gombak tadi dalam sekitar lapan ke sembilan ribu, *who has been resettled to the third receiving country*. Tetapi saya akan beri jawapan secara bertulis kepada soalan yang ditanyakan. Jadi, sebelum saya akhiri sesi soalan jawab saya ini, saya hendak mohon keizinan untuk mengalu-alukan pelajar-pelajar daripada Persatuan Sains Politik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Terima kasih. *[Tepuk]*

**3. Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah terdapat usaha untuk mengurangkan bilangan gelandangan dengan memberikan pekerjaan di sektor pertanian khususnya dengan menggunakan tanah-tanah terbiar di kawasan luar bandar.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat daripada Parit. Tuan Yang di-Pertua, isu gelandangan

adalah isu yang berkait dengan hibernasi kepelbagaian latar belakang golongan gelandangan dan faktor mereka bergelandangan menjadikan isu ini satu isu sosial yang kompleks dan memerlukan intervensi dan kerjasama dari pelbagai pihak seperti agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri, pertubuhan bukan kerajaan NGO dan komuniti.

Dalam hal ini pihak kerajaan melalui kementerian, agensi seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Kesihatan telah menyediakan bantuan yang berterusan seperti bantuan kebajikan, pekerjaan, kemudahan perumahan, bantuan kesihatan dan kaunseling kepada golongan gelandangan. Bantuan-bantuan ini turut disediakan di Anjung Singgah, Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur dan Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Desa Bina Diri (DBD).

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat masih belum meneroka perancangan untuk menggunakan tanah terbiar di kawasan luar bandar bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian dalam usaha memberi pekerjaan kepada golongan gelandangan. Cadangan Yang Berhormat adalah cadangan yang cukup baik kerana institusi DBD mempunyai kemahiran berkebun, bertukang, menjahit dan sebagainya sebagai persediaan untuk golongan pengemis, gelandangan untuk berdikari dan kembali semula ke pangkuan keluarga ataupun masyarakat.

Terkini penghuni DBD Mersing Johor diajar kaedah penanaman ubi kayu, keledek dan tebu. Manakala penghuni DBD di Jerantut Pahang pula diajar menghasilkan produk telur masin, ternakan ayam kampung dan tanaman sayuran. Setelah penghuni menguasai kemahiran-kemahiran yang diberi dalam tempoh pemulihan, pihak penguasa DBD akan berhubung dengan majikan yang berkenaan bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran dan latihan yang diperoleh oleh penghuni sewaktu menjalani pemulihan di DBD.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mencari penyelesaian kepada isu gelandangan ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan berhubung dengan kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi meneroka kemungkinan memberikan pekerjaan kepada golongan gelandangan, terutamanya mereka yang berasal dari luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi jawapan dan nampaknya kewujudan pusat transit gelandangan ini bukan sahaja menjadi pusat sehati kepada golongan gelandangan malah telah mengubah cara hidup mereka

kepada ke arah yang lebih sempurna. Soalan tambahan saya ialah, adakah dengan kewujudan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur ini atau tempat-tempat lain, telah dapat mengurangkan bilangan gelandangan di negara kita ini terutama di Kuala Lumpur dan bagaimana pula tindakan kerajaan untuk menghapuskan gelandangan dari pendatang asing? Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Parit di atas soalan tambahan tadi. Berkaitan dengan apa yang saya sebutkan dalam jawapan saya tadi, DBD itu. DBD ialah tempat di mana setelah mereka diterima di Anjung Singgah, mereka dihantar ke DBD ini, di mana mereka diberikan latihan selama tiga tahun. Seterusnya selepas itu mereka boleh bekerja, dibagi balik kepada keluarga mereka dan juga dalam komuniti. Dalam erti kata lain, tentulah dapat mengurangkan bilangan gelandangan yang ada di bandar-bandar besar kita. Keduanya, pusat transit yang telah ditubuhkan baru di Kuala Lumpur ini juga adalah namanya transit, sementara sahaja.

Mereka nanti akan dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dirujuk kepada Anjung Singgah kita untuk sementara kerana di kalangan mereka ini ada yang datang ke bandar. Majoritinya adalah untuk mencari pekerjaan. Mereka tidak mempunyai pekerjaan. Jadi, sementara mereka belum lagi ada pekerjaan, adalah agak sukar untuk mereka mencari tempat untuk tinggal kerana mereka tidak cukup kewangan. Maka itu mereka bergelandangan. Dalam pusat transit ini nanti, buat sementara mereka akan dihantar ke Anjung Singgah kita untuk sementara masa sehingga mereka mempunyai pekerjaan dan seterusnya mereka boleh menyewa rumah ataupun mempunyai tempat tinggal di mana mereka itu bekerja. Jadi *alhamdulillah* usaha ini sebenarnya memang telah dapat mengurangkan gelandangan yang bergelandangan.

Tapi dalam masa yang sama, oleh kerana mereka akan berterusan datang daripada luar bandar ini ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan. Bila kita kurangkan tetapi akan ada pula yang datang baru. Bagaimanakah caranya untuk dapat kita menghapuskan gelandangan yang datang daripada luar bandar ini saya rasa, daripada luar negara ini, tadi baru sahaja disebut dalam jawapan-jawapan daripada Menteri Luar Negeri tadi bahawa kita bermasalah dalam hal tersebut. Jadi kita juga mengharapkan sebenarnya supaya mereka ini dapat dihantar balik ke negara masing-masing seperti pendatang-pendatang gelandangan pengemis daripada kaum Rohingya ini kita berhadapan masalah dengan mereka. Bagaimana? Ini kita tidak dapat menyelesaikan, cuma dengan Kementerian Luar Negeri dan juga dengan imigresen yang membantu kita menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat menteri kerana kementerian beliau telah mengambil satu langkah yang begitu proaktif dalam isu gelandangan ini. Namun demikian sebagaimana yang diakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri bahawa masalah gelandangan ini nampaknya satu masalah yang *never ending*. Tidak pernah selesai terutamanya dalam kawasan bandar dan saya juga yang juga aktif dalam persekitaran bandar di Kuala Lumpur in melihat satu fenomena baru yang mungkin timbul di kalangan gelandangan ini, di mana mereka ini seolah-olah mewujudkan *area*, atau kawasan masing-masing. Ada gelandangan Jalan Tar, ada gelandangan Jalan Raja Laut, ada gelandangan PWTC dan sebagainya.

Sehingga malam tadi, kebetulan saya malam tadi di Jalan Raja Laut bertemu satu kes pergaduhan di antara gelandangan sehingga terpaksa memanggil ambulans. Bila saya tanya kenapa berlaku ini? Dia kata kerana berebut kawasan. Jadi gelandangan pun sudah berebut kawasan sekarang ini. Jadi persoalan saya, apakah langkah kementerian Yang Berhormat untuk bekerjasama mungkin dengan kementerian-kementerian lain, umpamanya Kementerian Wilayah dan Kesejahteraan Bandar untuk menyelesaikan masalah ini. Kalaupun tidak boleh dihapuskan, *insya-Allah* kita boleh kurangkan masalah gelandangan yang membawa satu imej yang tidak baik kepada negara kita. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Kota Bharu. Memang Yang Berhormat tahulah tentang hal ini kerana terlibat dengan PBT pada satu ketika dahulu. Isu gelandangan ini merupakan satu isu organisasi yang berlaku di semua bandar-bandar besar di seluruh dunia ini dan tidak ketinggalan jugalah di negara kita. Khususnya yang banyak tertumpunya ialah di Lembah Klang dan bandar-bandar yang besar seperti Johor Bahru, Pulau Pinang dan juga Kuching.

#### ■1050

Pihak kita sebenarnya, kerajaan telah menubuhkan satu *High Level Committee*. Dalam mesyuarat, satu *High Level Committee* Majlis Sosial yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 18 Februari yang lalu, pada tahun ini, telah memutuskan supaya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menjadi agensi peneraju dalam menangani isu pengemisan dan gelandangan di Malaysia. Mesyuarat juga telah memutuskan supaya kementerian menubuhkan sebuah sekretariat bagi menyelaras semua operasi, aktiviti dan bantuan yang berkaitan dengan pengemisan dan gelandangan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan, seperti Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,

Kementerian Kesihatan, Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini bagi memastikan tindakan yang lebih holistik dan berkesan dapat diambil, termasuklah masalah-masalah seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita mengadakan operasi kita untuk mencari gelandangan ini. Ada operasi yang dibuat secara bersama, bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi termasuklah Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar. Ini supaya tindakan yang berkaitan untuk memberikan penempatan kepada mereka yang boleh mendapat penempatan, dan untuk kita bawa mereka ke Anjung Singgah dan ke pusat transit supaya mereka tidak berterusan lagilah bergaduh, dan mencari tempat di mana mereka boleh berteduh ataupun di mana mereka suka untuk berada.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat, saya sendiri pernah secara peribadi telah bertemu dengan gelandangan, dan kadangkalanya ada di antara gelandangan ini mereka sebenarnya suka untuk bergelandangan. Mereka lebih suka dengan izin, *sleeping under the star, under the sky*, itu yang jadi masalah kepada kita juga. Kita bawa mereka untuk tinggal di tempat-tempat yang ada bumbung tetapi mereka suka berada di tempat yang di luar ini supaya mereka rasa bebas.

Namun ini tidak bererti kita akan membiarkan mereka berterusan begitu. Kita ada juga operasi secara berkala yang kita lakukan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat di bandar ini, dan di daerah-daerah. Kita mengadakan operasi untuk menyelamatkan mereka ini. Ketiganya, jika aduan, seperti Yang Berhormat semalam mengetahuinya itu, maklumkan sahaja ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita akan terus mengadakan operasi kita dan membawa mereka ke tempat yang sesuai dan selamat. Terima kasih.

**4. Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah]** minta Menteri Kewangan menyatakan, keberkesanan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam menangani masalah peminjam yang tidak mampu membayar balik pinjamannya. Nyatakan jumlah pelanggan yang cuba mendapatkan khidmat nasihat AKPK dan jumlah kes yang diselesaikan oleh agensi itu dalam tempoh 5 tahun.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, selamat pagi. *Vanakem*.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Merujuk kepada soalan Yang Berhormat Batu Gajah- sejak penubuhan Agensi Kaunseling dan

Pengurusan Kredit (AKPK) di bawah Bank Negara Malaysia pada tahun 2006, banyak yang telah dicapai oleh AKPK. Misi AKPK untuk menjadikan pengurusan kewangan berhemah sebagai satu amalan cara hidup yang baik oleh rakyat Malaysia. Daripada segi keberkesanan sehingga kini, AKPK telah membantu sebanyak 459,000 orang peminjam, di mana daripada jumlah itu 164,000 orang mereka yang menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK).

Untuk statistik bagi mereka yang terlibat dari tahun 2012 sampai tahun 2015, peminjam yang mendapat khidmat nasihat dan kaunseling kewangan sebanyak 222,155 orang; yang meminjam dan masuk Program Pengurusan Kredit (PPK), berjumlah 75,711.

Bagi tahun 2016, Januari sampai Oktober, kumpulan yang pertama tadi 19,466; dan yang masuk Program PPK sebanyak 20,569.

Khidmat kaunseling yang diberikan ini banyak- termasuk nasihat tentang perubahan gaya hidup, membantu individu menyusun semula hutang dan membuat pelan pembayaran balik hutang mengikut kesesuaian, mengikut profil dan komitmen peminjam. Ini dilakukan melalui perundingan bersama dengan institusi kewangan yang terlibat.

Kemudian PPK ini- melalui AKPK melalui Program Pengurusan Kredit ini juga akan cuba membantu bagi menstabilkan kedudukan kewangan peminjam, mengenal pasti kedudukan kewangan semasa, dan menyusun semula perbelanjaan isi rumah, menyediakan bajet serta pelan pembayaran balik hutang dengan persetujuan pihak yang meminjam. Kemudian kita cuba untuk mengurangkan nisbah hutang dengan pendapatan para peserta ke tahap yang lebih baik.

Jadi untuk makluman Dewan ini, sehingga 31 Oktober 11,672 orang peserta PPK yang masuk Program Pengurusan Kredit ini telah pun berjaya menjelaskan kesemua hutang mereka, manakala lebih daripada 90,000 lagi masih aktif, dan memenuhi komitmen mereka untuk membayar balik dan menyelesaikan hutang. Mereka diberi sehingga tempoh 10 tahun untuk menyelesaikan pinjaman masing-masing. Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya terima baik jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri. Saya juga tidak menafikan bahawa peranan AKPK ini memberi banyak kebaikan kepada pelanggan. Saya hanya mencadangkan bahawa peranan AKPK ini perlu ditambahkan. Kita harus memperkasakan AKPK dengan memperluaskan bidang kuasanya. Orang-orang yang menghadapi masalah membayar balik pinjaman ini biasanya mereka pergi berjumpa

dengan pegawai-pegawai AKPK pada saat-saat yang terakhir. Ini menyebabkan mereka tidak dapat dibantu sepenuhnya oleh AKPK.

Saya mencadangkan adalah baik kalau kita membawa satu perubahan dengan cara bagaimana kita menguruskan, cara membantu pelanggan-pelanggan ini. Apa salahnya kalau pihak bank, apabila mereka mendapati seorang pelanggannya menghadapi masalah, pihak bank itu sendiri yang menghubungi AKPK, dan AKPK menghubungi pelanggan dan memberi bantuan menguruskan kredit dan dana mereka. Dengan cara ini mungkin kita boleh mengurangkan jumlah mereka yang menjadi muflis di negara kita.

Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kekangan-kekangan yang mungkin kita hadapi bila melaksanakan perkara ini? Jika tidak ada apa-apa kekangan, bolehkah perkara ini dilaksanakan dengan segera? Minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Saya ingat cadangan ini cukup baik, saya ingat murni. Apa yang dibawa ialah masalah kadang-kadang peminjam yang mempunyai masalah ini datang terlalu lewat kepada AKPK. Sebenarnya AKPK ini hendak bantu, dan boleh memberi jalan, berbincang dengan institusi pinjaman kemudian isu-isu yang berkaitan dengan kelewatan bayaran, tidak mampu bayar apa semua ini, peminjam itu dia boleh *hold* sekejap sementara AKPK menyelesaikan masalah. Saya juga bersetuju mungkin ini menjadi satu lagi tambahan kerja kepada pihak bank apabila mereka melihat *customer* ataupun peminjam yang ada potensi bermasalah mereka boleh sampaikan kepada AKPK.

Yang ini kita boleh bawa kepada pihak Bank Negara untuk melihat macam mana kriteria, macam mana proses *flow* kerja ini kita boleh buat, supaya bank boleh bagi tahu kepada AKPK, dan AKPK pula hendak cari, yang ini saya ingat satu bebanan kerja yang besar tetapi saya ingat kita boleh buat, dan kita akan cuba tengok macam mana skop yang kita boleh bantu, supaya akhirnya peminjam-peminjam ini tidaklah sampai ke peringkat bankrap dan sebagainya. Jadi *inshaa Allah*- terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Kita akan terima pandangan ini. Kita akan bawa dan panjangkan kepada pihak berkenaan. Terima kasih.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dapati bahawa masih ramai lagi orang yang tidak tahu berkenaan dengan AKPK ini. Ada yang tidak mahu memberi kerjasama ataupun tidak berjumpa dengan AKPK disebabkan oleh mereka bimbang- takut butir-butir peribadi mereka diketahui oleh orang.



**■1050**

Soalan saya ialah apakah langkah-langkah yang diambil oleh AKPK dalam mempromosikan perkhidmatan ini? Dan yang kedua, bolehkah Menteri memaklumkan berapakah jumlah penerima perkhidmatan kaunseling AKPK ini mengikut sektor-sektor, contohnya sektor PTPTN, sektor kad kredit, sektor *hire purchase* seperti pinjaman kereta, pinjaman rumah dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat Sik. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan bahawa sebarang urusan antara peminjam dan juga AKPK ini, dengan izin, adalah *strictly confidential*. Jadi, para peminjam iaitu para rakyat, semua kita, jangan takut untuk datang bertemu dengan AKPK takut-takut maklumat kita bocor dan sebagainya. Yang ini kita beri jaminan ianya adalah *strictly confidential*, dengan izin.

Kemudian, kita juga sedar mungkin walaupun AKPK ini telah pun diwujudkan lebih daripada 10 tahun iaitu dari tahun 2006 sampai 2016, hari ini ramai lagi mungkin tak tahu AKPK kecuali mereka-mereka yang mungkin tengok *mainstream* TV ini. Jadi, kita promosikan peranan AKPK ini melalui pelbagai cara, antaranya media elektronik iaitu TV1, TV3, apa semua ini. Selalunya selepas ataupun tengah berita itu, *primetime* itu, dia tunjuk peranan AKPK dengan kartunnya dan sebagainya. Kemudian, ada juga digital media yang kita buat iaitu *online* mulai 1 Disember 2015, boleh masuk laman *website* AKPK. Kemudian sudah tentulah *printed media*, dengan izin, surat khabar dan sebagainya.

Banyak juga *road show* dibuat. Antara contohnya iaitu kelmarin, hari Sabtu lalu di Jerlun telah ada satu program NBOS, gabungan antara pelbagai agensi untuk turun memberi khidmat kepada rakyat. AKPK adalah satu agensi yang turun dan memberi pengurusan bagaimana hendak menguruskan hutang kita kepada *public, free talk*. Adalah *road shows* ini dan juga masuk ke universiti-universiti dan sebagainya. Semua ini dibuat secara percuma. Fokus yang diberikan adalah pembelajaran iaitu kita bagi bagaimana kalau pelajar itu daripada dia mula melangkah masuk universiti, dia ambil PTPN, kemudian bila dia dah mula berumah tangga, berkahwin, kemudian berkeluarga sampailah dia pencen, bagaimana dia hendak menguruskan hutang dan kreditnya.

Berbalik kepada soalan selanjutnya iaitu daripada segi sektorlah. Sektor ini secara ringkasnya saya dapat beritahu hari ini sehingga kini, banyak isu yang terlibat adalah berkaitan dengan peminjam kad kredit iaitu hampir 70 peratus daripada sektor peminjam-peminjam yang jumpa AKPK ini datang berurusan hendak minta pandangan bagaimana hendak susun balik pinjaman berkaitan pembayaran kad kredit.

Pembiayaan peribadi, *personal loan*, Ar-Rahnu— macam itulah jenis-jenis pinjam itu— lebih kurang 24 peratus. Cuma yang berkaitan dengan PTPN— ha, ini baru. Baru kita *link* dengan PTPN apa semua ini. Dia masih di peringkat rendah iaitu tak sampai 0.5 peratus, hanya 0.22 peratus. Jadi kalau ikut sektor yang pelbagai ini, semuanya berjumlah seramai 654,715 orang yang menerima khidmat kaunseling dan sebagainya daripada AKPK.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah pihak kementerian menjalankan penyelidikan terbaru yang dapat membantu golongan petani dalam menghasilkan tanaman hibrid baru ataupun tanaman mutan yang dapat membantu golongan tersebut terus menjana pendapatan walaupun keadaan cuaca yang tidak menentu yang dialami di negara kita pada masa kini.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Langkawi. Soalan ini agak *advance*, bercerita pasal tanaman hibrid dan juga menggunakan teknologi mutan. Ini adalah soalan yang agak *advance* dalam bidang pertanian di Malaysia. Ini menunjukkan kematangan ahli politik kita yang bercerita pasal pertanian tetapi sesuatu yang *advance*.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi memang aktif dalam penyelidikan tanaman hibrid dan mutan ini melalui Agensi Nuklear Malaysia. Jadi, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sentiasa peka dengan isu-isu berkaitan kesejahteraan rakyat dan peningkatan sumber pendapatan. Ia adalah selaras dengan hala tuju yang ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Dalam hal ini, MOSTI melalui Agensi Nuklear Malaysia aktif dalam menjalankan penyelidikan dan pembangunan berteraskan teknologi nuklear bagi menghasilkan tanaman hibrid dan mutan. Usaha ini dapat membantu golongan petani menjana pendapatan walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu. Teknologi ini, walaupun cuaca tak menentu tetapi dia boleh beroperasi. R&D dijalankan termasuklah untuk tanaman padi, pisang, nanas, cendawan, kenaf, stevia yang berpotensi meningkatkan hasil pertanian negara.

Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) baru-baru ini telah menggunakan teknik dipanggil mutagenesis sinaran dan berjaya menghasilkan dua jenis benih baharu padi yang mampu bertahan

mengikuti perubahan cuaca yang tidak menentu. Benih padi ini toleran kepada penyakit karah dan menghasilkan tuaian yang lebih tinggi dalam keadaan penggunaan air yang minimum.

Melalui teknik mutagenesis sinaran ini, Agensi Nuklear Malaysia telah berjaya menghasilkan variasi baru *stevia* yang sesuai dengan iklim di Malaysia. Stevia yang berasal dari Paraguay adalah pemanis semula jadi yang boleh dijadikan alternatif kepada gula. Bagi membolehkan hasil penyelidikan ini dimanfaatkan oleh golongan petani, Agensi Nuklear Malaysia dengan kerjasama Koperasi Persatuan Pekebun Kecil Getah (KELULU) Berhad melalui MOSTI Social Innovation atau MMSI telah membekalkan 10,000 anak benih stevia untuk ditanam oleh komuniti di Tuaran, Sabah.

Satu lagi penyelidikan baru iaitu kajian ke atas cendawan *volvariella*. Hasil penyelidikan fasa pertama oleh Agensi Nuklear Malaysia telah memanfaatkan seramai 45 orang petani di Kuala Nerang, Kedah di mana telah berjaya meningkatkan pendapatan petani ini daripada RM500 kepada RM1,000. Agensi Nuklear Malaysia kini berada di fasa kedua penyelidikan untuk menghasilkan cendawan yang lebih tahan daripada kesan perubahan cuaca, penghasilan produk yang lebih tinggi dan pertumbuhan yang cepat melalui pembiakan secara mutagenesis sinaran. Terima kasih.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Satu kajian yang cukup hebat daripada kerajaan untuk meningkatkan pendapatan bagi para petani kita yang menggunakan teknologi terkini nuklear untuk pertanian padi, cendawan, stevia dan lain-lain.

Soalan saya ialah, memandangkan padi merupakan satu daripada makanan yang cukup penting bagi rakyat kita untuk memastikan ada *security of food supply* untuk negara ini, sudah tentu kita memerlukan satu kaedah dan agenda untuk meningkatkan penanaman padi agar kita dapat mengurangkan import ataupun menghapuskan import dari negara-negara lain kerana sekiranya berlaku apa-apa kejadian yang tidak diinginkan seperti peperangan, cuaca dan sebagainya, sudah tentu negara kita akan mengalami keadaan kekurangan makanan utama ataupun harga beras akan menjadi tinggi.

Soalan saya ialah apabila kerajaan sudah menemui cara-cara yang baik ini dalam hibrid benih untuk padi, bagaimanakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa petani-petani kita di luar sana dapat menggunakan benih padi yang baru ini? Dan apakah insentif yang boleh menggalakkan mereka menggunakan benih ini secara meluas? Terima kasih.

■1100

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah satu soalan tambahan yang baik kerana sejak akhir-akhir ini

tanaman mutan dan hibrid padi ini memang menjadi rebutan. Kalau kita hendak tengok, kita *drive* kereta, dekat Tol Pendang, kita boleh tengok perbezaan. Ada satu kawasan yang ditanam menggunakan kaedah mutan ini di sebelah dan satu lagi menggunakan kaedah biasa. Kita akan nampak dengan jelas perbezaan dan sudah tentu dia telah menjadi rebutan dan menjadi kerap, menjadi pertanyaan rakyat kepada kita. Tidak apa, saya ada sedikit untuk diberitahu tentang perkara ini.

Nuklear Malaysia telah berjaya menghasilkan dua benih baru padi yang mampu beradaptasi terhadap perubahan cuaca yang tidak menentu, *tolerant* kepada penyakit karas serta mampu menghasilkan tuaian yang tinggi dalam keadaan penggunaan air yang minimum. Benih-benih ini telah diuji, ditanam di *field test* di kawasan sawah dengan menggunakan pakej agronomi yang sesuai bagi benih padi berkenaan iaitu Oligochitosan dan bio baja cecair. Kawasan ujian ini telah dibangunkan di beberapa lokasi seperti di Parit Sembilan, Tanjong Karang, Selangor, Chenderong Balai di Perak, Kampung Utan Aji di Perlis dan di Pendang Kedah.

Hasil daripada ujian ini telah menunjukkan pengurangan kos operasi. Ini yang penting. Ini yang kerap ditanya. Telah terdapat pengurangan kos operasi penanaman benih padi sehingga lima *percent* sehingga sepuluh *percent*. *This is a lot of money* yang mana penjimatan. Walaupun kita jimat dan peningkatan hasilnya sehingga 55 *percent* bertambah. Ini menggunakan kaedah. Akan tetapi itulah, yang buat penyelidikan ini pun di agensi nuklear. Orang pun takut kerana berhubung dengan nuklear dekat Malaysia ini, teruji dengan nuklear nanti oleh sebab cerita-cerita yang bukan-bukan dia cerita.

Akan tetapi itulah keadaan sebenarnya. Kedua-dua benih padi ini telah didaftarkan. Ini yang penting tadi Yang Berhormat tanya, di bawah Jabatan Pertanian sebagai *variety* baru yang dikenali dengan NMR151 dan NMR152. NMR152 sedang dalam proses. Ini, yang ini yang penting. Dalam proses untuk mendapatkan pensijilan sebagai varieti sah. Hampir. Hampir. Tadi saya sudah bincang dengan pegawai. Dia kata hampir. Daripada Jawatankuasa Pengesahan Varieti Kebangsaan sebagai varieti baru yang sah digunakan oleh golongan petani dan pengusaha padi negara. Ia sebenarnya, bila ia sah sahaja nanti, dia dapat sijil itu, orang kampung kata dapat sijil. Bila dapat sijil itu, orang yang baru tanam itu dia dapat subsidi. Yang ini yang menjadi pertanyaan.

Satu lagi padi juga, hibrid. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM26.5 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kelapan melalui Dana Penyelidikan dan Pembangunan melalui kerjasama Syarikat RB Biotech Sdn. Bhd. dan Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI). Hasil kajian lapangan padi Hibrid

SIRAJ didapati berupaya mengeluarkan purata hasil pengurangan padi sehingga tujuh hingga sepuluh tan per hektar. *This is* agak tinggi.

Tanaman Padi Hibrid SIRAJ juga dapat meningkatkan kadar pengeluaran padi sehektar sebanyak 25 peratus berbanding hibrid tempatan. Ini yang kita biayai, dia datang kepada kita, hendak buat satu, kita *spend* duit dan kita dapati apa yang dikata itu betul dan projek Padi Hibrid SIRAJ ini juga meliputi pengeluaran benih berserta kemudahan memproses benih Hibrid SIRAJ yang dilaksanakan oleh RB Biotech Sdn. Bhd., Pusat Pengeluaran Benih Padi SIRAJ di Tambun Tulang Perlis telah menghasilkan benih SIRAJ dalam lingkungan 1.2 tan per hektar daripada kawasan penanaman seluas 20 hektar. Benih Padi Hibrid SIRAJ telah mendapat kelulusan MARDI untuk tanaman oleh petani. Itu boleh digunakan sekarang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya nampak pakar kulit dan juga pakar nuklear. Saya pilih pakar nuklearlah. Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat Kepong ada peluang.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang menyokong dan menghormati konsep *mutation breeding* yang telah dibuat oleh Jabatan Nuklear Malaysia kerana dapat menghasilkan benih padi yang baik, yang tahan cuaca, tahan penyakit dan sebagainya. Akan tetapi berapa lamakah sesuatu benih padi itu boleh bertahan setelah dibuat *mutation breeding* itu? Ini kerana saya berpengalaman juga bersama dengan penyelidik daripada Jerman dulu menyediakan benih padi Ria saya ingat. Yang rendah, tanah daripada angin dan sebagainya tetapi akhirnya tidak dengar lagi. Jadi berapa lama agaknya benih ini boleh bertahan dalam keadaan yang mutan itu.

Kedua, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, serangan penyakit umpamanya katalah bena merah, sekarang ini saya difahamkan di utara, siput. Adakah kajian dibuat oleh pihak Jabatan Nuklear Malaysia untuk menjadikan musuh ini juga mutan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya jangan pilih pakar nuklear bertanya saya kerana ini kerja yang dia buat dulu. Jadi dia tanya balik soalan yang dia buat dululah. Jadi, saya tidak mempunyai rekod yang berapa lama itu tidak ada dalam rekod saya tetapi untuk soalan yang nombor dua itu, memang benda itu sekarang ini dalam proses kajian dan kita telah berbelanja. Buat masa sekarang ini kita telah berbelanja seratus...- Ini, dia sudah bagi dekat saya. Dia kata telah menjalankan ujian sebanyak lima musim. Nampaknya benih-benih ini tahan banyak musim dan berterusan. Dia kata satu kajian telah dilakukan, Tuan Yang di-Pertua. Telah dijalankan ujian sebanyak lima musim dan nampaknya benih boleh tahan

dalam musim yang panjang. Maknanya tidak ada masalah. Maknanya berterusan. Itu sahaja.

Setahu saya, berkenaan dengan kajian serangga tadi, memang dalam penyelidikan dan kita telah berbelanja dalam satu projek MSI sebanyak RM169,000 untuk perkara ini dan masih lagi dalam kajian yang belum saya tahu keputusan lagi. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, adakah benar kebanyakan hasil tanaman di Malaysia sekarang ini berpunca daripada tanaman hibrid? Selain daripada hasil daripada hibrid ini berlipat ganda, apakah kesan ke atas manusia? Apakah pelindungannya?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Susah juga hendak jawab soalan itu. Sebenarnya di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, kita membuat kajian dan sudah tentu benda-benda produk-produk hibrid ini selamat. Kalau benda-benda yang tidak selamat, sudah tentu awal tadi saya cerita. Kita bila bercerita tentang hibrid ini, yang buat penyelidikan itu adalah di Agensi Nuklear. Jadi itulah menjadikan orang rasa kenapa hendak buat kajian di Agensi Nuklear. Jadi sudah tentu mereka kata tidak selamatlah ini, ini bahayalah itu.

Sebenarnya kita di Agensi Nuklear pun, kita pun tidak buat benda-benda yang tidak selamat kepada manusia kerana kita sendiri yang makan perkara itu. Kita mesti faham bila kita kata produk-produk hibrid, sudah tentu produk ini lebih baik daripada yang biasa dan tidak perlu diragui penggunaannya. Jadi daripada kajian yang kita dapat, tidak ada kesan apa-apa pun. Nota daripada yang saya dapat, dia kata tidak ada apa-apa kesan tanaman dan dia selamat untuk digunakan. Maknanya tidak ada apa-apa yang bahaya. Akan tetapi skeptikalnya oleh sebab dia buat penyelidikan di Agensi Nuklear. Itu sahaja. Terima kasih.

#### ■1110

**6. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan statistik terkini kadar perceraian di Malaysia untuk tahun 2014, 2015 dan 2016 mengikut negeri dan bangsa serta cadangan mengatasinya.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia pendaftaran perceraian adalah di bawah seliaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi pasangan bukan Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

(JKSM) bagi pasangan beragama Islam. Berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara, bilangan orang bukan Islam yang bercerai pada tahun 2014 adalah sebanyak 9,029 kes, menurun sebanyak 9.7 peratus daripada 10,003 yang dicatatkan pada tahun 2010.

Pada tahun ini, 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi adalah Johor dengan 1,699 kes iaitu 18.5 peratus. Diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1,263 dan Selangor 1,195 kes. Perceraian pada tahun 2015 pula hanya mencatatkan peningkatan kecil 297 kes kepada 9,326 kes dengan 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1,707 kes, Johor 1,637 kes dan Sarawak 1,171 kes. Bagi tahun 2016, sebanyak 4,939 kes dicatatkan sehingga bulan September dengan 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi Johor 991 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 785 kes dan Sarawak 621 kes.

Berdasarkan bangsa dalam kalangan bukan orang bukan Islam pula, statistik tahun 2014 hingga September 2016, menunjukkan jumlah perceraian tertinggi berlaku di kalangan bangsa Cina 16,844 kes, diikuti bangsa India 3,689 kes dan lain-lain bangsa 1,456 kes. Sementara bagi orang Islam, rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia menunjukkan sebanyak 59,712 kes perceraian dicatatkan pada tahun 2014, di mana 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi adalah Selangor 11,297 kes, diikuti Sabah 7,421 kes dan Johor 5,871 kes.

Angka ini terus meningkat sebanyak 6% pada tahun 2015 kepada sebanyak 63,463 kes, di mana 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi adalah Selangor 11,873 kes, Sabah 8,273 kes dan Johor 6,147 kes. Daripada jumlah ini, daripada tahun 2015 - 58,862 kes adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Bagi tahun 2016 pula, sebanyak 14,077 kes dicatatkan sehingga 10 Julai dengan 3 negeri yang mencatatkan kes tertinggi adalah Selangor 7,331 kes, Sabah 6,638 kes dan Johor 4,700 kes. Kajian mendapati kebanyakan tempoh perkahwinan pertama yang berakhir dengan perceraian atau perpisahan adalah dalam tempoh 5 tahun ke bawah. Terdapat beberapa punca utama perceraian atau perpisahan yang berlaku dalam kalangan lelaki dan wanita yang pernah berkahwin bagi perkahwinan pertama di seluruh negara. Antara punca utama berlaku di kalangan lelaki ialah tiada persefahaman 56.2 peratus, isteri curang 11.8 peratus dan campur tangan mertua atau ipar-duai 10 peratus.

Manakala, bagi wanita pula sebanyak 38 peratus wanita menyatakan punca perceraian atau perpisahan adalah tiada persefahaman. Diikuti dengan suami curang iaitu sebanyak 20.5 peratus dan suami tidak bertanggungjawab sebanyak 15.2 peratus. Menyedari akan hal ini kerajaan melalui agensi bertanggungjawab telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan di Malaysia.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan perkhidmatan kaunseling kekeluargaan yang diselia oleh Unit Kaunseling. Perkhidmatan kaunseling kekeluargaan ini merupakan salah satu usaha bagi membantu pasangan suami isteri dalam menguruskan tekanan, konflik dan masalah-masalah yang wujud dalam perkahwinan. Perkhidmatan ini boleh diperolehi di setiap pejabat LPPKN negeri yang berada di seluruh negara yang dikendalikan oleh 17 orang kaunselor dan 61 orang kaunselor panel yang bertauliah. Kita mempunyai 59 Klinik Nur Sejahtera LPPKN di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pembangunan Wanita di bawah kementerian juga memberi khidmat kaunseling kepada wanita yang mengalami masalah dalam rumah tangga. Kaunseling ini merupakan kaunseling perkahwinan bagi membantu *client* membuat keputusan sama ada untuk meneruskan perkahwinan ataupun sebaliknya. Sekiranya *client* ingin meneruskan perkahwinan, pihak JPW akan membimbing *client* bagaimana untuk mencapai kebahagiaan dan sekiranya sebaliknya, JPW akan menyalurkan *client* kepada agensi kerajaan yang lain bagi membantu mereka.

JPW juga menjalankan program bagi membantu mengurangkan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat iaitu satu Program *Bridge to a Better Life* iaitu program kemahiran psikologi yang terbuka kepada lelaki dan wanita dalam menangani cabaran dalam kehidupan dan Program Literasi Undang-undang yang terbuka juga kepada kedua-dua lelaki dan wanita agar mereka lebih peka dengan kepentingan undang-undang keluarga daripada aspek syariah dan juga sivil.

LPPKN dengan kerjasama NGO turut memainkan peranan dalam menangani masalah kekeluargaan, terutamanya kepada pasangan yang berkahwin terlalu awal. Terdapat program seperti berikut, SMARTSTART yang bermula pada tahun 2006. Adalah program praperkahwinan yang bertujuan untuk memberi pendidikan kekeluargaan kepada pasangan yang berkahwin kurang daripada 5 tahun dan juga individu atau pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga. Dalam program selama 2 hari, individu dan pasangan akan dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran serta *tips* perkahwinan dan bimbangan kehidupan berkeluarga, termasuk bagaimana untuk menghadapi cabaran dan masalah yang sering muncul dalam rumah tangga.

Yang keduanya, perkahwinan mega. LPPKN juga telah melaksanakan 2 program perkahwinan mega dengan kerjasama NGO dan badan agama yang memberikan manfaat kepada 706 peserta daripada kalangan pasangan yang baru berkahwin. Melalui program ini, peserta dapat mengurangkan beban kos perkahwinan,



di samping mereka juga memperolehi pengetahuan dan kemahiran berkaitan pendidikan kekeluargaan melalui Program SMARTSTART yang kita adakan. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Satu fenomena yang sangat menggerunkan dan paling menyedihkan kita di awal usia perkahwinan kurang daripada 5 tahun dan majoritinya adalah Melayu, Islam. Jadi, saya ucap tahniah di atas usaha pihak kementerian. Pelbagai usaha dibuat untuk menangani isu perceraian yang semakin tinggi negara.

Persoalannya ialah sekarang, apabila sebut perceraian, akan timbul isu masalah anak-anak terabai, tuntutan nafkah yang tidak dilaksanakan. Jadi, setakat ini sejauh manakah perundingan atau penyelarasan yang telah dibuat oleh pihak kementerian dengan agensi-agensinya yang berkaitan, terutama ramai daripada keluarga mereka yang tidak menghiraukan perintah mahkamah?

Apabila si suami menceraikan isteri, tanggungjawab, perintah, selesai perbicaraan mahkamah, mahkamah menetapkan supaya perintah bayar nafkah tetapi ramai yang mengabaikan perintah mahkamah. Jadi, setakat ini apakah tindakan yang telah buat dan berapa kes yang terlibat dan apakah usaha untuk memastikan mereka yang bertanggungjawab ini melaksanakan tugas mereka supaya anak-anak yang menjadi mangsa perceraian ini tidak terus terabai. Minta penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih kepada sahabat saya daripada Rantau Panjang. Ya, memang ini adalah menjadi masalah, kita faham bahawa apabila berlaku perceraian, suami isteri, ibu bapa bercerai, maka anak-anak yang akan menjadi mangsanya. Oleh sebab itulah kita di kementerian kerana kanak-kanak adalah juga merupakan kumpulan sasaran kita, maka kita juga menyediakan khidmat kaunseling untuk kanak-kanak ini. Bukan saja kita memikirkan tentang berkaitan dengan nafkah itu tadi tetapi bagaimana mereka dapat mengawal emosi mereka. Itu juga kita menyediakan kaunseling kita di semua daerah-daerah di mana kita mempunyai pejabat-pejabat JKM, mahupun juga LPPKN dan lain-lain lagi agensi kita yang menyediakan khidmat kaunseling.

Daripada segi masalah nafkah ini, tentulah ini kaitannya adalah dengan jabatan yang berasingan, bukan kementerian kita. Walau macam mana pun kerana kita juga menjaga ibu tunggal sebagai kumpulan sasar kita, maka kita telah ada satu pelan tindakan yang baru juga diluluskan dan sekarang ini telah selesai berjalan ke semua negeri untuk memaklumkan tentang pelan tindakan kita ini.

## ■1120

Salah satunya dalam pelan tindakan kita ini ialah strategi kita bagaimana kita membantu daripada kesejahteraan ibu tunggal ini termasuklah anak-anak mereka iaitu antaranya tentulah bagaimana dengan nafkah. Walaupun kalau ikut perasaan kita, kita hendak hukum sahaja orang lelaki yang tidak mahu membayar nafkah ini.

Ada juga saya mendapat saranan-saranan kerana yang ramai dalam Dewan ini adalah orang lelaki, ada juga saya mendapat saranan daripada rakan-rakan, sahabat lelaki bahawa baiknya kita tambah lagi hukuman ini beratkan lagi di Mahkamah Syariah ini jika mereka ini tidak membayar nafkah ini, maka mereka ini boleh ditangkap dan dikenakan tindakan yang lebih berat lagi, hukuman yang lebih berat ini. Mungkin ini juga satu perkara yang kita boleh *explore*, dengan izin bersama-sama dengan pihak tertentu.

Akan tetapi di bawah Kementerian kita, kita mewujudkan *one stop centre* untuk ibu-ibu tunggal ini antara lainnya ialah untuk membantu mereka daripada segi perundangan mahupun syariah ataupun sivil sekiranya bermasalah untuk mendapatkan nafkah untuk diri mereka sendiri dan juga anak-anak mereka, maka kita akan menyediakan perkhidmatan guaman ini kepada mereka supaya mereka boleh mengambil tindakan yang selanjutnya. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berita perceraian ini kita selalu dengar di media dan di *paper*. Cerai ini ialah satu perkara halal yang paling Allah SWT benci. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya semua pernah dengar cinta itu buta. Kalau tidak dapat merana jiwa, makan tidak lalu, tidur tidak lena.

Ada setengahnya sebagai seorang doktor saya pernah merawat sehingga mereka jadi *single depression*. Akan tetapi apabila dapat pula maka kita dengar cerita cerailah pula. Jadi sedihnya kalau perceraian itu sudah ada anak. Saya dengar jawapan tadi, sebab utama adalah ketidaksefahaman ataupun tidak serasi, tidak secocok lagi katanya.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa peratus di kalangan perceraian ini melibatkan anak-anak muda yang dikatakan tidak cukup matang dalam perkahwinan ataupun tidak cukup kuat dalam kekuatan kewangannya. Apakah kerajaan akan melihat kembali kursus-kursus ataupun modul-modul yang lebih baik dan lebih sesuai untuk memantapkan pasangan-pasangan muda ini dari segi ilmu, dari segi iman, dan juga dari segi ekonomi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd Dun:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Memang Yang Berhormat Bagan Serai kita sebenarnya berhadapan dengan masalah tentang kes-kes perceraian ini kerana

kebanyakan banyak *high profile* perkahwinan yang dibuat secara besar-besaran terdiri daripada mereka yang menjadi idola dan ikon kepada masyarakat kita. Dalam tempoh yang pendek mereka bercerai. Jadi lagi satu positif yang besar. Maka seolah-olah ia menjadi satu perkara yang sudah menjadi kebiasaan.

Oleh kerana itu kita menghadapi masalah ini di mana tadi saya sebutkan bahawa mereka yang bercerai ini adalah dalam tempoh lima tahun pertama, *less than five years*, dengan izin mereka berkahwin. Ertinya golongan muda ini, orang yang muda yang baru berkahwin dalam tempoh lima tahun mereka bercerai merupakan 30 peratus daripada bilangan statistik bercerai ini. Apakah yang perlu kita lakukan di sini mungkin kita hendak satulah ini, mungkin kita hendak minta semua mereka yang *famous* ini janganlah difamouskan perceraian mereka itu supaya tidaklah orang suka hendak bercerai. [Ketawa]

Berkaitan dengan kursus itu betul. Kita mempunyai kursus SMARTSTART ini. Kita pun telah berbincang di peringkat kementerian bahawa ini perlu kita tambah baik lagi kerana kita melihat bahawa cabaran sekarang ini sudah semakin bertambah. Kalau kita tengok tadi nombor dua punca ini adalah curang. Curang, curang sama ada lelaki ataupun sama ada suami ataupun isteri. Oleh kerana itulah kita telah mengambil kira antara sebab-musabab curang ini antara lainnya ialah perkembangan teknologi maklumat media sosial.

Salah satu modul yang kita akan tambah baik SMARTSTART kita ini adalah dengan mengambil kira cabaran dan perkembangan teknologi maklumat dan media sosial masa kini. Ini kerana ada kita dapati di antara sebab-sebab kalau diadakan kajian bahawa antara lainnya yang bekas *boyfriend* dengan bekas *girlfriend*, tiba-tiba bila ada media sosial ini mereka bertemu semula. Di situ pula mula kembali pula bercinta. Lupa pula kepada isteri dan suami yang sudah ada di kiri kanan mereka ini.

Itu antara sebabnya. Oleh sebab itu kita akan tambah baik modul ini salah satunya ditambah baik ialah bagaimana kita menghadapi cabaran dan perkembangan teknologi maklumat dan juga media sosial masa kini. Terima kasih.

**7. Datuk Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat manakah liputan pelaksanaan Program Imunisasi Kebangsaan (NIP) dan nyatakan bilangan kes penolakan oleh ibu bapa atau penjaga bagi membenarkan anak mereka diberi imunisasi serta nyatakan sejauh manakah ianya telah memberi kesan kepada menyebabkan timbul kembali dan peningkatan penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin seperti Difteria, Polio, Measles (campak), Pertussis (Batuk kokol) dan Tibi (*tuberculosis*) yang boleh menyebabkan kematian.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama dengan satu soalan yang lain iaitu untuk 15 November daripada Yang Berhormat Setiu kerana tentang isu yang sama, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Program Imunisasi Kanak-kanak Kebangsaan telah dijalankan oleh kerajaan sejak tahun 50-an dan merupakan salah satu cara berkesan untuk melindungi kanak-kanak, seterusnya penduduk negara ini dari jangkitan penyakit yang boleh dicegah melalui *vaccination*.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah menawarkan pemberian imunisasi yang mencegah 12 penyakit cegahan vaksin seperti yang terdapat di dalam jadual pemberian imunisasi kebangsaan. Mulai tahun 2010, sudah tambah satu lagi iaitu HPV untuk mencegah kanser pangkal rahim, Tuan Yang di-Pertua. Semenjak Program Imunisasi Kebangsaan dijalankan, ianya telah pun mendapat liputan yang sangat baik dengan pencapaian liputan melebihi 95 peratus setiap tahun untuk imunisasi BCG, Hepatitis B, Haemophilus Influenza Type B, Difteria, Tetanus, Vetsis, Measles, Mumps, Polio, JE dan HPV Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, KKM memantau kes penolakan imunisasi dan mendapati hanya segelintir ibu bapa yang menggunakan perkhidmatan klinik kesihatan yang menolak imunisasi. Data bilangan yang menolak telah meningkat dari 918 kes pada tahun 2014, 1,451 kes pada tahun 2015. Terdapat trend peningkatan kes beberapa penyakit pencegahan vaksin dalam tempoh tiga tahun lepas di Malaysia. Bilangan kes Measles ataupun campak meningkat dari 235 kes pada tahun 2014 kepada 1,318 kes pada tahun 2015 dan 1,009 kes untuk tahun ini sehingga Jun, Januari hingga Jun. Penyakit Difteria juga meningkat kepada dua kes pada 2014, empat kes pada 2015 dan— *the following case* pada tahun ini sehingga setakat ini.

Penyakit-penyakit cegahan vaksin yang lain seperti Pertussis ataupun batuk kokol, [*Tidak jelas*] Tetanus, Rubela dan lain-lain menurun berbanding dengan tahun sebelumnya. Penyakit Pertussis menurun daripada 939 kes pada tahun 2015 kepada 138 kes sehingga Jun 2016. Penyakit Tetanus juga menurun daripada 16 kes pada 2015 kepada empat kes sehingga bulan Jun 2016.

Antara faktor yang menyebabkan penyakit Measles yang saling berkait dan berlakunya wabak adalah isu penolakan imunisasi, keciciran vaksinasi disebabkan kemiskinan dan kesibukan penjaga. Pendedahan juga peningkatan warga asing yang tidak menerima vaksinasi atau menolak vaksin atau atas pelbagai alasan. Masalah kurang kefahaman kaedah mencegah penularan penyakit di kalangan masyarakat dan kelewatan mendapatkan rawatan, Tuan Yang di-Pertua.

KKM menyedari terdapat ibu bapa yang ragu-ragu dalam membuat keputusan untuk memberikan suntikan imunisasi kepada bayi mereka ekoran daripada berita-berita dan khabar angin yang tersebar luas di media cetak dan media elektronik. Antara usaha yang dijalankan oleh KKM adalah mengeluarkan kenyataan akhbar untuk memberitahu masyarakat gambaran sebenar tentang keperluan imunisasi dan jelajah kesihatan bersama JAKIM dalam mengadakan forum di negeri-negeri. Kementerian Kesihatan juga telah mengeluarkan kenyataan bersama dengan JAKIM menjelaskan isu keraguan terhadap vaksinasi tersebut.

■1130

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, KKM melalui laman web portal *MyHealth* telah menyediakan faktor-faktor dan informasi tentang vaksin dan imunisasi untuk rujukan masyarakat. Kementerian juga bekerjasama dengan NGO dalam memperkerusikan dan memberi maklumat tepat mengenai imunisasi melalui laman web *Immunise4Life*. KKM menasihatkan orang ramai supaya mendapat maklumat daripada sumber yang sahih sekiranya timbul sebarang keraguan atau perlukan pengesahan, bolehlah rujuk kepada kakitangan kesihatan Tuan Yang di-Pertua.

**8. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tindakan pindaan Akta Kerja 1955.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih sahabat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sentiasa berusaha untuk menambah baik perkhidmatan kepada pekerja terutama pekerja tempatan. Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah-langkah berikut untuk meminda Akta Kerja 1955 Akta 265.

Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan beberapa siri sesi libat urus konsultasi bersama wakil-wakil persatuan majikan dan pekerja termasuk MTUC yang mana Yang Berhormat sebagai timbalan presidennya dan *Malaysian Employers Federation* (MEF) dengan izin, berhubung cadangan pinda kepada Akta 265. Siri perbincangan bersama agensi kerajaan dan badan berkanun berkaitan juga dibuat dalam proses mendapatkan input, berkaitan mengenai keperluan pindaan secara holistik dan menyeluruh. Ini bertujuan bagi mendapatkan gambaran sebenar pemakaian

undang-undang sedia ada, kesan terhadap pihak-pihak berkaitan dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi memastikan kebajikan dan perlindungan pekerja dapat dijamin. Setiap terma cadangan dan pindaan diperincikan.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara-perkara yang diberikan keutamaan terdapat lima aspek utama yang diambil kira oleh kementerian dalam proses pindaan akta 265 iaitu;

- (i) melarang penggunaan subkontrak di mana niat atau kesannya adalah terhadap hak untuk berkesatuan atau *collective bargaining* dengan izin;
- (ii) mengehendaki urusan-urusan subkontrak dibuat dalam bentuk bertulis dan tertakluk kepada pengesahan daripada KSM;
- (iii) memastikan peliharaan terhadap penggantian kontrak;
- (iv) menyediakan garis panduan untuk menentukan majikan yang sebenar bagi memastikan hak berkesatuan yang bermanfaat dan lain-lain hak kepada pekerja; dan
- (v) melarang diskriminasi terhadap wanita dalam hal pekerjaan dan kerjaya, dan lain-lain

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Melihat dasar tidak rasmi Donald Trump Presiden Amerika Syarikat menunjukkan hala tuju TPPA nampaknya tidak meyakinkan untuk diimplementasikan dalam *Chapter 19*. Jadi soalan saya ialah, apakah tindakan kementerian untuk memastikan pindaan Akta Kerja 1955 dipastikan dapat diteruskan setelah kajian dan kerja keras Kementerian Sumber Manusia dan MTUC untuk badan bebas untuk mengangkat hak pekerja? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kuala Langat, dasar Kerajaan Malaysia dan kementerian, kita tidak terikat dengan mana-mana negara secara umumnya. Kita hendak pastikan supaya kita bela pekerja di negara kita ini.

KSM akan meneruskan cadangan pindaan ke atas Undang-undang Buruh tetapi pindaan tersebut tidak akan terhad kepada kehendak TPPA, sebaliknya akan dibuat secara holistik. Maknanya kita tidak terikat. Jalankah atau tidak jalan, kita akan mempertingkatkan kebajikan, faedah kepada pekerja kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan.  
Saya jemput Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat 12(1).

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.34 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan Kementerian Luar Negeri bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Selasa, 15 November 2016.”

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

***[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****DAN****USUL  
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” **[Hari Keempat]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.24 [Jadual] -  
Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Terima kasih. Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Rompin.

**11.36 pg.**

**Dato’ Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Yang di-Pertua, perkembangan mutakhir kemenangan Donald Trump dalam pemilihan Presiden Amerika Syarikat, banyak penganalisis politik dan media di luar negara dan Amerika Syarikat merumuskan bahawa kemenangan itu disebabkan oleh satu kempen politik atau dasar yang dibawa oleh Donald Trump iaitu *Domestic Centric Agenda*. Iaitu mengutamakan *Domestic Centric Agenda* – mengutamakan kepentingan dalam negara Amerika Syarikat daripada segi pertumbuhan ekonomi mereka. Jadi sudah pastilah seperti yang dijanjikan dalam kempen pilihan raya presiden beliau tidak akan bersetuju dengan TPPA.

Saya tidak fikir bahawa pada anggaran kita Obama berjaya untuk – *to push* perjanjian ini oleh kerana dasar dan kekuatan kemenangan Donald Trump. Oleh itu, apakah pendekatan dan langkah-langkah yang dilakukan oleh – Maaf tadi saya B.24 Butiran 030100. Apakah langkah-langkah yang akan dilakukan oleh kerajaan bagi menyesuaikan dan mengambil langkah-langkah supaya walaupun TPPA ini tidak



dilaksanakan atau gagal, pendekatan lain dapat dilaksanakan seperti RCEP harus diteruskan.

Dasar Pandang ke Timur satu ketika dahulu menjadi dasar utama negara harus diperluaskan. Istilah 'Pandang ke Timur' itu harus - bukan sahaja pandang ke Jepun tetapi pandang ke Korea Selatan, pandang ke Taiwan dan pandang ke negara China sendiri. Sebagai satu pendekatan bersesuaian dengan RCEP yang dipelopori oleh China yang merupakan satu perjanjian perdagangan yang tidak kurang besarnya, dijangkakan 30 *percent* daripada perdagangan antarabangsa ataupun perdagangan di dunia.

#### ■1140

Oleh itu, kita menyeru kepada kerajaan walaupun sekiranya TTPA tidak dapat dilaksanakan. Kita harus terus berusaha untuk RCEP ini diteruskan. P.24 Butiran 00201 – Program Pembangunan Industri Automotif. Kita lihat kerajaan telah berusaha untuk membangunkan industri automotif dalam negara kita. Tetapi, ternyata dua pendekatan— – kalau di Thailand, dia membangunkan industri kereta, bukan *brand*. Di negara kita, kita cuba bangunkan *brand* tetapi ternyata gagal dan tidak mampu untuk bersaing dengan pengeluar-pengeluar kereta terbesar di Eropah dan di Jepun.

Oleh itu, saya berharap kerajaan mengalih dasar dengan segera dan kita mahu setakat mana syarat-syarat yang diberikan oleh kerajaan kepada Proton untuk mencari rakan kongsi di luar negara bagi menjadikan Proton ini mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Tidak mungkin Proton boleh berkembang maju jika mereka menumpukan kepada domestik *market* sahaja. Oleh itu, Proton harus dan tidak ada pilihan sebenarnya. Mereka harus mencari rakan kongsi, sama ada mengeluarkan jenama Proton itu dapat bersaing di peringkat antarabangsa atau kilang Proton yang sedia ada ini diguna pakai untuk mengeluarkan kereta-kereta yang berjenama sama ada dari negara Jerman ataupun dari negara Jepun.

Satu lagi, kita dapati Butiran 00402 – Kajian-kajian Perindustrian. Kita dapati kita kurang memberi tumpuan kepada Germany. Sebuah negara yang maju dari segi pembangunan industri, mungkin sebab masalah bahasa tetapi saya rasa itu bukan halangan utama. Suatu ketika dahulu kita pernah menghantar pelajar-pelajar kita ke Perancis, Rusia, Jepun dan mereka menguasai bahasa-bahasa ini. Saya rasa pendekatan kaedah pembangunan industri yang dipelopori oleh negara Jerman harus dijadikan contoh kepada kita dan saya pernah pergi ke Lauterhofen, tempat pengeluar industri yang penting.

Kita dapati di Jerman, pendekatan ini agak menarik dari segi pembangunan khusus dari sesuatu industri itu dan kita harus memberi— membuat hubungan teknikal

yang lebih banyak atau membangunkan sekolah-sekolah teknikal yang berasaskan kepada pendekatan pembangunan yang dibangunkan oleh negara Jerman bagi tujuan untuk mengubah strategi lama yang kita lakukan selama ini kepada negara-negara tradisi kita kepada negara Jerman, yang terbukti dengan pendekatan yang dilakukan oleh mereka, mereka berjaya menjadi sebuah negara dan membangun ekonomi negara mereka di— yang terbesar di Eropah. Jadi itulah pandangan saya tentang perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kluang.

**11.44 pg.**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri yang hadir. Saya hendak sambung apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rompin ialah kita menghadapi satu krisis iaitu apa yang berlaku di Amerika Syarikat minggu lepas iaitu pemilihan Donald Trump sebagai Presiden ke-45 di Amerika Syarikat telah mengakibatkan TPP ini tidak wujud lagi. *TPPA is dead*. Saya minta kementerian bukan sahaja Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi juga secara keseluruhan Kerajaan Persekutuan, memberikan suatu pandangan iaitu apa hala tuju selepas ini. Ini kerana dasar ekonomi ataupun dasar perdagangan sebelum ini berasaskan terhadap TPP. Selepas ini, apa hala tuju kita dan saya mintalah kita mungkin perlukan pemikiran baru, kita mesti keluar daripada kerangka lama di mana kita hanya mementingkan eksport. Akan tetapi sekarang ini, saya rasa *the shock* ataupun kejutan ini mesti memberikan inspirasi bahawa kita tidak harusnya bergantung kepada hanya eksport dan eksport *oriented*— perindustrian eksport *oriented* yang hanya mengeksportkan produk-produk yang dihasilkan oleh warga asing, pekerja asing tanpa kemahiran.

Akan tetapi, saya rasa misi MITI ini bukan sahaja untuk eksport berasaskan *unskilled foreign labour* tetapi berasaskan pengeksportan pengindustrian yang berasaskan kemahiran. Kemahiran terutamanya warganegara di Malaysia. Ini memerlukan pemikiran secara keseluruhan yang saya belum rasa kerajaan bersedia untuk buat dan saya rasa hanya bergantung kepada pemasaran. Pasaran negara China ini tidak mencukupi. Hanya bergantung kepada peralihan dari Amerika Syarikat. Eksport ke Amerika Syarikat ke eksport ke negara China bukan penyelesaiannya.

Kita perlukan pemikiran yang baru yang berasaskan kemahiran. Dengan itu, kita tidak hanya hendak— misi MITI ini bukan sahaja untuk buat hanya fokuskan pengeksportan tetapi perlulah kita menilai semula apa industri kita. Bolehkah kita mewujudkan industri yang lebih kukuh dan tidak bergantung kepada pekerja asing tanpa

kemahiran. Ini saya rasa adalah masalah yang paling penting dan kita perlukan lebih banyak bantuan kepada *small medium industry*. Juga kita perlukan satu kerangka baru untuk menghasilkan industri baru untuk ekonomi kita.

Bukan sahaja secara peralihan ini, *the shift is important*. Kita juga perlu, saya minta Yang Berhormat Menteri berikan penjelasan, apa persediaan ekonomi kita untuk menghadapi satu kegawatan global, di mana kita jangka ekonomi di Eropah tidak akan lebih baik pada tahun depan. Ekonomi China akan menghadapi *slow down* dan juga dengan *shift*, dengan peralihan di Amerika Syarikat, apa dasar, apa persediaan kementerian untuk menghadapi keadaan yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:**Yang Berhormat Bagan Serai.

**11.49 pg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 030300 – Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala dan Butiran 030400 – Integrasi Kerjasama Ekonomi ASEAN di bawah maksud Bekalan B.24.

Seperti yang kita semua fahami bahawa FTA ini adalah untuk memudahkan perhubungan perdagangan antara negara-negara. Dengan mengurangkan dan menghapuskan lebih baiknya sekatan-sekatan seperti tarif cukai yuran khas dan sebagainya.

■1150

Jadi ini, perjanjian yang sebegini adalah untuk memudahkan, menggalakkan dan menambahkan perdagangan dan merencanakan ekonomi sesebuah negara, dan negara-negara masih mempunyai kepentingan-kepentingannya.

Diucapkan tahniah kepada kerajaan dan MITI kerana begitu serius, begitu proaktif dan buat segala yang perlu. Kita lihat contohnya MITI telah mengikuti perkembangan RCEP, TPPA dan sebagainya, dan melihat negara kita ini sebagai sebuah negara yang kecil, yang terbuka kepada perdagangan.

Jadi kita melihat, bagaimana kita merubah daripada dahulu, daripada komoditi kepada perdagangan yang besar dan kita lihat-kesan-kesannya apabila berlaku perubahan-perubahan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya melihat kepada Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau atau RCEP, kerana ini memberikan makna besar kepada 16 buah negara yang melebihi tiga bilion orang penduduk, menguasai kira-kira 48.6 peratus daripada

penduduk dunia dengan gabungan KDNK sebanyak 29.3 peratus daripada KDNK dunia. Ini besar.

Perkara yang sama juga berlaku dengan perjanjian TPPA. Di mana ia merangkumi perdagangan bebas melibatkan 40 peratus KDNK ekonomi dunia, bernilai RM470 trilion, 26 peratus daripada jumlah dagangan dengan kira-kira 793 juta orang pengguna.

Perkara yang saya ingin teruskan di sini ialah berkenaan dengan Kementerian perlu teliti mengenai setiap perjanjian perdagangan bebas ini kerana, adakah kemungkinan berlakunya pengaliran masuk tenaga kerja asing? Ketersediaan pengusaha tempatan bersaing dengan syarikat gergasi luar negara, isu keselamatan, dan dominasi negara terhadap produk serta barangan. Ini satu perkara yang memang kena beri perhatian. Bilakah rancangan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau atau RCEP ini sebenarnya akan direalisasikan? Apakah kekangan serta cabaran yang dihadapi oleh negara-negara RCEP dalam mencapai kata putus berkenaan perkara ini?

Tuan Pengerusi, melihat kepada perkembangan sekarang ini, di mana kemenangan Donald Trump yang akan menjadi Presiden Amerika Syarikat, apa pendirian kerajaan mengenai desas-desus pengeluaran Amerika Syarikat daripada program TPPA ini, apakah dijangka kesan kepada perjanjian ini? Adakah kemungkinan rancangan perjanjian perkongsian ini akan terbantut dan terbatal kerana Amerika Syarikat merupakan sebuah negara ekonomi yang dominan dalam TPPA.

Berkenaan dengan komuniti ekonomi ASEAN yang juga memberikan faedah besar kepada penduduk ASEAN, yang kini berjumlah lebih daripada 625 juta orang, Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN ini atau AFTA ini telah mengurangkan tarif kepada sifar atau hampir sifar yang secara langsung mengurangkan harga pelbagai barangan. Apakah impak atau kesan yang diterima oleh pengusaha kecil dan sederhana negara daripada bidang kemuncak keusahawanan 1ASEAN? Bagaimanakah penerimaan masyarakat luar terhadap produk serta barangan keluaran negara kita?

Sebagai komuniti tunggal, ASEAN mesti mengutamakan pelancaran Kad Perjalanan Perniagaan ASEAN serta memperkukuhkan program latihan ASEAN yang membolehkan pelajar kita ditempatkan bersama syarikat-syarikat di rantau ini.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian, apakah perkembangan terkini mengenai status Kad Perjalan Perniagaan ASEAN? Adakah keistimewaannya serupa dengan Kad Perjalan Perniagaan APEC, dan apakah kad perjalanan perniagaan ini mempunyai tarikh luput dan perlu diperbaharui pada waktu-waktu tertentu?

Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**11.54 pg.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membangkitkan beberapa perkara sahaja.

Pertama mengenai MITI ini. Kalau kita lihat kepada *Laporan Ekonomi* ini, dinyatakan bahawa berkaitan dengan WTO, ya. Ada beberapa isu yang katanya masih belum dimuktamadkan. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah isu-isu yang belum dimuktamadkan itu? Sejauh manakah isu-isu itu boleh mempengaruhi perdagangan antarabangsa Malaysia ini? Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tanya juga kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan, *benefit* yang Malaysia dapat daripada penyertaan Malaysia daripada WTO ini, sebab saya lihat, saya ada baca beberapa buah buku antaranya, "*In Defense of Globalization*", Profesor Jagdish Bhagwati. Dia mengatakan bahawa, WTO ini dikawal oleh negara maju yang mana mereka ada agenda yang tersendiri, di mana mereka ini didorong oleh kumpulan pelobi negara maju yang berjaya menyusup masuk. Jadi seterusnya mereka inilah yang dikata orang, macam menentukanlah perjalanan WTO itu. Mereka lebih memanfaatkan Negara Maju daripada Negara-negara Membangun.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, sejauh mana kementerian sedar perkara ini, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Negara-negara Membangun seperti Malaysia juga mendapat manfaat dengan penyertaan kita dalam WTO ini?

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini saya menyaksikan satu perbincangan bajet yang dibuat oleh *The Star*, dinyatakan bahawa, kita tahu bahawa MITI ini antara tugasnya ialah untuk menarik pelabur-pelabur datang ke Malaysia ini, jadi pelaburan ini ada kaitan dengan *long-term investment*, di mana pelabur-pelabur datang ke luar negara ini, mereka lebih berminat untuk melabur dengan kita berkaitan dengan pelaburan jangka panjang.

Jadi untuk memastikan pelaburan jangka panjang ini, mereka mahu melihat bahawa di sana ada satu persaingan yang sihat, lah. Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa beberapa polisi yang dibuat oleh pihak kerajaan telah menyebabkan pelabur-pelabur jangka masa panjang ini merasakan mungkin mereka tidak berminat untuk melabur dalam negara kita. Sebagai contoh, BR1M.

Saya akui BR1M ini memang orang ramai suka sebab dapat duit, ditambahkan lagi tetapi saya melihat dan membaca dan saya melihat, mendengar pakar-pakar ekonomi mengatakan bahawa daripada segi BR1M ini, dia kata satu *precedent* yang berbahaya. *It is not good for economy* sebab kita beri duit kepada rakyat, sedangkan patutnya kita mengupayakan rakyat. Ibarat yang selalu orang bagi ialah, daripada kamu bagi dia ikan, lebih baik kamu bagi dia pancing supaya mereka boleh dapat ikan akan datang tetapi kalau kita bagi ikan sahaja, mereka terlalu, dan mereka jadi satu budaya *reliance* yang terlalu kuat, menyebabkan mereka tidak boleh bersaing. Maknanya kita membentuk ekonomi negara kita ini supaya rakyat tidak berupaya, supaya rakyat menjadi terlalu bergantung kepada kerajaan dan mereka tidak berdaya saing. Jadi ini- *it is not good for investment* ya, *not good for the long-term investment*.

Jadi saya hendak tanya kepada kerajaan, bagaimanakah MITI melihat perkara ini? Bagaimanakah MITI cuba menyelesaikan masalah ini? Sebab saya risau Malaysia ini, kita sekarang sibuk hendak menuju status negara maju tetapi kalau kita tidak menyediakan buruh kita yang mampu bersaing, berdaya saing ini, mungkin kita tidak akan dapat mencapai status negara maju itu. *It is not good for the country in long-term*. Itu yang saya rasa saya hendak bahaskanlah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**11.59 pg.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terpanggil untuk bersama, merujuk kepada Butiran 030000 – Perdagangan Antarabangsa. Ini menjadi topik yang saya ingat amat menarik minat kita semua khususnya baru-baru ini selepas kemenangan Presiden ke-45, Donald Trump.

Saya juga berfikiran bahawa TPPA ini satu lagi perkara yang kita akan jadi hangat tetapi pada pandangan saya, TPPA ini adalah satu lagi blok atau pun pendekatan yang kita lihat. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana kita telah pun masuk dalam perbincangan awal TPPA, dan sama ada jadi atau tidak jadi, kalau jadi, kita sudah dalam negara yang *pro-business*, kita dalam keadaan untuk *optimise* kita punya pendedahan. Akan tetapi kalau tidak jadi, kita masih- ini salah satu, kita tidak keluar daripada kerangka perdagangan yang kita ada pada hari ini. Kita ada RCEP dan saya percaya dan yakin bahawa kalau TPPA tidak jadi, ia akan ada kerangka baru yang akan digerakkan menyeluruh, meliputi APEC, negara-negara APEC, lebih besar daripada TPPA. TPPA ini hanyalah satu *building block* yang akan digerakkan untuk membina rantau perdagangan yang lebih besar.

## ■1200

Sebenarnya kita maklum *globalization*, telah dimulakan oleh pihak-pihak barat. Mereka tahu kalau mereka tidak mengadakan *globalization*, mereka tidak akan mengekang pasaran-pasaran membangun yang macam contoh China dan Asia Tenggara. Saya lihat daripada angka-angka global, *World Bank* ini *world GDP* untuk tahun 2015 berjumlah RM78.1 trilion yang mana pasaran Amerika sahaja ialah USD17.95 trilion. Tetapi pasaran kedua besar, China 10.9 dan Jepun, Turki, Germany, UK, mereka ini merupakan pasaran yang amat besar juga yang tidak boleh kita ketepikan dan pasaran-pasaran ini yang membangun dengan agak pesat pada hari ini.

Atas sebab itu saya memikirkan butiran ini penting kerana perdagangan antarabangsa *trade* kita mesti diperkasakan. Atas sebab itu saya hendak tanya – saya pun fikir RM22 juta peruntukan yang ada ini mungkin Tok Pa kena melihat – Menteri kena melihat keperluan kita supaya *engagement* kita lebih besar bukan sahaja melihat pada isu berkenaan dengan *trade* tetapi juga berkaitan dengan komoditi yang kita juga *trade* contohnya *engagement* kita pada peringkat-peringkat *European Union* contohnya. Bagaimana kita menegakkan RSPO dan *compliance* supaya produk kita akan lebih besar. Produk-produk yang berkaitan dengan *small medium industries* yang akan merangkumi 35% daripada sumbangan kepada perdagangan kita. Produk-produk yang berkaitan dengan e-dagang, kita tahu *electron digital economy* yang hanya pada tahun 2020, 1/5 daripada KDNK kita akan dijana melalui program-program yang berkaitan dengan e-dagang ini.

Jadi saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana baru-baru ini kita telah mengambil *proactive measures* di mana kita telah melantik Jack Ma sebagai penasihat kepada *digital economy* kita. *Digital economy* akan berkembang dengan begitu besar dan usaha kita adalah satu *kudos*. Satu perkara yang amat saya sanjung dan saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berpandangan jauh.

Baru-baru ini Alibaba telah membuatkan satu *single day sales 24 jam*. Pada tahun lepas jumlah jualannya ialah USD14.5 bilion, satu hari 24 jam. Tahun ini jumlahnya meningkat kepada USD18 bilion dalam masa 24 jam. Itu *equivalent to RM75 billion* duit kita. Satu hari dalam segmen yang *single* sahaja, dalam sebab itu kita melihat e-ekonomi, e-dagang ini satu potensi yang besar dan kerajaan telah pun mengambil usaha-usaha yang baik untuk bergerak ke arah itu.

Saya rasa dengan adanya kewujudan TPPA dan mungkin juga apa-apa *regional* baru, saya yakin ia akan ada – dulu pun masa Tun Mahathir pun dia hendak buat EAEG selepas itu Amerika tidak setuju buat APEC. Selepas itu kita ada TPPA *as I mentioned this is a building block*, ia akan jadi satu forum yang lebih besar daripada TPPA. Saya

yakin kalau TPPA tidak berlaku dan sekiranya TPPA dijalankan, ia menjadi *building block* untuk satu rantau yang lebih besar dan kita berada dalam keadaan yang amat baik, *position* kita amat baik. Ini saya rasa satu *visionary* yang jauh kita lihat dan inilah saya rasa teruja dan ucap tahniah kepada transformasi kerajaan yang dapat melihat jauh ke depan untuk kepentingan rakyat.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Simpang Renggam bangun.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh, sila Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Yang Berhormat Kita Tinggi. Saya suka dengar bila Yang Berhormat kata kerajaan kita ada *vision* yang jauh. Saya masih ingat dahulu semasa kita bahaskan TPPA, pihak pembangkang kata negara kita akan jadi jajahan Amerika Syarikat. Bila kita rapat sangat dengan negara China, kita bawa balik *transaction* yang beratus bilion ringgit, mereka pula kata kita jual negara kita. Jadi kalau esok pembangkang memerintah negara ini, saya lihat kita akan jadi Korea Utara, tutup kedai, rakyat makan rumput sahajalah. Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih, masukkan ucapan Yang Berhormat Simpang Renggam dalam ucapan saya.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Boleh celah..

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ada pepatah dulu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kluang bangun Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sekejap ya Yang Berhormat Kluang. Sekejap ya Yang Berhormat Kluang, saya takut tidak cukup. Saya teringat dulu ada pepatah mengatakan jangan jadi '*katak di bawah tempurung*'. Hari ini ada tambahan baru, dangkal dan jumud. Kita jangan jadi *legislature* yang buat perkara-perkara begini sebab kita - *economy very dynamic*. Kalau hari ini kita tertinggal, esok kita akan terpinggir, tulat kita akan tertindas. Kita kena dinamik.

Itu sebab – saya bagi contoh satu lagi. Bila kita pergi China, kita *sign* RM144 bilion. Filipina baru pergi, dia pun *sign* 9 bilion dan komitmen USD24 bilion. Selepas dia pergi Jepun, Perdana Menteri Jepun kata Filipina ini *more than a brother. Allahuakbar*. Makna dia Jepun pun tahu ini satu gerak kerja yang baik dan selepas pergi Jepun, dia datang Malaysia dan membuat beberapa perkara ...



**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Menyanyi itu *happy* sebab kita ada perpaduan, kita ada persefahaman. Jangan tengok nyanyi sahaja tengok apakah di sebalik itu. Inilah kalau kita tengok nyanyi, jumud kita punya pandangan. Kita *happy* sebab apa, dia bagi kita pergi masuk perairan mereka untuk kejar penjahat-penjahat ini. Nampak? Itu satu *economy collaboration* dibuat hasil daripada persefahaman ekonomi. Inilah namanya kerajaan bertanggungjawab. Nampak jauh, kita tidak jumud, tidak dangkal.

Saya tengok satu lagi OBOR satu lagi. OBOR ini kita janganlah takut. *One Belt One Road* (OBOR) ini bukan perkara yang besar. Indonesia saya tak tahu berapa banyak dia dapat mungkin 30 bilion. Filipina, Myanmar, Laos semua pergi dan kita portfolio Southeast Asia ini yang paling sedikit sekali paling besar Central Asia, East Asia, Africa, China, Middle East and Northern Africa mendapat peruntukan jauh daripada lebih besar daripada kita sebab mereka bergerak ke arah membangunkan negara-negara mereka. OBOR ini buat pengetahuan, saya hendak – OBOR ini melalui 65 buah negara. Daripada 65 buah negara ini saya difahamkan 30 buah negara yang majoritinya orang Islam, 27 buah negara yang ada minoriti Islam macam India dan meliputi 67 negara, 4.4 bilion penduduk daripada Xian sampai ke Rotterdam, daripada Kunming sampai Singapore terus ke Surabaya akan dibina jalan prasarana yang besar.

Ini bermakna kita Malaysia dalam satu kedudukan yang baik. Semasa TPPA, kita lah dua buah negara Islam, Malaysia dengan Brunei. Brunei ada 400,000 orang penduduk, tidak ramai *domestic market* tidak besar. Akan tetapi Malaysia pengeksport 23 terpesat di dunia dan 25 pengimport terbesar di dunia. Makna kompetitif kita – dan kita mempunyai *the highest documentation on halal products and services*. Diberitahu dalam tahun 2013, *World Islamic Economic Forum* menyatakan pada tahun 2013 jumlah *products and services* halal dunia ialah 3 trilion. Akan tetapi tahun 2030, ia akan berkembang menjadi 10 trilion. Pada tahun 2015, dimaklumkan pada saya bahawa *products and services* di Amerika, Australia dan Kanada, tiga ini tidak sampai 50 bilion. Jadi potensinya amat besar. Jadi negara kita keadaan unik bukan saja kita *sign* TPPA, kita juga menjadi *gateway* kepada produk dan *services* yang besar, berpotensi apatah lagi kalau OBOR ini berjaya.

Saya melihat kerajaan kena melihat *products and services* halal ini sebagai satu kekuatan kita dan saya harap mungkin MITI akan memberi – kerajaan akan ambil satu *bold effort*, kalau kita hendak *handle 10 trilion*, kita mesti letakkan pendanaan yang secukupnya dan kerangka kerja yang jelas apa yang kita hendak buat. Dengan ini akan menjamin kestabilan, kemakmuran negara kita.

Itu sebab saya tengok, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana dua perkara tadi. Pertama tentang e-dagang, kita sudah ke depan, *glow of digital economy* bersama Jack Ma. Kedua, kita sudah melihat TPPA dan produk *sukuk, products and services* Islam, halal yang begitu besar dan kita dilihat sebagai peneraju dalam bidang ini. Jadi kita kena tumpukan dahulu - supaya kita dapat bina negara kita dan inilah saya ucapkan tahniah kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama Menteri Perdagangan, kita jauh ke depan daripada segi perancangan dan kita tambah lagi TVET untuk membina *pool of skilled resources*.

Ini tadi hendak jawab Yang Berhormat Kluang tadi, minta maaf tak dapat - masa pendek. Akan tetapi kita buat, tahun lepas 330,000. Tahun depan 310,000. 600,000 dalam dua tahun, saya ingat sampai tahun 2020, kita ada *1.5 million pool of skilled workers* dan ini akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja luar, mengelakkan pengaliran duit yang keluar terlampau banyak dan inilah satu bukti kerangka yang kukuh yang kita buat. Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih, saya sokong bajet ini, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Temerloh.

**12.09 tgh.**

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** *Auzubillahi Minasshaitonir Rajim, Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang dan keizinan kepada saya untuk mengambil sedikit ruang perbahasan ini. Rujukan saya ialah B.24 030000 – Perdagangan Antarabangsa.

Pertamanya berkait dengan kritikan terhadap perjanjian TPPA ini. Sememangnya kita umum tahu banyak pihak sebelum daripada ini, NGO - NGO dan juga kami daripada PAS turut mengambil bahagian memberi pandangan dan juga bantahan terhadap pelaksanaan perjanjian TPPA ini.

■1210

Antaranya ialah kerana kita lihat pada waktu itu antara asasnya ialah kebergantungan kepada Amerika itu terlalu tinggi dan kita bimbang apabila Amerika merubah dasarnya seperti mana yang berlaku pada hari ini akhirnya dia akan memberi kesan yang tidak mudah juga ataupun kesannya yang tidak sedikit kepada negara kita. Kita berdepan dengan era globalisasi yang tempang pada hari ini yang mana perdagangan yang memaksa negara-negara kecil membuka ruang perdagangan tetapi dalam masa yang sama negara-negara besar negara-negara maju ini memperketatkan ruang ekonomi domestik mereka.

Saya melihat kepada dua kesan utamalah terhadap kemenangan Donald Trump sebagai Presiden Amerika ini yang pertama ialah perjanjian TPPA ini kemungkinan akan dibatalkan, namun dia masih bergantung kepada keputusan Kongres. Kemudian yang kedua ialah TPPA ini diteruskan tetapi sektor domestik yang lebih ketat akan dikenakan disebabkan dasar *perfectionism* yang diamalkan oleh Trump pada hari ini. Kemudian yang ketiganya saya mencadangkan supaya kerajaan terlebih dahulu tidak perlu tunggu dan lihatlah dengan perkembangan yang ada sekarang ini. Terus mengambil satu langkah yang cepat untuk bertindak demi kepentingan negara kita dalam perkara ini dan tidak salah kalau kerajaan kaji semula penglibatan Malaysia dalam TPPA ini memandangkan perjanjian ini saya lihat nampaknya semakin tempang dan berisiko. Sepatutnya bagi kerajaan integrasi ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN itu patut diberikan lebih tumpuan memandangkan umum melihat bahawa ASEAN ini adalah sebagai sebuah blok *future investment* dengan izin, dan juga *insya-Allah* mampu memberi saingan yang begitu hebat kepada kuasa-kuasa ekonomi global ini.

Begitu juga integrasi negara kita Malaysia di bidang ekonomi dan dagangan dengan negara-negara OIC. Negara-negara umat Islam saya kira Malaysia boleh mempelopori dan mengetuai pun dalam hab halal, industri halal di peringkat negara-negara OIC dan ini adalah antara *option* yang ada kerajaan yang saya kira tidak perlu kerajaan untuk menunggu lebih lama ataupun mengambil kira untuk tunggu dan lihat perkembangan terkini di Amerika Syarikat ini terus kita boleh mengambil satu langkah yang cepat supaya kita tidak terperangkap dalam apa jua dasar yang dibuat oleh pihak kuasa besar ini.

Kemudian rujukan saya kedua Tuan Pengerusi 030000 – Perdagangan Antarabangsa. Saya inginkan mendapat penjelasan mengenai dengan RCEP (*Regional Comprehensive Economic Partnership*) di antara sepuluh negara ASEAN yang bersama-sama dengan rakan dialog di Australia, China, India, Jepun, New Zealand, dan Korea Selatan ini yang mana sejak rundingan dari pada tahun 2012 yang lalu keputusan kata sepakat masih lagi tidak dapat dimaterai dan ini saya dapat maklumatlah dan pelbagai permasalahan yang melibatkan negara-negara berunding ini masih lagi tidak dapat diselesaikan. Jadi apakah kementerian lihat perkembangan ini satu kegagalan RCEP ini mendapat kata sepakat.

Kemudian yang kedua saya ingin mendapat penjelasan mengenai dengan perkembangan AEC ataupun *ASEAN Economic Community Blueprint 2025* iaitu yang mana saya lihat penubuhan AEC sampai hari ini masih lagi belum dapat disempurnakan. Jadi apakah perkembangan terkini berkait dengan kedudukan AEC ini dan ini sangat penting untuk melihat bagaimana potensi dagangan kita di peringkat

antarabangsa bagi negara kita Malaysia ini. Ya, sekadar itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin.

**12.14 tgh.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi bagi saya peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan. Pertama, saya terus pergi kepada 060000 – Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), keduanya 070000 – MATRADE, 080000 – SME Corp., 00404 – Program Daya Saing Negara dan 030000 – Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, produktiviti ialah tiang seri untuk sektor ekonomi tapi apa yang kita lihat pada ketika ini pertumbuhan produktiviti buruh kita menurut kajian daripada MPC kita menurun daripada 2.8 peratus bagi tempoh 2003 sehingga 2009 kepada 1.2 peratus sahaja bagi tempoh 2009 hingga 2015. Manakala pertumbuhan Indonesia dan Vietnam terus meningkat sekitar empat peratus. Ia sebenarnya memberi impak antara lain kepada daya saing kita yang telah menurun daripada tangga 18 ke tangga 25 seperti mana yang dilaporkan oleh *World Economic Forum* dan kepada pertumbuhan GDP kita yang telah merosot daripada 7.2 peratus pada tahun 2012 kepada 4.1 peratus pada enam bulan yang pertama pada tahun ini.

Saya akui faktor-faktor lain juga turut menyumbang kepada senario tersebut termasuklah faktor luaran ataupun *external*. Namun kita hendak tahu daripada pihak kerajaan, apakah sebenarnya usaha baru yang lebih drastik untuk kita memulihkan trend berkenaan terutamanya untuk kemakmuran negara. Apatah lagi kita dapat melihat tentang GNI *per capita income* kita yang mungkin tidak dapat kepada sasaran yang kita harapkan menjelang tahun 2020.

Seterusnya kita memerlukan FDI dan juga DDI untuk antara lain bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dan juga dalam masa yang sama untuk mengunjurkan pekerjaan tapi kita dapat lihat pada ketika ini FDI yang telah diluluskan telah pun merosot antara ST2 tahun 2015 hanya sebanyak RM16.8 bilion kepada ST2 2016 hanya kepada RM8.8 bilion sahaja dan beberapa buah syarikat seperti yang kita telah dimaklumkan telah pun menutup operasi dan berpindah ke negara lain.

Dilaporkan juga *outflow* pelaburan akan lebih banyak lagi dan pantas lagi kemungkinan akan terjejas dengan isu-isu yang terakhir ini. Jadi, apakah usaha-usaha baru kerajaan untuk menarik banyak lagi pelaburan dan yang paling penting sekali walaupun dalam keadaan kita tidak menyebelahi kita pada ketika ini? Kita mahu melihat supaya pelaburan sedia ada dalam negara kita, kita pastikan mereka akan terus kekal

dalam negara kita. Kita lihat apakah masalah-masalah yang dihadapi kalau boleh kita sama-sama atasi dan bantu untuk memastikan supaya mereka akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi dan menarik minat pelabur-pelabur asing yang lain.

Seterusnya ke arah untuk kita mencapai tahap sebuah negara berpendapatan tinggi, kerajaan telah merangsang di bawah RMKe-10 dan juga RMKe-11 untuk mentransformasikan ekonomi negara dari sebuah ekonomi yang dipacu oleh dengan izin, *low wages labor-intensive* kepada dengan izin *high value added high-technology* ataupun masa yang sama *knowledge driven economy*. Akan tetapi apa yang kita dapat lihat pada ketika ini ekonomi kita terus kekal pada tahap yang lama sebagai contoh kita dapat lihat gaji median kita masih rendah iaitu RM1,600 pada tahun 2015 kita dapat lihat kebanyakan ataupun 85 peratus daripada pekerjaan baru yang diwujudkan adalah daripada kalangan pekerjaan-pekerjaan asas yang sebenarnya bergaji rendah. Jadi apakah sebenarnya yang telah berlaku dan apakah pula boleh kita pelajari daripada kesilapan tersebut?

Seterusnya apakah inisiatif kerajaan untuk terus memacu transformasi kita ke arah mencapai TN50 seperti yang diharapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

#### ■1220

Ekonomi kita Tuan Pengerusi adalah ekonomi yang terbuka dan ianya adalah dengan izin, *trade driven*. Namun kita dapat lihat yang membimbangkan kita sekarang lebih dagang kita yang kita telah nikmati selama 225 bulan terus mengecil. Sebagai contoh pada ST2 2015 lebih dagang kita ialah sebanyak RM23.6 bilion dan mencatat sebanyak 16 peratus menurun kepada RM19.8 bilion sahaja kepada ST2 tahun 2016. Terakhir begitu juga dengan lebih akaun perkhidmatan dan imbalan pembayaran ia juga telah menurun 77 peratus daripada RM8.1 bilion ST2 2015 kepada hanya RM1.9 bilion pada ST2 tahun 2016. Jadi impak ini sebenarnya adalah cukup besar termasuk juga kemungkinan menjejaskan rating kita.

Terakhir Tuan Pengerusi, tentang SME Corp. dan juga MATRADE. Kedua-dua agensi ini telah bekerja begitu keras sekali untuk memajukan SME kita terutamanya SME Bumiputera. Namun, nampaknya SME Bumiputera masih lagi pada keadaan yang merangkak-rangkak kerana 87 peratus daripada kira-kira 480,000 SME Bumiputera adalah di tahap mikro. Sumbangan mereka kepada GDP hanyalah sebanyak 13 peratus sahaja. Apakah sebenarnya masalah yang kita hadapi yang menghimpit SME Bumiputera dan apakah tindakan di luar kotak yang hendak kita laksanakan bagi melonjakkan prestasi bumiputera seperti yang kita harapkan. Saya Tuan Pengerusi saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelutong.

**12.22 tgh.**

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terdapat empat perkara di hadapan saya. Pertama sekali saya ingin sentuh tentang Butiran 040200 iaitu Dasar Sektor dan sektor industri yang saya maksudkan ialah industri getah. Beberapa tahun yang lepas telah diumumkan bahawa di dua-dua belah sempadan Malaysia dan Thailand akan didirikan *Rubber City* dan saya sempat mengunjungi *Rubber City* ini di sebelah Thailand di mana ia terletak di satu bidang yang besar lebih kurang 125 hektar dekat kawasan Songkhla. Setakat ini telah saya dapati bahawa bukan sahaja sub sektor ini telah dimajukan, *Rubber City* secara infrastrukturnya telah wujud dan terdapat juga lebih kurang 70 perindustrian yang berkaitan dengan getah telah pun mula beroperasi.

Kalau berbanding dengan *Rubber City* di sebelah Malaysia, saya diberitahu bahawa tapaknya yang dipilih itu ialah di satu tapak kawasan yang agak besar di antara Padang Terap dan ke Kedah Sains and Teknologi Park dekat Bukit Kayu Hitam dan tapak utamanya akan diletakkan di ladang Bukit Ketapang kalau tak silap saya. Jadi saya hendak tanya menteri sama ada *Rubber City* di sebelah Malaysia ini akan bersaing dengan apa yang telah wujud di Songkhla, di Thailand Selatan dan bagaimana persaingan kita sama ada infrastruktur untuk *Rubber City* di sebelah Malaysia itu akan mula dimajukan pada tahun ini juga seperti mana yang telah diumumkan tempoh hari.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh tentang P.00525 iaitu mengenai dana projek berimpak tinggi. Mengikut apa yang saya dapat kutip daripada dokumen kita, dokumen rasmi bahawa projek ini menelan nilai sebanyak RM2.98 bilion. Perbelanjaan yang *actual*, yang sebenar pada tahun 2011 hingga 2016 telah menelan bekalan sebanyak RM831 juta dan anggaran itu telah dipinda bagi tahun 2016 iaitu sebanyak RM719 juta dan anggaran untuk tahun 2017 ialah sebanyak RM522 juta. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah item yang telah dijalankan dalam tempoh 2011 sehingga 2015 itu apakah item yang telah berjaya yang telah dapat menunjukkan perbantuan yang kukuh dan apa pula item-item yang dijadikan bahan tumpuan untuk tahun 2016 dan juga tahun 2013.

Tuan Pengerusi, saya ingin masuk ketiga iaitu mengenai B.030000 – Perdagangan Antarabangsa, 030100 – Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala dan 030200 – Hubungan Serantau dan Antarabangsa. Saya ingin mengutip jawapan Menteri kepada saya jawapan untuk soalan lisan 27 Oktober yang lalu telah di mana dikatakan kalaulah dengan pengunduran Presiden Obama, jadi apa akan terjadi TPPA dan salah

satu bahagian jawapan menteri kepada saya ialah dan saya mengutip, “*Sekiranya ratifikasi tidak tercapai maka perjanjian ini masih akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya enam negara yang menyumbang 85 peratus daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 12 negara TPPA meratifikasikan perjanjian tersebut*”.

Jadi angka yang menakutkan adalah 85 peratus daripada KDNK secara berkumpulan. Jadi kalaulah Amerika tidak terlibat dalam TPPA sebab dalam siaran berita *New York Times* semalam telah dikatakan bahawa *administration* Obama dan juga parti GOP dua-dua belah telah bersetuju supaya tidak melanjutkan apa yang telah dicadangkan supaya ianya dijadikan bahan ratifikasi pada *lame-duck session* yang akan dijalankan pada November 2016. Saya minta Menteri memberikan status yang terkini mengenai TPPA dan apa pula yang strategi yang harus kita ambil untuk memaju ke depan tanpa penglibatan Amerika secara rasmi.

Tuan Pengerusi, terakhir sekali saya ingin sentuh tentang P.00535 iaitu mengenai *e-MIDA Enterprise Transformation System* ataupun *e-Trans*. Untuk perkara ini telah diperuntukkan sebanyak RM15 juta bagi anggaran tahun depan, jadi soalan saya ialah ini ialah satu kesinambungan daripada pembekalan yang telah diberikan pada tahun yang lepas. Jadi saya ingin tanya, apakah perbatuan yang telah kita capai setakat ini. Soalan kedua ialah apakah tumpuan kita secara kumpulan supaya kita dapat benar-benar mengenal pasti siapa kumpulan sasarannya supaya perbelanjaan bagi *e-Trans* ini betul-betul dapat memberikan manfaat dan juga saya minta adalah sedikit analisis kos *benefit*. Begitu sahaja. Saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**12.28 tgh.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk saya turut bersama-sama membahaskan peringkat Jawatankuasa Butiran B.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin merujuk kepada Butiran 030100 – Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala. Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh beberapa orang Ahli Parlimen sebentar tadi berkaitan dengan perjanjian perkongsian Trans-Pasifik TPPA saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan apakah perkara yang terkandung dalam draf pindaan bagi 18 undang-undang yang telah

disediakan khususnya oleh pihak kerajaan dan kementerian. Sejauh manakah ianya akan menguntungkan negara dan rakyat khususnya.

■1230

Seterusnya, selain daripada itu, sebagaimana yang telah dinyatakan oleh beberapa orang Ahli Parlimen, kita telah dikejutkan dengan kemenangan yang tidak dijangka-jangka oleh Donald Trump dalam pilihan raya Presiden yang baru-baru ini. Sehubungan itu, apabila merujuk kepada Perjanjian TPPA ini, saya ingin bertanyakan kepada pihak Yang Berhormat Menteri, apakah status terutama sekali dengan pemakluman terkini tentang dasar-dasar baharu khususnya yang melibatkan negara-negara TPPA ini?

Saya juga sedia maklum bahawa sekiranya Perjanjian TPPA tersebut tidak diteruskan, ia juga akan memberikan kesan negatif kepada ekonomi negara kerana ia mampu, pada hemat saya, dengan adanya perjanjian ini, akan meningkatkan keluaran dalam negara kasar Malaysia sehingga RM891.37 bilion dalam tempoh tahun 2018 hingga 2027. Sebaliknya, tanpa penyertaan kita dalam TPPA, KDNK negara dijangka akan merosot sehingga RM67.59 bilion dan akan menjejaskan jumlah perolehan dan peluang pekerjaan yang disediakan menerusi perjanjian ini.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 030400 – Integrasi Kerjasama Ekonomi ASEAN. Merujuk kepada jumlah perdagangan Malaysia dan negara ASEAN pada tahun 2014 iaitu sebanyak RM389.03 bilion atau 26.8 peratus daripada keseluruhan perdagangan global Malaysia yang berjumlah RM1.465 trilion, jumlah ini saya lihat telah meningkat pada tahun 2015 sebanyak 3.21 peratus kepada RM401.63 bilion atau 27.4 peratus daripada keseluruhan perdagangan Malaysia. Ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, pengumuman tetamu Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah *Honourable Mr. Mahir Aslanov, Head of the Azerbaijan-Malaysian Inter-Parliamentary Friendship Group* dan delegasi. [Tepuk] Dewan ini mengalu-alukan beliau dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Seterusnya apabila melihat tentang jumlah keseluruhan perdagangan, boleh saya simpulkan iaitu RM219.41 bilion eksport dan RM182.12 bilion import antara Malaysia dan sembilan buah negara ASEAN. Harus diketahui bahawa kesemua negara yang menyertai kerjasama komprehensif ekonomi serantau, khususnya apabila merujuk



kepada seperti mana yang telah dinyatakan iaitu RCEP, akan mempunyai sebanyak lebih daripada tiga bilion penduduk iaitu menguasai kira-kira 48.6 peratus daripada penduduk dunia dengan gabungan keluaran dalam negara kasar (KDNK) sebanyak USD22.68 trilion atau 29.3 peratus daripada KDNK dunia yang turut menyumbang kepada 25.2 peratus daripada perdagangan global bernilai USD9.6 trilion.

Tuan Pengerusi, bila merujuk kepada kerjasama ekonomi itu, pada hemat saya, ia akan memberikan satu rangsangan yang besar ke arah integrasi ekonomi yang lebih erat dalam kalangan negara-negara yang terlibat dan negara lain di seluruh dunia.

Namun demikian, terdapat beberapa kekusaran yang mungkin saya ingin mendapatkan penjelasan di pihak kerajaan terutamanya dari aspek perundangan yang akan mungkin dikenakan ke atas kerajaan apabila kerjasama komprehensif ekonomi serantau RCEP ini ditandatangani. Antara yang mungkin saya ingin tanyakan ialah khususnya dalam konteks perdagangan barang dan perkhidmatan, pelaburan, hak harta intelek, polisi persaingan, mekanisme penyelesaian pertikaian pelabur-pelabur atau ISDS dan kerjasama ekonomi serta teknikal.

Justeru itu, saya melihat sejauh manakah status dari segi *consultation* mengenai status perbincangan perjanjian ini? Adakah akan timbul permasalahan mengenai dominasi sesuatu negara terhadap ekonomi khususnya perebutan hak paten? Dan daripada aspek apakah kerajaan boleh dikaitkan dengan tindakan undang-undang?

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040300 – Penyelarasan Isu Berkaitan Perdagangan dan Industri. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah tindakan pihak kerajaan khususnya kementerian dalam menangani dakwaan Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) bahawa usaha-usaha kenderaan import tidak dilayan sama rata oleh kerajaan dalam membangunkan industri tersebut? Ini kerana timbul kekhawatiran di kalangan mereka di mana hanya 30 peratus lesen import AP digunakan berbanding 35,000 jumlah AP yang telah diperuntukkan oleh pihak kementerian bagi tahun ini.

Beberapa halangan yang dinyatakan oleh pihak mereka adalah berkenaan cukai AP sebanyak RM10,000 bagi satu unit kenderaan dan duti import yang mengakibatkan usahawan automotif terutamanya Bumiputera tidak mampu bersaing dalam industri automotif yang kemungkinan akan mengakibatkan ada di antara mereka terpaksa menghentikan operasi. Ini kerana bagi saya, saya melihatkan industri ini juga dapat menyediakan ruang dan peluang pekerjaan kepada hampir 70,000 orang dan sekiranya ia tidak diberikan perhatian, dikhuatiri ada di antara mereka akan kehilangan pekerjaan disebabkan faktor-faktor yang telah dinyatakan demikian.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040600 – Pembangunan Keusahawanan. Untuk makluman Tuan Pengerusi, pada tahun 2016 sahaja, saya dapati sejumlah 27 program keusahawanan telah dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, menerusi Bajet 2017, kerajaan telah memperuntukkan dana sebanyak RM6.65 bilion untuk perusahaan kecil dan sederhana dan daripada jumlah tersebut, RM1.12 bilion atau 16.8 peratus adalah dikhususkan untuk pembangunan usahawan Bumiputera.

Di sini saya lihat antara inisiatif di bawah kementerian ini iaitu penganjuran Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera atau TUBE yang saya sangat hargai usaha ini kerana ia benar-benar menekankan unsur keusahawanan kepada golongan belia dan generasi muda untuk melakukan anjakan paradigma daripada menjadi pencari kerja kepada pemberi kerja. Ini juga dikaitkan dengan hasil lawatan Yang Amat Berhormat Pekan ke China baru-baru ini iaitu bagaimana usahawan digital juga amat berharap dapat dikembangkan dan dikaitkan dengan adanya program TUBE ini.

Ini saya lihat sangat penting kerana bagi saya, dengan adanya ruang dan peluang ini, sudah tentunya saya lihat dengan impak yang dilakukan hasil daripada program ini, sudah tentu saya lihat saya mengharapkan agar lebih banyak lagi peruntukan dapat ditambah menerusi program TUBE ini kerana bila saya bertemu dengan mereka yang menjadi peserta TUBE ini, saya lihat banyak ruang dan peluang khususnya dalam memberikan pekerjaan baharu kepada generasi muda ini. Dan ia memberikan satu kaedah yang sangat baik terutama sekali bagi mereka yang ingin menceburi bidang keusahawanan. Dan mungkin boleh dikaitkan dengan konsep ekonomi baharu iaitu platform ekonomi, sudah tentu program TUBE ini boleh dijadikan sebagai asas untuk meningkatkan lagi minat usahawan terutama sekali di kalangan generasi muda.

Ini kerana saya melihat merujuk kepada laporan SME Corp., jumlah 943 belia Bumiputera yang menyertai TUBE 1.0, TUBE 2.0 dan sebanyak 99.2 peratus, bagi saya, tidak mencukupi lagi. Ia harus digerakkan dan lebih-lebih lagi ia harus diberikan keutamaan bagi golongan belia dan generasi muda yang berada khususnya di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, kenapa saya menekankan program ini? Ini kerana bagi saya, wujud banyak keberkesanan daripada program ini dan sudah tentu saya lihat kerjasama ini harus digerakkan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja daripada saya. Kuala Selangor menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**12.39 tgh.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak fokus kepada Butiran 030100 – Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala.

Baru-baru ini kita terdengar bahawa Obama tidak akan cuba luluskan TPPA dalam tempoh *lame duck* sekaranglah dan dia akan serahkan kepada Trump dan ada kemungkinan besar Trump pun tidak begitu terima ini.

**■1240**

Saya tahu ramai kawan saya di kementerian kecewalah kerana mereka telah kerja kuat selama dua tiga tahun untuk wujudkan satu *agreement* yang begitu komprehensif berkaitan perdagangan ini, TPPA ini. Akan tetapi saya rasa ini kita harus ambil ini sebagai satu peluang untuk kita kaji balik kerangka dia, *template* yang dipakai untuk semua FTA dan TPPA. Saya ingat adalah saya tidak sembunyi fakta saya, saya *against*, saya bantah tetapi bukan saya bantah perdagangan. Memang Malaysia ini kita mesti dagang dengan negara lain. Saya ingat hampir *70 percent* daripada GTP kita adalah eksport. So ini kita tidak boleh lari daripada perdagangan.

Akan tetapi apa saya dan kawan-kawan saya bantah ialah *template* yang dipakai oleh TPPA dan lain FTA juga, ia ini mengagungkan 0.001 yang terkaya di dunia ini. Dia bagi banyak kelonggaran dari segi hak pelaburan, dari segi hak cipta intelek, dari segi membawa modal dia keluar, masuk dan keluar sesukanya, dari segi kelonggaran untuk *sue* kerajaan kita jika ada apa-apa masalah. So ini mewujudkan satu situasi dunia global di mana ada *over concentration of wealth* dengan izin, ataupun pemusatan kekayaan di tangan *0.001 percent*.

Ini jika kita tengok daripada Oxfarm, Oxfarm mengatakan, ini dalam tahun ini juga, 19 Januari tahun ini, dia katakan, "*Runaway inequality has created a world where 62 people own as much wealth as the poorest half of the world's population...*", *62 people*, individu 62 orang ada lebih kekayaan daripada setengah populasi dunia kita. Ini telah jatuh, *a figure fallen from 388 just five years ago*. Dari 388 telah turun ke 62. Jadi ertinya *this concentration* ini akan berterusan *and* punca utamanya ialah kerangka ekonomi yang kita telah wujudkan di peringkat antarabangsa yang terlalu mesra, yang terlalu sayang dan yang terlalu mengagungkan *the super rich in the world*.

Ini yang saya bantah, bukan saya bantah perdagangan. Kita mesti ada perdagangan, tetapi kerangka yang kita adakan. Apa yang kita wujudkan, *system of their laws* dia, itu yang kita kena fikir balik. Ini kerana pemusatan, *over concentration of wealth* dalam *0.001 percent* itu telah menyekat *aggregate demand* ataupun permintaan kasar dalam dunia, kerana jika orang ramai tidak dapat kekayaan cuma satu *percent* sahaja jadi ke mana mereka boleh beli. So bila *aggregate demand* ataupun permintaan

kasar itu tidak berkembang, *growth* juga, perkembangan ekonomi juga ada kesan negatif. Begitu juga kita tidak dapat cukup pekerjaan untuk orang.

Saya rasa kita kena tengok apa yang berlaku di Amerika di mana Trump menang dan juga apa berlaku di Britain - bred Brexit, ini semua adalah luahan perasaan tidak puas daripada bukan B40. Akan tetapi B40 dengan M40 juga 80 peratus *population* negara-negara kita ini tidak begitu selesa ini dengan sistem ekonomi dunia yang telah membawa kesusahan untuk mereka. Di mana kos hidup mereka naik, pendapatan mereka disekat semua pergi ke *0.001 percent* itu. Apakah peranan kita dalam TPPA ini yang wujudkan *the* kekayaan, *the over concentration* pada *0.001 percent*. Ini kita harus kaji kerana jika ini berterusan kelemahan dalam ekonomi dunia, *poor aggregate demand*, masalah kegawatan ini semua akan berterusan juga.

So kita kena kaji balik, adakah kita perlu satu *template* baru di mana kita ada perdagangan tetapi perdagangan dipakai untuk *redistribute*, untuk mengagihkan pendapatan dunia ke arah B40 dan M40. Bolehkah ini dilakukan? Umpamanya katakan di ASEAN, kita ada *free trade* di ASEAN, di mana kita semua di ASEAN kita punya tarif terhadap barangan antara negara-negara ASEAN hampir kosong. Bolehkah negara-negara ASEAN semua buat satu *agreement*, dikatakan tiap tahun semua negara di ASEAN ini akan menaikkan gaji minimum di tiap negara di ASEAN akan dinaikkan daripada paras di negara itu *10 percent* setahun.

Jika kita semua buat itu, market kita, pasaran di dalam ASEAN untuk *business* di ASEAN akan meningkat, ini baik untuk semua. Kita juga adakah syarat, katakan jika sebuah negara dalam ASEAN ini, negara A, dia tidak mahu menaikkan, dia bagi negara lain naikkan dia ada dapat pasaran yang lebih besar untuk dia tetapi dia *selfish*. Dia mahu simpan dia punya gaji di paras rendah. Kita kenakan tarif terhadap dia.

So *free trade* ini, tarif kosong ini untuk semua negara yang ikut syarat itu di mana kita semua naikkan gaji minimum sebanyak 10 percent setahun untuk lima tahun. So lima tahun kita ada gaji minimum kita *50 percent* sudah naik, kita punya *aggregate demand* dalam ASEAN bertambah, ini baik untuk *business* di semua negara di ASEAN. Akan tetapi jika ada negara A yang tidak mahu ikut ini dia *selfish* kita tidak bagi pada dia, kita bagi tarif pada dia kerana dia tidak naikkan kita pasang balik pada dia. So bolehkah kita tengok kerangka macam itu. Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya memang sokong pandangan Yang Berhormat berkait dengan pengundian *anti-establishment* bukan sahaja dia Amerika Syarikat tetapi juga di Eropah khususnya di United Kingdom. Di mana kita dapati satu *backlash* yang tidak disangka telah berlaku di mana rakyat di sana

telah *reject the trade status quo* yang kita ada iaitu *new liberal in nature*. Soalan saya hendak minta pandangan Yang Berhormat dan mungkin boleh ditujukan kepada pihak Menteri ialah adakah Kerajaan Malaysia cadang untuk membuat satu *evaluation* kepada semua FTA Malaysia yang telah ditandatangani, *the last five six years*. Adakah Malaysia telah mendapat kebaikan berkait dengan pekerjaan, keuntungan dan sebagainya.

Apa yang saya takut ialah isu Yang Berhormat bangkit iaitu bahawa *the beneficiaries is the one percent* dan bukan *the 99 percent*. *At that very clear the anti-establishment pun di Europe is on the 99 percent*. *So if our trade practices, kalau regime trade yang kita ada, perdagangan yang kita sedia ada menyokong dan mendukung hanya satu peratus, maka this is not fair to the 99 percent*. *So therefore* untuk di Malaysia *do you think its proper in Malaysia undertakes an assessment, of course benefit an assessment*. Semua perdagangan bebas FTA yang kita telah tandatangani *the last five years* supaya kita dapat *access whether we are in the right direction or not*.

Berapa kerja telah dikenakan, macam mana, adakah kerja kita *sustainable* dan pekerja itu pekerja Malaysia ataupun pekerja-pekerja luar negara. Satu lagi isu Yang Berhormat ialah berkait dengan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *One minute* ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** *Last point, last point*. *Sorry last point* ialah siapa yang mendapat lebih keuntungan, firma-firma Malaysia ataupun firma-firma antarabangsa. Terima kasih.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Klang, saya ingat ini saya tujukan kepada Menteri untuk jawab. Saya rasa kita sebagai demokrasi kena dengar, *you know* semua demokrasi di dunia kena dengar *why other people unhappy* dengan kerangka ekonomi global di banyak tempat. *I think we should not go ahead* dengan *Washington consensus yang push new liberal policies*, kita kena fikir balik. *I will doing the right thing* di mana *the top – not in one percent, 0.001 percent* dapat terlalu banyak *and is not good for even the world economy you going to recession*. *So let's look at it you know and study it again*. *I think the pausing of the TPPA* mungkin adalah satu yang baik untuk kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**12.49 tgh.**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil bahagian dalam kementerian ini untuk Butiran 080100, 00514 dan 00601.

**■1250**

Bagi maksud ini, saya ingin memberi beberapa pandangan, perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dan usahawan muda Malaysia adalah penyumbang utama dalam proses pembinaan negara. Kalau mengikut rekod, PKS menyumbang kira-kira 36 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyasarkan 65 peratus daripada pekerjaan negara. Terdapat 17 kementerian semuanya dan 65 agensi di Malaysia memiliki program, bertujuan untuk menyokong PKS.

Tahap produktiviti dan rantai nilai dalam kalangan PKS perlu dianjak daripada aktiviti bernilai rendah dan berintegrasi kan sumber kepada aktiviti berinisiatif teknologi bagi menghasilkan produk yang berkualiti, berdaya saing dan berdaya tinggi. Kalau kita lihat jumlah PKS semasa, terdiri daripada 645,176 atau 97.3 peratus daripada jumlah pertubuhan perniagaan. Peratusan terbesar iaitu 77 peratus adalah perusahaan mikro dengan kurang daripada lima orang pekerja, tertumpu dalam perkhidmatan 90 peratus, pembuatan 6 peratus dan lain-lain ialah 4 peratus. Sumbangan kepada ekonomi pula kalau kita lihat, ada 35.9 peratus of KDNK, 65 peratus of tenaga kerja dan 7.8 peratus of *sport*.

Terdapat beberapa cabaran utama yang dikenal pasti dalam pembiayaan PKS ini. Antara cabaran yang dihadapi oleh PKS dalam memohon pembiayaan daripada institusi kewangan adalah tidak mempunyai atau kekurangan cagaran, kekurangan rekod prestasi, maklumat perniagaan tidak lengkap. Ini antara beberapa perkaralah. Jadi, bagaimana kementerian membantu PKS kecil dan sederhana ini dalam memperoleh pembiayaan bagi memulakan perniagaan mereka dan adakah pengusaha ini diberikan latihan serta *guideline* dalam mempromosikan produk mereka?

Berdasarkan inti pati Rancangan Malaysia Kesebelas kalau kita lihat, satu daripada langkah telah diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan permintaan terhadap produk PKS melalui pembentukan hubungan domestik dengan syarikat multinasional, ia adalah satu langkah yang baik serta membantu pengusaha PKS dalam melonjakkan produk mereka ke tahap yang lebih tinggi. Namun, kita lihat PKS tidak dapat mematuhi standard dan memenuhi permintaan syarikat multinasional.

Ketidakupayaan ini disebabkan oleh kos perolehan teknologi baru serta menjalankan aktiviti R&D dan ujian adalah begitu tinggi. Tambahan pula, kalau kita lihat penggredan terhadap produk keluaran PKS juga harus ditambah baik dari semasa ke semasa dan menggalakkan pengusaha PKS menceburkan diri dalam *creative digital* yang dilihat berlaku permintaan yang tinggi dalam sektor ini.

Butiran 030300 – Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala. Kalau kita lihat ASEAN Economic Community (AEC) dan Fair Trade Agreement (FTA) merupakan

antara hubungan dagangan yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menarik pelabur asing ke dalam negara serta mempromosikan produk barangan keluaran Malaysia ke negara perdagangan. Integrasi ekonomi adalah perkara yang baik, mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara, merencanakan eksport barangan negara ke pasaran antarabangsa dan menjana lebih banyak peluang pekerjaan pada masa hadapan. Namun perlu kita lihat pada semua sudut, terdapat integrasi ekonomi yang bakal berlaku. Sebagai contoh, persaingan tenaga, pekerja tempatan bersama warga asing. Jadi, bagaimana kementerian menangani isu ini?

Impak integrasi ekonomi ini melibatkan pelbagai sektor seperti pelancongan, PKS, industri dan sebagainya, melihat kepada sudut pelancongan, bagaimana kementerian membantu pengusaha kecil pelancongan daripada segi kemudahan dan infrastruktur dalam menyambut baik integrasi ekonomi yang dilaksanakan. Jika kemudahan yang ada pada ketika ini tidak mencapai tahap yang memuaskan, ia sudah pasti akan mencalarkan imej industri tersebut. Jadi bagaimana kementerian menangani semua isu ini?

Pengusaha kecil dan sederhana harus kita gerak seiring dengan setiap dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan supaya tidak ketinggalan serta mampu berdaya saing di peringkat lebih tinggi. Apakah perancangan kementerian bagi industri PKS dalam pembangunan produk mereka diterima di peringkat antarabangsa dan mohon kementerian menyatakan produk-produk keluaran PKS yang dipasarkan di negara hubungan perdagangan.

Hubungan dagangan dua hala sangat menguntungkan pelbagai pihak hanya jika pihak tersebut bijak menguruskan syarikat mereka. Jadi, bagaimana kesediaan PKS pada ketika ini dalam menghadapi proses dagangan dua hala yang telah dilaksanakan sejak dahulu lagi? Cadangan kepada kementerian, saya harap memberi dana bagi PKS dalam membuat serta R&D terhadap produk mereka kerana R&D yang ingin dilaksanakan memakan kos yang tinggi serta ketidakmampuan mereka dan bagaimana kementerian memberi bantuan dalam aspek ini dan boleh menjadikan barang mereka berkualiti dan sebagainya? Selain daripada itu, latihan serta pendedahan mengenai industri baru juga saya percaya perlu dititikberatkan dan kementerian memang melaksanakan perkara ini. Cuma mungkin boleh dimaklumkan lebih terperinci mengenai perkara ini.

Saya juga ingin menanya kementerian, bagaimana kesan produk PKS ini apabila perubahan pucuk pimpinan di Amerika Syarikat? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**12.56 tgh.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 00201 berkenaan Program Pembangunan Industri Automotif. Saya hendak merujuk kepada syarikat Proton. Baru-baru ini saya difahamkan, kerajaan sanggup untuk melepaskan untuk ekuiti sebanyak 51 peratus kepada *partnership* daripada luar negara yang mempunyai jenama automotif. Adakah berita ini sah? Mengapa kerajaan sanggup untuk melepaskan ekuiti ini?

Saya difahamkan prestasi Proton ini semakin merosot di mana pemasaran kereta Proton hanya boleh dipasarkan di Malaysia. Akan tetapi hendak dipasarkan di luar negara, hendak eksport, susah-payah. So, saya hendak tahu bagaimana kerajaan untuk membantu daripada segi kewangan, daripada segi pemasaran, bagaimana membantu Proton ini untuk memasarkan ke luar negara? Kalau setakat hanya bergantung kepada pasaran di Malaysia, so saya tidak— *I do not think Proton* boleh *survive* di Malaysia. Setakat ini, berapakah *soft loan* yang telah diberikan kepada Proton? Baru-baru ini saya rasa tahun lepas kerajaan memberikan satu jumlah *soft loan* yang agak besar kerana Proton tidak mampu untuk membayar pinjaman ataupun *suppliers*, yang jumlah itu agak besar. So, adakah kerajaan pada masa akan datang akan memberi *soft loan* lagi kepada Proton?

Soalan terakhir tentang Proton ini, setakat ini berapakah peratusan *market share* Proton di Malaysia ini berbanding dengan Perodua, berbanding juga dengan jenama kereta yang lain? Dahulu dalam tahun 1980-an, 1990-an, kereta Proton ini *market share* dia lebih kurang 50 peratus ke atas tetapi merosot tidak sampai 20 peratus. Adakah peratusan ini akan *continue* menurun dan bagaimana kerajaan untuk membantu supaya kereta Proton ini boleh dipasarkan bukan setakat di Malaysia tetapi di luar negara?

Saya hendak tahu setakat ini, apakah kereta jenama daripada luar negara yang berminat untuk bekerjasama dengan Proton, di mana mereka meminta kalau Proton boleh, Kerajaan Malaysia boleh melepaskan ekuiti 50.1 peratus, mereka minta untuk ambil, untuk bekerjasama dengan Proton. Setakat ini berapakah kereta jenama dunia ini yang telah pun berminat dalam segi hal ini?

Saya rasa itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**12.59 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** 1 minute ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada banyak butiran yang saya mahu sentuh. Saya cuba mula dengan



Butiran 050000 – MIDA, Butiran 080000 – Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia).

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, sambung petang Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mesyuarat bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

#### ■1430

**Tuan Pengerusi:** Ramai lagi yang berhujah. Cuba, *give me indication...* [Beberapa orang Ahli Yang Berhormat berdiri] Berapa orang lagi yang ingin berhujah? Selepas Yang Berhormat Seputeh, BN tiada, *still* dua. Selepas tiga orang berhujah ini, Menteri bersedia untuk jawab. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Seputeh

#### 2.33 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya nak sambung ucapan saya yang saya sudah buat 30 saat tadi.

Tuan Pengerusi, saya rasa pertama kali kena memuji Menteri MITI sendiri yang hadir duduk sini satu pagi dengar ucapan lepas itu akan gulung. Tidak macam Yang Berhormat Pekan, Menteri Kewangan kita ini, pada hari pengundian pun tidak berani hadir. Jadi kena bagi tepukan kepada Yang Berhormat Menteri kita.

Tuan Pengerusi, saya lihat peruntukan bagi MITI, ia berkurangan RM102,574,800. Saya lihat pengurangan yang begitu drastik yang diberikan kepada MITI ini, bagi saya, saya rasa yang pengurangan peruntukan diberi kepada MITI ini amatlah tidak sesuai. Khususnya pada waktu di mana negara kita menghadapi kegawatan ekonomi, dan juga pengurangan pelaburan yang masuk ke Malaysia.

Saya selalu lihat MITI, sama ada MIDA, MATRADE dan beberapa buah badan yang lain, mereka merupakan *marketing department* atau bahagian pasaran, bagi sesuatu organisasi. Dalam konteks MITI, ia *marketing department* bagi Malaysia. Mereka yang wakil-wakil atau pegawai MITI, MIDA dan MATRADE, tugas mereka pergi ke banyak negara di seluruh dunia ini untuk mempromosi Malaysia, minta mereka bawa duit datang melabur di Malaysia, tetapi kalau kita lihat, *marketing department* bagi negara kita ini, telah dikurangkan begitu banyak. Macam mana mereka boleh lakukan kerja dengan duit yang cukup dan memuaskan. Saya rasa sangat susah.

Sebenarnya saya juga nak bangkit, sentuh sikit bila negara kita ini dalam keadaan ekonomi yang tidak baik, yang kerajaan memang tidak harus mengurangkan peruntukan yang diberi kepada institusi pengajian tinggi juga. Kita lihat universiti kita, sama ada UKM, Universiti Malaya dan yang lain, yang banyak bajet, pada tahun yang akan datang telah pun dikurangkan 30 peratus. Ini juga tidak akan membantu kita. Kalau kita nak adakan modal insan yang cukup untuk memupuk pertumbuhan ekonomi kita.

Di sini saya lihat yang banyak peruntukan macam MIDA, dikurangkan RM19 juta. Saya lihat *SMECorp* dikurangkan RM15 juta, dan Program Penggalakan Pelaburan dalam Butiran 090200, dikurangkan RM1 juta dan emolumen kakitangan kontrak dikurangkan RM274,500. Kesemua ini sebenarnya akan menjejaskan keberkesanan pihak MITI dan pelbagai agensi ini untuk mempromosi Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya agak bimbang bila lihat *report*- daya saing, iaitu *Global Competitiveness Report*. Saya lihat Malaysia ini, yang telah pun jatuh daripada tangga ke-18 dengan skor 5.23 pada tahun lepas, sehingga tangga ke-25 pada tahun ini, dengan skor 5.16- mengikut laporan ini. Dan kalau kita lihat laporan ini, yang asas bagi mereka untuk membuat *rating* bagi Malaysia adalah terdapatnya 12 tiang- *12 pillars of competitiveness*, yang ini termasuk *institution*, dengan izin ya, *institution, infrastructure, micro economic environment, health and primary education, higher education and training, goods market efficiency, labour market efficiency, financial market development, technological readiness, market size, business sophistication and innovation*. Ini kriteria di mana mereka mengukur keberkesanan sesuatu negara. Dan daripada 12 *pillar* ini, saya rasa apa yang menjejaskan *global competitiveness* bagi Malaysia termasuk *infrastructure*.

Daripada segi *infrastructure* kita ini, kita lihat banyak *industrial park* sebenarnya banyak yang tidak dibuat dengan baik. Bila saya jadi Exco bagi pelaburan Kerajaan Selangor, saya menghadapi banyak rungutan daripada pihak pelabur asing, terhadap keadaan *industrial park* kita, dan kalau kita pergi *ke industrial park* di negara asing seperti China, seperti Jerman dan sebagainya, kita dapati banyak *industrial park* ini,

seluruh perancangan itu dilakukan dengan baik, dan selalunya Kerajaan Pusat terlibat daripada segi perancangan satu *park industrial*.

Tidak macam di Malaysia ini, selalunya kita biarkan sektor swasta yang pergi buat perancangan *industrial park* ini. Itu sebabnya bila sektor swasta ini siap bina, selepas dijual mereka pun tidak mempedulikan lagi, dan *maintenance* bagi jalan, parit, longkang dan sebagainya, macam bukan masalah mereka. Dan ini menjadikan kerajaan, sama ada Kerajaan Tempatan dan juga pihak MITI juga kadang-kadang, terpaksa keluarkan wang untuk penambahbaikan *industrial park* kita. Saya rasa infrastruktur daripada segi ini kita haruslah ambil perhatian.

#### ■1440

Dan juga salah satu tiang *higher education and training*, yang mana saya telah sebutkan tadi. Bila kita *higher education and training* yang dijadikan satu pengukuran dalam *global competitiveness report* ini, ia sebenarnya akan menjejaskan *labour market efficiency, technological readiness and innovation* yang mana juga merupakan tiga lagi tiang dalam pengukuran *global competitiveness* bagi Malaysia ini. Bagi saya, saya selalu dengar rungutan daripada pihak pelabur dan syarikat besar, mereka selalu mengadu bukan mereka tidak mahu menggaji graduan universiti tempatan tetapi ramai di antara graduan tempatan kita ini bila pergi *interview*, bahasa Inggeris pun tidak boleh bertutur dengan baik, dan cara-cara *presentation* mereka ini kurang meyakinkan dan universiti kita ini keluarkan ramai graduan yang *unemployable*.

Jadi saya rasa bagi pihak MITI yang merupakan *marketing department* bagi negara kita ini, sebenarnya haruslah ada lebih perbincangan dengan pihak universiti daripada segi kursus, macam apa kursus yang diperlukan, dan juga apa teknologi yang diperlukan oleh pelabur asing atau pelabur tempatan yang mana boleh membangunkan negara kita ini? Saya rasa selalu universiti mengajar kursus mereka sendiri, tetapi apa yang diajar itu mungkin *not applicable* dan saya lihat yang dalam *global competitiveness report* ini, *institution* diletakkan pada tahap pertama. Kita lihat institusi di Malaysia ini memang ada masalah, hari ini Yang Berhormat Pandan dijatuhkan hukuman kerana membongkar OSA dan *the so-called OSA information* adalah daripada *PAC report* kita ini dan kita lihat yang 'Jamal Ikan Bakar', PDRM boleh bagi dia pergi mana merayau-rayau tetapi dia tidak ada masalah walaupun dia yang mencetuskan keganasan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh, ada tiga puluh saat lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Ahli Parlimen yang bercakap di dalam Dewan ini juga akan disiasat oleh pihak PDRM.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Boleh mencelah tidak?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya sila, sila.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Seputeh kata, Yang Berhormat Pandan dibawa ke mahkamah kerana memecah rahsia OSA. Dalam Perlembagaan kita, *it is obligatory*, dengan izin Tuan Pengerusi, *for the Auditor General's Report to be submitted to* Parlimen. *So, how can you put it under secret*, OSA sedangkan OSA *must be subservient to the Constitution?*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi saya setuju dan saya rasa kalau institusi Parlimen kita ini, institusi PDRM, institusi kehakiman kita ini kewibawaan mereka ini terjejas. Ini juga akan menggoncang keyakinan pelabur asing untuk menanam pelaburan mereka di Malaysia. Jadi saya berharap pihak MITI akan mengambil kira semua pandangan dan ucapan kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Putatan tiada, sekarang ada. Baru masuk? Yang Berhormat Putatan nanti sekejap, biar Yang Berhormat Kota Melaka selepas itu Yang Berhormat Putatan.

Cukup-cukup, dengan *additional* Yang Berhormat Putatan ini kalau ada masuk baru, saya tidak layan lagi kerana Menteri sudah bersedia. Sila Yang Berhormat Kota Melaka.

#### 2.44 ptg.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin ambil bahagian dalam perbincangan.

Saya merujuk kepada Butiran 95000 – Program Pembangunan Industri Sektor Pembuatan.

Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa sektor pembuatan negara kita salah satu pesaing negara lain saya ingat yang paling mencabar iaitu datang dari negara China. Terutama dalam bidang *machinery* dan kita sedia maklum bahawa *raw material* yang banyak di antara *raw material* yang digunakan juga secara import dari negara China. Baru-baru ini negara kita dasar menarik pelabur dari negara China dan saya ingat mungkin akan bawa pembangunan dalam bidang ekonomi. Tetapi, dalam sektor pembuatan ini dia akan membawa satu persaingan yang lebih ketara.

Dulu kita hanya menghadapi negara China sebagai persaingan semasa kita mengeksport *machinery* kepada luar negara. Sekarang kerana pelabur dari negara China masuk ke negara kita dan mereka akan bina kilang mereka dan juga akan *manufacture machinery* yang mungkin bersama dengan apa yang kita eksport dan sekarang kita dapat persaingan di dalam negara kita juga. Saya difahamkan bahawa

ada syarikat atau *corporation* dari negara China ingin membeli kawasan IKS di Jasin, Melaka.

Tapak ini kalau dia beli dia akan robohkan semua kilang yang sedia ada, bina kilang baru kerana mereka hendak menarik pelabur dan pengilang dari negara China. Kalau begini rupa kita akan mendapatkan satu persaingan dalam negara kita oleh pengilang dari negara lain. Saya ingin beritahu Yang Berhormat Menteri, kita perlu *be more selective* tentang kalau hendak menarik pelabur ke negara kita. Kita kena juga menjaga kepentingan pengilang atau sektor pengindustrian terutama dalam sektor pembuatan pelabur tempatan.

Saya juga ingin rujuk kepada butiran 00530 – Menaik Taraf dan Memperbaiki Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada.

Saya ingat saya pernah bangkit di Dewan yang mulia ini bahawa kawasan pengindustrian kita, kalau kita buat perbandingan dengan kawasan perindustrian di luar negara, kemudahan asas memang kita amat kurang. Saya setuju dengan apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat Seputeh, iaitu tentang perancang kawasan perindustrian ini memang kalau kita terpulang kepada pihak swasta atau pihak kerajaan tempatan tanpa kita perlukan dari Kementerian MITI mensyaratkan apa yang perlu mereka meluluskan sebuah kawasan perindustrian. Seperti keluasan jalan. Kita nampak di kawasan perindustrian di kawasan kita, jalannya tidak cukup lebar. Kalau dua tiga *container* kalau *park* di sebelah sebelum mereka dapat buat *loading, unloading* itu jalan kita tidak dapat jalan.

Lagi satu, saya ingin membangkit iaitu kawasan perindustrian di Melaka yang baru diluluskan. Itu *street lighting*, dengan izin Tuan Pengerusi, *street lighting* dan *telephone cable*, syarikat TNB dan TM perlukan berapa kilang beroperasi peratusannya baru mereka ingin hendak tarik kabel masuk. Kena tunggu, kalau kilang-kilang yang sudah masuk dan sudah beroperasi tanpa *telephone cable*. Bagaimanakah nak *operate*? Kawasan itu tidak cukup peratusannya kita nampak kawasan perindustrian gelap sahaja. *Street lighting* tidak berfungsi.

Sebab itu saya ingat kementerian ini perlu berbincang dengan pentadbir kerajaan tempatan atau dengan TM dan TNB. Kita kena syarat kan, kalau kita hendak menaikkan taraf tentang kemudahan asas di kawasan perindustrian saya ingat kita perlu mengikat mereka dengan persetujuan dengan beberapa syarat. Kalau tidak ini macam tunggu-menunggu. Saya mahu tunggu sampai *street lighting* ada, *telephone cable* baru saya nak pindah masuk kilang atau saya sudah pindah masuk saya tunggu kabel datang. Itu satu keadaan yang perlu kita beri perhatian.

**■1450**

Tadi saya pun- Yang Berhormat dari Jasin dan juga Yang Berhormat Seputeh ada sebut tentang daya persaingan negara kita yang semakin merosot, *rating* kita sudah dari tangga 18, sudah jatuh sampai 24. Saya memang setuju mengikut Butiran 00404 – Program Daya Saing Negara.

Saya ingin tahu kalau Yang Berhormat Menteri dapat beritahu Dewan yang mulia ini, adakah program yang telah dilaksanakan, apakah pencapaiannya? Bolehkah bagi satu keyakinan kepada Dewan ini? Saya masih tidak berapa yakin tentang program yang dilaksanakan oleh NPC. Saya tidak nampak mereka dapat membawa sektor perindustrian di negara kita dalam satu tahap yang cukup boleh bersaing dengan negara-negara yang lain. Kalau Menteri dapat beritahu, apa program yang telah diatur dan bagaimana dengan pencapaiannya, prestasinya? Adakah ia memuaskan atau kita perlu lebih *study on it*.

Sekarang memang masa sudah berubah, terutama kalau kita bawa lagi lebih pelabur dari negara China ke negara kita. Bagaimanakah kita dapat bersaing dengan pelabur-pelabur negara China dalam negara kita sendiri? Bukan hanya untuk eksport tetapi untuk *local consumption* iaitu bagaimana kita dapat, permintaan di *local* sekarang ada lagi satu pilihan. Dahulu mereka pilihan di antara pekilang-pekilang tempatan, sekarang dia boleh buat pemilihan dari pekilang tempatan dengan pekilang negara China. *Raw materialnya* pun import dari negara China juga dan kita kena bayar lebih kerana *taxes*.

Oleh sebab itu saya minta kalau Menteri boleh beritahu kita, adakah sebarang syarat-syarat yang tertentu dikenakan kepada semua pelabur dari luar negara iaitu mereka perlu *the same platform* dengan kitalah. Mereka datang kita, *at our spent*, dengan izin Tuan Pengerusi, *at our spent*, kerugian kepada pelabur tempatan. Minta Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan kepada Dewan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Putatan. Selepas Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**2.53 ptg.**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih juga kerana Menteri MITI juga berada mendengar.

Saya hanya dua perkara sahaja yang saya akan tumpukan Tuan Pengerusi, sebab semalam saya telah pun mengadakan program serupa dengan apa dalam P.24, Butiran 00603 – Program Keusahawanan, dan bagi Maksud P.24 bagi Butiran 00532 –

Taman Teknologi Sabah. Dahulu Taman Teknologi ini ada "*park*", Taman Teknologi Park tetapi sekarang itu "*park*" sudah hilang, yang berjumlah RM6 juta sebenarnya.

Tuan Pengerusi, semalam saya ada mengadakan kursus untuk mewujudkan keusahawanan wanita di kawasan saya dan juga termasuklah usahawan tani, usahawan belia dan usahawan wanita. Keseluruhannya terdiri daripada bercampur-campur bumiputera dan bukan bumiputera, Tuan Pengerusi. Apa yang maksud saya, saya mahu tanya jenis program keusahawanan yang di bawah kementerian ini. Ini sebab setahu saya kementerian yang lain pun juga melaksanakan program keusahawanan. Jadi di mana, mungkin ada NBOS ataupun *Blue Ocean Strategy*, di mana peranan utama bagi pihak MITI ini dapat membantu wakil-wakil rakyat untuk mewujudkan, membantu kerajaan, agenda kerajaan yang mewujudkan usahawan wanita, usahawan bumiputera, usahawan petani, usahawan belia dan usahawan-usahawan yang lain lagi.

Jadi, saya mohon jika mendapat penjelasan daripada MITI supaya Ahli-ahli Parlimen boleh membantu pihak kementerian untuk melaksanakan program keusahawanan ini. Ini sebab kita selalu dipanggil oleh penganjur-penganjur yang kita terpaksa merasmikan program-program tersebut dan ia memerlukan perbelanjaan yang begitu besar untuk membeli benda-benda yang harus dibuat. Apa yang maksud saya, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Teknologi Park, dengan program keusahawanan ini ada sangkut paut. Jadi, saya mahu bertanya dengan Menteri, di mana sebenarnya Taman Teknologi Park di Sabah ini, saya belum dengar lagi. Apakah jenis-jenis program yang telah dilaksanakan? Siapa pemain-pemainnya, siapakah *stakeholders*nya? Apakah jenis-jenis yang telah dilaksanakan? Adakah ia bertumpu kepada keusahawanan atau pada R&D, penyelidikan dan pembangunan?

Setahu saya ini teknologi park dahulu sebenarnya saya dengar diletakkan di daerah Tambunan. Ada juga yang mengatakan ia diadakan di daerah Papar. Ada kekeliruan daripada rakyat, Tuan Pengerusi. Saya mohon Menteri dapat memperjelaskan perkara ini. Ini sebab ada banyak peminat untuk menjalankan penyelidikan R&D- *research* mencari penemuan ke atas biodiversiti di Sabah. Terutama kita punya flora dan fauna, *insectology* dan berbagai lagi jenis tumbuhan, jenis kulat.

Selain daripada itu, inilah produk-produk yang mungkin kita boleh hasilkan sebagai produk yang dikeluarkan dari negeri Sabah. Satu yang dikatakan semalam dalam ucapan saya adalah menumpukan kepada bukan sahaja *handicraft* tetapi dengan tekstil yang membuat motif-motif tersendiri untuk para pelancong yang banyak sekarang, yang ramai sekarang pelancong daripada China, yang mencari pemakanan eksotik.

Jadi, ini makanan mungkin kita boleh wujudkan untuk khusus kepada pelancong daripada China. Tidak kira halal atau tidak halal makanan ini sebab pelancong China mencari makanan yang eksotik. Apa yang saya sebut semalam makanan-makanan seperti ulat sagu yang kita boleh *culture* ataupun yang juga pemakanan tempatan itu ada juga memakan cacing laut Yang Berhormat Menteri. Jadi, ini boleh jadi penarik kepada pelancong daripada China yang mana membayar benda-benda yang mungkin kita dapat murah tetapi mereka ini boleh membayar begitu mahal, harga yang tidak memerlukan *capital* yang mahal. Jadi, inilah satu-satunya.

Lagi ini peminuman, ubat-ubat tradisi. Ubat-ubat tradisi yang dikatakan untuk membaiki kita punya kesihatan. Jadi, ini kita buat kajian dengan apa yang telah dilakukan orang-orang tempatan yang dahulu lagi. Supaya kita dapat mewujudkan produk yang produk mungkin kita boleh pasarkan kepada pelancong-pelancong daripada negara luar. Jadi, ini satu keminatan dan kita buat kluster di peringkat-peringkat kawasan perkampungan. Yang Berhormat Menteri, saya telah pun melantik dua orang profesor untuk membuat kajian untuk *loop* di kawasan saya sebab ada zoo, ada tempat *wildlife*, ada tempat *cultural village*, ada juga tempat pemakanan makanan-makanan dari dasar hasil laut dan ia juga berdekatan dengan Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Ada beberapa buah hotel di kawasan itu dan selalunya dipenuhi oleh pelancong daripada negara China.

#### ■1500

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya meminta kepastian daripada pihak kementerian, apa jenis bantuan sekiranya wujudnya kami membuat satu kluster untuk mewujudkan usahawan-usahawan wanita yang terutama ibu tunggal di kawasan-kawasan Parlimen masing-masing. Jadi inilah satu kluster yang saya buat *very basic* yang di mana disentuh seperti menanam ubi kayu dan dibuat kerepek, yang *very basic* yang kita boleh buat di *backyard industry* ataupun tanam pisang Sabah yang sekarang *well demand*, dan kita eksport ke Singapura. Kenapakah kita tidak buat kerepek itu? Ia diajarkan penduduk-penduduk ini membuat kerepek supaya kita boleh jual di *hypermarkets*. Jadi ini boleh membantu agenda kerajaan yang mewujudkan usahawan-usahawan dan memperkasakan usahawan-usahawan bumiputera terutama di kawasan perkampungan. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri dan sebelum itu, saya ingin mengumumkan, ya?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sokong pandangan Yang Berhormat Putatan. Kalau Yang Berhormat Putatan lihat dalam buku Bajet ini di mana SMECorp, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana, peruntukannya telah pun turun daripada RM55 juta pada tahun ini kepada RM40 juta



pada tahun depan. Jadi dengan pengurangan begitu banyak ini, macam mana MITI boleh membantu pihak kesemua industri yang disebutkan oleh Yang Berhormat di Sabah ini? Adakah Yang Berhormat sokong yang peruntukan di sini sepatutnya dinaikkan dengan lebih lagi supaya boleh membantu perindustrian di Sabah?

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Seputeh ini tidak dapat tidur kalau tidak dapat ganggu... *[Dewan ketawa]* Tidak apalah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih kerana membawa perkara ini dan saya harap Menteri dapat menjawab perkara itu. Akan tetapi sebelum itu Yang Berhormat, kerajaan sekarang berhati-hati dan berhemah kerana perbelanjaan selalunya diboroskan. Jadi ini satu pendekatan oleh pihak kerajaan supaya kita berjimat-jimat. Walaupun program itu tidak putus dan tidak dikurangkan tetapi perbelanjaan itu memadai dengan program apa yang dimaksudkan. Saya harap Menteri juga setuju dengan saya, berhemah dengan perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, sebelum saya mengakhiri, saya memohon Dewan ini mengalukan kehadiran di galeri, Ketua-ketua Kampung Parlimen Pontian dan Parlimen Tanjung Piai serta pemimpin masyarakatnya *[Tepuk]* Berilah tepukan untuk pemimpin-pemimpin kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Manakah Ahli-ahli Parlimen itu? Tidak hadir pun untuk sambut tetamu mereka.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Itu Ahli Parlimen dia ada, Ahli Parlimen dia ada.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Ahli Parlimen Pontian ada, ada.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

### 3.04 ptg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang saya memang sukalah dan sokong kerana kehadiran beliau di Dewan yang mulia ini.

Bagi saya, saya akan menimbulkan beberapa butiran yang penting. Saya bermula dengan B.24, Butiran 010100 – Pengurusan Korporat, dan kod nombor yang saya hendak pilih, hendak fokus ialah kod Butiran 020000 – Perkhidmatan dan Bekalan.

Saya memerhati bahawa Menteri ya, dia jatuh daripada RM80 juta setahun iaitu tahun ini, tahun 2016, jatuh ke RM21 juta untuk tahun 2017. Maknanya perkhidmatan dan bekalan ini terdapat satu *drastic cut* sebanyak 74 peratus.

Saya juga merujuk kepada Butiran 010400 – Khidmat Pengurusan yang dulu itu pengurusan korporat. Ini khidmat pengurusan kod yang sama Butiran 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Ia juga jatuh daripada RM74 juta untuk tahun ini ke tahap RM16 juta sahaja pada tahun depan. Ini lagi besar, 78 peratus potongannya.

Menteri, saya sudah banyak menimbulkan perkara ini tentang potongan perkhidmatan dan bekalan di dalam beberapa *ministry* termasuk Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Apa yang saya perhatikan daripada Menteri-menteri, dia tidak beri jawapan butiran yang terperinci. Saya perlukan butiran terperinci, kalau boleh bagi secara *oral*. Kalau tidak boleh secara tulisan.

Oleh sebab apa yang kita lihat Tuan Pengerusi, ialah potongan drastik 74 peratus, 78 peratus ini tidak munasabah. Ia akan menyebabkan isu tentang pengurusan. Bolehkah pengurus-pengurus buat kerja kalau kena potongan yang terlalu drastik. Oleh itu, saya hendak tanya, apa butirannya sebab kita kena tahu adakah ini disebabkan ketirisan ataupun penyelewengan ataupun beli surat khabar ataupun beli kertas-kertas kerja ini terlalu mahal.

Baik, saya merujuk pula kepada P.24 atau Pembangunan 24 Butiran 00201 – Program Pembangunan Industri Automotif dan juga saya merujuk kepada Butiran 00202 – Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodelan.

Saya tidak tahu di bawah mana butiran sebenarnya isu tentang Proton. Apa yang kita baca dalam surat khabar ialah Proton akan terima banyak dana baru sebab Proton tidak boleh buat kerja dengan baik, menghadapi isu tentang *marketing* dia. Tidak boleh jual kereta.

Jadi, MITI telah menunjukkan satu kewibawaan yang baik, hendak tolong Proton. Saya hendak tanya Menteri, bawah mana butiran ini? Adakah Butiran 00201, ataupun Butiran 00202. Apa yang penting bagi saya ialah kita dah baca Proton ini akan dijual kepada syarikat lain. Kemungkinan jual kepada syarikat Jepun, Suzuki. Kemungkinan juga boleh dijual kepada syarikat China. Nampaknya *flavor of the month* dengan izin, *It's Chinese company*.

Jadi saya hendak tanya, ini soalan penting tentang Bajet. Kalau Proton dijual pada tahun 2017, adakah dana ini yang disediakan sebanyak RM150 juta, skim adakah ini akan ditarik balik? Kalau kita hendak jual pada orang lain, kenapakah kena bagi lagi

skim itu? Jadi, penting daripada segi penjualan Proton, kontrak yang kita hendak jual itu kalau boleh Menteri bagi satu konsep sama ada kita akan teruskan skim RM150 juta ini.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada P.24, Butiran 10300 – SME Bank. Ini peruntukan projek, dia namakan satu projek peruntukan. Saya hendak minta Menteri bagi penjelasan dengan terperinci juga apakah sebenarnya projek RM200 juta ini, projek keseluruhan ini. Tahun 2016, RM20 juta dan tahun depan RM40 juta. Adakah SME Bank di bawah Butiran 10300, adakah projek ini projek pinjaman ataupun projek apa?

Kalau projek pinjaman Tuan Pengerusi, kita akan berdebat satu *motion* tidak lama lagi di mana dengan izin, *conversion of government debt into equity*. Adakah ini menunjukkan bahawa SME punya program tidak berjaya? SME Bank tidak berjaya? Adakah *return on investment* yang diperlukan untuk memastikan bahawa Bajet sebanyak RM200 juta program ini, RM40 juta untuk tahun depan sebenarnya menghasilkan perkara yang betul.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada P.24 Butiran 96000 – Cadangan Pembangunan Bangunan Pejabat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya lihat projek ini RM1 bilion kos dia. Saya hendak tanya mana tapak bangunan ini? Berapa kaki persegi kita hendak bayar sama ada ini bayar untuk tanah ataupun ini tanah kerajaan ataupun ia untuk *construction* sahaja. *How much per square feet are you going to spend? How big is the area*, dengan izin, siapa kontraktor, dan adakah ini proses open tender?

Apa yang saya lihat sangat *mysteries*, anggaran RM63 juta untuk tahun ini. Apakah RM63 juta untuk tahun ini? Kalau kita tiap-tiap bajet tahun bayar RM63 juta, projek ini akan membuat kes 15 tahun untuk *complete* satu *billion*. Kalau kita ambil RM63 juta kali 15 tahun, kita dapat RM1 bilion. Takkan kita hendak buat bangunan RM1 bilion dalam masa 15 tahun. Jadi maknanya, apakah *payment* untuk RM63 juta untuk tahun depan? Adakah ia *architecture fees* ataupun *QS fees, whatever is this*.

▪ 1510

**Seorang Ahli:** Komisyen.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Komisyen? Baik.

Isu terakhir dan saya difahamkan bahawa ramai kawan kita dalam Dewan ini telah menimbulkan isu tentang Donald Trump dan juga TPPA. Saya cuma hendak kata dalam dua tahun lebih ini, saya berkenalan dengan Yang Berhormat Menteri, kita sudah masuk *caucus* TPPA, berdebat tidak habis, *argue*, ada *PWC Report*, saya memang terharu dengan keprihatinan Yang Berhormat Menteri memastikan *negotiation* untuk TPPA ini berhasil dan baik untuk negara. Saya cuma hendak tambah satu benda

sahaja. Nampaknya TPPA ini sudah *dead on the water*. Sudah habis cerita dia. Saya cuma hendak komen satu benda. Nanti bila Yang Berhormat Menteri berdebat tentang isu TPPA dan Donald Trump, saya akan cuba masuk juga untuk *probe the issues*.

Akan tetapi saya cuma hendak kata satu benda iaitu kita telah *dodged the bullet* dengan izin, *and also- even though I'm not religious* Tuan Pengerusi, *it's appears that God works in mysterious way*. Thank you so much. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

### 3.11 ptg.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa Mohamed]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia kepada Tuan Pengerusi dan juga Ahli Yang Berhormat dan juga wakil-wakil dari Pontian dan Tanjong Piai. Selamat datang ke Parlimen Malaysia. Kami sekarang sedang dalam Peringkat Jawatankuasa. Peringkat Dasar sudah habis- untuk makluman pelawat-pelawat daripada Pontian dan Tanjong Piai. Hari ini giliran saya untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Jadi pertama saya ucapkan terima kasih kerana banyak peminat, TPP mendapat perhatian yang paling tinggi daripada Ahli Yang Berhormat. Tidak kurang sepuluh orang Ahli Parlimen membangkitkan perkara ini termasuklah Yang Berhormat Rompin; Yang Berhormat Sepang; Yang Berhormat Kota Tinggi; Yang Berhormat Temerloh; Yang Berhormat Kuala Selangor; Yang Berhormat Sungai Siput; dan tadi baru sekejap Yang Berhormat Kelana Jaya. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbincangan berkaitan TPP.

Mula-mula saya hendak beri sedikit latar belakang. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, saya tahu Ahli Yang Berhormat sudah pun baca. Minggu lepas kita ada pertemuan dengan ahli-ahli *caucus* daripada Barisan Nasional dan parti-parti pembangkang hadir sama, 20 orang Ahli Yang Berhormat hadir. Satu minggu yang lalu saya telah maklumkan beberapa kemungkinan. Ringkasnya saya kata dua kemungkinan.

Pertama, TPP mungkin akan berkubur sekiranya Trump menjadi Presiden. Kedua, TPP mungkin akan pergi ke Kongres dan akan disahkan setuju oleh Kongres sekiranya Hillary Clinton menang. Itu antara dua kemungkinan yang saya kongsi dengan Ahli Parlimen semasa memberi taklimat kepada Ahli Barisan Nasional dan juga kepada Yang Berhormat pembangkang.

Jadi sekarang sudah *breach under the water*. Sudah selesai belaka dah. Jadi sekarang ini kita cakap tentang apa yang sudah berlaku. Ringkasnya yang berlaku hari

Jumaat lalu ketua-ketua Kongres, *party leaders, both Democrat and Republican* telah menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk meneruskan usaha membawa ini kepada Kongres dan Presiden Obama menyatakan bahawa terserah kepada badan legislatif hala tuju TPP. Bermakna kalau sebelum ini Obama memang begitu berminat kerana ia merupakan satu dasar yang penting, *divert to Asia*, dengan izin, Obama untuk merapatkan hubungan negara Asia. Itu merupakan salah satu daripada perkara utama diperjuangkan Obama tetapi apabila Trump menang, maka beliau menyatakan bahawa terserah kepada ahli-ahli Kongres untuk menentukan hala tuju TPP. Dalam lain perkataan, pada masa ini TPP nampak gayanya tidak banyak harapan untuk menjadi satu realiti.

Perdana Menteri New Zealand telah mengeluarkan kenyataan menyatakan bahawa harapannya adalah *slim*, tipis. Presiden Peru telah menyatakan bahawa ada kemungkinan beliau akan mengusulkan kerana beliau akan mempengerusikan Mesyuarat APEC di Lima minggu depan. Ada kemungkinan dia mengusulkan bahawa teruskan rundingan tanpa Amerika, masuk China. China belum ada lagi, masuk China. Pada masa yang sama kita tahu bahawa pada hari Jumaat yang lalu di *Diet, Lower House* Jepun, TPP sudah diluluskan. Walaupun Trump menang di Amerika Syarikat tetapi Perdana Menteri Jepun begitu berminat dan begitu berhasrat dan komited untuk meneruskan rancangan tandatangan TPP. Seperti sedia maklum, Abe ada tiga reformasi yang diperjuangkan.

Pertama, *first arrow, second arrow* yang melibatkan *monetary fiscal policy*. Yang ketiga *third arrow* dengan izin ialah, *reform* iaitu untuk membuat transformasi dalam ekonomi Jepun. Salah satu daripada instrumen utama *reform* ialah TPP. Jadi ini perjuangan Abe. Abe merupakan penyokong atau penyokong paling kuat TPP. Jadi di *Diet*, Jepun pada hari Jumaat yang lalu, 11 November, TPP sudah diluluskan oleh *Lower House* Jepun walaupun gambaran pada masa itu sudah pun jelas daripada Amerika Syarikat menyatakan bahawa TPP sukar untuk menjadi satu kenyataan. Itu apa yang berlaku di seluruh dunia.

Seterusnya saya hendak kongsi Ahli Yang Berhormat, lapan atau sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan tentang....

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan isu berkaitan dengan TPP dan minta pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai kewajaran mana-mana negara untuk *depend* kepada satu negara. Dalam kes ini, Amerika Syarikat untuk menjadikan TPP satu realiti. Lapan tahun kita telah berbincang isu berkaitan dengan TPPA tetapi kita menggunakan cara- *the plan* itu

pelan Amerika Syarikat. Saya maksudkan Amerika Syarikat dan dia punya *expertise* dan sebagainya.

*But now we see because of Amerika Syarikat tidak dapat sokongan daripada Kongres dengan Senate, maka it's dead, it's finished then kaput. So is it wajar- adakah wajar untuk mengadakan satu perjanjian perdagangan bebas yang banyak bergantung kepada satu negara untuk menjadikan itu successful ataupun tidak. So minta pandangan Yang Berhormat.*

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Klang. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Yang Berhormat Sungai Siput bercakap tentang *template* Perjanjian Perdagangan Bebas ini. Jadi seperti kita sedia maklum, dalam dunia ini banyak, dengan izin, *competing ideas*. Salah satu isu terkini dalam majalah *Economists* menyatakan bahawa *Economists* ini, banyak lagi media lain yang tidak menyokong Trump tetapi antara yang paling lantang yang menentang Trump ialah majalah *Economists*. Antara lain ia menyatakan bahawa dalam dunia ini apabila berlakunya dengan izin, *collapsed of the Berlin War 1989*, maka ini macam *end of Communism*.

Kalau dulu ada *competing ideas, communism and capitalism*, maka 1989, 1990 dilihat sebagai satu *watershed* di mana ada *congruence*- ada kesepakatan dalam dunia. Itulah sebenarnya yang berlaku apabila tension berkurangan daripada segi politiknya dan daripada segi perdagangan, kami merasakan bahawa kita telah mendapat banyak faedah daripada perdagangan bebas. Ada juga pertanyaan daripada Yang Berhormat Temerloh mengenai dengan WTO. Saya ingat Yang Berhormat Sepang bercakap tentang WTO.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jadi perdagangan bebas ini secara umumnya telah membawa banyak faedah, WTO umpamanya. Trump antara lain menyatakan bahawa kemasukan China, Amerika menyokong China masuk dalam WTO, menjadi anggota satu kesilapan besar. Ini antara perkara yang dinyatakan oleh Trump. Tidak setuju Amerika sokong China masuk mengikut Trump. China masuk WTO ini adalah satu *disaster* kepada dunia. Itu sebabnya Trump telah mengusulkan supaya dikenakan cukai yang tinggi kepada negara China, barang-barang dan juga Trump sudah menuduh negara China sebagai telah manipulasi *currency*.

Akan tetapi dari sudut yang lain, kita tahu bahawa kalau China tidak menjadi sebahagian daripada WTO, apa yang berlaku, yang pertama, negara China pada pandangan kami akan mundur, masih mundur. Pada pandangan banyak pihak, China menjadi maju hari adalah kerana menjadi - WTO mendapat akses kepada pasaran.

Sekarang ini China merupakan *the biggest trading nation*, yang paling besar dalam dunia dan daripada segi ekonominya, nombor dua dalam dunia selepas Amerika, negara China oleh sebab menjadi anggota WTO.

■1520

Itu dari sudut perdagangan bebas. Jadi secara umumnya perdagangan bebas ini telah memberi kesan yang baik kepada dunia. Jadi persoalannya Yang Berhormat Klang menyatakan adalah wajar kita ikut pendekatan *template* Amerika. Amerika ini memanglah katanya *defender of freedom, democracy, free take*. Itu antara sebutan-sebutanlah. Akan tetapi jelas kepada kita bahawa kalau kita berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan kepada Trump, beliau menentang TPP antara lainnya kerana dia menyatakan bahawa TPP ini akan mengeksport pekerjaan daripada Amerika ke Mexico, ke Kanada, ke Malaysia, ke Vietnam. Itu antara sebab.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sikit saja.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jadi maknanya peluang pekerjaan Amerika akan berkurangan. Keduanya dia kata bahawa standard- kalau Clinton umpamanya dia kata dia tidak setuju kerana ia bukan *gold standard*. Maknanya standard TPA ini rendah. Jadi ini antara sebab.

Jadi ini antara sebabnya Trump ini menentang TPP sebab utamanya ialah kerana beliau menyatakan bahawa TPP akan menjejaskan ekonomi Amerika Syarikat. Jadi ini yang berlaku. Negara-negara seperti Malaysia, Vietnam, Singapura berpendapat bahawa ia akan membantu pertumbuhan ekonomi dunia dan kita Ahli Yang Berhormat sedia maklum yang dalam *caucus* dalam Parlimen ini dan juga Amerika Syarikat sebelum ini, sebelum Trump, Yang Berhormat Klang baca daripada *Peterson Institute Report* beberapa laporan yang lain yang menyatakan bahawa Amerika akan dapat untung daripada penyertaan dalam TPP tetapi Trump mempunyai pandangan yang berbeza.

Jadi persoalannya adakah wajar kita mengikut *template* ini. Secara umumnya *template* perdagangan bebas, WTO itu telah memberi - WTO umpamanya telah membangkitkan kenapa kita masuk WTO. Apa faedah WTO, Adakah WTO ini memberi perhatian cuma kepada negara maju dan negara membangun rugi? Tidak. WTO ini yang ditubuhkan sudah lama sudah pada tahun 1995, mula *guest* lagi. Sudah 160 lebih negara menjadi ahli telah menetapkan beberapa *rules* dengan WTO untuk mengenakan sekatan perdagangan, ada undang-undang dan peraturan. Jadi WTO merupakan- kalau dalam bidang politik, diplomasi ada Bangsa-Bangsa Bersatu. Maka dalam bidang perdagangan WTO memainkan peranan amat penting untuk menetapkan dasar-dasar dan peraturan perdagangan...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Itu merupakan *take template* kita, *template* perdagangan bebas dan Malaysia masih berpendapat kita sudah tandatangan 13 perjanjian, enam bilateral dan tujuh melibatkan ASEAN multilateral. Kita masih berpendapat bahawa *template* itu boleh diguna pakai. Cumanya dalam TPP seperti Yang Berhormat sedia maklum, kita telah berjaya untuk mengetengahkan dasar kita umpamanya dasar berkaitan dengan bumiputera. Ini satu kejayaan yang besar.

Tadi Yang Berhormat Kelana Jaya pun mengatakan bahawa pasukan-pasukan perunding dalam Dewan ini, kita bincang 26-27 Januari. Banyak pandangan tetapi saya dapat juga pandangan menyatakan bahawa pasukan perunding kita telah mendapat *the best deal*. Kenapakah, bumiputera, dasar perolehan bumiputera yang sebelum ini tidak pernah diiktiraf oleh mana-mana perjanjian antarabangsa diiktiraf oleh TPP?

Jadi ringkas ceritanya ialah *template* sebagai rangka tetapi sudah pasti berdasarkan kepada dasar kita. Dasar kita dalam perolehan antara lainnya ialah untuk membantu bumiputera PKS. Itu sebabnya kita rundingkan dengan jayanya dan ini satu kejayaan bagi pasukan Malaysia.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sikit saja saya hendak tanya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [Bangun]

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Kita ikut membabi buta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pandang sini Yang Berhormat, Yang Berhormat Indera Mahkota kah, Yang Berhormat Klang kah.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih. Saya hendak tanya soalan yang mudah saja. Kiranya kita sudah tahu bahawanya Trump tidak bersetuju dengan TPP, kiranya Amerika *withdraw*, menarik diri, apakah Malaysia mempunyai pendirian bahawasanya TPPA akan diteruskan ataupun kita hanya mengikut saja jejak yang dianjurkan oleh Amerika?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Soalan hampir sama dibangkitkan oleh Yang Berhormat Temerloh menyatakan bahawa tidak payah tunggu-tunggulah. Tidak payah tunggu dan lihat. Jadi yang pertamanya dua perkara.

Pertamanya Bab 30 menyatakan bahawa untuk TPP menjadi satu realiti, ia perlu enam buah negara yang menyumbang 85 peratus pada GDP 12 buah negara tersebut dan dalam TPP ini negara terbesar ialah Amerika Syarikat, 60 peratus. Makna kalau enam buah negara yang bersetuju, Amerika tidak masuk, dapat kata 40 peratus GDP.



Maka maknanya, syaratnya ialah 85 peratus. Jadi TPP akan beroperasi. Cuma sekiranya enam buah negara sekurang-kurangnya yang menyumbang 85 peratus kepada *output* TPP, maka barulah TPP dapat dilaksanakan. Jadi kalau sekiranya Amerika tidak bersetuju, ini merupakan 60 peratus. Maka 40 peratus GDP tidak memungkinkan TPP dilaksanakan.

Bahagian kedua berkaitan apa pendirian Malaysia, Yang Berhormat Indera Mahkota yang kedua, tadi. Sudah pasti kita ada pendirian. Itu sebabnya saya sudah kata dalam Dewan yang mulia bahawa akan diadakan mesyuarat di kalangan Menteri-Menteri Perdagangan, APEC. APEC ini satu perkongsian 21 buah negara dan ke semua negara TPP merupakan ahli APEC. Jadi apabila APEC bermesyuarat, akan ada pertemuan-pertemuan Menteri-Menteri yang terlibat dalam TPP sebanyak 12 buah negara dan pemimpin-pemimpin APEC juga berjumpa.

Ini walaupun sebelum ini tidak ada dalam agenda, tidak ada dalam legenda APEC. APEC ini terlibat dalam sebahagian *trade facilitation*, memudahkan perdagangan. Itu merupakan fokus yang utama APEC. Oleh sebab perkembangan terkini ini...

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Oleh yang demikian maka ini akan dibincangkan dan pendirian kita, yang pertama pendirian kita, dasar kita ialah kita *we open to ATS*, umpamanya yang terkini kita datangkan dengan Turki. Saya sebut dalam Dewan banyak kali telah mendatangkan banyak faedah kepada negara, peningkatan ketara dan perdagangan kita dan baru-baru ini Iran ada. Saya melawat Iran dua minggu lepas umpamanya. Ada hasrat di pihak Iran untuk berbincang dengan Malaysia kemungkinan mengadakan satu perjanjian perdagangan bebas.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jadi kita terbuka tetapi sudah pasti apa jua kita lakukan berdasarkan kepada faedah bagi negara dan dalam TPP kita berpuas hati bahawa ia mengambil kira kepentingan dasar bumiputera. Itu antara sebabnya kita masuk TPP dan sebab satu lagi kita belum FTA dengan empat buah negara iaitu Amerika, Kanada, Mexico dan Peru.

Jadi tindakan kita pada masa ini kita terbuka. Nampak sekarang ini kemungkinan untuk perkara ini pergi ke Kongres, memang tidak akan berlaku. Akan tetapi ada juga berpendapat apa yang berlaku selepas 20 Januari, kita belum tahu lagi kerana ada pihak yang menyatakan bahawa Donald Trump sudah mengubah beberapa pendirian berkaitan beberapa perkara dan ada pihak yang agak optimis menyatakan mungkin akan ada walaupun sekarang ini nampak tidak ada *the idea will not fly*, dengan izin,

tetapi ada pihak-pihak, bukan semualah, ada juga berpendapat bahawa apa yang berlaku lepas 20 Januari kita kena tengok.

Itu sebabnya kadang-kadang kenyataan saya menyatakan kita tunggu dan lihat. Ya Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan Yang Berhormat Menteri. Adakah ini bermakna bahawa kerajaan tidak akan membuat keputusan sehingga ataupun akan membuat keputusan selepas APEC. Maknanya tentang TPPA. *We going to make any, dengan izin, any official position on the status of TPPA.* Kalau kita hendak tunggu Trump bangun satu hari dia kata kita hendak tukar balik, hendak sambut TPPA. Kita tidak boleh di dalam satu situasi yang mana *we are in a limbo.* Kita ada dua tahun untuk melaksanakan semua *reform* ataupun rang undang-undang baru untuk TPPA. *They must be a specific time, dengan izin, the Minister or the Prime Minister to make a stand when the TPPA officially date in Malaysia.* Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Hendak tambah sikit saja. Yang Berhormat Menteri hendak tambah sikit.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih. Kita sudah berunding lima tahun dan seperti mana kata Yang Berhormat Klang, idea ini timbul lapan tahun lalu. Kita sudah berkawan lama sudah. Beberapa siri perundingan di seluruh dunia. Kita dengan izin, *invested a lot of time and money*-lah buat kajian PwC, masuk Dewan ini, kita bertelagah, bertengkar, dalam Dewan kecil, Dewan besar. Jadi kita telah buat keputusan, kita buat keputusan 26-27 Januari Dewan ini meluluskan satu usul membenarkan saya tandatangan TPP. Maka pada 4 Februari 2016, saya tandatangan di Auckland apabila mendapat mandat.

Jadi kita telah melabur banyak masa dan tenaga dan kewangan dan kita yakin bahawa ini kalau semuanya teratur, kita yakin dapat faedah daripada kita. Jadi kita sudah lima tahun berunding, kita rasa jangan terburu-burulah. Kita boleh sama ada hendak buat keputusan selepas APEC atau hari kemudiannya, itu saya minta Ahli Yang Berhormat sabar ya. Kita akan buat keputusan yang tepat. Apa yang penting kita akan buat keputusan yang tepat untuk rakyat dan saya telah bagi jaminan dalam beberapa pertemuan. Apa pun kita akan maklumkan kepada Ahli Parlimen dan juga rakyat Malaysia termasuklah ahli-ahli *caucus* ada juga permohonan supaya RCEP umpamanya yang satu subjek yang saya akan cakap selepas. Kita juga akan bincang dengan Ahli-ahli Parlimen *caucus.* Terima kasih.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Kalau boleh penjelasan lebih. Sedikit.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Okey Yang Berhormat Kelana Jaya.

## ■1530

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Ini Yang Berhormat Serdang.

Ini bukan untuk mintak *dateline* atau apa-apa, saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri sama ada pindaan yang telah dikatakan akan berlaku di bawah TPPA ini di mana mungkin akan memberi kebaikan kepada negara daripada segi *labour chart* ataupun *environmental chart* untuk memperkukuhkan undang-undang *human resource* ataupun *labour* dan alam sekitar. Adakah rancangan untuk meminda undang-undang ini akan diteruskan walaupun mungkin TPPA ini terjejas.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Pengerusi, soalan Yang Berhormat Serdang ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor dalam perbahasan. Jadi saya akan jawab jugalah oleh sebab Yang Berhormat Serdang sudah bangkit saya akan jawab Yang Berhormat Kuala Selangor berkaitan dengan 18 undang-undang ini dua bahagian.

Pertama yang melibatkan TPP yang kedua memang Kerajaan Malaysia sudah pun sebelum ini buat keputusan untuk membuat beberapa pindaan umpamanya Kastam. Beberapa perkara dalam Kastam sudah pun sebelum TPP lagi sudah pun membuat keputusan. Ada beberapa perkara baru umpamanya berkaitan dengan Undang-undang Buruh ini benda-benda baru yang kerajaan sudah pun buat keputusan dan kita rasa ini baik untuk buruh kerana buruh juga perlu diberi hak, majikan ada hak, kerajaan ada hak, buruh pun ada hak juga. Maka beberapa peruntukan dalam TPP kita merasakan baik untuk menjaga keharmonian hubungan industri, *industrial relation* antara majikan dengan pekerja.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [Bangun]

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jadi secara umumnya sebahagian daripada peraturan undang-undang yang kita cadang hendak dibawa ke Parlimen, 18 pindaan tersebut memang kita rancang sudah lama sudah. Tidak ada kaitan TPP tetapi berkebetulan TPP dibincangkan maka kita tumpang sekalilah. Akan tetapi ada juga perkara baru termasuk buruh yang kita rasa baik untuk negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang moden, untuk sebuah negara maju, 2020 adalah baik kita bagi hak yang lebih sedikit kepada pihak buruh.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak..

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri sedikit...

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak balik kepada isu yang telah

dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkait dengan sebab-sebab Amerika Syarikat ataupun mengapa Trump menang daripada Hillary Clinton. Akan tetapi Yang Berhormat soal depan kita TPPA ataupun mana-mana FTA ialah *who benefit from trade?* Siapakah yang mendapat kelebihan daripada perjanjian perdagangan bebas?

Saya tidak mahu sentuh dengan WTO tadi tetapi saya maksud dengan *TPPA and FTA Agreement whether is bilateral or multilateral*. Ada banyak kajian yang telah dibuat mengatakan bahawa pihak yang mendapat kelebihan yang besar, keuntungan yang besar firma-firma besar dan yang tidak dapat apa-apa kelebihan yang begitu ketara pekerja-pekerja, petani dan orang biasa. Jelas bahawa di Amerika Syarikat orang-orang yang menyokong Trump dengan juga Brexit di *United Kingdom*, yang menolak Brexit dan juga yang menyokong Trump di Amerika Syarikat orang-orang yang telah hilang kerja, yang tidak ada *loss of livelihood, loss of job, I mean loss of houses* dan sebagainya.

*So therefore*, di Amerika Syarikat dan Eropah *globalization has bypass the ordinary person* dan juga kita dapat ini semua hadapan sekarang di seluruh dunia *the benefit of trade* adalah *1 percent* bukan *99 percent*.

So, berkait dengan itu saya hendak cadangkan kepada pihak kerajaan supaya membuat satu ulang kaji ataupun *cost benefit analysis* di mana Malaysia punya 13 FTA's yang kita ada apakah, *what is the benefit to Malaysia*, siapa yang mendapat kontrak adakah firma-firma Malaysia yang mendapat kontrak-kontrak itu ataupun keuntungan yang lebih daripada firma-firma yang luar negara yang *invest* di Malaysia. Begitu juga pekerja, siapa pekerja biasa di Malaysia yang mendapat pekerjaan ataupun pekerja-pekerja dari luar negara yang mendapat kerja di Malaysia. *So, what is the net impact in Malaysia itself?* So, minta pandangan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Klang ini juga dibangkitkan dua perkaralah.

Pertama, Yang Berhormat Sungai Siput bangkit, Yang Berhormat Sungai Siput mendakwa bahawa TPP dan *trade* ini memberi faedah kepada cuma 0.00 peratus daripada penduduk dan memberi manfaat kepada *big multinational corporations*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Kedua, tadi juga ada satu Yang Berhormat bangkit telah pun ada cadangan supaya kerajaan mengkaji siapa sebenarnya, kita sudah tandatangan 13 ini umpama ASEAN. ASEAN kita sudah hampir 100 peratus tidak ada duti sekarang fokus kita ialah untuk mengurangkan *non-tariff barriers*, cukai sudah tidak ada sudah. Jadi sudah pun ada cadangan tadi, siapa sebenarnya. Jadi betullah kajian-kajian yang telah dibuat dan secara umumnya banyak kajian yang menyatakan

bahawa yang mendapat faedah daripada beberapa perjanjian ini ialah syarikat-syarikat besar.

Dalam pada itu mungkin kajian ini tidak *complete* kerana ada syarikat besar atau ada kecil. Syarikat besar dia ada vendor umpamanya, ada SME...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Dia bukan dengan izin, "*Makan seorang lah*". Bermakna syarikat besar, syarikat multinasional, syarikat Malaysia pun ada *supply chain* itu kalau pergi kepada Shah Alam, ke Johor, ke Melaka, ke Kulim, ke Pulau Pinang syarikat-syarikat besar. Ada syarikat kecil yang jadi sebahagian *supply chain*.

Jadi yang perlu kita lakukan ialah untuk memantapkan lagi *supply chain*. *Supply chain* ada, wajib ada, paling kurang *transport, small components*. Kita dasar kerajaan adalah untuk memantapkan lagi *supply chain* itu supaya ia benar-benar bagi faedah kepada SME's.

Jadi secara umumnya *big companies* memberi faedah kepada SME's paling tidak makanan, *transport*, itu paling kurangnya tetapi kita mahu yang *high level*.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Jeli..

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jadi saya terima baik pandangan Yang Berhormat bukan Yang Berhormat Klang sahaja, Yang Berhormat daripada kerajaan juga...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** ...Untuk kita buat kajian kerana memang ada kajian yang menyatakan bahawa beberapa perjanjian ini memberi faedah cuma kepada segelintir tetapi untuk menyatakan bahawa ia tidak ada faedah langsung ini adalah bertentangan dengan apa berlaku kerana Malaysia, *we are what we are today*, dengan izin, kerana kita punya *openers*, keterbukaan kita Pelabuhan Klang umpamanya kalau tidak ada perdagangan bebas umpamanya Pelabuhan Klang, ini kawasan Yang Berhormat Klang ini akan bukan lingkup tetapi tidak akan berkembang. Begitu jugalah pelabuhan lain, *airport* kita pun.

Jadi secara umumnya memang memberi faedah tetapi orang kata ada *rough edges*, dengan izin, yang perlu kita *polish up*. Kita kerajaan pun faham itu sebabnya dalam TPP kita runding dua perkara yang pertama antara lainnya ialah bumiputera.

Kedua, kita pastikan kita ada *strong SME chapter* satu bab yang kuat, ini merupakan perjuangan Malaysia dan TPP untuk pastikan TPP ada satu bab- yang

pertama dalam mana-mana perjanjian perdagangan ada bab yang kuat untuk SME untuk mengukuhkan lagi supply chain tadi ya. Jadi kita mengakui bukan *perfect* tetapi kita ambil kira dalam perundingan-perundingan kita dalam memastikan bahawa *down the line* memberi faedah kepada perusahaan kecil dan sederhana. Yang Berhormat Kota Tinggi..

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya terpanggil untuk bersama-sama untuk berbahas sedikit mengenai TPPA ini. Kita sudah buat satu persiapan yang *detail* TPPA dan akhirnya bila kita tandatangani kita negara yang mendapat *flexibility* yang paling banyak. Siapa sangka bahawa Trump akan menang. Bukan itu sahaja yang akan membimbangkan lagi bila hendak *put* 35 peratus *tax* kepada China contohnya.

Sebenarnya inilah *game changer* yang akan mengubah *landscape* perdagangan khususnya kepada negara yang paling besar dunia di China sekarang. Sudah tentu ia akan berkesan kepada yang lain. Soalan saya, saya pun bimbang juga akhir-akhir ini. Contohnya antara yang Trump cakap kenapa dia hendak *spend* USD150 bilion *supporting* NATO baik dia baik dengan Rusia. *That is another landscape change yang major* yang tidak pernah terfikirkan oleh sesiapa termasuk yang sebelah sana.

Satu lagi yang membimbangkan saya dekat di negara kita, Trump kata dia kata *if it is an American product I want it to be manufactured in America*, dengan izin. Maknanya kita *expect* sekarang kebimbangan hari ini, pembuat-pembuat *micro processor, chip semi computer* yang banyak di Penang dan sebagainya. Kalau inilah berlaku mungkin mereka kena *relocate the factory* balik ke Amerika dan kita akan melihat pengangguran yang besar-besaran.

Perkara ini berlaku dalam sekelip mata, tiga hari selepas Trump naik, *world equity USD1.7 trillion whip off*, dengan izin. Bon pun turun lebih USD1 trilion. Kita pun tidak terkecuali kita pun kena juga. Jadi saya hendak lihat *and I hope* dekat di negara kita saya minta kepada kementerian kena melihat satu *taskforce* menilai semula, mengkaji perkara-perkara yang berlaku ini dan Trump akan lakukan 76 inisiatif yang banyak itu satu perkara yang tidak pernah dijangka oleh orang lain sebab dia menang.

Jadi sudah tentulah saya rasa kerajaan kena melihat balik dan saya yakin di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri akan melihat balik sudut-sudut ini, dan melalui proses yang matang kita akan pergi APEC kita lihat lagi apa *outcome*, kita akan tunggu 20 hari bulan, *inauguration-* barulah kita dapat lihat sebenar-benarnya apa, *when the dust settle*, dengan izin, baru kita akan membuat keputusan yang tepat.

## ■1540

Ini bukan hanya negara kita, Yang Berhormat Menteri. Seluruh dunia melihat. Semua terkesan. Baik negara besar seperti Jerman, Perancis, United Kingdom- lepas Brexit, dan lain-lain, semua melihat. Jadi, kita kena *in tandem* dan saya harap kita melihat dengan sabar dan saya harap tidak ada tekanan apa-apa untuk kita membuat keputusan-keputusan yang tepat untuk menjamin kesejahteraan negara kita daripada segi *trade*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Kota Tinggi. Pertama, China ini memanglah Trump menyatakan bahawa dia akan mengenakan cukai 35 peratus ke atas barang-barang daripada China kerana Trump telah menyatakan bahawa terdapat *currency manipulation*. Maknanya, *currency* China Renminbi *is grossly under value*, dengan izinlah. Itu sebabnya dapat menembusi pasaran. Ini ada kaitan juga dengan- dia ada satu defisit yang besar *in the trade account* antara China dengan Amerika Syarikat ini, sekitar USD100 bilion setahun. Dia punya besar. Maknanya perdagangan Amerika eksport ke China ini lebih rendah daripada apa eksport China ke Amerika. Kira-kira jurangnya USD100 bilion. Jadi, itulah sebab kenapa Trump marah dekat China sangatlah.

Jadi, pada pandangan kita, walaupun ada isu begitu, maka ia harus pergi kepada WTO. China sudah jadi ahli WTO. Maka, kalau benar ada *currency manipulation* ataupun *unfair trade practices*, platform yang paling tepat ialah WTO.

Berkaitan dengan *made in America*, barang-barang keluaran Amerika. Kalau semua macam itu, maka kita jadi, "*katak bawah tempurung*". Macam saya Jeli, susah hendak *survive*-lah, kalau getah tidak boleh jual. Getah, Amerika hendak tanam. Orang saya lebih separuh tanam getah. Tidak tahulah, FELDA-FELDA pun, Yang Berhormat Jempol pun kena tutup FELDA lah kalau masing-masing- Jadi, kita rasa *this is quite unrealistic*.

Akan tetapi, macam Yang Berhormat Kota Tinggi kata, kita harus pantau dan selepas ini kita kena- Negara perdagangan cukup penting bagi kita. Perdagangan dan juga FDI cukup penting bagi kita. Maka itu, apa yang berlaku kedua-duanya ini, saya ucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat kerana Ahli Yang Berhormat mempunyai minat yang tinggi untuk bahas perkara ini. Perkara ini penting kerana apa yang berlaku di Amerika, di China, di seluruh dunia ini banyak kesan pada negara kita kerana kita sebuah negara terbuka daripada dahulu sampai sekarang. Jadi, kalau amalan-amalannya berubah, sudah pasti kita terpaksa membuat pengubahsuaian dan sebagainya tetapi seperti mana Yang Berhormat Kota Tinggi, kita relaks dulu.

Ya, Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Terima kasih. Saya terpanggil untuk menyertai untuk berkongsi. Pada pandangan saya, dalam masa dua tahun atau empat tahun, keadaan di Amerika Syarikat dalam keadaan yang tidak tentu. Pada pembacaan saya, terdapat keadaan *volatility* ataupun turun naik yang tidak menentu.

Jadi oleh sebab itu, saya berharap dalam usaha perdagangan antarabangsa yang Malaysia bersetuju dan saya pun bersetuju tentang konsep kita menerima ekonomi yang terbuka dan bersedia untuk bersaing dan mengembangkan ekonomi kita secara tersebut, kita akan bersaing dengan pemerintahan yang dibuat oleh Trump yang akan menentukan Amerika pertama dan dunia yang lain tidak dikira. Jadi, terdapat satu keadaan *inward looking*.

Jadi oleh sebab itu, saya hendak mencadangkan kerajaan bersedia untuk fokus, satu, kepada ASEAN dan kedua, kepada Asia. Ini kerana kalau kita daripada segi logistik pun, kita sudah sampai kepada satu peringkat di mana Asia sudah cukup untuk mengadakan *self-generating economy*. Jadi, kalau itu yang berlaku, jadi masa kita tumpukan untuk menanti Amerika berubah pemikiran, itu satu masa yang kita menunggu tetapi tidak ada menguntungkan kita.

Jadi, saya mencadangkan, daripada sekarang kita mesti mengaturkan satu *taskforce* untuk melihat bagaimana Malaysia, Asia dan ASEAN dapat diperkuatkan daripada segi *self-containing economic environment*. Jadi, itu sebab saya rasa sekarang kalau kita tidak buat begitu, jadi kita akan asyik menunggu keadaan yang tidak akan berlaku.

Kedua, daripada satu kajian yang dibuat oleh Citibank, kita rasa Asia sendiri tidak perlu membeli barangan daripada negara-negara luar Asia. Dulunya, kalau kita lihat barangan-barangan yang kita perlukan, kita terpaksa membeli di Amerika dan sebagainya. Daripada segi *smartphone* pun, kita tengok sekarang tidak kita perlu membeli barangan daripada Amerika ataupun Eropah.

Jadi, oleh sebab itulah, saya percaya dalam pemikiran kita untuk menentukan bahawa Malaysia terus dalam usaha ke arah ekonomi terbuka, memfokuskan kepada Asia dan juga ASEAN.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sikit?

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sebenarnya saranan Yang Berhormat Bandar Tun Razak itu telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Temerloh dan juga Yang Berhormat Rompin dalam perbincangan mereka. Tumpu kepada ASEAN, tumpu kepada RCEP.



Sebenarnya, ada Ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia berpendapat bahawa kita terlalu bergantung kepada sebuah negara atau beberapa kelompok negara. Sebenarnya dasar kita atau antara sebab kenapa kita berjaya ialah kerana kita telah membentuk *diversify*, mempelbagaikan sumber pelaburan dan perdagangan.

Umpamanya kalau perdagangan, zaman dulu United Kingdom lah kita punya *colonial master*, selepas itu *Singapore*- lama, dan sekarang ini China nombor satu. Nombor satu pun 15.7 peratus, bukannya ada setengah 50 peratus. Walaupun China nombor satu, dia bukan 30 peratus, cuma 15.7 peratus. *Singapore* nombor dua dan sekarang Amerika nombor tiga dari segi perdagangan. Jadi, ia pelbagai. Pelaburan dalam bidang *electronic* khususnya, Jepun *still strong*, Amerika *strong*. Dua ini merupakan *neck to neck* lah tetapi selain dari Jepun dan Amerika, Jerman pun kuat, *South Korea* pun kuat. Jadi, ini kekuatan kita. Kita pelbagaikan sumber-sumber pelaburan dan perdagangan.

Maknanya, saranan Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Temerloh supaya kita beri tumpuan kepada ASEAN, sebenarnya prioriti nombor satu kita, dasar luar kita, dasar ekonomi kita ialah ASEAN nombor satu. Itu jelas pada kita ya. Menteri Luar memaklumkan kepada kita bahawa Kerajaan Malaysia, itu dasar kita kerana jiran kita. Itu sebabnya kita tumpu kepada ASEAN.

Umpamanya kalau fokus- saya sebagai Menteri MITI, banyak tumpu kepada promosi dalam negara-negara ASEAN. Ke Singapura dua, tiga minggu lepas. Ke Filipina saya ini. Ke Vietnam. Dan selaku peribadi, untuk makluman Yang Berhormat, saya memberi perhatian yang cukup tinggi kepada ASEAN, *insya-Allah*, dan *Asian* juga.

Akan tetapi itu bukan bermakna bahawa kita tak mahu berkawan dengan Amerika, Timur Tengah dan *Germany*. Ada juga tadi cadangan daripada Yang Berhormat Rompin umpamanya, belajar dari Jerman. Yang Berhormat Rompin, memang Jerman sumber yang penting. Baru ini Perdana Menteri melawat Jerman, tiga minggu lepas. Satu lawatan yang amat berjaya. Berjumpa dengan Chancellor Angela Merkel, berjumpa dengan pelabur-pelaburnya dan Jerman mempunyai minat yang tinggi untuk melabur di Malaysia.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Rompin, memang itu dasar kita. Kita pada bila-bila masa, ada kira-kira 600 orang pelajar yang belajar di Jerman, cakap Jerman dan hampir kesemuanya *engineering*. Dan keputusan telah dibuat untuk menambah bilangan pelajar-pelajar di Jerman kerana Jerman ini kita bercakap tentang *force industrial revolution*, teknologi tertinggi, memang Jerman ini seperti mana kata

Yang Berhormat Rompin, negara yang paling hebat daripada segi teknologi. Sampai sekarang, ia merupakan negara Eropah yang paling berjaya. Negara-negara lain, Perancis kah, Sepanyol kah, Portugal kah, Itali, semuanya menghadapi masalah tapi Jerman masih berjaya. Kenapakah? Kerana ia kompetitif, berdaya saing. Kenapakah kompetitif? Kerana universitinya, kerana *training*-nya. Di Malaysia, kita ada GMI umpamanya, pakatan antara *Germany* dan Malaysia dan ini merupakan *role model*, *template* yang amat baik untuk melatih tenaga kerja yang mahir di pelbagai bidang.

■1550

Jadi saya hendak menyatakan di sini bahawa memang Asean merupakan tumpuan kita, Asia juga tapi ini bukan bermakna kita ketepikan Amerika malah dua minggu yang lepas ASEAN menganjurkan *Africa day*, duta-duta Afrika memaklumkan saya bahawa kita tidak menunjukkan minat untuk berkawan berdagang mereka. Maka ASEAN menganjurkan satu *Africa day* 21 buah negara Afrika di MITI mereka semua datang dan ini juga satu perkara yang penting kerana walaupun negara Afrika setengah-setengah belum lagi maju tetapi Afrika mempunyai potensi.

Jadi dasar kita ASEAN, Asia betul Afrika dan- salah satu sebab kenapa kita berminat TPPA ia juga telah membawa hubungan lebih baik dengan negara-negara Amerika Latin, Chile, Peru, dan *Mexico*. Khususnya *Mexico* negara yang hebat sedang berkembang dengan pesat. Itu antara sebab kenapa kita mempunyai semangat yang tinggi untuk berkecimpung TPP kerana ia akan merapatkan hubungan dengan kita juga negara-negara *South America*, Amerika Selatan. Terima kasih, Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya rasa cadangan Yang Berhormat Kota Tinggi itu baik iaitu kita tubuhkan satu *task force* secepat mungkin ataupun Jawatankuasa Pemilih Parlimen kerana isu tentang TPP ini *the writing is on the wall*. Walaupun mungkin Trump ini ada pelbagai dasar tetapi isunya ialah perdagangan ataupun eksport ke US tidak akan terhad dalam jangka masa yang panjang dan tadi Menteri menyebut tentang kepelbagaian sumber eksport kita tetapi eksport ke Singapura, eksport ke *South Korea* banyak kebanyakan ini selepas itu dieksport ke Amerika Syarikat.

Isu ini kita, saya rasa bukan sahaja kita perlukan *paradigm shift* tetapi juga kementerian perlu mengimbangkan peranan perdagangan dan perindustrian. Saya rasa perindustrian ini tidak diberi peranan ataupun *emphasis* yang diperlukan dalam keadaan order baru Trump saya rasa kita perlukan tumpuan terhadap perindustrian tempatan, perindustrian dalam negeri dan selepas itu dengan teknologi dengan kemahiran baru kita sebab tentang perdagangan, terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Menteri ada satu yang berkenaan...

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Itu pandangan yang saya sudah jawab maknanya saya terima baik pandangan supaya bukan tetapi seolah-olah kita tidak buat ini kita sentiasa kita lakukan cuma hendak *refine* hendak memperbaiki lagi. Kita sentiasa mengubah suai dasar-dasar kita berdasarkan keadaan semasa. Yang berlaku di Amerika sekiranya terlaksana separuh kah, sepenuh kah sudah pasti kita ambil perhatian. Ini satu dengan izin, *ongoing process*. Jadi terima kasihlah Ahli-ahli Yang Berhormat atas cadangan-cadangan, saya ambil perhatian.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Menteri satu.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** *Insyallah* kita akan cuba untuk melibatkan Ahli Parlimen dalam proses ini, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Salah satu topik yang paling ketara semasa kita membuat persiapan mengenai TPPA ialah *accessibility* kepada pasaran antarabangsa di mana Malaysia sebagai sebuah negara pengeksport yang begitu bergantung kepada eksport dan sebagainya.

Tadi ada disebutkan kalau kita terbantut pada tahap TPPA tetapi *accessibility* kepada pasaran antarabangsa masih menjadi satu perkara yang penting. Jadi kalau kita balik kepada AEC berbalik kepada ASEAN tetapi kerana ada kesinambungan transformasi ekonomi di semua anggota negara ASEAN itu. Jadi persaingan *intra-regional* di antara negara ASEAN itu mereka juga berlumba-lumba untuk mendapatkan menembusi pasaran antarabangsa juga.

Jadi daripada segi produktiviti, daripada segi *competitiveness* apakah langkah kita dapat mengorak ke depan supaya bukan sahaja kita bersaing dengan Vietnam daripada segi kos rendah tapi kita juga bersaing daripada segi kualiti, mutu barangan yang kita eksportkan. Jadi kalau kita ada benang yang dapat menyimpul TPPA yang terbantut sekarang. Jadi saya nak tanya secara kualiti apakah perasaan pendirian kerajaan sekarang adakah kerajaan merasa kita sudah berusaha lima tahun, lapan tahun kita merasa terhampa ataupun kita rasa ada peluang yang boleh kita cernakan daripada segi apa yang terbantut sekarang supaya kita ada alternatif ataupun *plan 'B'* untuk supaya kita teruskan untuk menembusi *accessibility* pasaran antarabangsa, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Jelutong. Saya sudah keluarkan kenyataan berkaitan perkara ini saya menyatakan kesal kerana setelah lima tahun bila kita mendapat satu perjanjian yang kita rasa mengambil kira kepentingan kita bumiputera dan juga *market access* dan juga empat pasaran yang kita belum ada FTA iaitu Amerika, Mexico, Peru dan Kanada. Saya sudah keluarkan kenyataan bahawa saya kesal bahawa setelah lima tahun kita melibatkan seluruh *town*

*hall*, seluruh negara sampai hilang suara untuk mempromosikan *agreement* ini kerana kita setelah membuat kajian kita merasakan *overall* walaupun kita tahu ada juga benda-benda yang perlu kita ambil perhatian yang keburukan tetapi *overall* mendatangkan faedah kepada kita.

Akan tetapi pendirian kerajaan masih lagi tetapi sekarang ini Yang Berhormat pun kata tadi *writing on the wall* dan perkataan-perkataan yang digunakan tadi. Apa pun saya rasa saya sudah cakap cukup sudah Tuan Pengerusi mengenai TPP saya hendak tutup kedai mengenai TPP.

Jadi saya hendak- cuma *final comment*, semasa kita berbahas dan juga interaksi dalam *caucus* dan lain-lain kita bertegang leher. Masa itu ramai yang menentang yang betul menentang TPP walaupun setengah-setengah sibuk kata dia tidak menentang *open trade* tetapi menentang TPP tapi nampak hari ini Yang Berhormat sudah berubah sikit pendirian nampak ada yang mula menyokong, dulu hentam kuat-kuat sekarang ini kalau hentam pun sikit-sikit. Ada sudah menyokong jadi saya nampaklah betapa mungkin setengah-tengah itu tak ikhlaslah ataupun hipokritlah setengah-setengah. Masa itu dia tentang tapi sekarang ini ada yang menunjukkan kesal mungkin kenapa kita tidak dapat menyertai TPP. Jadi saya ucapkan terima kasihlah atas sokongan Yang Berhormat yang terakhir TPP..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sikit. Baik terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Tidak berapa tepatlah untuk Yang Berhormat Menteri menyatakan begitu. Halnya seperti mana yang disebut tadi oleh sebab *the writing is on wall*, kita yakin dengan apa yang telah berlaku di Amerika Syarikat dan kemenangan Donald Trump amat sukar untuk dia meluluskan dan melaksanakan TPPA.

Oleh sebab dia telah menang atas satu kempen yang pada dasarnya anti kepada TPPA. So, itulah sebabnya tidak perlu kita hendak tunjuk kita anti hendak lawan timbulkan balik perbahasan yang lama lalu saya rasa minta Menteri tarik baliklah kenyataan itulah. Akan tapi sambil itu yang kata hipokrit saya rasa tidak patutlah pasal kita bukan kita- sebab kita tak hendak lawan pasal benda itu dah *writing is on the wall*.

Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berhubung dengan pindaan undang-undang tadi. Apa yang saya dengar, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi *it will proceed* akan terus dijalankan, akan terus dilaksanakan. Oleh sebab mungkin dianggap bahawa apa yang telah dicadangkan apa yang telah dipersetujui pindaan-pindaan berhubung dengan undang-undang yang ada hubung kait dengan persoalan perjanjian TPPA termasuklah *the labor chapter* dan sebagainya.

Pada dasarnya ia bagus so oleh sebab itu walaupun TPPA ini sudah tidak lagi relevan ia tetap akan dilaksanakan. Adakah itu benar dan sekiranya benar sejauh mana kita akan tetap kekalkan *framework* yang telah ditentukan pada kita oleh Amerika Syarikat ataupun kita akan kaji balik dan apa yang telah dipersetujui mungkin atas sebab kita hendak perdagangan itu dan penerimaan di bawah TPPA maka kita akan kaji balik dan kita akan buka balik untuk perbincangan isu-isu yang masuk di dalam persoalan pindaan undang-undang yang terlibat itu kalau tidak silap saya tadi 18, terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam ulang balik beberapa soalan yang telah dibangkitkan. Saya hendak jawab satu sahaja mengenai pindaan undang-undang sebagai contohlah ada benda baru dalam dunia ini umpamanya *drugs* satu nama *biologics* sekarang ini yang baru yang kita belum ada lagi *protection* dalam negara kita. Dalam TPP kita bersetuju untuk memberi lima tahun. Kita sudah bagi kepada *conventional drugs* umpamanya dan ini melibatkan perubahan peraturan-peraturan dan mungkin undang-undang sebagai contoh mana ia benda baru, benda baru yang tidak ada.

■1600

Jadi, dalam hal ini kerajaan akan teruskan kerana masa depan ini lebih banyak *drugs* atau pun ubat-ubat ini akan berasaskan kepada *biologics* bukan *conventional*, sebagai contohlah. Jadi, tutuplah kes ini. Saya *move on*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Bagan Serai, ada membangkitkan tentang RCEP lah. Saya hendak cerita sedikit. Yang TTP tadi selesai sudah. RCEP ini untuk makluman, kita mula empat tahun lepas yang melibatkan 16 buah negara, 10 ASEAN dan 6 buah negara luar ASEAN. China, RCEP. Yang kedua ialah Jepun, Korea Selatan, yang keempat India, yang kelima Australia dan yang keenam New Zealand. Ini 16 buah negara kita mula empat tahun lalu.

Jadi, Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Bagan Serai antara lain mahu supaya dapat dipercepatkan proses rundingan RCEP ini. Yang Berhormat Temerloh dan beberapa Ahli Yang Berhormat lain mahu tahu apa kekangan-kekangan, apa hala tuju RCEP. Pertama, kita merasakan RCEP ini penting kerana apa, kerana melibatkan China. TPP tadi China tidak ada. Jadi, untuk mengambil kira pandangan ramai Ahli Yang Berhormat yang bertanya kenapa China tidak masuk TPP ini. Maka, itu antara sebab kenapa Kerajaan Malaysia dan negara ASEAN yang lain, bukan kami sahajalah, bukan kita Malaysia, semua negara ASEAN

bersetuju untuk berunding RCEP kerana melibatkan China dan India, dua gergasi besar di Asia.

Jadi, kalau mana-mana perjanjian tidak melibatkan China dan India, ini tidak akan memberikan faedah kepada kita. Jadi, kita sudah empat tahun. Baru minggu lepas tamat Mesyuarat Menteri-menteri di Cebu, Filipina dan ada kemajuan. Jadi, secara umumnya melibatkan tiga perkara. Satu - perdagangan, kedua - pelaburan dan ketiga ialah *services* atau perkhidmatan secara umumnya dan ada benda-benda baru juga, termasuklah *SME e-Commerce*, satu perkara yang penting. Perdagangan atas talian, *online business*, ini perkara-perkara baru.

Jadi, saya hendak maklumkan Yang Berhormat, yang pertamanya, ada kemajuan. Ada halangan. Halangannya ialah kerana kita berada di tiga tahap pembangunan. Ada negara maju, Jepun maju, Australia maju, umpamanya Korea maju. Ada negara yang paling miskin dalam dunia, Laos dan Myanmar. Itu kekangan. Kita hendak berbincang satu perjanjian yang melibatkan negara yang terkaya dalam dunia dengan negara yang termiskin dalam dunia. Banyak kekangan. Itu antara halangan-halangnya. Akan tetapi dalam pada itu, semua negara bersetuju bahawa bagi negara-negara yang termiskin ini akan diberi pertimbangan istimewa, akan diberi tempoh lebih lama sebelum mereka melaksanakan beberapa perkara yang dipersetujui di bawah RCEP. Jadi, kita pada awalnya, kita jangka RCEP ini selesai tahun ini tetapi jelas sekali, ini sudah 14 November, hendak hujung tahun sudah, belum selesai lagi. Maka, bolehlah kita andaikan bahawa mustahil akan ditamatkan dan kita bertekad untuk meneruskan perbincangan.

Sebenarnya, kita telah tetapkan beberapa tarikh tahun hadapan untuk meneruskan perbincangan. Ini penting kerana lebih-lebih lagi kerana sekiranya TPP tidak jadi, *writing on the wall* dan lain-lain tadi, kalau tidak jadi, maka lebih penting untuk kita meneruskan usaha ini. Oleh kerana seperti beberapa Ahli Yang Berhormat sebut tadi, Yang Berhormat Bagan Serai dan juga Yang Berhormat Lenggong dan lain-lain menyatakan bahawa ia merupakan 30 peratus daripada *global trade* dengan China dan India ini. Satu kumpulan yang besar. Pertama kerana yang besar, China dan India. Ketiga kerana sekiranya TPP gagal, lebih. Jadi, sebenarnya RCEP ini kita akan lebih komited dan kita akan kerja lebih kuat untuk memastikan bahawa kita capai lebih banyak kemajuan dalam RCEP. I

tulah sedikit saya hendak maklum tentang RCEP dan saya telah berjanji dengan Ahli Parlimen Caucus kerajaan pembangkang, kita akan memberikan taklimat dari semasa ke semasa tentang kemajuan. Jadi, kita tidak boleh bagi secara terperinci kerana ini sebahagian daripada perjanjian antara kita kerana ini akan

mengkompromikan rundingan. Akan tetapi memadai saya nyatakan bahawa ada kemajuan dan sekarang ini lebih penting kita terlibat dengan lebih komited untuk memuktamadkan RCEP. Lebih-lebih lagi sekiranya TPP ini tidak mendapat berjalan.

Mengenai kemajuan ASEAN. Yang Berhormat Temerloh hendak tahu bagaimana *ASEAN Blueprint*. Secara umumnya, ASEAN ini seperti sudah maklum, kita sudah 50 tahun. Tahun depan ialah *50th Year Anniversary of ASEAN*. 50 tahun dah kita tahun depan ini. Ini 49 tahun. Satu kejayaan yang besar dari segi politiknya, perdamaian di rantau ini. Dari segi ekonominya yang paling berjaya ialah pengurangan dan penghapusan tarif yang memungkinkan pertumbuhan perdagangan. Sekarang ini *intra ASEAN trade* umpamanya hampir 25 peratus. Dahulu 10 peratus sahaja yang kita berdagang. Yang Berhormat Bandar Tun Razak sebut tadi umpamanya, dahulu memang kecil, 10 peratus sahaja perdagangan *intra ASEAN trade*, sekarang ini sudah 25 peratus. Kita yakin akan bertambah 30 peratus, mungkin naik lagi. Ini baik untuk ASEAN. Jadi, ASEAN telah mencapai banyak kemajuan. Cuma, saya hendak maklumkan Ahli-ahli Yang Berhormat hari ini bahawa tumpuan kita, kerana Yang Berhormat Temerloh tanya, apa dia yang kita hendak buat, sekarang hingga 2025 kita ada *blueprint*. Antaranya lainnya kita hendak kurangkan *non-tariff barriers*, halangan-halangan bukan dagangan. Kita hendak menyeragamkan, standard. Kita standard di Malaysia macam ini, Indonesia lain pula, Vietnam. Jadi, ini merupakan *priority* kita. Yang *tariff* sudah selesai dah, ya? Kita berjuang dan tarif sudah hampir selesai semua sudah, *100 percent*.

Sekarang ini perkara utama ialah dua perkara. Pertama halangan-halangan bukan tarif dan kedua untuk mengguna pakai standard, piawaian yang sama di kalangan negara ASEAN. Banyak kekangan tetapi ini merupakan komitmen kita dan *insya-Allah* menjelang tahun 2025 seperti mana yang disebutkan dalam *blueprint*, kita yakin akan tercapai, Tuan Pengerusi.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ini saya akan pergi secara sepintas lalulah berkaitan beberapa perkara yang dibangkitkan. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya dan juga Yang Berhormat Seputeh kerana bercakap tentang peruntukan yang dikurangkan. Seperti yang sedia maklum, kita menghadapi kekangan. Satu cabaran yang dihadapi oleh semua negara. Jadi, kita bercakap seolah-olah kita sahaja yang menghadapi masalah cabaran ini. Apabila harga minyak turun, kalau kita pergi ke Timur Tengah, dahulunya kren-kren tanpa menyebut negara-negara yang dulunya hebat pembinaannya. Ada sesetengah itu dulu naik gaji, setiap tahun naik gaji. Sekarang ini ada yang potong gaji. Ada yang dikenakan cukai, dahulu tidak ada cukai. Ada dahulu yang tidak pernah pergi ke *market*. Ini sudah

menjadi *public knowledge* umpamanya, *the biggest sovereign debt issued by any country*, dengan izin.

USD17.5 bilion Amerika yang tidak pernah berhutang sekarang ini. Ini kekangan yang dihadapi oleh banyak negara. Jadi, kita bercakap ini, jangan kata Malaysia menghadapi cabaran, orang lain semua relaks, *enjoy, happy. Happy go lucky*, tidak begitu. Jadi, ini dan keadaan hari ini kurang menentu dengan apa yang berlaku di Amerika Syarikat dan Brexit. Jadi, seperti mana kata Yang Berhormat Bandar Tun Razak tadi, kita- *we are living in the age of higher volatility*, dengan izin. Lebih *volatile*. Kalau dahulu, kita kalau ada pergerakan sana sini, sekarang *very volatile* iaitu Yang Berhormat Bandar Tun Razak kata dua tahun. Kita harap tidak dua tahun lah.

Jadi, itu keadaannya hari ini. Maka, dengan itu kerajaan terpaksa membuat pengubahsuaian dan semua kementerian, saya tidak tahu ada kementerian yang naik. Yang saya tahu kebanyakanlah, kalau kata semua mungkin tidak benar. Jadi, kita kena akur dengan apa yang berlaku tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa fungsi kita boleh berjalanlah. Yang Berhormat Kelana Jaya hendak tahu lebih spesifik. Saya tidak ada angka yang spesifik tetapi umpamanya MITI sekarang ada bangunan. Kalau dahulu kita banyak program buat di hotel tetapi sekarang kebanyakan kita buat program di MITI. Kalau makan tengah hari di hotel RM50, sekarang RM20 sahaja. Jadi, itu penjimatan separuh. Bukan kerja tidak jalan, kerja jalan juga.

Bangunan MITI bukan sahaja digunakan oleh MITI, digunakan oleh banyak kementerian yang lain. Banyak datang ke MITI kerana kita ada satu bangunan yang baru dibina. Saya tidak pasti Yang Berhormat Kelana Jaya ambil angka di mana. Kita hendak buat bangunan dan bayaran dan lain-lain. Saya hendak nyatakan di sini bangunan sudah siap dah. Sudah siap bulan 12 tahun lepas, kami masuk bangunan. Kosnya sekitar RM350 juta dan ia modelnya sama dengan Putrajaya iaitu Putrajaya Holdings yang melaksanakannya. Model Putrajaya ialah dibina, dipanggil kontrak dan siapa dapat tender akan buat dan ada satu *agreement* yang mana dibayar *lease*. Jadi, angka Yang Berhormat sebut tadi, tahunan itu merupakan bayaran tahunan, termasuklah *maintenance* kerana bangunan akan ada *mechanical MNE*, umpamanya. Jadi, bangunan MITI itu maknanya sudah siap dah, tahun lepas. Sudah siap tahun lepas. Kosnya sekitar RM350 juta. Modelnya sama dengan model Putrajaya dan yang tercatat dalam buku belanjawan itu merupakan perbelanjaan untuk *maintain lift*, untuk sapu, untuk cuci tandas dan lain-lainlah ya, api, air. Itulah tetapi...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan.



**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** ...maksudnya, mana-mana peruntukan yang disediakan, mencukupi untuk membolehkan kami beroperasi. Jadi, terima kasih atas perhatian tadi, pengurangan dalam peruntukan.

■1610

Akan tetapi saya hendak nyatakan bahawa, kita *insya-Allah*, akan dapat melaksanakan tugas-tugas, kerja jalan, cuma kita buat beberapa pengubahsuaian kerja-kerja kita. Lawatan luar negara dibuat lagi kerana kita negara global. Akan tetapi kalau dahulu tiga orang pegawai, empat orang pegawai, sekarang dua umpamanya, jadi itu antara cara-cara kerajaan mengurangkan perbelanjaan...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Penjelasan?... Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau benar bahawa projek bangunan pejabat kementerian ini bukan RM1 bilion tetapi RM300 juta sahaja, makanya kita kena pergi ke muka surat 336. Dalam kolum jumlah anggaran harga projek, ditulis RM1 bilion.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau boleh itu balik berjumpa dengan-kalau Yang Berhormat Menteri boleh tengok muka surat 336 yang itu, yang saya hendak penjelasan penuh. Cadangan Pembangunan Bangunan Pejabat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri- anggaran harga projek RM1 bilion. Kalau boleh itu, semak balik ke *Ministry of Finance whose preparing these document*, boleh buat *correction*. Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Okey, terima kasih. Saya jumpa muka surat 336 tetapi buku lain. Tidak apalah saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat esok ya.

Jadi terima kasih Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kelana Jaya, cakap juga SMECorp, *SME Bank*.

Mengenai SME Bank tadi merupakan pinjaman. Merupakan projek, bukan hendak buat projek apa tetapi pinjaman. *SME Bank* ini dia ada dua sumber pendapatan, yang pertama kerajaan dan yang kedua dari *market*. Kalau *SME Bank* ambil dari *market*, *interest* ratenya tinggi sikit tetapi kalau sumber kewangan daripada kerajaan, maka kos pinjaman dapat dikurangkan dan ini memberikan keuntungan kepada usahawan-usahawan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Menteri, minta maaf. Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri kalau boleh itu tentang *SME Bank*, persoalan saya ialah tentang ROI, apakah *return of investment*? Oleh sebab kita lihat tiap-tiap tahun ataupun tiap-tiap kali bajet, ada *Motion* untuk *convert government debt into equity*. Kalau boleh itu, kalau secara bertulis pun boleh. Sila berikan kita data tentang berapa baik bank ini sebenarnya.

Oleh sebab apa yang kita lihat banyak *loan* keluar, *loan performing* banyak. *Return of investment* mengikut perkiraan kita pada tahunan adalah kurang daripada satu peratus. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri boleh bagi data yang lebih terperinci, apakah *level return of investment on SME Bank*? Kalau ia memang- tidak munasabah ataupun tidak menghasilkan faedah balik kepada kerajaan, kenapa tiap-tiap tahun kita letak RM200 juta, RM100 juta tambah lagi tiap-tiap tahun? Terima kasih.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih. Kita sedia maklum bahawa PKS ini perlukan bantuan. Secara umumnya pinjaman- secara umum bukan semua ya, pinjaman kepada PKS ini, dia punya *non-performing loans* atau NPL, dengan izin, adalah tinggi sedikit daripada pinjaman-pinjaman lain. Jadi *SME Bank* merupakan sebuah bank milik Menteri Kewangan dan dilaporkan kepada Menteri Kewangan, dan juga kepada saya, tetapi *owner-nya* ialah Menteri Kewangan.

Jadi kita harus tahu bahawa untuk membantu *SME Bank* ini, risiko lebih tinggi. Itu sebabnya NPLnya tinggi. Itu kadang-kadang ada beberapa perkara yang perlu dilakukan termasuklah hendak tambahkan *capital* dan lain-lain. Saya tidak pasti tentang apa yang disebut Yang Berhormat tadi. Jika benar ada Usul maka ia akan dibuat oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih banyak.

Jadi saya rasa itulah. Manakala yang lain-lain kita jawab secara bertulis.

Saya ada beberapa perkara spesifik yang umpamanya mengenai Yang Berhormat Putatan. Dua perkara dibangkitkan, satu ialah macam mana hendak tolong usahawan ibu tunggal. Yang Berhormat Putatan amat minat ibu tunggal, tahniah diucapkan. Jadi macam mana Ahli Parlimen hendak tolong.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, PKS ini di bawah lebih 20 buah kementerian dan agensi. Peranan SMECorp di bawah MITI adalah untuk menyelaraskan dasar, mengutip maklumat dan menyelaraskan dasar dan melaksanakan *master plan* bagi SME. Jadi ada MARA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan pun ada. Tadi ada permasalahan berkaitan dengan *entrepreneurship* umpamanya, keusahawanan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun ada. Jadi mungkin Yang Berhormat sebut tadi mungkin daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi kementerian MITI tidak banyak kalau peruntukan. Dua tahun yang lepas umpamanya ada satu program berkaitan dengan *creative women*- wanita kreatif umpamanya untuk mencungkil bakat-bakat. Jadi kementerian MITI ada sedikit peruntukan tetapi sebahagian besarnya mungkin terdapat di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Jadi cara soalan Yang Berhormat, cara hendak mendapatkan bantuan ini, maka saya cadangkan supaya Yang Berhormat berurusan dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kami di MITI menyelaraskan dasar-dasar berkaitan dengan pembangunan keusahawanan. Jadi keusahawanan ini terdapat di Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, MITI, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ada. Jadi bergantung kepada minat Yang Berhormat bolehlah pergi kepada kementerian berkenaan. Kita boleh bantu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertanyaan saya lebih kepada pewujudan produk-produk yang dihasilkan oleh para usahawan-usahawan kita, itu soalan saya.

Apakah jenis NBOS ataupun kolaborasi yang dilakukan oleh pihak kementerian? Kalau kita hanya tumpukan peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan keusahawanan, ada juga kementerian yang lain mungkin MOSTI, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah pun ada juga Yang Berhormat Menteri.

Jadi ini ada satu kekeliruan yang maksud saya sebenarnya produk-produk yang mungkin di bawah pentadbiran kementerian MITI, hasil-hasil produk seperti ubat-ubatan tradisi, minuman-minuman tradisi, makanan tradisi, *textile* dan macam-macam. Satu lagi soalan Yang Berhormat Menteri, minta untuk dijawab soal *technology park*, *high technology* di Sabah ini.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat mencadangkan supaya ada NBOS ya, kerjasama, tidak ada masalah. SME Corp ada menyediakan bantuan dan peruntukan untuk umpamanya *packaging*. Akan tetapi seperti Yang Berhormat, saya maklumkan tadi, ini luar bandar pun ada. Jadi perlunya ada NBOS maknanya kerjasama antara kementerian. Ini cadangan memang kita lakukan dan kita boleh tingkatkan lagi perkara ini.

Jadi mengenai *technology park* tadi, ada sedikit peruntukan untuk membangunkan infrastruktur asas di Taman Industri Kota Kinabalu (KKIP). Saya tidak

ada butiran, yang saya tahu ialah sedikit peruntukan untuk KKIP, infrastruktur RM6 juta sahaja untuk tahun depan tetapi tidak ada rekod. Akan tetapi saya akan semak mungkin kementerian lain *technology park* tadi. Taman Industri Kota Kinabalu (KKIP), RM6 juta untuk tahun depan.

Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kota Melaka bercakap tentang *industrial park* di mana katanya sekarang ini banyak diusahakan oleh swasta, memang itu kaedah kita. Yang Berhormat Kota Melaka bercakap tentang kemudahan *straight lighting*. Yang Berhormat cakap juga dengan ada cadangan sebuah syarikat China untuk memberi satu IKS *park* di Melaka.

Berkaitan dengan cadangan supaya kerajaan mengambil tugas yang lebih besar untuk membangunkan *industrial park*, kita ada beberapa *industrial park* yang dibangunkan oleh kerajaan termasuklah Kulim umpamanya, tidak banyaklah. Kerajaan negeri banyak melalui SEDC macam Selangor, Johor. Johor umpamanya Perbadanan Johor, *Johor Development Corporation* membangunkan *park* di Tanjung Langsat-kawasan yang lain. Jadi itu kaedah kita. Kaedah kita kerana ini merupakan satu *commercial enterprise*, satu perniagaan. Jadi dibangunkan *park* ini dan dijual tanah kepada pengusaha-pengusaha berkenaan dan inilah kaedah di Melaka umpamanya berjalan dengan baik.

Secara umumnya berjalan dengan baik ada jugalah kawasan-kawasan jalan sempit. Cadangan Yang Berhormat Kota Melaka supaya dikenakan peraturan. Ini lebih merujuk kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Jadi kita boleh bangkitkan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan peringkat *Federal* tetapi *the final say* ataupun yang penting ialah kerajaan tempatan meletakkan syarat-syarat untuk pastikan lorong-lorong *is big enough* untuk kereta bomba lalu jalan lain dan sebagainya.

#### ■1620

Jadi dasar kerajaan ialah untuk menggalakkan pihak swasta untuk membangunkan *industrial park*. Ini model yang digunakan negara China umpamanya di *Suzhou Park, Dongguan Park*, banyak lagi *park* oleh sebuah syarikat CFLD. Di China memiliki 30 buah *industrial cities* seumpamanya. Kami melawat kawasan itu Dongguan namanya, Mr. Wang pengusaha telah melabur USD20 bilion. Jadi semua kebanyakan negara China dibangunkan oleh swasta tetapi dibantu oleh kerajaan.

Model negara China ialah pihak pemerintah menyediakan tanah pada harga yang munasabah dan semuanya dibangunkan oleh swasta dan diberi tempoh 50 tahun untuk menguruskan. Itu model dan itu juga model kita rasa model terbaik kerana kerajaan- mustahil kerajaan boleh menyediakan. Kita ada 600 hingga 700 buah *park* di

seluruh negara. Ada kecil, ada besar. Kita sudah buat kajian dua, tiga tahun lepas. Kita ada kira-kira 600 *parks* seluruh negara, ada kecil ada besar. Ada yang PKS dan kita rasa kerajaan tidak mampu hendak laksana, hendak bina *industrial park* tersebut.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak pasti sama ada kementerian ada apa-apa jawatankuasa yang-jawatankuasa khas untuk mengadakan perbincangan dan penyelarasan di antara MITI dengan kerajaan negeri, mungkin SEDC dan juga mungkin pihak- bersama dengan pihak pemaju. Saya rasa kalau kita hendak menarik lebih pelaburan asing untuk masuk ke negara kita, satu *industrial park* yang moden haruslah kita tunjukkan kepada mereka kerana kita ini menghadapi persaingan yang hebat daripada negara-negara jiran kita daripada segi penarikan masuk pelaburan.

Jadi saya lihat yang- misalnya di *industrial park* yang baru, sepatutnya ada hostel atau asrama untuk pekerja asing. Kita lihat apa yang berlaku sekarang ialah pekerja asing dibawa masuk dan mereka duduk di kawasan perumahan. Ini menimbulkan kebimbangan daripada segi keselamatan bagi penduduk yang duduk dalam pangsapuri berkenaan dan sebagainya. Jadi semua ini ia menjadi satu masalah sosial. Akan tetapi kalau kita ada perancangan lebih baik, satu *industrial park* yang mana ia dirancang dengan teratur dan juga adanya- lebih artistik, lebih teratur dan juga adanya asrama. Saya rasa *industrial park* yang teratur ini akan membantu kita untuk menarik masuk lebih pelabur asing.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat ada berkaitan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, tentang koordinasi atau perhubungan di antara swasta yang akan memajukan kawasan perindustrian ini, bagaimana kita dapat mensyaratkan pembekal perkhidmatan seperti TM dan juga TNB, mesti menyediakan keperluan kemudahan asas untuk awam. Ini kerana pada ketika ini mereka hanya- air dan elektrik sahaja diperlukan untuk keluarkan CF. *Street lighting* dan *cable* itu tidak dimasukkan sebagai *compulsory* sebelum CF dikeluarkan. Oleh sebab itu kawasan perindustrian kita nampaknya tidak banyak kilang ingin hendak beroperasi kerana kekurangan ini. Minta- apakah cara yang kita dapat memastikan? Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [Bangun]

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Memang Tuan Pengerusi...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Mohon, mohon. *Industrial Park*.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Adalah perlu kita pastikan, kita sediakan infrastruktur yang baik untuk pelabur. Itu sudah barang tentulah. Di negara Malaysia ini kita ada dua lah jenis *industrial park* ini. Satu yang standardnya cukup baik umpamanya di Kulim, di Enstek, di Senawang, di Tanjung Langsat, Pegoh di Melaka, ini antara kawasan-kawasan yang baik. Ada juga kawasan-kawasan yang kurang baik. Jadi biasanya pelabur akan memilih siapa yang- kalau Enstek lagi bagus umpamanya berbanding Kulim, maka mereka akan pergi ke Enstek ataupun Senawang ataupun Pegoh.

Jadi MIDA- tugas kita ialah untuk beritahu mereka- Sendayan pun ada. Akhir sekali dia tengok pelabur akan melihat, dan apabila melihat infrastrukturnya, kosnya. Jadi kita ambil perhatianlah pandangan Yang Berhormat, cadangan supaya diadakan kerjasama yang lebih erat antara pihak-pihak tertentu untuk memastikan bahawa taman-taman industri yang dibina ini diselaraskan antara Telekom Malaysia, Tenaga dan juga pihak-pihak yang lain dan pihak JKR. Ini berlaku tetapi kita tahu bahawa perlu diperbaiki lagi.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Saya ada cadangan...

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Jadi yang terakhirlah...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Cadangan untuk *industrial park*.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Yang terakhir. Yang Berhormat Gopeng terakhir.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya lihat banyak *industrial park* ini apabila berselerak di merata-rata negara. Akan tetapi sering kali kita lihat *industrial park* ini ia tidak ada sesuatu keistimewaan dalam sesuatu *park* tersebut. Mungkin ada baik kalau kementerian boleh usahakan supaya *industrial park* itu ada keistimewaan sesuatu. Mungkin kalau dekat Universiti Multimedia, ia mungkin *industrial park* yang lebih kepada *creative industry*. Ataupun kalau dekat dengan Proton, *industrial park* lebih kepada *auto industry* dan kalau dekat komputer, mungkin *industrial park* lebih kepada komputer- *I mean artificial intelligence* dan sebagainya. Jadi kalau kita boleh buat macam itu mungkin boleh tarik lebih ramai pelabur-pelabur asing untuk *industrial park* tertentu. Sekian.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Memang umpamanya Cyberjaya, Cyberview. Itu merupakan kawasan untuk IT ya. Di *Bangsar South* umpamanya disediakan oleh pihak swasta- IT di sana dan beberapa buah kawasan di Sungai Besi. Jadi kita ambil perhatianlah pandangan Yang Berhormat.

Akhir sekali, saya tak mahu jawab Ahli Yang Berhormat yang tak dan menjawab ini, kita jawab dengan bertulis.

Akhir sekali Proton. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Rompin bangkit tentang Proton. Saya hendak maklumkan bahawa pihak Proton sudah mengenal pasti sekurang-kurangnya tiga buah syarikat untuk menjadi *strategic partner* dan akan dibuat keputusan sekitar suku pertama tahun 2017. Ini syarat kerajaan apabila menyediakan pinjaman mudah kepada Proton sebanyak RM1.5 bilion. Daripada RM1.5 bilion sekarang ini RM921 juta telah pun dikeluarkan iaitu 61 peratus telah dikeluarkan daripada Proton tinggal lagi RM578 juta sebenarnya bukan untuk Proton, untuk vendor-vendor Proton.

Jadi, pinjaman ini semuanya sekali RM1.5 bilion kerana vendor-vendor Proton telah tidak dibayar sekian lama. Maka, kerajaan membantu Proton untuk disalurkan pinjaman ini kepada untuk dibayar kepada vendor-vendor Proton RM1.5 bilion. RM921 juta telah pun dikeluarkan dan mengenai rakan kongsi tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan sekurang tiga telah dikenal pasti dan keputusan akan dibuat pada suku pertama tahun 2017. Mengenai *market share* dan rancangan eksport, Proton seperti sedia maklum Proton sebuah syarikat swasta dahulu pernah milik kerajaan sekarang ini milik swasta.

Apa pun walaupun swasta, kita masih lagi membantu daripada segi promosinya. Jadi, *market share* kita sedia maklum bahawa suatu masa dahulu kira-kira 50 peratus sekarang ini sekitar 15 peratus dan yang tertinggi ialah syarikat Perodua yang mempunyai dan menguasai pasaran dalam negara kita. Akan tetapi, Proton telah mengambil langkah-langkah yang agak berkesan untuk meningkatkan penguasaan pasaran termasuklah pengenalan model baru termasuklah Saga umpamanya yang mendapat sambutan yang agak baik.

Jadi, mengenai eksport memanglah Proton masih lagi gagal...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Untuk mengeksport keretanya pada bilangan yang mencukupi dan kita sentiasa berbincang dengan mereka cara-cara bagaimana untuk meningkatkan eksport. Dua perkara penting untuk eksport yang pertama ialah harga; yang kedua, kualiti kerana kereta ini dalam *car business* ini *is about scale*. Maknanya, kalau besar pengeluarannya itu sebabnya Proton disyaratkan untuk mendapatkan *strategic partner*. Ini kerana dengan adanya *strategic partner* itu kita berharap akan dapat membantu Proton untuk mengeksport keluarannya. Jadi saya yang terakhir daripada Yang Berhormat Taiping. Lepas itu saya tutuplah.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Menteri. Sedikitlah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri. Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Proton telah bertapak di tanah air kita lebih 30 tahun. Mengikut jawapan yang saya peroleh daripada kementerian dahulu Proton apabila dimulakan, modalnya pun sebenarnya dibayar oleh rakyat RM500 juta. Sekarang lagi, diberikan suntikan pinjaman RM1.5 bilion. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri beritahu Dewan yang mulia ini, dalam tempoh 30 tahun ini, jumlah duit rakyat, duit pembayar cukai telah pun diberikan kepada syarikat Proton.

■1630

Jumlah pulangan yang diperoleh oleh pihak kerajaan kerana ini semua melibatkan dana awam. Walaupun Yang Berhormat Lenggong dia teriak-teriak kata Tun Dr. Mahathir tetapi waktu dulu itu Tun Dr. Mahathir duduk sebelah di sana, dan Yang Berhormat Lenggong tidak membantah, Yang Berhormat Lenggong turut bersetuju juga. Inilah dia peliknya... *[Disampuk]* Inilah projek kebanggaan Barisan Nasional...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bandar Kuching yang sudah kira lama, kita baru.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini memang, tetapi saya tidak hendak layan Yang Berhormat Lenggong kerana Yang Berhormat Lenggong belum layak lagi duduk jadi Menteri. Itu bezanya Yang Berhormat Lenggong ini.

So saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan persaingan pasaran kereta yang semakin sengit ini, jika Proton tidak berupaya bersaing, bagaimanakah kerajaan hendak dapat balik duit titik peluh daripada pembayar cukai?

Kedua, jumlah insentif, pengecualian cukai, segala bentuk bantuan dan suntikan modal yang duit kitalah, yang telah pun disalurkan kepada syarikat kereta itu dan kini menjadi milik swasta? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Soalan.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Tuan Pengerusi, okeylah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Mustapa Mohamed:** Sudah, sudah, okey cukup sudah. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi dua perkara. Pertama, bantuan yang diberikan kepada Proton dan bila dapat pulangan balik ini. Bantuan ini bukan kita bagi pada Proton sahaja, syarikat-syarikat lain, syarikat multinasional pun kerajaan bagi geran ada, insentif ada.



Jadi kalau kita kata kerajaan bantu Proton sahaja tidak benarliah ya. Syarikat-syarikat di Taiping kah, Kamunting kah, ada Toyo Tires di Kamunting ya, kawasan Yang Berhormat ya Toyo Tires. Itu dapat insentif umpamanya.

Finisar juga di Ipoh salah sebuah syarikat terbesar dalam bidang elektronik ada 6,000 orang pekerja, itu mendapat insentif ya. Jadi bukan Proton sahajalah. Jadi dua bentuk bantuan, yang pertama ialah geran yang kedua insentif. Insentif hendak dapat geran. Geran ada dua jenis geran, satu *R&D grant* dan satu *training grant*. Jadi secara umumnya, Proton dia bayar cukai juga, jadi kita kecualikan cukai, dia pun bayar cukai juga. Ada juga cukai dia bayar jadi *we got to be fair to them* lah. Kita bagi pelepasan cukai. *Tax relief*, kesemuanya sekali kita campur kira-kira *about RM30 billion* semua sekalilah, *RM30 billion over the years*. Akan tetapi sebahagian besarnya ialah *revenue for gone* iaitu *tax incentive* lah. Kita tidak kutip cukai sebab yang *the biggest chunk* yang bantuan kita bagi Yang Berhormat maksud tadi, bantuan permulaan dan juga RM1.5 juta *soft loan*, itu *the biggest chunk*.

Jadi *RM2 billion*, *RM1.5 billion soft loan* dan RM500 juta modal permulaan. Itu bantuan. Itu kebanyakannya *big chunk* merupakan *tax foregone*, *revenue foregone* dan belum insentif yang juga diberikan kepada syarikat-syarikat tempatan dan syarikat-syarikat asing termasuklah syarikat-syarikat automotif yang lain. Jadi terima kasih saya tidak jawab kerana ramai Yang Berhormat tidak ada menjawab ini. Jadi yang lain-lain kalau ada masa kita jawab secara bertulis, tengok keadaan macam mana ya.

Jadi terima kasih Ahli Yang Berhormat dan saya harap saya telah memberi penerangan mengenai TPP satu perkara yang penting diketahui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi saya bagi jaminan di sini bahawa kita akan terus kemas kini maklumat untuk dihebahkan kepada *caucus*. *Caucus* baru-baru ini 20 orang Ahli Parlimen, biasanya 10 orang, makna minat meningkat, terima kasih banyak. Seperti saya janjikan hari Selasa yang lalu apabila kita adakan pertemuan, termasuklah wakil DAP ada, PKR ada, PAN pun ada, termasuklah Barisan Nasional. Kita akan *update* yang pertama berkaitan dengan TPP dan yang kedua RCEP. *Insyaa-Allah* kita akan kotakan janji. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM436,683,200 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM436,683,200 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,177,037,500 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,177,037,500 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.25 [Jadual] -  
Maksud P.25 [Anggaran Pembangunan 2017] -**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rompin. Tidak ramai ya? Satu, dua, empat, enam dan tujuh. Baru hendak bangun. Okey, sila Yang Berhormat Rompin.

**4.35 ptg.**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Pengerusi, saya tidak banyak sikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Berhubung dengan B.25, Butiran 010700. Saya mencadangkan supaya undang-undang yang lebih keras harus dikenakan ataupun perlu digubal semula. Jika perlu dan saya rasa perlu oleh sebab masalah penyorokan barang-barang bersubsidi dan juga penyeludupan keluar barang-barang subsidi merupakan satu jenayah yang saya kira sangat berat. Ini kerana ia memberi kesusahan kepada masyarakat secara keseluruhannya yang berhak untuk mendapat subsidi dan kemudahan barang-barang apabila diberi oleh kerajaan tetapi diseludup ataupun disorok.

Oleh itu saya mencadangkan supaya hukuman mandatori, jel. Mandatori jel jika mereka didapati menyorok ataupun menyeludup barang-barang ke satu tahap yang

difikirkan sesuai. Kalau satu jumlah yang lebih besar lagi yang difikirkan sesuai untuk kadarnya kita hendaklah mengenakan hukuman sebat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Haiyo!

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Oleh sebab adalah setimpal bagi kedua-dua hukuman yang dilaksanakan memandangkan ia sangat-sangat menyusahkan orang miskin, ya orang miskin. Orang miskin yang sepatutnya dapat minyak bersubsidi tidak dapat minyak ataupun kemudahan-kemudahan. Bukan sahaja minyak tetapi semua barang-barang yang bersubsidi tidak dapat disebabkan oleh seperti minyak diesel dan sebagainya harus dikenakan hukuman sebat jika satu tahap yang besarlah, yang besar yang terlalu besar. Jadi jel, mandatori dan kalau terlampau menyorok barang yang lebih besar dihukum sebat. Itu sahaja cadangan Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini Yang Berhormat Rompin suka pukul orang ya.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** [Ketawa]

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

#### 4.38 ptg.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya hendak bahas berkenaan dengan Butiran 010700 – Penguat kuasa (Ibu Pejabat). Jadi kita lihat bagaimana peruntukan untuk tahun ini dikurangkan. Kalau dahulunya sebanyak RM35,388,900 dan tahun ini dikurangkan kepada RM33 juta daripada RM35 juta turun kepada RM33 juta. Jadi persoalan saya kenapakah peruntukan ini dikurangkan sedangkan aktiviti penyeludupan dan untuk kita mengawal serta menguatkuasakan berkenaan dengan undang-undang antipencatutan ini perlu dikuatkuasakan, tiba-tiba peruntukan ini dikurangkan.

Jika maksud pengurangan kos penguatkuasaan ini memberi kesan kepada soal ketirisan dan juga soal penyeludupan seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat Rompin tadi, kerana kita bimbang, sebab yang selalu menjadi alasan kepada kenaikan harga barang di Malaysia ini termasuklah yang terbarunya ialah berkenaan dengan kenaikan harga minyak masak atas alasannya kerana berlakunya ketirisan dan penyeludupan. Ini selalu menjadi *asbabun nuzul*, sebab menjadi barang keperluan ini naik ya.

Menteri Kewangan II pun pernah menyebut bagaimana ketirisan minyak masak yang diseludup keluar negara terutamanya ke Thailand dan juga ke Indonesia di Kalimantan berjumlah sebanyak RM540 juta.

■1640

Paling malang apabila kenaikan harga minyak masak ini, ia memberikan kesan kepada pengguna-pengguna kerana ini merupakan keperluan asas. Walaupun pihak kerajaan telah memberikan untuk subsidi kepada minyak masak yang peknya satu kilogram yang berharga RM2.50 tetapi ia sukar untuk kita dapati. Apabila kerajaan mengumumkan 20 Oktober kenaikan harga minyak masak ini akan berlaku pada 1 November, 21 hari bulan tu minyak sudah tidak ada *hat* nak cari *hat* yang satu kilogram. Yang ini yang menjadi masalah sebab itu apabila Yang Berhormat Menteri umum awal sangat geng-geng *hat* yang memang untuk hendak mencari keuntungan ini mereka telah pun membuatkan harga minyak itu sukar untuk didapati oleh peniaga-peniaga dan juga pengguna-pengguna terutamanya mereka yang berpendapatan rendah kerana itu sahaja yang diberikan untuk subsidi. Pelik, kita ini duduk di dalam hutan kelapa sawit tiba-tiba hendak dapatkan minyak masak tidak ada.

Ini perkara yang perlu diambil perhatian dan sebab itu apabila berlakunya pengurangan kos berkenaan dengan penguat kuasa ini perlu difikirkan supaya ia tidak menjejaskan bagi memerangi golongan yang lintah darat ini yang menyusahkan orang-orang terutama daripada kalangan mereka yang berpendapatan rendah di sana. Ini kerana menurut KPDNKK sejak bermula daripada 21 Oktober baru ini terdapat sebanyak 40 tan minyak masak yang bernilai RM112,000 yang dirampas.

Ini satu perkara yang kita tengok agak besar dalam masa sehari sahaja kita dapat lihat, maka berlakunya rampasan terhadap minyak yang mungkin dikomplot sorok oleh golongan peniaga ini. Harga minyak masak memang naik secara mendadak. Cuba bayangkan harga minyak *Cap Helang* yang dahulunya RM14.70 naik sebanyak RM23.70. Ini satu kenaikan yang kebanyakan terpaksa kita beli kerana kita hendak beli yang satu paket satu kilogram ini agak sukar untuk kita peroleh dan penjual lebih selesa untuk menjual dalam bentuk yang mereka tahu ini lebih mendatangkan keuntungan kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan butiran yang sama apabila membabitkan soal penguatkuasaan ini kerana kita tahu sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri KPDNKK yang menyatakan kerajaan rugi sebanyak RM10.5 juta setahun sehingga Ogos tahun 2016 akibat penyelewengan gas petroleum.

Saya dimaklumkan, diuar-uarkan kita harapkan berita ini tidak benar kerana mungkin berlakunya kenaikan harga gas pula. Ini satu lagi- kalau benarlah ini pula naik akan memberikan bebanan yang cukup berat kepada rakyat mungkin dijangka satu tong gas itu naik sampai RM7 sebalang. Atas alasan yang sama kerana berlakunya penyeludupan gas berlaku di negeri-negeri di sekitar kita. Maka ini perkara yang perlu saya hendak minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri kerana bahan-bahan yang diseludup ini yang akhirnya memberikan bebanan kepada pihak pengguna terutamanya daripada kalangan mereka yang berada di luar bandar sana.

Keduanya berkenaan dengan Butiran 030200 - Gerakan Kepenggunaan. Jadi kita harapkan supaya juga masih rendah daripada kalangan masyarakat kita ini yang sedar berkenaan dengan pentingnya untuk hak mereka sebagai seorang pengguna. Terutamanya zaman hari ini yang banyak zaman kita lihat yang belian secara talian, *online* yang kadang-kadang kita *booking* lain sampai barang lain. Mungkin kadang-kadang biasalah orang kadang-kadang dia malas hendak pergi repot polis sebagainya. Benda-benda ini diambil kesempatan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk hendak mengaut keuntungan daripada jualan *online* ini. Ini perkara yang perlu dititik beratkan dan diberikan kesedaran.

Juga kesedaran pengguna ini perlu disedarkan terutamanya di peringkat sekolah-sekolah lagi. Oleh sebab peruntukan untuk kempen kepada Gerakan Kepenggunaan ini mesti digalakkan dengan kerjasama kementerian untuk pelajar-pelajar sekolah ini sudah pun ditanam berkenaan dengan hak-hak mereka sebagai seorang pengguna. Kita hendak masyarakat kita ini menjadi masyarakat yang seperti mana masyarakat negara maju. Penjual cukup takut kepada pengguna kerana mereka tahu pengguna di sana merupakan orang yang bermaklumat yang tahu berkenaan dengan hak mereka. Sebab itu kita harapkan supaya Gerakan Kempen Kepenggunaan ini dilatih sejak bangku sekolah lagi. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Tenom.

**4.46 ptg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan Butiran 070000 berkenaan Program Khusus di bawah 070300 iaitu Program Pengedaran Barang Perlu, LPG dan *Community Drumming* yang mana pada tahun hadapan, sebanyak RM100 juta yang akan dibelanjakan oleh pihak kerajaan. Kita melihat Tuan Pengerusi bahawa program *Community Drumming* ini

program pengedaran barang-barang perlu telah dilaksanakan pada tahun-tahun yang sudah dan telah menelan banyak peruntukan yang telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan. Pada tahun hadapan pengurangan sebanyak RM100 juta lebih.

Di sini saya ingin meminta kepada pihak kementerian terutamanya di kawasan saya-Program Barang Perlu LPG dan juga *Community Drumming* ini, bagaimanakah bentuk pelaksanaan dijalankan? Bagaimanakah kontraktor dilantik? Apakah kriteria-kriteria yang perlu bagi seseorang kontraktor itu dapat melaksanakan Projek *Community Drumming* ini? Saya melihat bahawa program yang telah diwujudkan oleh pihak kerajaan pada hari ini untuk menyeragamkan harga bererti harga di bandar, di pekan orang di kampung dapat seperti mana harga di pekan. Kalau di kawasan saya Tuan Pengerusi, di sebuah kampung harganya agak berlainan, seliter petrol itu menelan belanja yang begitu banyak kalau sudah masuk ke kampung-kampung.

Dalam soal ini Tuan Pengerusi saya fikir pihak kerajaan perlu juga memantau kontraktor-kontraktor yang telah dilantik. Saya beberapa kali telah meneliti program ini dan melihat sebenarnya program ini cukup bagus tetapi apabila kita menyentuh tentang pelaksanaannya kerajaan perlu berhati-hati. Kita takut apa yang dihasratkan oleh pihak kerajaan tidak akan sampai di kampung-kampung untuk orang kampung menikmati harga sebenarnya. Saya fikir subsidi yang diberikan kepada barang-barang perlu, LPG adalah penting bagi masyarakat kita terutama di luar bandar.

Saya di sini Tuan Pengerusi saya ingin tahu pelantikan kontraktor yang menjalankan program ini cuma diberi setahun sahaja. Saya fikir setahun itu mungkin tidak perlu. Kalau boleh kerajaan kaji balik semula. Beri peluang kepada pelaksana-pelaksana ini contohnya kalau boleh dua tahun kah tiga tahun kah sebab saya fikir setiap tahun kontraktor pelaksana ini silih ganti. Jadi tidak ada kesinambungannya.

Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, pewujudan pos-pos yang telah diwujudkan oleh pihak kontraktor-kontraktor. Jadi saya fikir pewujudan pos-pos ini perlu juga diambil kira. Kalau kontraktor berubah bererti pos-pos tadi pun akan berubah. Nampaknya untuk mewujudkan pos-pos ini Tuan Pengerusi ia memerlukan perbelanjaan. Saya harap pihak-pihak kerajaan dapat memantau pelaksanaan ini supaya tidak ada berlakunya kebocoran penyaluran minyak-minyak. Bukan sahaja berlaku di luar negara kita, mungkin juga berlaku di dalam negara kita. Kita tidak mahu nanti pelaksanaan *Community Drumming* ini seperti mana di kawasan saya, saya lihat pada masa-masa yang lepas juga saya lihat ada pos-pos yang diwujudkan cuma ada tong tangki sahaja tetapi minyak tidak ada. Bila saya bertanya kepada tuan punya pos mereka cakap sudah tiga bulan ataupun satu bulan sudah tidak ada minyak dihantar.

**■1650**

Jadi saya harap dalam pemilihan kontraktor bagi pelaksanaan program ini, saya minta supaya pihak kementerian mengambil satu tindakan yang tegas supaya projek ini dapat dilaksanakan dan menyenaraihitamkan mana-mana kontraktor yang tidak dapat melaksanakan program ini.

Jadi, itu sahaja, Tuan Pengerusi. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**4.50 ptg.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya berbahas B.25 dan P.25. Beberapa isu yang saya hendak bawa.

Pertama sekali mengenai Butiran 010400 yang boleh dikaitkan sekali dengan Butiran 010700, dan Butiran 010800.

Pihak kerajaan telah mengumumkan penstrukturan semula Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) dan berkuat kuasa pada 1 November 2016, harga minyak masak bersubsidi bagi paket satu kilogram kekal pada harga RM2.50 manakala bagi minyak masak lebih daripada satu kilogram, harganya ditentukan mengikut harga pasaran. Tindakan kerajaan ini menimbulkan ketidakpuasan hati warga Malaysia dan menerima bantahan daripada pelbagai pihak.

Kesan daripada rantaian penstrukturan semula ini ada memberi impak atau kesan kepada beberapa rantaian seterusnya. Pertama ialah pemborong dan pembekal minyak masak mula menyorok bekalan minyak masak untuk mengaut keuntungan. Mereka menyimpan stok yang sedia ada dahulu dan dijual selepas harga naik.

Kedua, seterusnya krisis kekurangan minyak masak di pasaran pula berlaku. Selepas kenyataan mengenai pemansuhan subsidi minyak masak dilaporkan, kenaikan harga terhadap minyak masak timbul pelbagai panik di kalangan pembeli. Kekurangan bekalan minyak masak didapati berlaku di kebanyakan kedai runcit dan pasar raya di seluruh negara. Peniaga pula terpaksa dihadkan membeli minyak masak sebanyak dua paket atau dua botol sahaja bagi setiap pembelian.

Selain daripada ini, kenaikan harga makanan juga telah berlaku. Menurut tinjauan *Utusan Malaysia*, saya bukan kata *Malaysiakini* ya tapi *Utusan Malaysia*, di sekitar ibu negara mendapati bahawa peniaga terpaksa menanggung kerugian sehingga RM100 sehari berikutan kenaikan harga minyak masak ditambah dengan kenaikan harga petrol. Kedua-duanya telah berlaku pada sekitar masa yang sama. Peniaga

restoran dan kedai makanan juga terpaksa menaikkan harga jualan makanan mereka sekiranya isu harga dan bekalan minyak masak di negara ini tidak ditangani dengan segera.

Persoalan saya kepada kerajaan adalah apabila kenaikan-kenaikan pada petrol mahupun minyak masak sebegini berlaku, ia memberi kesan secara langsung kepada barang-barang keperluan. Apakah tindakan kerajaan untuk mengawal kenaikan harga-harga barang terutamanya barang-barang makanan?

Kedua, isu-isu seperti kekurangan minyak masak, minyak masak tidak cukup di pasaran, bagaimanakah pula kerajaan hendak mengawal keadaan sebegini? Beberapa tahun yang lepas, kita ada peristiwa yang sama tentang gula. Gula tak pernah terhad di pasaran, tiba-tiba bila kerajaan kata hendak naikkan harga, kebetulan dua, tiga minggu itu tak ada gula. Kini, kita mengalami situasi yang sama di mana kita umumkan minyak masak akan naik, tiba-tiba minyak masak tidak ada dalam pasaran.

Ketiga adalah seperti yang saya kata tadi, Yang Berhormat Menteri, impak dia kepada barang-barang makanan, restoran, dan kedai-kedai, gerai-gerai makanan. Bagaimanakah hendak kawal harga barang ini? Ini isu yang pertama.

Isu yang kedua ialah berkaitan dengan butiran yang sama adalah tentang penyelewengan dan penyeludupan bahan-bahan bersubsidi. Ini kita ada beberapa statistik menarik yang baru-baru ini Menteri Kewangan II kita, Yang Berhormat Datuk Johari telah mengatakan bahawa dalam tempoh sebulan penggunaan minyak masak yang sepatutnya hanya 40,000 tan metrik tetapi akibat penyelewengan, kerajaan perlu membayar bagi penggunaan 85,000 tan metrik. Ini kenyataan beliau. Saya rasa Yang Berhormat tahu tentang isu ini yang telah dibangkitkan oleh Menteri Kewangan II kita.

Persoalan saya ialah berlebihan 45,000 tan metrik minyak masak iaitu dua kali ganda minyak masak yang diperlukan ini amat mengejutkan. Di mana perginya minyak masak itu, dan siapakah yang harus dipertanggungjawabkan? Adakah kementerian telah meneliti dan memperhalusi situasi tentang penyelewengan dan penyeludupan bahan-bahan bersubsidi ini? Saya juga ingin penerangan, setakat manakah isu ini telah disalah gunakan oleh peniaga-peniaga yang tidak beretika?

Ketiga, menarik apabila kita memperlaksanakan GST. GST mempunyai mekanisme yang terbaik mencari peniaga-peniaga yang tidak membayar GST membawa mereka ke mahkamah dan menjatuhkan hukuman dan sebagainya. Peristiwa ini sedang berlaku kebelakangan ini. Saya telah menanya soalan yang sama kepada Menteri Kewangan II kita, jika kita ada mekanisme untuk menangkap sesiapa yang tidak membayar GST, mengapakah kita tak ada mekanisme untuk menangkap peniaga yang boleh menaikkan harga barang tanpa sebarang kawalan? Yang Berhormat Menteri



Kewangan II telah memaklumkan persoalan ini perlu ditunjukkan kepada Yang Berhormat Menteri.

So saya menanyakan soalan ini kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bersedia untuk melaksanakan satu mekanisme yang begitu cepat, tepat, jelas, laju, pantas seperti sebuah mekanisme yang diwujudkan untuk menangkap peniaga yang melarikan diri daripada GST? Kita juga perlu ada mekanisme untuk menangkap peniaga yang meninggikan harga barang. So barulah kita nampak kerajaan betul-betul ikhlas, tegas dengan pendirian di mana hendak mendapatkan duit daripada peniaga, kita juga kena pastikan peniaga meletakkan harga yang sepatutnya. Kita tak boleh ada satu mekanisme kita hukum- ya, GST bagus, kita hukum. Kalau *you* tak bayar kita hukum, tetapi peniaga yang meninggikan harga barang, kita sekadar tidak memandangi kepada mereka.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Kapar, laluan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pasir Puteh bangun.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Untuk membantu Yang Berhormat Kapar. Bagaimanakah kalau pihak kerajaan menaikkan harga barang itu dengan menunjuk tampal diberitahu awal-awal kepada masyarakat bahawa harga barang ini akan dinaikkan? Adakah itu boleh menyelesaikan masalah barang-barang ini di stor dan disimpan, tidak dijual kepada masyarakat? Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa kita tidak perlu memberi satu *panic button* kepada masyarakat. Hendak simpan rahsia, tiba-tiba esok pagi bangun tiba-tiba naik harga. Tak perlu bagi *shocking situation* macam itu. Kita perlu telus, kita perlu ikhlas. Saya rasa kalau ada sistem mekanisme yang boleh mengawal, memantau dan sebagainya, kita tak perlu ada masalah sebegini. Kalau kita ada akta yang boleh mengenakan hukuman yang setimpal dengan kesilapan yang mereka lakukan, saya rasa benda ini mereka akan waswas.

Saya tak cukup masa Yang Berhormat Menteri tetapi saya ada empat cadangan. Dalam masa yang ringkas ini, Tuan Pengerusi dengan izin. Pertama sekali, saya rasa barang kawalan ini perlu dinaikkan. Kita ada beberapa sahaja. Cuba kita tengok *list* yang kita ada, beberapa puluh barangan sahaja. Kita perlu naikkan barang-barang kawalan, letak harga siling dan itu akan menyenangkan pelbagai pihak.

**■1700**

Kedua ini, saya memberi cadangan supaya satu 'Suruhanjaya Kawalan Harga Barang' perlu ditubuhkan. Suruhanjaya ini tidak ada apa-apa kepentingan, berkecuali. Tugas mereka 24 jam, tujuh hari, 365 hari, memantau, membuat kawal selia, membuat rondaan, membuat *raid*, dengan izin secara tiba-tiba, bukan secara *planning*. Itu akan membantu pihak kementerian.

Ketiga, akta yang sedia ada, ada banyak kepincangan, kelompangan. Perlu dibawa, perlu diteliti, hukuman perlu setimpal dengan keadaan sekarang. Seperti penyeludupan, tidak dirangkumi secara holistik.

Keempat, adalah kena mengena dengan penguatkuasaan. Masa tidak mengizinkan Tuan Pengerusi. Saya hormat tentang peraturan Dewan tetapi apa-apa pun saya harap kementerian perlu jitu dan mengambil berat tentang isu ini Tuan Pengerusi, kerana saya harap harga barang, kos sara hidup dan kualiti kehidupan saling bergantung antara satu sama lain. Terima kasih, salam reformasi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Elok-elok isu penguatkuasaan, masa habis [*Ketawa*] Saya minta- lama tidak dengar Yang Berhormat Gerik.

**5.01 ptg.**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun hendak membahaskan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Butiran 030200 – Gerakan Pengguna. Walau bagaimanapun, saya cadangkan kepada kementerian untuk melaksanakan lebih banyak gerakan bersepadu dalam mewujudkan kesedaran dalam orang ramai agar menjadi pengguna yang bijak. Peningkatan kos sara hidup sudah pasti membebankan rakyat khususnya di kawasan luar bandar.

Oleh itu saya ingin mencadangkan agar kementerian mempertingkatkan penguatkuasaan bagi membanteras peniaga-peniaga yang menaikkan harga barangan sesuka hati. Tiba musim perayaan, harga ayam naik dan pelbagai lagilah bawang, sayur-sayuran. Kementerian sepatutnya mempertingkatkan penguatkuasaan dari semasa ke semasa khususnya di kawasan luar bandar. Kita sedar penguat kuasa tidak ramai. Bagaimana satu kaedah untuk memastikan penguatkuasaan tadi, mereka yang menguatkuasakan dengan bekerjasama dengan semua pihak?

Setiap tindakan penguat kuasa yang dilakukan harus disusuli dengan pemantauan dari semasa ke semasa atas peniaga. Peniaga terlibat kerana

memandangkan masih berlaku peniaga yang sama tidak serik-serik mengulangi kesalahan yang sama. Kadang-kadang kita boleh perhatikan bila EXCO Kerajaan Negeri turun ke kawasan luar bandar untuk menyemak harga barang. Pagi harga lain, waktu semakan harga lain. Di manakah silapnya? Bagaimanakah kita boleh menyelesaikan masalah yang berkenaan bagi berhadapan dengan isu seperti ini? Saya ingin mencadangkan agar kementerian mengkaji peruntukan undang-undang sedia ada bagi mengenakan hukuman lebih berat kepada mana-mana peniaga yang didapati melakukan tindakan yang sedemikian.

Butiran 030300 – Penyelidikan dan Dasar. Berkaitan dengan minyak masak. Kita merasakan minyak masak bukan naik harga kerana yang subsidi semua orang tahu yang dalam paket, pengeluaran melebihi daripada permintaan dalam negara. Persoalan pokok, kenapakah berlaku di Malaysia? Soal penyeludupan, gula, minyak, diesel, petrol, beras. Ini menggambarkan, yang kita hendak beritahu kepada rakyat dan masyarakat di luar bahawa harga barangan dalam negara kita Malaysia lebih murah daripada sekitar. Misal kata minyak masak. Kalau ikut sepatutnya harga sekilo satu paket itu kalau tanpa subsidi, difahamkan RM4. Mungkin kerajaan boleh menjelaskan dengan lebih tepat negara-negara di sekitar. Kalau di Indonesia, kita pasti yang berlaku penyeludupan masuk ke dalam negara kita ialah rokok kretek ataupun lain-lain rokok. Bermakna, Malaysia sebuah negara yang harga barangannya lebih murah daripada negara-negara di sekitar. Bermakna yang botol, kalau ikut harga lima kilogram, setinggi-tingginya patut dijual sebotol, kalau lima kilogram, lima kali empat RM20. Bermakna kalau lebih daripada RM20, mungkin salah, mungkin betul.

Harap pihak kementerian boleh menjelaskan kepada rakyat kerana isunya orang mengatakan harga minyak masak naik. Sebenarnya pada saya bukan harga minyak masak naik. Harga yang bersubsidi tadi tidak cukup dalam pasaran. Kalau kita tengok selepas diumumkan, kerajaan mengumumkan harga subsidi tadi, lambakan minyak tersebut di sempadan, di Golok, di Bukit Kayu Hitam dan pelbagai lagi. Ini merugikan negara kita daripada segi subsidi tadi dinikmati oleh masyarakat di luar daripada negara kita. Sedangkan jumlah pekerja asing di dalam negara, kalau ada tiga juta, berapa juta mereka telah menikmati pelbagai subsidi yang ada dalam negara. Mungkin kementerian boleh fikir-fikirkan bagaimana rakyat asing yang duduk dalam negara kita ini, macam mana mereka tidak menikmati subsidi yang sepatutnya diperoleh oleh rakyat Malaysia.

Seperkara lagi, tanggapan ekor daripada kempen memburukkan kelapa sawit. Saya sendiri pun mempunyai satu pandangan dahulu. Minyak dalam paket plastik satu kilogram yang dijual di luar sana, mempunyai kualiti yang tinggi telah dijelaskan bahawasanya minyak paket kelapa sawit yang paket plastik sama sahaja nilainya

dengan yang di dalam botol. Dengan kata lain, minyak kelapa sawit minyak yang tinggi vitaminnya. Cuma seperti mana kata Yang Berhormat Bukit Gantang, Malaysia pengeksporth yang terbesar. Pengeluar yang terbesar ialah Indonesia tetapi dalam masa yang sama, ladang yang besar di Indonesia ini, Malaysia punya.

Oleh sebab itu, ini yang kita kena bagi kesedaran kepada masyarakat bahawa minyak kelapa sawit lebih baik daripada minyak cap Pisau, minyak kacang atau minyak matahari atau minyak jagung. Maka, kalau kita rakyat Malaysia boleh membantu menerangkan kepada masyarakat, sudah pasti semua kumpulan mungkin boleh membeli minyak paket yang dikeluarkan oleh pihak tertentu. Cumanya, persoalan yang bermain difikiran, berapa syarikat yang mengeluarkan minyak paket tadi? Di sinilah akan berlaku bila dia bagi kuota kepada pihak-pihak tertentu yang berebut-rebut untuk mendapatkan kuota menjual minyak bersubsidi yang akhirnya tauke-tauke yang bersubsidi tadi hendak mencari keuntungan yang lebih, kalau jual kepada rakyat Malaysia, cuma RM2.50. Kalau kita jual di Thailand, jual di Indonesia, yang mana kita tengok harganya melebihi daripada RM2.50, walaupun katalah sekilo harganya RM3.60, di Thailand, sekurang-kurangnya pihak pengeluar boleh untung satu kilogram RM1. Di sinilah kita pihak kementerian kena melihat bagaimana caranya boleh ini.

Seperti saya pernah tengok di kawasan saya, Parlimen Gerik yang bersempadan dengan Thailand. Bagaimana minyak petrol diambil kesempatan oleh mereka menjual di sempadan dengan membeli Mercedes tua yang muatannya pada tangki 100 liter yang boleh keluar masuk sehari sampai tujuh kali atau lapan kali.

#### ■1710

Akan tetapi, kenapakah kita tidak ambil tindakan? Tidak ada satu peruntukan atau undang-undang yang membolehkan *Mercedes* tadi yang sentiasa penuh di Malaysia, bawa ke sempadan. Jadi, ini yang kita kena fikirkan bagaimana penyeludupan yang secara sedikit tetapi setengah-setengah pihak marahlah kepada kita, kerana rezeki mereka kita tahan. Akan tetapi ini antara yang kita nak gambarkan kepada rakyat di Malaysia yang kadang-kadang tidak bersyukur bahawa harga yang ada dalam negara ini lebih murah, kerana itu berlaku penyeludupan ke luar negara. Satu masa dahulu gula, saya sendiri pun tidak tahu berapa sekilo gula. Bila ada isu, barulah kita tahu rupanya sekilo gula ini lebih daripada RM2. Kesilapannya ialah bila kita umum secara tergesa-gesa, menjadi panik di kalangan orang ramai, ketua isi keluarga mula membeli banyak barangan yang dijangka akan naik tadi sehinggakan tidak mampu untuk menampung permintaan dalam semasa.

Seperkara lagi Butiran 020200 – Pembangunan Francais. Saya ingin minta pihak kementerian melihat bagaimana PMS ini membantu usahawan di seluruh negara dalam

français dan bagaimana keuntungan yang diperolehi oleh semua syarikat tadi, adakah PMS ini memberi keuntungan kepada masyarakat? Dengan ini, masa sudah tiba, saya menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong.

#### **5.11 ptg.**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 13006 – Pembangunan Sistem; bagi Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Ini berkenaan satu masalah di mana hasil harta intelek tidak diberi perlindungan, ini telah dilakukan oleh sebuah syarikat berkaitan kerajaan iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang. Terdapat satu aduan yang saya terima, daripada seorang peserta pertandingan fotografi anjuran Jambatan Kedua Sdn. Bhd. sempena sambutan bulan kemerdekaan 2014. Di mana nama peserta itu bernama Oi Eee Seang dan foto penyertaannya hasil karya suaminya yang bernama Kelvin Chua Huan Huat.

Mengikut Jambatan Kedua Sdn. Bhd. setiap penyertaan yang dihantar bagi pertandingan tersebut telah pun menjadi hak milik penuh JKSB, seperti yang terkandung dalam syarat-syarat pertandingan. Kemudiannya, foto tersebut telah digunakan oleh JKSB untuk tujuan percetakan risalah syarikatnya dan ini telah diperakui oleh JKSB sendiri. Mengikut syarikat tersebut, peserta tersebut atau suaminya tidak mempunyai sebarang asas bagi pertuduhan melanggar hak cipta atau pun membuat sebarang tuntutan terhadapnya.

Saya begitu hairan, apabila sesuatu foto digunakan, tiada sebarang kredit diberi kepada penghasil karya yang asal atau sekurang-kurangnya perlu disebut dari mana asal usulnya foto tersebut. Disebutkan foto tersebut tidak memenangi sebarang hadiah dan tidak diberikan sebarang sugu hati kepada penghasil karya yang asal. Maka, *argument* saya- hak milik foto tersebut masih dipegang oleh hasil pengkarya yang asal dan tidak boleh dipindahkan kepada JKSB secara automatik dengan apa cara sekalipun.

Saya ingin bertanyakan, apa tindakan yang boleh diambil oleh kementerian atau *MyIPO* untuk menegakkan kehadiran bagi penghasil karya yang asal. Lebih-lebih lagi perkara sebegini tidak harus dilakukan oleh sebuah syarikat berkaitan kerajaan seperti Jambatan Kedua Sdn. Bhd.

Saya ingin menyentuh Bekalan 25, Butiran 07000 – Program Khusus.

Saya ingin beri cadangan supaya pihak kementerian melancarkan suatu kempen yang khusus bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap caj perkhidmatan. Ini saya ingin berterima kasih kerana dengan adanya Perintah Kawalan Harga dan Anti

Pencatutan, penandaan caj perkhidmatan bagi hotel dan restoran 2015 dikeluarkan. Maka, sekarang kita boleh lihat banyak restoran dan hotel, mereka telah menampalkan notis dengan jelas, dengan huruf perkataan yang besar di depan di pintu masuk restoran atau hotel tersebut. Akan tetapi sehingga kini banyak pengguna masih tidak faham macam mana caj perkhidmatan dikenakan. Adakah GST juga boleh di caj kan, ke atas caj perkhidmatan tersebut? Ini menimbulkan satu kekeliruan, ada kes yang GST di caj kan, ada kes yang GST tidak caj kan. Adakah caj perkhidmatan yang dikenakan sebegini adalah *standard-rated* atau adalah kategori yang lain?

Jikalau GST perlu dibayar, mengapakah GST tersebut tidak perlu dimasukkan ke dalam caj? Ada yang caj secara eksklusif dan ini satu beban kepada orang awam. Mereka telah membayar caj perkhidmatan dan mereka kena bayar lagi GST. Sampai hari ini ramai di antara kami masih tidak sedar bahawa tiada caj perkhidmatan boleh dikenakan ke atas restoran yang membekalkan makanan secara layan diri. Akan tetapi ada juga bila dikenakan secara buta, orang juga membayar secara buta. Saya ingin bertanya, berapakah restoran dan hotel telah diperiksa bagi tujuan tersebut? Berapakah kompaun telah dikeluarkan dan jumlah amaun dikutip? Berapakah kes yang telah dihadapkan ke mahkamah? Adakah pemeriksaan juga dilakukan oleh KPDNKK ke atas kedai-kedai yang lain selain daripada restoran dan hotel, seperti kedai tayar yang juga ada mengenakan caj perkhidmatan bagi menukar tayar bagi pelanggan mereka. Saya masih ingat pernah dikatakan hanya restoran dan hotel yang mempunyai perjanjian kolektif atau CA, antara majikan dan pekerja-pekerjanya boleh mengenakan caj servis. Adakah pemeriksaan juga dilakukan ke atas setiap premis restoran dan hotel untuk memastikan mereka ada perjanjian kolektif bagi tujuan tersebut?

Saya lihat banyak pemeriksaan dilakukan semata-mata berdasarkan notis yang dipamerkan sahaja. Mungkin tidak melibatkan kajian yang lebih teliti ke atas perjanjian kolektif yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Jikalau seorang pelanggan tidak berpuas hati dengan mutu dan kualiti perkhidmatan yang dibekalkan oleh sesebuah restoran atau hotel, adakah pelanggan-pelanggan dibenarkan untuk tidak bayar cukai, tidak bayar caj perkhidmatan? Macam mana caranya mereka boleh tolak untuk membayar? Apakah perlindungan yang boleh diberikan kepada pelanggan-pelanggan tersebut supaya mereka tidak boleh diambil tindakan oleh pengusaha restoran atau hotel tersebut?

Kita macam tiada satu mekanisme bagi menangani ketidakpuasan ekoran daripada aspek tersebut. Jadi, saya harap sesuatu usaha yang lebih gigih, yang lebih proaktif dapat dilakukan dan diambil oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, seorang-seorangnya wanita, Yang Berhormat Pasir Gudang... [*Dewan riuh*]

**5.18 ptg.**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, atas peluang yang diberikan kepada saya ini.

Saya ingin menyentuh Butiran 010400 - Dasar dan Perancangan Strategik iaitu berhubung kait dengan kenaikan harga-harga barang dan cara-cara kawalan juga penguatkuasaan. Walau bagaimanapun seawalnya saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Malaysia, terutamanya kepada pihak kementerian yang telah mencuba sedaya upaya membuatkan yang terbaik. Akan tetapi ada beberapa perkara yang saya kira perlu diambil perhatian.

Oleh sebab sekarang ini kalau kita pergi mana-mana, keluhan rakyat ternyata bunyinya tidak lagi perlahan. Terbaru dengan kes- walaupun boleh disebutkan bukan kenaikan harga minyak tapi dengan penarikan subsidi atau apa juga, yang pentingnya bila rakyat pergi ke kedai untuk membeli minyak, secara mendadak harga minyak naik sehingga RM7 ke RM8 sebotol bagi 5 kilo. Adalah tidak adil jika kita mengatakan bagi rakyat yang kurang mampu mereka sepatutnya membeli atau bolehlah membeli minyak yang sekitar satu kilo itu.

■1720

Perlu diambil kira juga bahawa kehidupan rakyat sekarang yang sangat sibuk. Kebanyakan daripada mereka bekerja suami isteri membuat belanja sebulan sekali. Jadi bila belanja sebulan sekali ini kalau hendak beli yang sekilo, berapa plastik dia hendak beli untuk mencukupkan kegunaan bulanannya? Jadi sehubungan dengan itu apakah kerajaan membuat semula analisa yang terperinci, mungkin jika perlu kita mengadakan pindaan kepada akta sedia ada.

Pertama sekali tentang barang-barang kawalan. Bolehkah senarai yang penting-penting ini ditambah kepada barang-barang kawalan. Ini kerana minyak merupakan perkara asas. Walaupun sekarang kita boleh cakap ke arah kehidupan sihat dan sebagainya makan rebus banyak, tetapi kehidupannya tidak begitu. Orang masih suka dengan cara mereka lagi dan dipanjangkanlah, dipertimbangkanlah demi rakyat.

Saya menyuarakan agar rakyat sangat berat dekat bahu saya ini, dia kata Yang Berhormat mesti sampaikan, panjangkan senarai barang-barang kawalan, masukkan barang kawalan. Bila di umum ada kenaikan, di manakah peranan penguatkuasaan? Tidak ada kita dengar. Kita tahu barang akan naik, pada berapa hari bulan, macam

mana cara hendak mengawal barang tersebut supaya harga tidak melambung? Kita kena ada syiling harga.

Saya yakin pihak kementerian lebih bijaksana dalam hal ini. Jadi dicadangkan masalah untuk perkara ini diambil kira dengan seriusnya. Satu Jawatankuasa Khas diwujudkan bagi memantau harga-harga barang supaya kita dapat meyakinkan rakyat bahawa kita sebenarnya sebuah kerajaan yang sangat baik, sangat prihatin. Akan tetapi kerana perkara-perkara begini, ada pihak dan mereka sendiri tercalar, terkesan, jadi mereka merasakan kerajaan tidak prihatin. Sedangkan yang kita buat sudah banyak.

Kita tidak mahu ada yang mengatakan buat apa bagi BR1M kalau semua barang naik. Sedangkan kerajaan berniat sangat baik untuk membantu rakyat. Adalah tidak adil juga mengatakan tujuan menaikkan BR1M untuk menampung harga barang. Ini ada ayat-ayat yang kadangkala saya menyampaikan kurang seronok untuk didengar tetapi kenyataan daripada rakyat di bawah sana memang harga-harga barang memerlukan kawalan.

Hukuman juga perlu dinaikkan kepada mereka yang sememangnya mengambil kesempatan, terlampau sikit. Kalau mereka selama ini sudah buat untung dengan banyak, dengan hukuman sedia ada, apa ada RM5,000, RM50,000 ini tidak ada makna. Mungkin kalau tangkap terus lesennya dihapuskan, tidak boleh bagi lesen lagi. Ramai orang lain nak meniaga. Jadi buat apa kita nak bagi peluang kepada mereka ini lagi?

Seterusnya, tentang yang ingin saya suarakan juga ialah, kita selain daripada kenaikan harga minyak yang menurun sekarang ini di dunia, bila barang di Malaysia ini naik, dia jadi satu perbandingan yang sangat ketara. Walaupun secara hakikat, bagi yang pergi melancong mereka faham, di negara lain barang tidak semurah di negara kita. Saya pun penat juga bercakap. Di negara lain barang mahal. Akan tetapi rakyat kita telah dimanjakan, kerajaan kita sayang rakyat kita. Selama-lama ini kita telah beri subsidi kepada mereka. Jadi penarikan ini berlaku dengan secara mendadak tanpa dilihat dengan kawalan yang rapi, makanya ia menjadi satu tamparan yang kurang baik kepada kerajaan kita.

Berkenaan dengan undang-undang yang sedia ada, seperti yang saya katakan lagi saya yakin pihak sebelah sana pun mengambil berat soal rakyat. Kalau pindaan perlu dilaksanakan bagi memastikan hukuman-hukuman lebih berat dikenakan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab menjual barangan kepada negara luar dan sebagainya, saya yakin pindaan ini tidak akan mendatangkan masalah kepada kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan yang terakhir ini untuk menekankan walaupun tadi saya sudah sebut soal harga syiling dan penguatkuasaan, saya minta tolong sangat dengan pihak kementerian melalui apa yang ada ini, kalau kita



perlu adakan sementara mereka secara sukarelawan dengan secara tersusun dan rapi diadakan bagi dilaksanakan peraturan dan pemantauan ini, supaya rakyat berasa bahawa kerajaan kita akan sentiasa mendengar nadi denyut rakyat kita yang sekarang terhimpit dengan kenaikan harga barangan. Itu saja Tuan Pengerusi, saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

### 5.25 ptg

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Alhamdulillah... [Mengucapkan salawat] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang.

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa bagi peruntukkan B.25, dan juga P.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Di bawah Butiran 090000– “One off”, dan Butiran 090100 - Emolumen Pegawai Pemantau Harga.

Dalam tahun 2016 bagi bajet yang dibentangkan dahulu tidak ada anggaran, tetapi bagi tahun 2017 sejumlah RM55 juta. Apa yang mustahak daripada keperluan pemantauan harga ini ialah kes yang sedang berlaku sekarang ini iaitu minyak masak dalam pasaran. Kenaikan harga bagi minyak masak yang lebih daripada sekilo merupakan kenaikan yang agak tinggi dengan jumlah peningkatan yang sangat mendadak. Bila timbulnya ura-ura kenaikan minyak masak, maka minyak masak tiada dalam pasaran.

Akan tetapi kemudian apabila kenaikan harga itu berlaku sekarang ini pula seolah-olah berlaku catuan bagi pek satu kilo hanya dibenarkan dapat dua pek seorang. Begitu juga yang lebih dari satu kilo seperti juga ada catuan dapat dua botol seorang. Apakah ia peraturan yang ditetapkan ataupun hanya di peringkat perniagaan semata-mata? Jadi saya pohon penjelasan kepada permasalahan sebenarnya yang berlaku dan apakah tindakan pihak kementerian?

Kedua di bawah Butiran 090200 - NKRA – Pembangunan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Seperti juga anggaran bagi tahun 2016 tiada anggaran, Bajet 2017 anggarannya RM10 juta. Bagi tahun 2015, pembangunan sebenar ada 24, pembangunan Kedai Rakyat 1Malaysia. Tahun 2016 tiada. Tahun 2017 sebanyak 37 kepada anggaran pembangunan Kedai Rakyat 1Malaysia.

Apa yang saya pohonkan adalah supaya ada kepelbagaian, bukan sahaja pada bahagian runcit dan juga kain , tetapi juga kepada keperluan-keperluan lain yang

melibatkan kepentingan rakyat. Ini kerana jika ada kedai-kedai yang murah pada harga ini, rakyat yang miskin khususnya akan bertumpu ke kedai-kedai yang telah sedia ada.

Ketiga, ialah berkait dengan Butiran 030200- Gerakan Kepenggunaan di bawah B.25. Saya mengharapkan supaya gerakan kepenggunaan ini diletakkan sebagai suatu yang utama bagi kementerian. Ini kerana dalam kita meletakkan pemantauan yang dilakukan, kerana ada pekedai-pekedai ini kadang-kadang apabila rasa diawasi, maka mereka akan berhati-hati. Ini kerana memang sifat manusia ada yang sejak awal mereka dalam keadaan jujur menjalankan perniagaan dan tidak membebankan pengguna tetapi ada juga yang terpaksa dengan tindakan undang-undang. Sebelum daripada itu tentulah adanya pengawasan ini yang akan menyebabkan apabila ada pemantauan mereka rasa diawasi. Maka perjalanan yang melibatkan peniaga dan pengguna itu akan menjadi lebih teratur dan mudah. Oleh itu saya hendak mencadangkan supaya diwujudkan lebih banyak NGO berkaitan kepenggunaan.

▪ **1730**

Kalau boleh satu buah daerah satu NGO ataupun satu Kawasan Parlimen satu NGO yang mengawal yang melibatkan gerakan kepenggunaan ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Keempat, di bawah P.25 juga Butiran 13005 – Pembangunan Koperasi. Anggaran bagi tahun 2017 ialah RM1 juta di mana koperasi merupakan jentera pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat setempat dan kita ada koperasi wanita, belia, agensi-agensi kerajaan dan GLC. Jadi saya pohon secara tepatnya dibekalkan maklumat secara bertulis untuk dibuat kajian berasaskan aktiviti yang telah dilaksanakan. Ini kerana kalau kita melihat kepada koperasi yang sedia ada, ada koperasi yang maju, yang berjaya dan aktif serta membawa pulangan hasil yang baik, lumayan untuk diberikan faedah dan manfaatnya kepada ahli-ahli koperasi.

Kedua, ada yang lemah dan terpaksa dibimbing, diberikan perhatian oleh pihak kementerian. Ketiga, ada yang mati dan tidak lagi bergerak. Jadi saya pohon supaya satu maklumat ini untuk dibuat kajian tetapi secara bertulis dan peribadi untuk dibuat kajian supaya boleh kita laksanakan sekurang-kurangnya di peringkat Parlimen sendiri di Dungun.

Saya juga hendak cadangkan satu program Satu Daerah Satu Koperasi ataupun Satu Parlimen Satu Koperasi dengan mendapat bimbingan terus di bawah kementerian ini supaya mudah-mudahan ia menjadi pemangkin kepada pembelaan untuk rakyat

miskin setempat bagi daerah-daerah yang diadakan koperasi ini ataupun bagi parlimen-parlimen yang berkenaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Sungai Petani.

### 5.32 ptg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua tiga perkara yang ingin saya sentuh khususnya Butiran 020200 – Pembangunan Francais.

Saya lihat sebenarnya potensi bidang ini amat luas di negara kita khususnya francais yang berhubung dengan makanan dan penyediaan makanan. Jadi saya hendak tanya kementerian sejauh manakah kita mengambil tindakan-tindakan proaktif sebab saya tengok khususnya di utara, banyak makanan di Utara yang boleh sebenarnya di francais kan tetapi bila saya berjumpa dengan pengusaha-pengusaha, saya kata kenapa tidak di francais kan, mereka kata yang pertama sekali mereka tidak tahu macam mana hendak buat. Mee bandung kah ataupun macam-macam lah. Laksa Kedah, laksa Kuala Kedah, laksa Kuala Perlis yang memang orang berpusu-pusu hendak mencari makanan-makanan ini tetapi proses untuk francais itu nampaknya kita tidak proaktif di mana agensi-agensi yang mempunyai kekuatan dengan ada anggota dan pegawainya tidak membantu mereka.

Jadi akhirnya apa yang berlaku Tuan Pengerusi ialah makanan-makanan yang baik begini akhirnya apabila pengusaha itu meninggal dunia ataupun tidak lagi berniaga, akhirnya makanan itu hilang begitu sahaja. Akan tetapi saya tengok potensi ini luas. Saya rasa saya mintalah supaya kementerian harus mempunyai program, mendekati usahawan-usahawan ini dan membantu mereka untuk francais kan usahawan-usahawan ini.

Kedua, Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan pembangunan koperasi. Kita telah pun melihat bagaimana banyak koperasi yang berjaya seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dungun tadi, banyak juga yang mati. Akan tetapi nampaknya koperasi yang berjaya ini di antaranya di sekolah-sekolah. Jadi saya hendak bertanya kementerian. Adakah kementerian akan memperbaiki kedudukan koperasi-koperasi di sekolah ini dengan bukan sahaja penuntut-penuntut ini mempunyai ilmu, murid-murid ini mempunyai ilmu dalam mentadbir koperasi di sekolah mereka tetapi juga menanam semangat supaya ada di antara mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke dalam bidang ini.

Jadi saya hendak tanya adakah maktab koperasi yang ada sekarang ini akan bekerjasama dengan mana-mana universiti untuk menghasilkan graduan-graduan dalam bidang koperasi yang khusus. Maknanya kalau graduan-graduan ini keluar daripada maktab-maktab koperasi kita ini dan mendapat pengiktirafan dari universiti yang kita *pack* kan sekali, maknanya kita akan ada orang yang betul-betul *qualified* untuk *run the* koperasi. Dia bukan sahaja ada *experience* di sekolah tetapi dia dapat *degree* daripada maktab kita. So saya ingat, ini boleh satu bidang yang baru. Kita tidak pernah *all out* cuba bidang ini.

Sekarang ini apa yang berlaku ialah koperasi-koperasi ini *dirun* oleh orang-orang yang *probably the last job* yang dia hendak ambil ini ialah kerja di koperasi kerana gaji murah dia anggap, kadang-kadang keadaan *perks* pun tidak menentu. Jadi tangkap muat sahaja. Jadi orang-orang ini, orang yang bekerja di koperasi ini ialah orang-orang yang *half-hearted*, kecualilah beberapa buah koperasi yang besar.

Akan tetapi saya rasa sudah tiba masanya kerajaan melihat bahawa maktab kita ini, maktab koperasi ini *difully utilized* dengan *pack*-kan universiti supaya mengeluarkan graduan dalam bidang koperasi dan orang-orang ataupun penuntut-penuntut yang menceburkan diri mereka ini, mereka bermula dengan koperasi sekolah, kemudian melanjutkan pelajaran mereka di maktab koperasi dan akhirnya memiliki ijazah dalam bidang tersebut. Jadi...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Sungai Petani, Kuala Krai.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Kuala Krai. Silakan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Sungai Petani. Adakah dalam suasana ekonomi sekarang ini di mana pemain utama ekonomi kerajaan dan juga swasta. Sedangkan satu *third force* yang perlu diberikan perhatian dan perlu ditonjolkan ialah sektor koperasi kerana ia akan menjadi satu *third force* dalam ekonomi ini kalau kita betul-betul melahirkan pemain-pemain koperasi dan juga sokongan daripada kerajaan yang lebih hingga menjadikan ia *third force in our economy*. *Thank you*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai sebab kalau kita lihat masyarakat kita sendiri pun, masyarakat kita ini ialah masyarakat yang suka berkelompok. Oleh sebab itu apabila kita di kampung-kampung contohnya, kita buat khairat kematian, cukup berjaya. Cukup berjaya. Pakatan pinggan mangkuk cukup berjaya khususnya masyarakat Melayu dan bumiputera. Kalau di masyarakat Cina dia ada berbagai-bagai persatuan. Tidak ada masalah. Cuma yang kita tidak tumpukan perhatian ialah bagaimana kita *inject*,

bagaimana kita *motivate*-kan, bagaimana kita berikan semangat dan juga dorongan supaya- *psychologically* kita sudah *prepare* sebab *mentally* sudah bersedia. Cuma bagaimana kita hendak bawa mereka ini ke alam perniagaan. Bukan semua orang *reti* berniaga. Harus ada orang yang *inject*-kan idea ini dan inilah saya katakan perlu latihan di sekolah itu sudah cukup, Tuan Pengerusi. *In fact we were there for years* dan saya tahu pelajar-pelajarnya amat berjaya.

Akan tetapi malangnya selepas dia *form five* di sekolah koperasi itu, dia masuk *engineering*. Jadi ilmu koperasi itu tinggal begitu sahaja. Kalau kita *revisit* isu ini, mungkin dia boleh buat *courses* yang tertentu di universiti tetapi ilmu yang dia dapat dalam mentadbirkan koperasi itu tidak hilang. Ini yang saya hendak minta kerajaan fikirkan bagaimana. Sudah tentu saya katakan tadi maktab-maktab koperasi boleh memainkan peranan penting tetapi secara *psychologically*-nya, Yang Berhormat Kuala Krai, memang kita sudah bersedia. Rakyat di Malaysia ini memang rakyat yang boleh dibawa berkira hatta di bawah sekalipun. Jadi tidak timbullah soal minyak masak tidak cukup dan sebagainya sebab kalau komuniti itu sudah begitu sekali, kita boleh uruskan masyarakat ini apabila masyarakat itu *diinject*-kan dengan pengetahuan koperasi ini.

Yang lingkup koperasi ini yang saya tahu kebanyakannya ialah pengurusan. Isu yang besarnya ialah isu pengurusan. Sokongan dari bawah itu saya rasa tidaklah ada masalah tetapi pengurusanlah. Kalau Tuan Pengerusi, saya ingat tentu Yang Berhormat Menteri pun faham. Tiap-tiap tahun kita akan ada *complaint* dan juga laporan-laporan. Sebabnya, sebab bukan sahaja orang yang mentadbir itu tidak kompeten tetapi dia juga masuk *psychologically*-nya untuk dia sendiri pun tidak lihat bahawa koperasi ini menjadi *third force*. Malah banyak syarikat yang besar at *one time* tetapi oleh sebab koperasi itu ditadbir orang yang tidak amanah. Contohnya satu buah koperasi, saya tidak mahu sebut koperasi ini yang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang *senior officers*. *Senior officers* yang ada KSU, TKSU, gabungan mereka lingkup juga. Bukan kerana sokongan tetapi pengurusan itu sendiri tidak amanah.

#### ■1740

Jadi inilah saya rasa benda-benda yang sekali lagi saya katakan ilmu ini telah pun- lorongnya dah ada, *provider* pun dah ada. Cuma bagaimana kita *enhance*-kan supaya ia menjadi satu *top force*, *empower*kan dengan proaktif sedikit tindakan yang diambil oleh kerajaan dan menjadikan mengurus koperasi itu sebagai satu kerjaya yang dihormati. Bagaimana dia boleh di-*upgrade*-kan pandangan itu dan saya rasa kita dah ada infrastruktur cuma kesungguhan daripada kementerian yang saya yakin Menteri yang ada sekarang ini bukan sahaja daripada segi perwatakan dia tetapi minda dia juga ke arah itu.

Jadi saya yakin dengan Timbalan Menteri yang baru, Yang Berhormat Lawas. Saya rasa ini boleh buat dan bukanlah sesuatu yang *impossible* kerana saya tengok bajet yang adapun contohnya kita dah berikan cukup banyak khususnya dalam bidang koperasi ini. Untuk itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sungai Besar, selepas Yang Berhormat Sungai Besar Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih.

#### 5.41 ptg.

**Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Izinkan Sungai Besar ambil bahagian di Peringkat Jawatankuasa, KPDNKK Butiran 020200 – Pembangunan Francais.

Sebelum itu, izinkan saya mengucapkan terima kasih atas bantuan Yang Berhormat Menteri dalam Pilihanraya Kecil Sungai Besar. Apakah yang berlaku di Sungai Besar sekarang? Yang berlaku di Sungai Besar di peringkat orang-orang tua, dah pandai makan *McDonalds* kalau dia hendak makan burger. Dia pandai hendak makan *KFC* kalau dia hendak ayam goreng dan kalau dia hendak makan desert *Tutti Frutti* ini pun dah pandai. Bayangkan di Sungai Besar, kawasan kampung, pembangunan francais ini sangat berkembang daripada segi produknya dan ini menunjukkan bahawa pembangunan produk-produk francais ini cukup popular di kampung-kampung.

Saya berpendirian francais ini mesti lagi diperkembangkan supaya dia dapat memberi peluang kepada orang lain berniaga terhadap produk yang sudah terbukti berada di pasaran. Cumanya produk-produk yang saya sebutkan di peringkat awal itu merupakan produk francais luar negara. Persoalan mohon respons daripada pihak kementerian bagaimana prestasi perniagaan francais Malaysia ini, *local product*. Adakah kita berjaya membuka mata dunia? Adakah produk-produk francais tempatan ini diterima di pasaran dunia?

Seterusnya saya minta respons, ada atau tidak produk-produk tempatan *players* francais ini yang langsung tidak melalui PNS? Maknanya dia dilaksanakan secara sendirian dan adakah tapisan-tapisan yang cukup baik telah dibuat oleh pihak PNS itu sendiri terhadap produk-produk yang mahu bersaing pada kaca mata dunia. Saya fikir itu sahaja respons saya daripada segi pembangunan usahawan francais. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pokok Sena.

**5.43 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut terlibat dalam B.25 Butiran 010000 – Pengurusan dan Butiran 010700 – Penguat kuasa (Ibu Pejabat).

Satu isu sahaja yang berkaitan dengan isu minyak masak. Kerajaan mengumumkan alasan untuk menarik balik subsidi minyak masak itu adalah disebabkan berlakunya penyeludupan sehingga kerajaan mengalami kerugian RM500 juta daripada peruntukan subsidi harga minyak masak sebelum ini dan didapati bahawa minyak masak subsidi ini berada di pasaran di Thailand dan juga di sebelah Indonesia sempadan dengan Sabah dan Sarawak. Jadi ini menjadi satu alasan dan inilah kenyataan yang saya ingat yang mula-mula dikeluarkan oleh Menteri Kewangan II. Itu alasan. Alasannya ialah minyak subsidi diseludupi ke negara luar, jadi kerajaan tarik balik subsidi. Oh sebutlah tarik subsidi kah, rasionalisasi subsidi kah hakikatnya dalam negara kita, harga minyak masak dinaikkan kecuali untuk paket 1 kilogram.

Baik. Isunya Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sejauh mana kerajaan boleh menjamin yang paket satu kilo ini juga tidak diseludupi selepas ini. Sebab bagi saya ialah isu penyeludupan itu masalah penyakit. Saya ingat doktor dari Bagan Serai pun boleh bersetuju dengan saya. Penyakit dia ialah seludup, penyakitnya seludup. Jadi, sudah tentulah bahawa sepatutnya kita mencari penyelesaian atau ubatnya juga ialah bagaimana hendak mencegah penyeludupan. Bukannya menarik balik subsidi, menaikkan harga minyak masak dan mengharapkan tidak berlaku penyeludupan. Baik.

Selepas daripada apa yang disebut sebagai rasionalisasi subsidi ini Tuan Pengerusi, dilaporkan bahawa di Ipoh baru-baru ini di Jelapang, ada rampasan 323 kilogram minyak masak yang dirampas. Itu bukan yang diseludupi ke luar negara tetapi yang didapati di dalam kereta, dalam bekas besar dan sebagainya yang cuba hendak disorok dan sebagainya.

Kemudian ada kenyataan daripada Kementerian KPDNKK ini, sejak 21 Oktober hingga sekarang ini, lebih daripada 40 tan minyak masak ini dirampas antaranya ialah seperti yang disebut tadi termasuk juga yang diseludupi. Bermakna bahawa sepatutnya tindakan kita mencari penyelesaian bagaimana hendak memastikan supaya penyeludupan itu dapat dicegah, supaya minyak masak subsidi ini tidak mengalir ke luar negara. Ini saya ambil kira doktorlah, takkan kalau kita *pi kat* Yang Berhormat Bagan Serai, kita sakit *tang* lain dia *pi pederas tang* lain. Ha *beraras* kita. Sakit *tang* lain dia *pi cucuk tang* lain, *jenuhlah* kita. Mengeranglah kita. Jadi sepatutnya inilah yang dijadikan

penyelesaian. Sebab itu saya mempersoalkan sejauh mana jaminan kerajaan minyak masak satu kilo ini tidak diseludupi selepas ini, itu satu.

Kedua Tuan Pengerusi, apa mekanisme kerajaan untuk memastikan supaya pakej satu kilo ini mencukupi, memenuhi pasaran yang diperlukan oleh orang-orang yang berpendapatan rendah dan juga oleh peniaga-peniaga, penjaja-penjaja kecil. Sebab bagi saya, macam tidak dari mekanismelah Tuan Pengerusi. Kita boleh beli berapa kilo? Kita boleh beli berapa pakej? Peniaga-peniaga, penjaja-penjaja pasar malam dan sebagainya mereka boleh beli berapa paket? Ha, Yang Berhormat Kapar ada apa? Oh, hendak mencelah rupanya. Cepat sedikit.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Bercakap tentang satu kilogram pada harga RM2.50, saya meramalkan tahun depan peniaga-peniaga akan mengatakan pembeli hanya boleh beli dua paket sahaja atau tiga paket sahaja. So ini pun tidak boleh. Pandangan Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, itu isu dia. Apakah mekanisme dia yang saya sebutkan tadi? Khususnya kepada pihak kerajaan, bagaimana mekanisme untuk penjaja-penjaja, penjaja pasar malam dan sebagainya. Takkan mereka hendak beli minyak yang dibotolkan dua kilo, tiga kilo. Sudah tentu mereka tak boleh jual dengan harga seperti biasa. Kalau mereka beli minyak masak yang dibotolkan dua kilo atau tiga kilo dan sebagainya, sudah tentu mereka kena jual harga mi goreng ke apa sahaja makanan-makanan yang menggunakan minyak ini dengan harga yang lebih dan sudah tentu ini akan meningkatkan kenaikan kos hidup masyarakat dan rakyat. Ini bagi saya bahawa suatu yang harus dilihat oleh pihak kerajaan untuk hendak mengimbangkan antara peniaga, penjaja dengan orang kampung, orang biasa yang juga memerlukan minyak satu kilo.

Ketiganya saya hendak tanya, saya difahamkan baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah sebut bahawa 285 jenama yang dapat subsidi, Yang Berhormat Menteri ya? 285 jenama. Saya tak tahulah 285 jenama ini daripada berapa buah syarikat, berapa buah kilang dan sebagainya, saya tak tahu. Baik. Apakah jaminan yang mereka ini tak salin baju? Tak tukar daripada paket dibotolkan. Ini berlaku dalam beras subsidi ST15 sebelum ini yang sekarang sudah dihapuskan dan hendak diganti dengan MyBeras sampai sekarang tak *mai-mai*. Isu ST15 ialah salin baju, ST15 ini beras yang disubsidikan untuk kononnya makanan bagi orang kebanyakan, orang miskin, orang susah tetapi mereka yang mendapat kuota subsidi ini akhirnya dia dapat beras subsidi, dia salin baju ataupun dia dapat kuota subsidi sekian-sekian banyak contohnya 30 tan,



dia pergi jual kepada pemborong besar, syarikat besar, dia jual kertas, dia dapat dan pengilang atau pemborong itu masih untung apabila dia salin baju.

■1750

Dia 'salin baju' daripada beras subsidi dia boleh buat beras kemukut diambil kemudian beras yang elok dia jadikan beras 10 persen, 5 persen sedangkan dia dapat dengan harga subsidi walaupun dibayar kepada orang yang dapat kuota subsidi itu tinggi daripada harga yang dia dapat tetapi dia masih untung. Apa jaminan kerajaan minyak paket satu kilogram yang saya difahamkan kalau ikut kerajaan punya pengumuman 40 tan, 40 tan lebih kurang Yang Berhormat Menteri *that* 85,000 tan. Kemudian yang baru keluar sekarang 40,000 tan metrik.

Apa jaminan daripada jumlah minyak yang disubsidikan ini tidak akan disalin baju selepas ini oleh orang-orang tertentu khususnya syarikat-syarikat yang seperti mana Yang Berhormat sebut 285 jenama yang diberikan subsidi sebab mereka hendak keuntungan yang lebih. Jadi ini yang perlu dilihat oleh kerajaan untuk hendak memastikan supaya masalah minyak masak ini tidak menimbulkan masalah kepada rakyat, kepada orang ramai.

Kalau tidak nanti tidak ada mekanisme macam saya katakan tadi Tuan Pengerusi dia akan jadi masalah yang berangkai, masalah yang berangkai. Kalau peniaga, penjaja tidak dapat bekalan minyak masak subsidi yang mencukupi sudah tentu harga barang makanan akan naik. Jadi masalah itu akan berangkai. Begitu juga dengan kilang-kilang. Saya katakan kilang-kilang yang produk-produk makanan yang menggunakan minyak sudah tentu selepas ini mereka akan menaikkan harga barang.

Jadi apa jaminan kerajaan selepas ini bahawa harga barang-barang yang khususnya yang dikeluarkan oleh industri-industri yang mengeluarkan produk makanan yang menggunakan minyak masak ini tidak akan menaikkan harga barang ini. Ini masalah yang berangkai. Ubat, tidak tahulah ubat guna minyak kah sebab Yang Berhormat Bagan Serai *dok* jual minyak masak satni dia guna minyak sawit itu dijual *hat* tu pula.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sila, sila.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Pokok Sena. Fasal sudah sebut nama, sudah seru tiga kali, sudah seru tiga kali kena bangun. Yang Berhormat Pokok Sena dia *pederas* hari ini. Dia sudah jadi doktor. Dia ada jumpa satu penyakit baru, penyakit

seludup. Yang Berhormat Pokok Sena saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena jugalah.

Pertama, saya setujulah jarang saya setuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena ini. Deras hari ini pun saya setuju penipu-penipu ini ada seribu satu cara untuk jual minyak, cara dia hendak untung sahaja ini. Jadi saya sahajalah hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena deras hari ini Yang Berhormat Pokok Sena beli minyak yang plastik kah yang botol?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya beli botol 5 kilo. Saya tidak beli yang sekilo sebab saya tahu itu untuk orang kebanyakan, 5 kilo.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tahniah, Yang Berhormat Pokok Sena, benda itu bagus itu. Tahniah contoh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya takut nanti Yang Berhormat Bagan Serai sebab dia ini dok amal pemakanan kesihatan menggunakan minyak kelapa, minyak kepala sawit...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minyak *nyoq*?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minyak *nyoq* tetapi minyak kelapa sawit pun boleh juga. Itulah saya takut dia guna hak itu dibotolkan tiba-tiba dijual di klinik dia [*Ketawa*] Ini pun bahaya juga bila penemuan-penemuan baru.

Jadi saya minta Tuan Pengerusi, pihak kerajaan seharusnya melihat ini sebagai suatu masalah yang mesti disegerakan kerana saya bimbang nanti kadar inflasi itu akan meningkat seperti mana yang disebut oleh Khazanah Research Institute menunjukkan bahawa inflasi berkaitan dengan makanan ini begitu tinggi sekarang ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor, selepas Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Seputeh.

**5.54 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi membenarkan saya turut sama berbahas membahaskan di Peringkat Jawatankuasa KPDNKK.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020000 – Perdagangan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Pekan dalam Belanjawan 2017 terdapat beberapa UTC dan RTC yang akan diwujudkan terutama dalam negara kita. Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak KPDNKK

untuk dapat turut sama terlibat dalam operasi khususnya dalam konteks pejabat-pejabat dalam UTC dan RTC terutamanya bagi menempatkan pembiayaan mikro penjaja dan peniaga kecil iaitu pembiayaan Mikro-I MPPK yang diperkenalkan oleh KPDNKK melalui Bank Rakyat kepada penjaja dan peniaga kecil dalam usaha untuk menaik taraf, taraf khususnya perniagaan mereka.

Ini saya mendapat maklumat kerana apabila peniaga ingin menaiktarafkan khususnya perniagaan-perniagaan IKS mereka, mereka tercari-cari terutama dalam memperluaskan modal-modal perniagaan mereka. Di sini saya amat berharap memandangkan Yang Berhormat Menteri seorang yang arif dalam konteks ini saya fikir adalah wajar supaya semangat untuk berniaga khususnya dikalangan usahawan-usahawan baru dapat kita perkukuhkan di peringkat UTC dan juga RTC.

Saya juga ingin mencadangkan juga kepada kementerian agar Program Francais Komuniti yang turut ditempatkan di UTC dan RTC kerana bagi hemat saya memperlihatkan di atas impak program ini ianya telah berjaya mendaftarkan sehingga 813 francais yang membabitkan pelbagai sektor serta menunjukkan peningkatan bilangan potensi francais sebanyak 19.7 peratus berbanding tahun 2015.

Sebentar tadi sahabat saya daripada Sungai Besar mengatakan bahawa warga yang lebih senior di Sungai Besar sekarang ini telah mula minat dan juga makan khususnya makanan-makanan seperti *KFC* dan juga sebagainya. Namun di Kuala Selangor berbeza. Sekarang ini atas inisiatif pihak kementerian, program francais telah beralih kepada khususnya makanan tempatan seperti nasi ambang.

Kedua seperti *curry puff* ala Kuala Selangor yang dinamakan "karipap kingkong".

Ketiga, "cendol bakar", yang mana cendol itu tidak dibakar tetapi jenama itu merupakan francais yang boleh diperkenalkan.

Semuanya ini Tuan Pengerusi dikelolakan dan diusahakan hasil didikan program francais. Saya lihat ini amat penting dengan adanya usaha yang berterusan ini para peniaga dan penjaja boleh menjadikan penglibatan KPDNKK dengan UTC dan RTC lebih-lebih lagi *alhamdulillah*, di Kuala Selangor akan diwujudkan RTC Kuala Selangor boleh menjadi *one-stop center* bagi semua urusan yang berunsurkan perniagaan.

Di samping itu juga mungkin daripada segi elemen memberikan pinjaman kepada bakal-bakal peniaga dan juga peniaga dan penjaja yang ingin membesarkan khususnya perniagaan mereka *one-stop center* ini akan menjadi satu pemangkin kepada usaha yang berterusan.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya melihat peningkatan prestasi sektor koperasi amat memberangsangkan sehingga kini dan ia saya lihat satu elemen perniagaan yang menarik minat khususnya warga komuniti. Sebagaimana saya melihat di peringkat akar

umbi masyarakat suka berkomuniti dan dengan adanya koperasi setidaknya ia merupakan satu kaedah untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui penglibatan dengan koperasi.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian kerana pada tahun ini telah menjadikan Parlimen Kuala Selangor sebagai sambutan Hari Koperasi Negara peringkat Negeri Selangor iaitu bila dibuat di Kuala Selangor. Saya lihat dengan adanya sambutan ini ia menyemarakkan semangat berlumba-lumba rakyat khususnya sama ada di peringkat masjid, surau mahupun di pusat-pusat ibadat mereka berlumba-lumba hendak mewujudkan koperasi.

Kalau boleh saya lihat statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada tahun 2015 terdapat 12,769 buah koperasi dengan keanggotaan sebanyak 7 juta orang lebih menjadi ahli koperasi. Nilai aset yang dimiliki oleh kesemua koperasi ini adalah sebanyak RM123.276 juta. Ini angka yang sangat memberangsangkan.

Sehubungan dengan ini saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat memperluaskan lagi penglibatan masyarakat dalam aktiviti koperasi dengan menggalakkan bukan hanya di peringkat masjid tetapi PIBG iaitu Persatuan Ibu Bapa dan Guru untuk mewujudkan koperasi-koperasi sekolah. Ini kerana pada hemat saya, ini satu kaedah untuk memastikan penglibatan ibu bapa dan guru di sekolah dapat dikembangkan dengan budaya koperasi ini.

#### ■1800

Saya juga amat berharap selaras dengan kaedah keempat teknologi dalam konteks usahawan, ekonomi berteraskan platform ataupun digital ekonomi, *shared economy* yang mana mungkin di negara China telah melakukan melalui syarikat 'Alibaba' ini supaya dapat mendapatkan dan didedahkan koperasi ini dalam bidang ini. Ini kerana pada hemat saya, sudah tentunya dengan adanya kelebihan khususnya, Yang Berhormat Menteri, dalam bidang teknologi ini, sudah tentunya saya amat berharap ia akan menjadi pemangkin kepada rakyat.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 – Kepenggunaan dan Pengurusan.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai, sejauh manakah Kad Diskaun Siswa 1Malaysia ini daripada segi penggunaannya? Ini kerana saya ada dengar bahawa pada ketika ini hanya 410 saja daripada kira-kira 2,000 buah syarikat yang masih meneruskan tawaran untuk memberikan diskaun kepada pemegang Kad Diskaun Siswa 1Malaysia. Saya difahamkan pengurangan ini berlaku disebabkan tindakan kira-kira 1,590 buah syarikat tersebut ingin mengaut keuntungan yang lebih

memandangkan program Kad Diskaun Siswa 1Malaysia ini tidak menguntungkan, menurut mereka.

Justeru itu, saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, apakah tindakan daripada pihak kementerian untuk menarik semula minat syarikat-syarikat tersebut bagi meneruskan penglibatan mereka dalam program ini?

Selain daripada itu, saya ingin bertanyakan mengenai status penggunaan Kad Diskaun 1Malaysia yang mana lebih 800,000 orang ibu tunggal di seluruh Malaysia yang menawarkan diskaun antara 5 hingga 50 peratus bagi pelbagai barangan dan perkhidmatan terpilih. Berapakah syarikat yang terlibat? Adakah ia juga menghadapi masalah terutamanya menerusi sebagaimana pelaksanaan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia dan sejauh manakan perancangan pihak kementerian hendak memperluaskan penggunaannya bukan hanya bagi ibu-ibu tunggal, mungkin bagi golongan B40 ataupun M40 dalam negara kita?

Di samping itu juga, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan dalam usaha untuk meringankan bebanan hidup rakyat, mungkin sudah sampai masanya konsep Pasar Raya 1Malaysia mungkin diperkenalkan. Mungkin boleh diperkenalkan dengan melibatkan semua agensi kerana saya lihat bukan hanya FAMA, NEKMAT, LKIM dan sebagainya boleh digabungkan tetapi dengan adanya Jawatankuasa Menangani Harga Barang di peringkat Kabinet, sudah tentu saya amat yakin, bukan hanya cadangan Suruhanjaya Kepenggunaan untuk memastikan undang-undang dikuatkuasakan tetapi juga dalam konteks untuk memberikan *figure factor* kepada rakyat khususnya dalam negara kita.

Saya juga amat berharap, Yang Berhormat Menteri, agar Kedai Rakyat 1Malaysia yang pernah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu di Jeram agar dapat disegerakan kerana rakyat ternanti-nanti. Bukan hanya nama yang telah diumumkan tetapi Kedai Rakyat 1Malaysia di DUN Jeram, Kuala Selangor ini setidaknya boleh mengurangkan keresahan rakyat.

Sehubungan dengan itu, saya dari Kuala Selangor menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh.

#### **6.04 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 030000 – Kepenggunaan dan Pengurusan. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana selalu memantau kenaikan harga di pasaran.

Di sini saya juga terima sungutan daripada peniaga berkenaan dengan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan yang mana mereka rasa yang pelaksanaannya ada masalah. Saya sudah buat satu *search* dalam *internet* dan saya dapati yang macam restoran yang pada tahun 2015, Kayu Nasi Kandar di Bukit Jambul, dia diambil tindakan oleh kementerian kerana harga roti telur itu dijual pada harga RM2.50 dan lepas itu tahun ini *Secret Recipe*, *Secret Recipe* pengurusnya juga didakwa ke mahkamah kerana mengikut laporan di sini minuman *Pepsi* di *Secret Recipe* di *Subang Parade branch*, Subang Jaya dijual daripada RM4 hingga RM5 dan juga kalau daripada segi keuntungannya, harganya satu unit telah pun naik daripada 77 sen sehingga RM1.01. Lepas itu, *ice-cafe latte* dinaikkan harga daripada RM7.80 hingga RM9. Jadi *net profit margin* naik 13 sen. *Lasagna beef* dalam *Secret Recipe* dijual daripada RM16.50 hingga RM19. Ini *net profit margin* jadi RM3.70 seunit hingga ke RM4 seunit dan sebagainya.

Bila saya baca laporan seperti ini, saya juga rasa agak keliru apakah standard yang diambil atau dilaksanakan oleh kementerian kerana kita lihat macam *Secret Recipe* dan juga tadi Yang Berhormat Sungai Besar sebut *KFC*, *McDonald's*, dijual di kawasanya, ramai orang kampung sekarang suka pergi makan, semua ini saya rasa restoran yang mewah dan juga apakah atau *what is the standard that we used* bila kita mengambil tindakan terhadap kafe ataupun restoran ini?

Saya rasa kebanyakan kita di Dewan ini kita makan di banyak tempat. Kita tahu mana kafeteria harganya lebih tinggi, yang mana restoran harganya lebih tinggi dan sudah makan satu kali kena potong leher, lepas itu kita tidak pergi tempat itu lagi. Malah Tuan Pengerusi, macam kafe di belakang sini, di khemah itu, teh tariknya satu cawan RM3. Saya tidak boleh kompelin ia terlalu mahal. Kalau saya minum di sebelah lain, bangunan sementara itu, ia lebih murah tetapi kita harus lihat yang *ambiance*, yang *exclusivity* yang kafe di sebelah Dewan ini, ia adalah lebih dekat bagi saya kalau saya mahu balik sini untuk berucap, senang bagi saya dan ia tidak begitu bising. Jadi, ini adalah satu *atmosphere* yang saya mahu. Saya cepat-cepat minum, lepas itu balik sini. *So, I pay more.*

Jadi saya sebenarnya hendak minta Yang Berhormat Menteri jelaskan *what is the-* daripada segi pelaksanaan, kalau roti telur RM2.50 pun kena caj, saya rasa di banyak kedai mamak di KL dan juga PJ juga kena diambil tindakan. Akan tetapi, adakah ini adil kerana kita tahu mungkin mereka membayar lebih untuk *renovation*, mungkin mereka membayar lebih untuk kos pekerja dan juga mungkin *overhead* mereka ini lebih tinggi di sesetengah tempat macam di *Mid Valley* dan *shopping mall* yang lain. Jadi, saya rasa kita juga ambil kira ini.

Sebab saya bangkitkan isu ini ialah seorang kawan saya dia kata dia hendak buka satu buah kafe, kedai kopi, tapi dia tidak tahu macam mana menentukan harganya kerana memang itu adalah bagi *upper class* punya tapi tidak ada akta seperti ini. So, kalau *Secret Recipe* boleh didakwa ke mahkamah, mungkin dia juga tidak selamat.

Saya rasa ini mencetuskan juga ketidaktentuan bagi pihak peniaga dan saya rasa pihak kementerian juga haruslah tetapkan. Sekarang ringgit tidak menentu di harga pasaran dan juga banyak barang yang pihak peniaga juga harus import dari luar negara. Jadi, keadaan seperti ini juga akan menyebabkan ketidaktentuan daripada segi harga makanan yang ditentukan oleh restoran dan juga kafe. Jadi apakah standard yang diguna pakai oleh kementerian?

■1810

Saya juga hendak ambil satu contoh macam di kawasan saya ada kala ikan dan juga daging dijual dalam *supermarket* dia lebih murah daripada pasar pagi. Adakah kementerian akan ambil tindakan terhadap penjaja di pasar pagi? Di pasar pagi kerana kurang orang beli dan keadaannya berlainan dan penjaja itu terpaksa kena *survive* di *supermarket*. Ada satu buah pasar raya di kawasan saya boleh beroperasi 24 jam. So macam mana kita mahu penjaja pasar pagi bersaing dengan pasar raya yang beroperasi 24 jam. Tentu dia terpaksa harga daging ayamnya dan dagingnya mungkin lebih tinggi daripada pasar raya dan penjaja itu tidak harus diambil tindakan. Ini kerana saya rasa kita sebagai pengguna kita ada kebebasan hendak beli di pasar pagi ataupun di pasar raya dengan harga yang mungkin lebih murah. Saya rasa yang *market forces* itu haruslah pengguna diberi kebebasan untuk memilih.

Tuan Pengerusi saya lihat satu video klip yang mana Alibaba, yang mana Perdana Menteri kita ini pergi *selfie* ambil gambar dengan dia, Alibaba yang pengasasnya Jack Ma. Apa yang dia buat ialah diletak harga banyak barang yang dijualnya dalam internet. Jadi para pengguna boleh lihat internet dia akan tahu harga yang patut dibayar untuk satu kilogram ayamkah, dagingkah, sayurkah semua daripada internet mereka tahu.

Kalau kementerian boleh buat begitu ia akan membantu lebih ramai pengguna untuk tahu harga yang patut dibayar mungkin oleh minyak masak, untuk sayur, untuk daging dari semasa ke semasa. Saya hendak cadangkan pihak kementerian buat ini untuk membantu para pengguna supaya mereka tidak ditipu oleh peniaga dan juga syarikat yang tidak bertanggungjawab. Saya juga hendak tanya Menteri ada sebut di sini saya lihat kerajaan, kementerian akan mengkaji semula Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Adakah ini akan dilakukan?

Saya juga rasa yang pihak kementerian, saya cadangkan ambil pandangan daripada pengguna dan juga ambil pandangan daripada pihak syarikat. Supaya kita boleh *strike a balance* bila kita ambil tindakan terhadap syarikat-syarikat tertentu. Supaya jika kita tidak dilihat sebagai *double standard* bila kita ambil tindakan terhadap mereka. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sik selepas Yang Berhormat Sik, Yang Berhormat Bagan Serai. Selepas itu kalau tiada lagi Menteri sedia untuk jawab.

### **6.13 ptg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, terima kasih banyak-banyak Tuan Pengerusi.

Saya ingin bercakap berkenaan dua Butiran sahaja iaitu ada kaitan di antara satu sama lain iaitu Butiran 006000 – Pembangunan infrastruktur; dan juga Butiran 010700; ataupun 010800 – Penguat Kuasa dan KPDNKK peringkat negeri.

Tuan Pengerusi saya hari ini ingin memohon atau meminta satu buah pejabat cawangan KPDNKK di Daerah Sik. Buat masa ini Daerah Sik daripada segi KPDNKK berkongsi dengan Daerah Baling. Saya minta satu buah pejabat cawangan ini sama ada pejabat cawangan pemantau ataupun kalau hendak bagi penguat kuasa lagi bagus. Daerah Sik dengan Daerah Baling ini ialah dua buah daerah ataupun Parlimen yang besar. Parlimen Sik ini keluasannya lebih kurang sama dengan negeri Perlis. Penduduk Sik lebih kurang dekat 100,000 dan penduduk Baling 100,000 lebih.

Jadi sekarang ini masalah-masalah terutama berkenaan dengan harga barang dan pemantauan. Kita berpendapat bahawa satu alat pemantau yang berada di Daerah Baling di Parlimen Baling adalah tidak cukup untuk memantau dua Parlimen yang luas dan juga penduduk yang lebih daripada 200,000.

Oleh sebab itulah saya memohon supaya sebuah cawangan KPDNKK dibina di daerah Sik. Buat masa ini selain daripada Pegawai Pemantau yang berada di Baling yang paling dekat ialah Pegawai Penguat Kuasa yang berada di Sungai Petani dan yang satu lagi yang lebih jauh sedikit iaitu di peringkat negeri Kedah. Jadi untuk memantau dua buah Parlimen atau pun dua buah daerah yang begitu besar menjadi masalah. Terutama kalau kita lihat di dalam Daerah Sik satu buah daerah yang terpencil, sebuah daerah luar bandar.

Sejak akhir-akhir ini bukanlah barang-barang lain yang tidak penting malah barang-barang penting seperti minyak masak, gula, barang-barang asas tepung gandum, beras dan sebagainya harga dinaikkan dengan begitu mendadak sekali. Kalau baru-baru ini saya buat satu tinjauan minyak masa yang satu paket berharga RM2.50



dijual di pekan-pekan kecil dan juga di kampung-kampung dengan harga RM2.80. Apabila aduan dibuat penguat kuasa daripada Sungai Petani ataupun pemantau daripada Baling akan datang. Jadi daerah ini besar kalau dia datang bahagian utara mereka telah mendapat maklumat. Sekarang ini teknologi maklumat begitu cepat sekali. Mereka menjual dengan harga yang betul iaitu RM2.50. Akan tetapi selepas itu apabila pemantau ataupun penguat kuasa ini pergi bahagian selatan ataupun timur dan barat mereka menjual dengan harga yang lebih tinggi iaitu lebih 30 sen ataupun 50 sen.

Jadi dengan itu saya ingin memohon kepada kementerian, kepada Yang Berhormat Menteri supaya memberi perhatian kepada Parlimen yang besar seperti Parlimen Sik ini supaya dapat menambah penguat kuasa yang lebih. Kalau kita lihat dalam Butiran tadi iaitu peruntukan untuk penguat kuasa. Saya rasa daripada segi nasionalnya kerajaan perlu menambahkan peruntukan penguat kuasa supaya penguat kuasa ini ditambah. Juga kalau kita lihat peniaga-peniaga ini biasanya peniaga dia akan mengambil keuntungan kalau peniaga itu ada moral yang bagus sudah tentu dia akan ambil keuntungan yang berpatutan. Akan tetapi kita lihat banyak peniaga yang mengambil keuntungan yang lebih jika ada peluang.

Jadi dengan itu saya mengharap supaya terutama di kawasan saya kerajaan dan juga kementerian Yang Berhormat Menteri memberi perhatian supaya dapat memberi satu tindakan supaya dapat memberi pemantauan yang lebih. Ini saya cadangkan boleh juga mungkin di peringkat nasional. Kerajaan ataupun kementerian memainkan peranan bersama-sama dengan kementerian lain dalam NBOS bersama dengan RELA ataupun polis ataupun agensi-agensi lain. Supaya dapat sama-sama mengambil peranan untuk memantau dan menjaga harga barang ini supaya tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya. Juga memberi satu harga yang berpatutan kepada penduduk terutama penduduk di luar bandar.

Kalau Tuan Pengerusi melihat bahawa penduduk terutama di Parlimen seperti di Parlimen Sik dan Parlimen Baling ini di luar bandar bekerja sebagai penoreh getah. Kita tahu pendapatan mereka satu kilo getah lebih kurang RM2 masih tidak dapat membeli 1 kilo minyak masak lagi.

Jadi saya harap kementerian dan juga kerajaan dapat memberi tumpuan yang lebih kepada penduduk-penduduk di luar bandar yang mempunyai kawasan yang luas dan penduduk yang banyak dengan meletakkan pemantau dan juga penguat kuasa yang lebih. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai selepas itu Yang Berhormat Penampang.

**6.18 ptg.**

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *[Membaca sepotong doa]* Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya menyentuh Butiran 020000 - Perdagangan Dalam Negeri; Butiran 070400 - Program 1Malaysia 1Harga; dan Butiran 030200 - Gerakan Kepenggunaan.

Peningkatan sara hidup ini berlaku kerana bila ada peningkatan pendapatan yang tidak seimbang dengan peningkatan harga barang dalam satu masa yang tertentu. Berdasarkan Indeks Harga Pengguna atau IHP, Jabatan Perangkaan Malaysia secara umumnya harga meningkat 29 peratus dalam tempoh 10 tahun antara tahun 2005 hingga tahun 2015 umpamanya. Peningkatan harga jauh lebih rendah daripada peningkatan pendapatan isi rumah. Ini bermakna jika sesuatu isi rumah tidak mengubah corak perbelanjaan mereka mana mungkin mampu untuk membendung masalah peningkatan kos sara hidup.

Tuan Pengerusi isu peningkatan harga barang ini isu yang sensitif. Terutama yang terseksa mereka dalam golongan B40 dan juga di kawasan-kawasan luar bandar.

**■1820**

Saya hairan juga tadi dengar orang-orang luar bandar sudah pandai makan KFC? McDonalds? Itu bagus tetapi kalau aspek lain, saya melihat ialah kita perlu mengukur di badan kita sendiri. Kalau hendak makan ayam, tidak payah makan ayam yang jual di tempat yang mahal-mahal. Makan ayam- ayam juga, ayam goreng umpamanya. Kita dapat jimat cerita tadi. Tadi saya dengar ada Yang Berhormat Seputeh kata minum teh dekat sini mahal RM3.00, minum teh dekat luar sana murah. Sini minum teh dalam *aircond*, sana minum teh tidak ada *aircond*. Sini minum teh duduk atas kerusi empuk. *[Disampuk]* Duduk atas kerusi empuk, sedap berdengkur lagi, bayar lebih sikit. Oleh sebab apa? *You* dapat keistimewaan-keistimewaan itu. Kalau tidak, pergi minum tempat sana, harga murah. Jadi, kita ukur dengan diri kita sendiri, tidak payah *complain*.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang barang-barang yang tidak cukup waktu perayaan. Apabila ada perayaan sahaja, kita pun kelam kabut. Kerajaan dan kementerian akan cakap hendak jaga ini, hendak jaga ini sebab barang jadi tidak cukup. Apa sebenarnya masalah? Sebenarnya masalah ialah masalah bukanlah semua orang tetapi adalah mereka yang tamak haloba, yang hendak mengaut keuntungan yang besar, yang tidak peduli hati perut orang lain, yang tidak peduli nasib orang lain dan mengambil kesempatan begini. Ini kerana pada masa perayaan semua penuh, *highway* pun penuh, kedai semua penuh. Di kampung, ramai orang balik dari Kuala Lumpur balik kampung. *The demand*, dengan izin Tuan Pengerusi, *the demand is more*

*than the supply*. Penawaran tidak cukup, permintaan begitu ramai, banyak. Orang hendak beli banyak-banyak. Jadi, masa ini dia guna, dia gunakan peluang masa ini untuk mengaut keuntungan. Ini penyakitlah.

Kalau tadi Yang Berhormat Pokok Sena— mana Yang Berhormat Pokok Sena lari, *pi* mana sudah? *Pi* solat *kot*? Kalau tadi Yang Berhormat Pokok Sena kata, penyakit seludup itu satu penyakit. Akan tetapi penyakit awal-awal kita nampak penyakit tamak haloba. Penyakit ini penyakit yang membunuh, yang menyusahkan kerajaan, yang menyusahkan rakyat, ini sebenarnya. Saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan dan kementerian. Mereka memang mencuba sedaya upaya, macam-macam cara dibuat, macam-macam perkara telah dibuat. Saya dengar tadi ikhlaslah ini, saya dengar Yang Berhormat Kapar kata tadi minta ikhlas atau tidak? Ikhlaslah ini. Kerajaan buat dengan ikhlas. Kerajaan cari jalan lagi macam mana supaya hendak melenyapkan, mengurangkan mereka yang saya takrifkan tadi sebagai orang yang berpenyakit tamak. *This is a disease actually*. Ini satu penyakit yang boleh merosakkan.

Tuan Pengerusi, antara inisiatif kementerian ialah memperkenalkan Program 1Malaysia 1Harga. Ini merupakan kaedah penyeragaman harga barangan perlu bersubsidi GMT. Termasuk barangan keluaran Suruhanjaya Koperasi dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan barangan Koop 1Malaysia dan Kedai Rakyat 1Malaysia. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh kerajaan melalui Kedai Rakyat 1Malaysia, FAMA dan sebagainya yang memasarkan pelbagai jenis barangan keperluan asas?

Tuan Pengerusi, berdasarkan statistik kementerian pada 1 Julai yang lepas, tindakan ke atas 369 orang peniaga yang melanggar skim kawalan harga di 28,000 buah premis di seluruh negara. Antara kesalahan membabitkan 11 orang pemborong dan 358 orang peruncit sepanjang pelaksanaan skim bermula 16 Jun lalu iaitu manipulasi harga lebih tinggi dan tidak mempamerkan tanda harga merah jambu serta merampas barangan bernilai RM34,677 dan mengenakan kompaun berjumlah RM49,000. Jadi, bagaimanakah kementerian menangani masalah dan mencari mekanisme yang efektif terhadap isu manipulasi harga oleh peniaga, peruncit dan sebagainya bagi mengelakkan peningkatan harga melampau yang membebankan masyarakat?

Ini berbaliklah pada cerita subsidi minyak masak yang mana ditarik dan hanya yang satu kilogram sahaja diberikan subsidi. Jadi, adalah golongan-golongan yang membesar-besarkan dan bagi ramai orang panik sebenarnya. Kerajaan bukan bagi tiba-tiba merudum macam itu, bagi semua panik. Kerajaan tidak berbuat begitu. Kerajaan

telah beritahu, sudah beri keterangan-keterangan yang mana yang perlu. Masalah yang saya sebutkan tadi sebenarnya berpunca daripada orang-orang yang tidak ada hati perut ini. Orang-orang yang tamak yang ingin mengaut keuntungan dan mengambil kesempatan apabila dapat kesempatan ini. Jadi, apabila dengar ada rasionalisasi subsidi, maka adalah kumpulan-kumpulan ini. Inilah kumpulan penyakit. Inilah kerajaan kena buat tindakan yang lebih.

**Seorang Ahli:** Betul, betul. Sokong, sokong.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya cadangkan yang sudah ada, undang-undang yang diadakan kita ketatkan lagi. Kita kuatkan lagi, kita kenakan ke atas mereka dan tidak cukup. Kadang-kadang kita kena isytiharkan nama mereka. Beritahu semua orang, beritahu semua orang, biar ramai orang tahu inilah penipu. Inilah orang yang tamak haloba. Inilah orang yang melanggar undang-undang kerajaan, yang menyusahkan rakyat. Tuan Pengerusi, saya nampak begini, itu penyakit itu. Silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya melihat apa yang dinyatakan Yang Berhormat Bagan Serai sudah sampai masanya. Adakah Yang Berhormat Bagan Serai setuju supaya setiap tindakan ini bukan hanya kepada pengguna, kita harus hebahkan seluas-luasnya dalam media massa supaya ia menjadi satu pengajaran. Saya tahu kementerian sudah lakukan, cuma kita kena perbanyakkan. Itu yang pertama. Kedua, daripada segi penguatkuasaan. Penguatkuasaan di peringkat kementerian saya difahamkan hanya ada 2,600 dan dibantu oleh 4,000 orang anggota penguat kuasa yang lain. Cuma bagi saya perlu, adakah wajar untuk dibesarkan lagi untuk melibatkan RELA 2.2 juta orang, JPAM dan sebagainya? Oleh sebab akhirnya, akan wujud satu gelombang di akar umbi tentang penguatkuasaan ini. Apakah pandangan Yang Berhormat Bagan Serai? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu pandangan yang *brilliant* Tuan Pengerusi, *brilliant*, dengan izin. Nampak sahaja kecil tetapi *brilliant*. Orang-orang kecil ini memang *brilliant*. Tuan Pengerusi, saya hendak balik kepada rasionalisasi subsidi. Rasionalisasi subsidi kerajaan sudah buat bertingkat-tingkat banyak tetapi telah digembar-gemburkan seolah-olah menyusahkan rakyat. Sebenarnya ada orang yang ambil kesempatan. Kita lihat rasionalisasi harga minyak untuk membolehkan kerajaan menyampaikan subsidi bersasar kepada golongan yang memerlukan. Ini yang timbul tadi, kita dengar Yang Berhormat Pokok Sena— Yang Berhormat Pokok Sena tidak timbul-timbul sudah. Kita dengar tadi cerita ada orang telah menyalahgunakan. Apabila dia dengar kita hendak buat rasionalisasi subsidi, hendak

kurangkan subsidi, dia mula sorok. Itu satu penyakit lagi, penyakit sorok. Selepas itu dia mula salin, salin botol. Ada lagi mereka yang sanggup menyeludup untuk mencari keuntungan.

Ini bertentangan dengan undang-undang kita, ini bertentangan dengan sifat-sifat kita untuk menolong rakyat. Jadi, kalau ada perkara macam ini memang penyakit. Sebagai seorang doktor, saya sudah nampak awal-awal lagi tamak, zalim, sorok, seludup. Ini penyakit-penyakit yang ada yang menyebabkan kerajaan susah untuk menjaga rakyat. Jadi, kalau ada segelintir, saya tidak kata semua. Kalau ada segelintir yang buat benda ini, kalau ada ramai yang buat benda ini, mereka ini patut ditangkap, patut dihukum dan diberitahu kepada ramai orang. Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Kita perhebahkan, perbesarkan. Tambahkan lagilah penguatkuasaan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Yang Berhormat Bagan, boleh tambah sikit?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak, tidak. Sudah sedap, sudah sedap.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya amat tertarik dengan pendapat Yang Berhormat Bagan Serai bahawa mereka yang tamak ini patut diberi pengajaran. Akan tetapi apakah Yang Berhormat Bagan Serai bersetuju bahawa undang-undang yang ada pada hari ini tidak cukup kuat untuk mendenda mereka ini? Ini kerana kita hanya bagi denda yang ringan. Contohnya, macam di Filipina, siapa sahaja yang mengambil dadah sekarang ini dibunuh, contohnya. Apakah patut kita kenakan denda yang lebih berat kepada orang-orang yang buat jahat ini?

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, setuju tidak cadangan tadi Yang Berhormat Rompin kata, selain mandatori jel, kita sebat juga mereka ini. Setuju atau tidak?

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Tanah Merah. Itu memang satu cadangan yang baiklah. Kalau dia untung banyak, kita denda dia RM2,000, dia gelaklah. Berapa lagi? Berapa lagi hendak bagi? Saya boleh bayar, *no problem*. Kan? Tuan Pengerusi, tetapi kalau dia untung banyak...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ...Kita denda dia banyak, bagi dia teruk dan juga kita sebat. Mana Yang Berhormat Tanah Merah, hendak sebat? Hendak sebat, kita sebat dia. Kita sebat, kita tunjuk dekat orang ramai.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jangan sebat sorok-sorok. Sebat sorok-sorok orang tidak nampak, orang tidak takut. Jadi, saya ingat itu yang penting. Ada lagi? Masa sudah habis itu.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi, saya tidak habis Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah tidak ada.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Masa sudah tidak ada? Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Panas Tuan Pengerusi. Bagan Serai menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Penampang. Selepas Yang Berhormat Penampang, saya nampak yang di belakang itu, lepas Yang Berhormat Kuala Krai.

**6.29 ptg.**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Mahu juga? Tadi tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Sila, sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh sedikit sahaja berkenaan dengan Butiran 070400 – Program 1Malaysia 1Harga. Dalam butiran ini Tuan Pengerusi, ada penurunan sebanyak RM46 juta bagi Program 1Harga 1Malaysia ini. Pada tahun lepas, bajet lepas, subsidi / *mean, allocation* ini, dengan izin, adalah RM66,135,400 dan pada tahun ini ia hanya diberikan *allocation* hanya diberikan sebanyak RM20 juta.

■1830

Bukankah Menteri ini akan membebankan orang Sabah dan Sarawak sekali lagi, dengan izin *this is a huge reduction*. Kita tahu, seperti Tuan Pengerusi pun tahu di Kota Belud, Penampang, Keningau dan banyak tempat di seluruh Sabah, orang kita tidak ada gaji yang tinggi. Mereka ada keluarga yang besar dan penurunan ataupun pengurangan sebanyak ini tentu akan membebankan mereka. Saya harap kerajaan sudah membuat satu *study* berkenaan dengan implikasi yang akan terjadi kepada Sabah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan program tadi, saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat tentang Kempen Penurunan Harga 2015 yang telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat sendiri.

Saya ingin tanya, betapa berkesannya kempen ini. Adakah kempen ini diteruskan untuk tahun 2016? Jika ada, berapa peratus dan kes-kes terperinci dan contoh kejayaan kempen ini. Ini sebab saya nampak program dan kempen-kempen ini memang dibuat oleh kementerian, saya tidak nafikan. Akan tetapi yang kita tidak dijelaskan adalah tentang rekod-rekod cemerlang, kes-kes cemerlang dan contoh-contoh terperinci bagaimana benda ini dilakukan.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan untuk hari ini Yang Berhormat menerangkan atau menjelaskan sepuluh item yang sebenarnya telah dikurangkan harga pada tahun ini, tahun 2016. Contoh ambil ayam satu kilo, harga sebenar sebelum dan harga sekarang selepas dari sudut kempen penurunan harga barang. Sepuluh item. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar sudah hutang dua minit pada Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Ucapan Yang Berhormat Kapar dimasukkan di dalam ucapan saya juga. Saya pun ingin bertanya dengan penurunan subsidi atau 1Malaysia 1Harga ini, apakah barang-barang yang akan dikenakan? *Who will be affected? What are the ways* kerajaan telah cadang untuk *ratify or to make this right for people? That's all* Tuan Pengerusi. *Thank you.*

**Tuan Pengerusi:** Sila.

### 6.32 ptg.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030200 – Gerakan Kepenggunaan. Tuan Pengerusi, kita lihat antara kesedaran pengguna dan juga kesempatan yang diambil oleh peniaga-peniaga di atas kenaikan barang dan seterusnya meningkatkan kos hidup. Banyak telah diperkatakan mengenai kenaikan kos hidup dan juga penguatkuasaan.

Kita lihat seperti mana yang disebut oleh rakan-rakan sekejap tadi peniaga-peniaga yang mengambil kesempatan di musim perayaan dan juga terutama sekali dengan kenaikan bahan-bahan lain misalnya sekarang ini kenaikan akibat daripada penarikan subsidi minyak, maka dia mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang. Begitu juga dengan naik petrol dan sebagainya.

Maka di sini saya ingin bertanya, apakah halangan-halangan di pihak penguatkuasaan? Ini kerana saya meneliti sepanjang saya berada di sini tiga tahun, saya melihat bahawa dari sudut keberkesanan penguatkuasaan itu masih di peringkat yang sama yang kita tidak dapat mengatasi perkara-perkara yang semua kita sebut sekejap tadi mengenai kesempatan-kesempatan diambil oleh peniaga-peniaga.

Apa yang saya hendak sebut dalam Butiran 030200 ini ialah pertama dari segi bajet. Bajetnya daripada RM12 juta kepada RM6 juta. Satu penurunan yang begitu mendadak. Kedua, saya tengok dari segi program daripada tahun 2015, tahun 2016, tahun 2017 kelihatan dari segi gerakan kepenggunaan ini statusnya sama. Di sini saya melihat seolah-olah tidak ada keseriusan ataupun mungkin ada halangan-halangan lain yang boleh diberikan jawapan.

Kalau kita lihat bahawa antara kebijaksanaan pengguna dengan kenaikan harga tadi mesti ada satu program yang berkesan perlu diberi kepada rakyat. Saya melihat program ini gagal boleh jadi kerana ketidakcukupan dari segi programnya ataupun *content*, benda-benda untuk menyedarkan rakyat mengenai pilihan mereka. Tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Seputeh juga mengatakan bahawa kawalan harga berbeza. Ini sudah pastinya berbeza kerana tempatnya, kosnya dan sebagainya. Maka di sinilah kepentingan dan kebijaksanaan kepenggunaan yang perlu kita sedarkan.

Jadi saya minta kementerian melihat isu kesedaran ini sebagai isu yang penting dan juga merangka program yang serius supaya benda ini dapat diatasi. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Nerus, lepas itu Menteri jawab.

### 6.35 ptg.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin juga menyumbang pandangan di bawah kementerian ini B.25 dan P.25. Pertamanya mengenai Butiran 020200 - Pembangunan Francais dibaca bersekali dengan Butiran 080200 di bawah dasar baru *Enhanced Franchise Development Programme* dan juga P.25 Butiran 04004 – Pembangunan Keusahawanan: Pembangunan Francais. Diperuntukkan keseluruhan ini lebih kurang dalam RM7 juta ataupun RM8 juta dalam usaha untuk membangunkan industri di bawah francais ini.

Baru-baru ini kita lihat kementerian membuat satu program untuk menganugerahkan beberapa anugerah kepada syarikat-syarikat francais *local* yang berjaya melebarkan perniagaan mereka dengan melibatkan cawangan-cawangan dalam dan juga luar negara. Saya rasa ini satu langkah yang baik bagi mengetengahkan hasil atau produk francais dari Malaysia.

Syarikat yang mendapat empat anugerah saya dengar dalam berita ialah rangkaian restoran Manhattan Fish Market. Jadi saya pun tidak perasaan ingatkan Manhattan Fish Market ini francais daripada Amerika masuk ke Malaysia. Jadi rupanya



francais namanya Manhattan tetapi hasil daripada Malaysia. Jadi ini merupakan suatu cara mungkin satu pendekatan perniagaan *branding* perniagaan.

Akan tetapi adakah kita mempunyai satu dasar untuk mengetengahkan nama-nama yang lebih bercorak Malaysia untuk dibawa ke luar negara? Itu soalan walaupun nampaknya tidak merupakan isu besar tetapi mungkin dapat memberikan impak yang lebih besar kepada industri francais dari Malaysia ini. Kita berbangga juga daripada tahun 2012 dikatakan lebih kurang 100 lebih francais kini sudah ada 600 lebih itu satu peningkatan yang harus kita banggakan.

Keduanya, saya ingin bertanya tentang Butiran 020300 – Pembangunan Perniagaan. Tadi ada sahabat kita membangkitkan kejayaan Jack Ma mendapat dalam masa 24 jam USD18 bilion jualan melalui *single sale*. Ini adalah satu usaha perniagaan *online* yang saya rasa sangat berjaya. Jadi apakah usaha kementerian ini di bawah pembangunan perniagaan ini untuk menggalakkan *online business* ini supaya kalau pun tidak sampai tahap Jack Ma punya kejayaan tetapi dapat menjadikan *online business* ini suatu yang boleh yang memberikan kerjaya perniagaan kepada rakyat Malaysia.

Saya tahu hari ini di rumah saya sendiri pun dua orang, tiga orang anak kita pun walaupun mereka ada kerja tetapi mereka membuat kerja tambahan, hendak bawa kereta Uber seperti cadangan Perdana Menteri tidak mampu. Jadi mereka buat *business online*. Akan tetapi tentulah dalam hal ini tidak teratur. Jadi bagaimana peranan kementerian? Mungkin sudah ada. Saya mohon penjelasan, bagaimana anak-anak kita ini dapat memanfaatkan apa yang ada di kementerian ini untuk meningkatkan perniagaan mereka.

#### ■1840

Seterusnya, Butiran 030200 – Gerakan Kepenggunaan. Banyak disentuh oleh rakan-rakan. Sebentar tadi, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Tanah Merah dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor mencadangkan hukuman-hukuman yang berat kepada mereka yang mengambil kesempatan daripada usaha-usaha kerajaan merasionalisasikan subsidi ini dengan membebaskan rakyat. Saya tidak mahu memberi komen mengenai bentuk-bentuk hukuman ini.

Akan tetapi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian, melalui gerakan kepenggunaan ini kita betul-betul mendidik rakyat kita bukan hanya pengguna-pengguna tetapi pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga supaya lebih bertanggungjawab. Apa yang nasib baik sedikit kita ini, perkara-perkara ini berlaku secara *temporary*. Misalnya, kenaikan harga minyak masak ini diharapkan hanya satu fenomena sementara kerana pengubahsuaian harga selalunya tidak lama kesannya.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian melihat bagaimana kita menangani isu kenaikan harga minyak di pam stesen minyak. Walaupun kenaikannya tetapi tidak berlaku sekarang ini kesan menyorok minyak, menyorok petroleum dan misalnya. Jadi, macam mana ini boleh kita terjemah walaupun tidak sama, tidak semudah itu, kerana pam-pam minyak ini terkawal tetapi bagaimana kita boleh mencari jalan supaya tidak timbullah nanti kita hendak hukum sebatlah, hukum— dibawa cerita dari Filipina hukum bunuh dan sebagainya. Itu saya harap kementerian boleh memberikan penjelasan.

Terakhirnya Tuan Pengerusi. Di bawah tajuk Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Saya rasa ini satu perkara yang sangat penting. Mungkin melalui kerjasama dengan Kementerian Inovasi dengan Pengajian Tinggi di mana mereka menggalakkan dan menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan barang-barang baru untuk mendapat hak-hak ataupun *intellectual property* ini. Saya pernah menghadiri satu program kementerian ini dalam penganugerahan kepada kajian penyelidik-penyelidik yang dibuat oleh anak-anak kita di sekolah sangat mengagumkan, Tuan Pengerusi.

Anak-anak kita di sekolah menengah mencipta misalnya alat untuk membangunkan kita sembahyang subuh, contohnya yang memenangi hadiah. Hadiah pertama dengan memasang alat di ibu kaki. Walaupun kita rasa bagi kita teknologi sensor ini bukan benda yang baru tetapi bagi anak-anak kita di sekolah, mereka mencipta perkara tersebut untuk kepentingan kehidupan kita sangat baik.

Kemudian ada satu sekolah itu mencipta daripada barang-barang buangan hasil-hasil yang boleh menjadi komposit, yang kalau dikomersialkan boleh membantu dalam industri pembangunan kapal terbang misalnya ataupun perkara-perkara lain yang lebih mahal, lebih berguna, lebih tahan. Jadi, saya harap kementerian tidak sekadar meraikan kejayaan ini tetapi melabur lebih bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi misalnya untuk betul-betul menghasilkan produk-produk melalui kajian-kajian di peringkat sekolah lagi. Ini saya sangat mengalu-alukan kerana saya menyatakan kepentingan anak saya sendiri pun ada terlibat sama— itu sahaja ceritanya.

Akhir sekali Tuan Pengerusi. Apa yang sebut oleh Yang Berhormat Kapar tadi. Saya hendak juga mendengar. Saya hendak mengata sebelum terjawab, agaknya apa kesan kempen-kempen penurunan harga yang telah dibuat oleh kementerian ini dalam beberapa masa yang kebelakangan ini. Kalau boleh cuba namakan, kalau tadi dia minta sepuluh. Kalau boleh tolong, lima pun yang dahulunya lebih mahal sekarang ini lebih kurang supaya dapat kita meyakini bahawa usaha kita di kementerian ini untuk mengurangkan harga barangan demi kepentingan pengguna kita ini sebenarnya

menghasilkan kejayaan. Saya rasa kalau setakat menamakan beberapa nama ini Yang Berhormat Menteri tidak menjadi halangan. Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Nerus.

**6.48 ptg.**

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 090200 – NKRA - Pembangunan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M). Program KR1M ini sudah lama berjalan lebih daripada enam tahun. Saya hendak tahu sejauh manakah sambutan rakyat bagi program ini kerana tujuan asal penubuhannya adalah untuk membantu rakyat yang mempunyai pendapatan rendah.

Kalau ia memberikan kejayaan yang besar, kenapa belum diperluaskan ke semua tempat. Kalau kita lihat di Kuala Terengganu hanya ada satu kedai. Di Kuala Nerus belum ada lagi kedai KR1M ini. Ini menimbulkan persoalan kepada kita sejauh mana ia memberi manfaat kepada masyarakat bawahan ini dan jika benar-benar memberikan manfaat sepatutnya diperluaskan di semua kawasan Parlimen. Bukan hanya satu kedai bahkan mungkin diperlukan dua atau tiga kedai.

Adakah pernah dibuat kajian secara bersungguh-sungguh untuk melihat sejauh manakah kejayaan program ini dalam meningkatkan memberi khidmat kepada rakyat. Kemudian Butiran 13005 – Pembangunan Koperasi. Saya ingin mendapatkan data koperasi yang tidak aktif kerana saya lihat banyak koperasi kecil-kecil yang tidak aktif dan gagal dalam *business* mereka. Sejauh mana ianya dipantau oleh kementerian dan adakah ada suatu perancangan jangka masa panjang untuk membantu koperasi kecil-kecil ini untuk bergabung hingga mereka berjaya menggerakkan satu *business* bersama secara jangka masa panjang. Contohnya, rangkaian kedai runcit.

Jika dapat diwujudkan satu rangkaian kedai runcit di peringkat pusat dan diturunkan ke seluruh negara menerusi koperasi kecil-kecil ini, saya rasa dia akan beri keuntungan bukan hanya pada koperasi bahkan juga kepada rakyat di kawasan setempat. Ini kerana kita boleh menangani persoalan kenaikan harga barang dengan kita menangani harga-harga borong menerusi koperasi atau menerusi rangkaian koperasi-koperasi yang besar seumpama ini.

Kemudian Butiran 030200 – Gerakan Kepenggunaan. Saya rasa kementerian perlu pantau kedai-kedai 24 jam. Saya ada pengalaman terakhir dalam minggu lepas bila saya beli air mineral yang 1.5 liter harga di kedai tersebut 7-Eleven dengan harga RM3.60. Kedai 24 jam ini selalunya diterima ataupun diambil manfaat oleh mereka yang

memerlukan barang pada waktu tengah malam, 12.00 malam, 1.00 pagi ini masih dibuka.

Akan tetapi, adakah dengan perkhidmatan itu boleh mengambil kesempatan daripada keperluan rakyat. Ini kerana harga RM3.60 ini sangat tinggi bagi air mineral 1.5 liter yang biasa dijual di pasar raya besar harga RM2.00. Paling mahal kalau kedai Petronas pun RM2.60, saya tengok. Jadi, adakah kerajaan memantau dan adakah patut perkara ini dibiarkan begitu sahaja. Itu sahaja yang saya hendak sebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**6.44 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta untuk membincangkan beberapa persoalan mengenai dengan kementerian saya, bajet yang telah pun dibentangkan baru-baru ini.

Pertama, tentang masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Rompin minta supaya hukuman mandatori terhadap mereka yang menyalahgunakan segala undang-undang terutamanya dalam kementerian saya ini dipertingkatkan. Itu cadangan yang baik. Cuma buat waktu ini, kita melihat keseluruhannya bukan hanya satu akta tetapi banyak akta yang kita rasa kalau disalahgunakan nanti boleh menyebabkan banyak lagi undang-undang lain yang berkaitan juga akan kita perbaiki.

Kedua, Yang Berhormat Bukit Gantang menyoalkan tentang harga minyak masak. Tuan Pengerusi. Saya hendak jelaskan isu yang paling besar yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat tadi adalah tentang minyak masak. Saya telah pun menjelaskan dalam Dewan ini bahawa minyak masak ini sebenarnya baru diambil alih di bawah kementerian saya mulai daripada 1 November. Akan tetapi, saya telah dimaklumkan awal iaitu pada penghujung bulan September.

■1850

Dalam perkiraan kita, kita pun memanggil penapis minyak masak, kilang-kilang penapis minyak masak, *repackers*. Dalam pertemuan kita itu, timbullah bermacam-macam persoalan. Dalam pertengahan bulan Oktober, sudah ada orang yang mengeluarkan bermacam-macam kenyataan tanpa diluluskan oleh kementerian, mereka telah pun mengeluarkan cerita yang bukan-bukan. Maka terpaksa saya memanggil semula semua mereka dan memberitahu bahawa kenyataan seolah-olah harga minyak masak ini akan naik satu kilo sehingga mencecah RM2.90, itu adalah sesuatu kenyataan yang dibuat oleh mereka. Itu adalah persepsi semata-mata.

Saya hendak supaya rakyat jelas di sini, apa yang kita lakukan Tuan Pengerusi adalah apabila kita melihat bahawa kuota minyak masak yang telah pun dikeluarkan sebelum kementerian saya ambil alih adalah melebihi 85,000 metrik tan satu bulan. Tidak apa, ini menunjukkan bahawa kerajaan adalah satu-satunya kerajaan yang prihatin hendak melihat supaya minyak masak ini boleh diguna pakai oleh banyak golongan dalam negara kita, walaupun sebenarnya kilang-kilang yang mengeluarkan produk-produk untuk dieksport, kilang-kilang yang membuat biskut yang menggunakan minyak masak, kilang-kilang yang banyak menggunakan minyak masak dan mengeluarkan produk mereka dan mereka eksport, itu sepatutnya dalam syarat minyak masak subsidi tidak dibenarkan sama sekali untuk digunakan. Walaupun tadi Yang Berhormat Pokok Sena kata kilang-kilang yang besar-besar guna, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Pokok Sena, sebenarnya tidak boleh digunakan oleh kilang-kilang yang sebegini rupa.

Maka dalam perkiraan kita kalau begitu, bermakna berapakah jumlah yang sebenarnya yang diperlukan oleh rakyat dalam negara kita. Saya tidak kata pun B40, saya tidak kata M40, saya tidak kata pun golongan mana tetapi saya kata rakyat keseluruhannya. Kalau rakyat keseluruhannya yang berjumlah lebih kurang 30 juta yang ada dalam negara kita ini, dalam kajian Kementerian Kesihatan, hanya memerlukan satu setengah kilo- satu individu hanya memerlukan satu setengah kilo minyak masak sebulan. Maka bermakna kalau 30 juta daripada rakyat kita yang semua, termasuklah tadi yang *handsome* Yang Berhormat Pokok Sena yang pakai *bowtie* tadi, yang hendak ikut sama dengan Tuan Pengerusi, sekarang standard lebih kurang sama pakai *bowtie* Tuan Pengerusi.

Dia kata tidak beli minyak masak dalam...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tapi Tuan Pengerusi lagi *handsome* daripada saya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Itu sudah tentu Tuan Pengerusi. Itu sudah tentu, tidak payah sebut. Cuma saya hendak beritahu Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Pokok Sena tadi kata dia sendiri tidak pakai yang dalam paket. Dia beli pakai dalam botol, mungkin ramai daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam ini pun sama kerana tidak mahu menggunakan yang dalam botol. Dia kata biarlah ini untuk rakyat yang biasa, okey. Jadi bermakna dalam 30 juta, kita tolaklah 10 peratus yang tidak menggunakan dalam botol, hanya tinggal 27 juta lagi dan kita tolak lagi 10 peratus mereka yang tidak makan minyak masak sawit. Ada, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Kita pergi ke kedai-kedai kita perhatikan ada minyak masak soya, ada minyak masak jagung, ada minyak masak *grape seed*, ada *sunflower*, banyak. Ini menunjukkan

ada peratusan rakyat yang tidak pakai minyak masak sawit. Maka dalam perkiraan kita, kalau kita tolak lagi 10 Peratus, 27 kita tolak lagi tiga, tinggal 24 juta dan daripada 24 juta ini, perkiraan kita seperti yang dikatakan oleh Kementerian Kesihatan, kalau satu setengah kilo, kita hanya memerlukan 36,000 metrik tan sebulan.

Kalau 36,000 metrik tan sebulan dan yang saya keluarkan, kerajaan benarkan kuota yang telah diluluskan melebihi— saya hendak beritahu Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena kata 24,000 tidak betul. Melebihi 50,000 metrik tan, sudah melebihi 50,000 metrik tan, maka bermakna ia mencukupi tetapi kenapa masih lagi bekalan yang dikatakan tidak cukup pada awal-awal bukan November. Saya mengaku mungkin kerana *panic buying*, betul. *Panic buying* menyebabkan banyak orang yang telah pun terpaksa membeli banyak dan akhirnya menyebabkan stok sampai habis, stok sampai habis. Saya beritahu bahawa janganlah menyalahgunakan, beli banyak-banyak dan akhirnya dia kata kerana *panic buying*, yang kita risau bukan *panic buying* seperti yang Yang Berhormat Pokok Sena kata tadi dia hendak salin baju daripada yang *polybag*, dimasukkan dalam botol dan dijual semula.

Kalau ada begini, inilah yang kita buat sekarang ini kegunaan penguat kuasa, pegawai-pegawai kita bersama dengan rakan-rakan melalui NBOS, kerjasama. Kita minta bantuan kerana hendak melihat tidak ada salah guna dari segi penggunaan minyak masak yang sepatutnya diberikan kepada rakyat. Saya hendak jelaskan juga di sini Yang Berhormat Pokok Sena. Kalau tadi Yang Berhormat Pokok Sena kata malam-malam orang hendak jual, penjaja hendak jual. Kalau Yang Berhormat Pokok Sena sudah pergi beli dekat penjaja malam itu, beli mi goreng bawa balik makan di rumah, bermakna perkiraan saya tadi untuk Yang Berhormat Pokok Sena sudah pun jatuh kepada penjaja kerana dia tidak akan balik masak lagi. Dia sudah beli, dia balik makan, maka itulah minyak masak yang digunakan. Maka bermakna cukup juga untuk penjaja. Jadi tidak timbul masalah yang sebenarnya.

Siapakah yang penyangak sebenarnya? Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai yang beritahu ini adalah penyakit yang sebenarnya, penyakit tamak haloba kepada peniaga-peniaga yang sentiasa mahu melihat peluang-peluang yang ada untuk mereka menggunakan peluang ini, ambil kesempatan jual dengan harga yang tidak berpatutan di luar sana. Di mana? Mungkin di luar negara dan mungkin juga kepada kilang-kilang yang besar-besar tadi yang sepatutnya tidak boleh menggunakannya. Maka, apa yang kita hendak lakukan adalah bantuan daripada semua rakyat yang ada. Siapakah rakyat yang sepatutnya boleh membantu kita? Sudah tentulah semua Ahli-ahli Yang Berhormat, semua ketua kampung, semua ketua

masyarakat, semua mereka yang sepatutnya dapat membantu kita dalam program yang saya namakan Friends of KPDNKK.

Saya minta kalau boleh semua rakyat menjadi rakan kepada KPDNKK untuk kita pastikan ada telinga, ada mata, semua rakyat boleh turun dan boleh nampak hari-hari bahawa kalau mereka salah gunakan minyak subsidi ini, kita pasti akan ambil tindakan dengan sewajarnya. *Alhamdulillah*, saya hendak jelaskan sehingga 13 November, semalam. Pemeriksaan 37,379 pemeriksaan telah pun kita buat. Daripada pemeriksaan ini, 44 kes telah pun kita ambil. Daripada aduan tersebut yang menyalahgunakan, maknanya dia *stockout*, dia simpan mungkin menyebabkan sudah tidak ada stok lagi, 230 semuanya dan daripada itu kes sorok yang kita dapat adalah tujuh.

#### ■1900

Maka ini bermakna kita akan membawa...

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Yang Berhormat Menteri boleh...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Kita akan membawa mereka ini ke pihak pengadilan dan *insya-Allah* Tuan Pengerusi, minggu ini saya difahamkan ada tiga lagi, mungkin menyebabkan 10 kes akan kita bawa ke mahkamah.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Tahniah di atas kesungguhan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma Yang Berhormat Menteri, apabila Yang Berhormat Menteri sebut tadi tentang Friends of KPDNKK, bolehkah saya mengesyorkan atau mencadangkan, bagi menggalakkan lagi orang-orang yang melaporkan, mereka yang penyangak-penyangak ini, mereka yang menyebabkan kita bermasalah ini. Kalau kita boleh *reward* dia atau pun dengan izin, kita bagi satu jumlah, kalau dia *report* contohnya dahulu saya masih ingat lagi kalau kastam apabila dia buat rampasan hasil daripada maklumat, mereka dapat satu jumlah yang orang kata hasil daripada rampasan itu, satu jumlah yang besar.

Jadi dengan ini saya percaya, jika kita memberi mereka *reward* yang besar dan sudah tentulah maklumat-maklumat lebih banyak dan orang ramai dan Friends of KPDNKK ini akan lebih menyalurkan maklumat kepada KPDNKK. Terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah. Cadangan ini telah pun Yang Berhormat Tanah Merah berikan hari itu dan saya kata kita sedang mengkaji sebab hendak bagi *reward* ini kena benar-benar mengikut undang-undang yang ada. *Insya-Allah* kalau boleh kita buat, apa salahnya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri. Boleh ya, Tuan Pengerusi? Terima kasih Tuan Pengerusi, terima

kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan penjelasan yang begitu bertenaga, bersemangat petang-petang ini. Hebat.

Saya bersetuju cadangan untuk mewujudkan sahabat KPDNKK untuk semua pihak membantu bagi mengenal pasti mereka yang cuba mengambil kesempatan ini. Akan tetapi sudah tentu kita tidak mempunyai kuasa dan sebagainya untuk pergi mengenal pasti kilang-kilang dan juga pemborong-pemborong besar ini untuk hendak masuk sebab kemungkinan dia berlaku di sana. Bukan lagi berlaku di tempat penyeludupannya itu tetapi ini. Sebab itu saya hendak minta kalau boleh, KPDNKK mengisytiharkan berapa jumlah, nama-nama kilang ini. Nama syarikat, kilang sebagainya dan juga nama pemborong-pemborong besar seperti mana saya dulu minta Kementerian Pertanian, siapa yang mendapat kuota subsidi. Kuota subsidi ST15.

Dia bagi entah berapa puluh syarikat itu. Kita dapat kenal pastilah mana syarikat-syarikat yang salin baju ini, yang mengambil kesempatan ini. Ini saya fikir, ini yang lebih besar daripada yang sudah pergi ke sempadan itu, yang lori kecil-kecil tetapi ini yang akan memberikan, *distribute* kepada lori-lori kecil ini. Jadi mereka ini yang mengambil kesempatan yang besar.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Pokok Sena. Dia nampak, dia bertambah *handsome*, bila saya kata nampak *handsome*, nampak dia hari ini. Tuan Pengerusi, apabila saya kata sahabat ini, bukan bermakna kuasa hendak masuk ke dalam kilang. Saya ingat itu menyulitkan kerana hanya pegawai-pegawai kerajaan sahaja yang boleh ada kad untuk masuk, kuasa boleh kita turunkan.

Akan tetapi kalau rakyat biasa, tidak boleh kita turunkan kuasa tersebut. Yang kita hendak buat adalah rakan yang menjadi mata dan telinga. Itu yang paling mustahak. Apabila semua rakyat sudah pun menjadi mata dan telinga, bukan hanya hendak masuk dalam, lori sebelum masuk dalam kilang itu pun kita dah tahu. Untuk menjadi *spy* sebagai contoh. Jadi *insya-Allah* itulah dari semasa ke semasa. Buat masa ini Tuan Pengerusi, saya hendak umumkan kita sudah pun mencapai satu angka yang boleh dibanggakan, 430,000 rakyat sudah pun menjadi rakan KPDNKK. Saya mengucapkan terima kasih banyak kepada mereka yang sanggup menjadi rakan.

*Insya-Allah* Yang Berhormat Pokok Sena akan mendaftarkan diri sebagai rakan KPDNKK selepas ini.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *No problem*, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya minta satu. Boleh atau tidak boleh macam saya kata tadi, KPDNKK menyenaraikan syarikat, sama ada kilang atau pun syarikat pemborong yang mendapat kuota subsidi? Yang dapat subsidi, kita hendak tahu. Nama dan sebagainya. Kita hendak tahu supaya kita juga dapat membantu. Kita



boleh pergi, lihat sejauh mana mereka yang mendapat kuota subsidi ini, mereka pasarkan dengan jenama mereka dan sebagainya, biar berada di pasaran.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Saya, Tuan Pengerusi, saya sudah pun mengumumkan bahawa jenama-jenama ini akan saya keluarkan dan akan kita beritahu kepada semua rakyat dan akan keluar dalam *newspaper* tidak lama lagi. Sebab kita sudah minta dengan semua, contoh-contoh, kita sudah ambil gambar dan akan kita keluarkan dalam *newspaper*. Jadi semua orang tahu. Bukan hanya Yang Berhormat Pokok Sena tetapi semua rakyat akan tahu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya hendak minta contoh...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Lagi satu Tuan Pengerusi...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Kalau bolehnya untuk kami Ahli Parlimen ini diberikan setiap syarikat itu berapa jumlah tan yang dia dapat. Tidak dahulu saya—Kementerian Pertanian boleh keluar senarai kepada Ahli-ahli Parlimen, saya minta, diberikan setiap mereka yang mendapat kuota beras subsidi. Ya, ini untuk pengetahuan sebab mereka ini yang mengambil kesempatan. Mereka ini yang mengambil kesempatan.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey Tuan Pengerusi. Kemudian ada yang mengatakan macam-macam berita tentang minyak masak ini sehinggakan ada juga orang yang menguar-uarkan cerita yang bukan-bukan dan bertanyakan kepada saya. Tadi Yang Berhormat Bukit Gantang ada bertanya kepada saya, sehinggakan benar atau tidak harga gas masak akan dinaikkan.

Saya hendak umumkan di sini, kerajaan belum pernah terfikir bagaimana hendak menguruskan supaya harga ini naik atau pun turun tetapi orang sudah mengatakan seolah-olah harga itu naik. Yang kita lakukan selama ini adalah *rationalization* tentang kuota-kuota yang diberikan. Kita tidak mahu angka yang berlebihan itu menyebabkan orang ambil peluang untuk menyalahgunakan kaedah kuota yang ada. Itu yang kita hendak lakukan, bukan hendak menaikkan harga.

Akan tetapi sudah ada yang telah lebih dahulu mengatakan seolah-olah harga gas masak ini akan dinaikkan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya lah tetapi Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Tenom ada...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Minyak masak ini pun, rasionalisasi juga yang disebut tetapi hakikatnya harga naiklah. Apabila ditarik subsidi itu, harga naiklah.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Inilah dia. Mula-mula saya kata dia *handsome*, makin lama makin kurang. Saya hendak beritahu pasal apa kata kurang ini Tuan Pengerusi, saya sudah kata kuota 85,000 metrik tan itu berlebihan. Yang pasti yang kita hendak tadi, saya sudah beritahu pengiraan saya, sepatutnya hanya 36,000 metrik tan sebulan.

Manakala kuota yang kita berikan sudah melebihi 50,000, sudah menghampiri 60,000 sekarang ini. Maka bermakna, kuota yang 25,000 itu adalah sesuatu yang kita rasa berlebihan. Bagaimana caranya? Sekarang kita kata dalam *polybag* dan saya juga dalam media massa telah pun saya jelaskan. Kita sedang buat kajian. Mungkin daripada 60,000 tadi, berapa peratusan akan kita ambil untuk kita jadikan dalam botol yang tertentu supaya ada dalam botol dan juga ada dalam *polybag*.

Jadi kalau Yang Berhormat Pokok Sena selepas ini sudah rasa, dia sudah boleh mampu untuk beli dalam botol, dia beli dalam botol. Dia tidak payah lagi beli dalam *polybag* sebab botol itu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *La pun dok pakai hat* dalam botol.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Botol itu mempunyai kos yang lebih daripada plastik. Harga plastik kurang daripada 10 sen. Harga botol 1.1 liter sahaja melebihi daripada 40 sen satu botol. Jadi sudah tentu ada peningkatan harga kalau dibandingkan di antara *polybag* dan juga dalam botol.

Ini sedang kita buat kajian dan telah pun kita umumkan. Jadi bukan harga subsidi, bukan ditarik harga subsidi. Subsidi masih lagi ada sebab itu minyak masak masih lagi dijual dengan harga RM2.50. Cuma tidak tarik pun. Saya hendak jelaskan di sini Tuan Pengerusi, dulu harga minyak sawit dunia tahun lepas, *average* RM2,300 satu metrik tan. Harganya.

#### ■1910

Sekarang sudah mencecah— semalam sudah mencecah hampir RM3,000 metrik tan, menunjukkan ada peningkatan RM700. Walaupun saya bagi 60,000 metrik tan dengan kadar harga yang meningkat RM700 daripada RM2,300 yang dulu sudah adapun subsidi, bermakna kerajaan masih lagi mampu untuk menambah peningkatan RM700 satu metrik tan. Itu menunjukkan bahawa kerajaan ini adalah kerajaan yang prihatin.

Cuma masalahnya, disalah gunakan oleh setengah-setengah orang seolah-olah tak ada lagi subsidi minyak masak. Sebenarnya ada. Yang tak adanya adalah kaedah-kaedah sama ada dalam botol atau pun dalam *polybag*. Sekarang ini selepas sebulan— belum lagi sebulan, baru dua minggu, kita telah memikirkan apa salahnya kita masukkan

dalam botol tetapi harga botol itu tidak boleh diberikan subsidi. Ini yang kerajaan sedang buat kajian. Ini yang sebenarnya yang berlaku.

Jadi saya mengharapkan supaya semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini jangan sebut kata subsidi ini ditarik, tidak. Sebenarnya subsidi ditambah. Bukan ditarik tetapi ditambah, cuma kuotanya sahaja berbeza. Kalau dulu 85,000 metrik tan, sekarang 60,000 metrik tan. Harga subsidi masih lagi dijual dengan harga RM2.50.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu tadi faham bahawa ini yang sebenarnya kita buat. Rasionalisasi ini bukan untuk menarik subsidi tetapi untuk melihat bahawa keadaan kuota yang kita berikan itu adalah yang benar-benar digunakan oleh rakyat yang ada dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, kemudian Yang Berhormat Tenom mempersoalkan tentang *community drumming*. Saya hendak jelaskan benar bahawa bajet tahun lepas RM200 juta, tahun ini hanya tinggal RM100 juta. Walau bagaimanapun, *insya-Allah*, kita sedang meneliti kaedahnya sama ada mampu atau tidak kita meluaskan lagi kawasan atau mengurangkan kawasan atau bagaimana caranya supaya dapat kita teruskan lagi program ini. Maka sebab itu dalam RM100 juta yang kita berikan, kita akan mulakan dahulu, kemudian kita akan tengok sama ada ianya boleh dinilai semula ataupun tidak. Kontraktor-kontraktor yang menyalahgunakan kontrak yang telah pun kita berikan sebelum ini, tidak akan kita berikan lagi. Terima kasih Yang Berhormat Tenom.

Yang Berhormat Kapar ada mempersoalkan tentang minyak masak. Telah pun saya jelaskan tadi.

Kemudian, Yang Berhormat Kapar minta supaya kita adakan suruhanjaya kawalan harga barang. Saya hendak beritahu bahawa dalam waktu sekarang yang kita lakukan ini, ia mencukupi. Cuma, kaedahnya sekarang ada sedikit kekeliruan, ada sedikit panik *buying*. Itu tidak menyebabkan kita mesti mengadakan suruhanjaya kawalan harga barang.

Yang Berhormat Gerik ada bertanyakan tentang gerakan pengguna, mengapa tidak kita membantu wujudkan kesedaran kepada pengguna semua. Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan di sini bahawa kementerian saya telah pun mengkaji bermacam-macam kaedah dan cara untuk kita menerangkan. Program *advocacy*, program mendidik pengguna. Pegawai-pegawai kita pun sudah turun ke bawah, ke sekolah-sekolah. Tahun 2016 sahaja, sudah melebihi 100 sekolah yang telah pun kita berikan penerangan dari semasa ke semasa. Tahun hadapan, *target* kita untuk mencapai 200 lagi sekolah.

Begitu juga pegawai-pegawai kita telah turun ke bawah untuk menerangkan kepada para mahasiswa dan mahasiswi yang ada kerana kita hendak supaya mereka

sedar apakah hak pengguna supaya mereka tahu akan akta-akta yang ada dalam kementerian kita ini.

Maka sebab itu, yang kita lakukan adalah untuk bersama dengan mereka supaya mereka sedar bahawa apa yang kerajaan lakukan ini adalah sesuatu untuk kepentingan mereka. Seperti apa Yang Berhormat Gerik katakan tadi— saya ucap terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Gerik. Betul, kalau dibandingkan dengan harga di negara-negara jiran, harga barang-barang keperluan yang ada dalam negara kita begitu murah kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Tetapi oleh kerana dari segi sikap, dari segi kefahaman, mereka tidak tahu bahawa...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Sebentar, sebentar. Bahawa negara ini adalah sebuah negara yang dari segi konsep ekonominya, kita gunakan konsep pasaran bebas, manakala barang-barang tertentu sahaja yang kita kawal dari segi harganya.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa jawapan ini jawapan kepada Pengkalan Chepa, bukan Yang Berhormat Gerik.

Cuma, saya hendak tanya bahawa keseriusan kita kerana saya lihat daripada tahun 2015, 2016, dan 2017, programnya agak statik dan juga untuk unjuran tahun 2017, bajetnya berkurangan separuh. Jadi sebab itu saya mengatakan keseriusan kita untuk memberi penerangan ataupun kesedaran pengguna itu. Itu soalnya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Tidak, saya sedang membaca soalan untuk Yang Berhormat Gerik dulu. Kita ikut giliran. Mungkin tak sampai lagi di sini. Yang Berhormat Pengkalan Chepa tak sampai lagi sini.

Kemudian, tentang kualiti minyak masak. Tadi ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik mengatakan seolah-olah kualiti minyak masak yang diletakkan dalam *polybag* itu kualitinya begitu rendah dibandingkan dalam botol. Itu sebenarnya tak betul. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Gerik kerana telah pun menjelaskan bahawa memang yang sebenarnya minyak masak itu adalah minyak masak yang sama. Sama ada ia dalam *polybag* ataupun dalam botol, ianya masih datang daripada kilang penapis minyak sawit yang sama.

Kemudian, Yang Berhormat Tanjong...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Tanjong, nanti saya akan jawab akhir kerana ini spesifik tentang foto yang telah pun disalahgunakan. *Insyah-Allah*, saya akan jawab di akhir nanti kalau ada masa.

Kemudian caj perkhidmatan untuk restoran yang telah pun disalahgunakan. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Tanjong bahawa sebenarnya caj perkhidmatan ini adalah sesuatu yang sedang KPDNKK membuat kajian supaya kita masukkan selepas ini, tidak disalahgunakan oleh sesiapa peniaga-peniaga dalam negara kita. Kita hendak pastikan kalau dalam menu itu harganya berapa, ia telah masukkan caj perkhidmatan dalam itu. Jadi kalau dia buka dia tengok menu itu mahal dan ada caj perkhidmatan dia rasa mahal, dia tak payah beli lagi dan dia takkan guna.

Sebab, kita tak mahu disalahgunakan. Ada setengah restoran yang tak pakai caj perkhidmatan, ada sesetengah hotel yang tak kenakan caj perkhidmatan. Jadi yang kita hendak pastikan adalah supaya kita rangkumkan semua itu dalam satu harga. Itu akan kita buat tak lama lagi. Jadi ini akan memudahkan semua rakyat supaya takkan timbul lagi masalah yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong tadi. Sila.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Cuma saya hendak balik pada soal kualiti minyak tadi. Balik kepada isu yang timbul dalam masyarakat juga hari ini berkenaan dengan minyak yang *direct cycle* yang diguna pakai oleh peniaga-peniaga. Apa tindakan yang diambil oleh kementerian? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Ini sahabat saya Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya hendak beritahu, betul, ini yang menjadi masalah kita bahawa ada orang menyalahgunakan. Tetapi, dalam keadaan harga minyak sawit yang begitu tinggi. Kita hendak umumkan bahawa kalau dia hendak beli semula minyak masak pun sudah mahal, dia hendak *recycle* hendak jual semula pun adalah sesuatu yang mungkin tidak menguntungkan mereka.

#### ■1920

Jadi apa yang mereka lakukan sekarang ini adalah, minyak *recycle* ini sepatutnya mereka beli, mereka buat produk-produk yang lain selain daripada menggunakan sebagai minyak masak. Itu yang berlaku dan sebab itu yang kita kena hendak ambil tindakan selepas ini siapa sahaja yang mengeluarkan produk melalui *recycle* minyak masak dia mesti meletakkan labelnya. Itu yang sedang kita lakukan dan akan kita umumkan tidak lama lagi.

Yang Berhormat Pasir Gudang ada minta supaya saya letakkan harga siling kepada harga minyak masak ini. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Pasir Gudang bahawa minyak masak ini, minyak sawit adalah merupakan satu komoditi yang

bersaing dengan banyak minyak masak di seluruh dunia. Kadang-kadang dia naik dengan begitu tinggi sekali dan kadang-kadang dia merudum begitu bawah sekali, rendah sekali. Kalau kita letakkan satu harga siling, waktu kita sudah gazetkan tiba-tiba harga turun dan kalau kita hendak mengambil tindakan supaya menurunkan mereka, susah kerana kita telah gazetkan harganya. Akan tetapi kalau kita telah gazetkan dengan satu harga X, tiba-tiba harga naik lagi, terpaksa kita buat lagi satu hendak gazetkan semula.

Perkara ini menyulitkan dari segi kedudukannya dan dalam waktu yang sama kita kena sedar bahawa dalam konsep kita pasaran bebas ini sebab itu hanya kita kawal dengan harga-harga yang bersubsidi sahaja. Tadi telah pun saya jelaskan tentang kedudukan kuota minyak masak yang mencukupi, *insya-Allah* Yang Berhormat Pasir Gudang jangan risau saya rasa selepas ini bekalan itu sehingga hari ini saya hendak beritahu *repackers* kita *check* hari-hari sudah pun mengeluarkan hampir 70 peratus daripada kuota yang kita benarkan.

Maka bermakna sudah boleh mencukupi sehinggalah akhir bulan ini saya rasa kalau 100 peratus juga, ia akan dapat meneruskan pada bulan-bulan yang akan datang. Jadi *insya-Allah* saya rasa isu ini boleh selesai boleh lega kalau semua rakan melalui Friends of KPDNKK itu dapat membantu supaya dapat mengurangkan ketirisan yang berlaku. Yang Berhormat Dungun juga perkara yang sama tentang minyak masak cuma tentang KR1M hendak minta supaya dipelbagaikan lagi barang-barang di dalamnya. *Insya-Allah* ini akan kita bincang dengan *supplier* syarikat yang telah pun kita berikan program KR1M ini.

Kedua, beliau bertanyakan tentang koperasi. Saya diminta supaya berikan maklumat secara bertulis. *Insya-Allah* nanti saya berikan kepada Yang Berhormat dan beliau minta juga supaya kepenggunaan ini ditambahkan NGO-NGOnya, saya sentiasa mahu melihat supaya lebih ramai pengguna-pengguna di dalam negara kita yang memahami akan tanggungjawab mereka sebagai pengguna, memahami akan akta yang sedia ada, memahami akan apa agenda kerajaan untuk membantu mereka. Takkan lah kerajaan langsung tidak boleh menilai bahawa yang penting adalah untuk kepentingan mereka. Sebab itu kita wujudkan kementerian yang bernama Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. *Insya-Allah* kita akan lakukan ia seperti permintaan.

Yang Berhormat Sungai Petani ada bertanyakan tentang francais. Ada juga beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi membangkitkan tentang isu francais. Saya hendak jelaskan di sini bahawa kita sebenarnya boleh bangga dengan apa yang telah pun kita lakukan. Kementerian ini telah pun melakukan bermacam-macam program

untuk kita menilai produk-produk yang ada di seluruh negara kita sama ada di bandar di luar bandar. Kita hendak melihat supaya produk-produk yang kita adakan ini boleh kita ketengahkan juga melalui francais. *Alhamdulillah* saya hendak mengumumkan di sini, *alhamdulillah* kepada sahabat saya Yang Berhormat Sungai Petani sudah keluar dah, bahawa setakat ini sudah ada 65 francais yang dipunyai oleh rakyat Malaysia yang telah pun difrancaiskan di 64 buah negara di dunia. *[Tepuk]*

Ini menunjukkan satu angka yang besar dan kita seharusnya bangga kerana mereka telah pun mengeluarkan produk-produk dan difrancaiskan di 64 buah negara di dunia hari ini. Dan beliau minta supaya koperasi ini melalui MKM dipertingkatkan. *Alhamdulillah* saya bersyukur kepada Allah SWT walaupun beliau merupakan seorang Ahli Yang Berhormat pembangkang tetapi memberikan idea yang baik. Kerajaan hari ini mahu melihat kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat berikan idea-idea yang baik seperti ini, tidak susah kerajaan untuk menangani persepsi-persepsi yang selama ini dibangkitkan oleh mereka. *Insya-Allah* kita akan tentukan supaya Maktab Koperasi ini dipertingkatkan untuk dijadikan sebuah universiti pada masa hadapan nanti.

Kemudian Yang Berhormat Sungai Besar juga menceritakan tentang francais, cuma beliau minta produk-produk yang itu cuma saya beritahu dengan Yang Berhormat Sungai Besar nanti saya jawab secara bertulis. Memang benar PNS telah pun banyak membantu banyak produk-produk bukan hanya daripada bandar tetapi juga luar bandar. Contohnya, produk-produk makanan tradisi yang banyak dibuat di kampung-kampung juga telah pun kita francaiskan di banyak tempat-tempat dalam negara kita. Dan kita berikan juga peluang untuk mereka berniaga melalui *mobile trucks* dan francaiskan semua produk ini mengikut *mobile trucks* yang ada peniaga-peniaga ingin untuk mendapatkan bantuan daripada kita.

Yang Berhormat Pokok Sena tanya saya apa jaminan? Apa jaminan? Saya hendak beritahu Yang Berhormat Pokok Sena, apa pun kita buat dalam negara ini kalau semuanya orang Barisan Nasional saya jamin 100 peratus tidak ada masalah. Akan tetapi kalau ada orang-orang yang lain bangkang, macam-macam dia hendak bangkang. Apa pun kita buat akan timbul masalah. Jadi saya tidak boleh hendak jamin tetapi *insya-Allah* kita boleh mengurangkan masalah yang timbul selama ini. Dan saya telah pun beritahu *insya-Allah* saya akan berikan...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** ...nama-nama, jenama, *brand* yang telah pun kita...

**Seorang Ahli:** Masalah lagi?

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ha, itulah saya dah katakan... *[Ketawa]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, *pasai*...

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Sila, sila.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Pasai* Yang Berhormat Menteri kata kalau semua orang Barisan Nasional ni tidak ada masalah apa semua. Tetapi masalah pentadbiran pengurusan sekarang ini bawah Kerajaan Barisan Nasional lah. Duit air di Sabah yang hilang semua, GLC itu semua yang baru ini semua bawah kerajaan lah, pentadbiran hari ini lah. Masalah 1MDB dan sebagainya semua bawah Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi isunya Yang Berhormat Menteri, saya hendak sebut kita dalam masalah ini kepentingan rakyat. Ini bukan masalah, "*Oh kalau orang Barisan Nasional begini, orang pembangkang begini*". Ini bukan isu yang seharusnya dijawab. Akan tetapi kita seharusnya lebih melihat apa jaminan kita untuk keutamaan kepada rakyat. Itu yang harus kita lihat. Bukan kita hendak *politicizekan* benda-benda ini. Oh kalau orang Barisan Nasional. Tetapi masalah sekarang ini Barisan Nasional lah ni.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dua kali saya sebut *handsome* dia naik angin. Sekarang dia turun...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Menteri Pengguna... [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey okey. Tuan Yang di-Pertua saya berani melawak dengan beliau kerana beliau sahabat rakan lama. Cuma saya hendak beritahu jaminan susah kita hendak berikan. Cuma yang penting kepada kita adalah untuk meneruskan agenda kita supaya rakyat memahaminya Yang Berhormat Pokok Sena balik beritahu apa yang saya jawab tadi, jawab macam itu. Jangan putar belit.

Kemudian Yang Berhormat Kuala Selangor...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, *sat, sat*.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Sudah lah tu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *Last, last*. Fasal minyak masak.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Sudah lah tu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jangan sampai nanti, bila paket yang satu kilogram ini pun tidak boleh selesai masalah kerana ada penyelewengan-penyelewengan. Akhirnya habis, dengan *hat* paket satu kilogram ini pun ditarik subsidi.

■1930

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey.



**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi, habislah, apa lagi. Sebab itu kena cari satu mekanisme dari segi penguatkuasaan yang betul-betul kita agresif.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bukan sekadar aktif tetapi mesti agresif.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey. Esok jadi rakan– esok Yang Berhormat Pokok Sena jadi rakan KPDKK ya? *All right*. Yang Berhormat Kuala Selangor. Ini permintaan Yang Berhormat Kuala Selangor, saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih, *insya-Allah* saya bersetuju kalau kita boleh letakkan– Saya bukan hanya ada Bank Rakyat di bawah agensi di bawah kementerian saya, kita ada SSM, kita ada PNS, kita ada SKMM, MyIPO. Semua ini adalah agensi-agensi yang boleh membantu rakyat memahami jika sekiranya mereka hendak melakukan sesuatu perniagaan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kalau mereka hendak berdaftar untuk berniaga, kalau mereka ada *intellectual property* untuk didaftarkan, kalau mereka hendak menubuhkan koperasi, kalau mereka hendak pinjaman melalui koperasi ada, melalui Bank Rakyat ada, semua ini *insya-Allah* akan kita bantu, cuma permintaan Yang Berhormat Kuala Selangor untuk menambahkan KR1M itu nanti kita bincang kemudianlah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia bagi Berylcream dekat saya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Cuma dari segi kad siswa, saya hendak umumkan di sini bahawa dalam perbincangan saya Tuan Pengerusi, tidak sedar Tan Sri Pengerusi keluar. Tuan Pengerusi, saya hendak jelaskan bahawa kad siswa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, dalam perbincangan kita dengan banyak syarikat, satu persatuan, Persatuan Restoran Indian Muslim bersetuju untuk memberikan lima peratus diskaun kepada seluruh siswa-siswi yang ada di seluruh negara, sebanyak 10,000 restoran semuanya. Jadi maknanya, peningkatan sudah pun naik daripada 400 buah kepada 10,000 *outlets* yang ada dalam negara kita. Kita mampu apabila kita dapat bertemu, buat *engagement*, bantu-membantu, *insya-Allah* saya rasa perkara ini boleh kita dapat kerjasama daripada mereka.

*Digital economy* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya ucapkan tahniah, syabas kerana ini adalah merupakan satu-satunya agenda kerajaan untuk melihat bahawa *digital economy* akan menjadi satu-satunya sektor yang paling utama dari segi pendapatan ekonomi negara. Bukan hanya negara tetapi seluruh dunia

beranggapan bahawa *digital economy* akan menjadi sesuatu alat yang paling *powerful* untuk sesiapa sahaja berniaga pada masa-masa hadapan. Maka, sebab itu cadangan Yang Berhormat Kuala Selangor itu akan kita perbaiki dan kita lihat dan kita kaji, akan kita gunakan pada waktu-waktu yang terdekat ini untuk memberikan pendidikan, advokasi kepada seluruh rakyat yang ada dalam negara kita.

Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh ada ya?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ada, tunggu jawapan.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Yang Berhormat Seputeh ini dia pandai. Yang Berhormat Seputeh ini dia mula dengan terima kasih kepada KPDNKK yang selalu memantau harga barang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul *ma*.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Betul *ya?* [Disampuk] Ha, macam itulah. Cuma minta kalau boleh kaji semula tentang Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Saya hendak maklumkan, saya sudah jumpa, buat *engagement* dengan beberapa kumpulan NGO, persatuan-persatuan, *insya-Allah* dalam masa yang terdekat saya akan umumkan tentang kaedah yang baru melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Yang Berhormat Sik ada minta supaya tubuhkan Pejabat Cawangan KPDNKK di Daerah Sik. Kesian, jauh orang Petani, *insya-Allah* akan kita bantu.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Akhirnya, tadi— bukan, Yang Berhormat Bagan Serai ada bertanyakan atau bersemangat hendak beritahu tentang penyakit tamak haloba. Saya ucapkan terima kasih. Memang betullah kita akan mengkaji semula tentang denda-denda yang kita rasa terlampau ringan menyebabkan orang tidak takut langsung. Sebagai doktor, saya bersetuju dengan cadangan seorang doktor itu, saya bersetuju bahawa kalau dia punya cara, *he is very clinical*. Kalau terpaksa potong, kena potong. Ha, itu cara dia ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu Yang Berhormat Seputeh tidak setuju kot Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ha? Setuju, Yang Berhormat Seputeh pun kata kalau patut kena potong, potong. Tempat mana yang kena potong, tanyalah dia sendiri. Yang Berhormat Penampang minta supaya berikan penambahan dari segi 1Malaysia 1Harga. Saya hendak jelaskan bahawa produk-produk yang kita berikan harga ini hanya tinggal beberapa produk sahaja lagi. Maka, sebab itu harganya agak menurun sebab dulu masuk beberapa item yang besar, sekarang ini itemnya dikurangkan. Walau bagaimanapun kita sedang mengkaji semula bagaimana hendak

membantu kawasan-kawasan pedalaman, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ya, terima kasih Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, saya ingin— terima kasih dengan jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin meminta penjelasan kenapa penurunan subsidi ini sangat besar daripada RM66 juta tahun lepas dan RM20 juta diallocate pada Bajet 2017? Terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Yang Berhormat Penampang, saya sudah beritahu tadi bahawa kadarnya diturunkan oleh sebab untuk Sabah dan Sarawak ini penyeragaman harga hanya diberikan kepada dua item sahaja lagi tinggal iaitu minyak masak dan harga gula. Lain-lain tidak masuk sebab itu ia dikurangkan. Cuma seperti yang saya katakan tadi, bagaimana untuk kita membantu supaya dapat juga kita berikan tampung untuk barang-barang yang lain ya, itu yang saya jelaskan tadi. Akhirnya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa yang telah pun membangkitkan tentang kepenggunaan, telah pun saya jawab tadi. Bahawa sebenarnya apa yang kita lakukan daripada semasa ke semasa adalah untuk melihat bahawa rakyat semua sedar dan tahu akan tanggungjawab mereka dan juga tahu akan hak kepenggunaan yang mereka lakukan.

Yang Berhormat Kuala Krai, saya ucapkan berbilang-banyak tahniah dan syabas kepada anak beliau yang telah pun mendapat hadiah dalam Pertandingan MyIPO baru-baru ini. Dia buat alat sensor dan saya beritahu dengan anak dia, "*Engkau ini bagus...*". Masa itu Yang Berhormat Kuala Krai sendiri ada. Saya bagi tahu dengan anak dia. "*Engkau ini bagus, jangan ikut bapak sudah...*".

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Hai yo.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Jadi, anaknya senyum dan dia kata, "*Yang Berhormat Dato' Seri, insya-Allah oleh sebab saya sudah buat alat sensor, saya tahu perangai sensor, saya hendak sensorkan bapak saya...*". Insya-Allah Yang Berhormat Kuala Krai...*[Ketawa]* Tidak payah jawablah itu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak kerana bapak, mana ada anak.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan hendak jawab, hendak bagi penjelasan. Bila balik, anak itu *bai'ah* balik dengan saya.

*[Dewan Ketawa]*

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** *[Ketawa]* Akan tetapi tidak apalah, tidak apalah, yang akhirnya tentang francais telah pun saya jelaskan tadi. Betul Manhattan Fish Market adalah merupakan sebuah syarikat yang dipunyai oleh rakyat Malaysia. Kita kerajaan membantu beliau untuk meneruskan agenda perniagaan yang boleh menaikkan imej negara bukan hanya dalam negara tetapi di seluruh dunia. *Insya-Allah*

itu yang kita lakukan selama ini oleh kementerian saya, bukan hanya kepada satu dua perkara tetapi semua ini adalah untuk kepentingan rakyat. Semua ini adalah untuk kepentingan negara.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Semua ini yang kita lakukan adalah semata-mata demi untuk masa depan negara yang kita kasihi. Apa lagi ini Yang Berhormat Kapar?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya belum bangun lagi, *first time*.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tadikan tanya banyak kali sebab itu saya rasa tidak payahlah.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Soalan saya ada beberapa tidak jawab.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ha, apa dia yang hendakkan jawapan?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tentang Kempen Penurunan Harga Barang 2015, kesan dan impaknya.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ha, itulah...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Lagi satu, yang kedua adalah beberapa item yang hendak boleh bagi contoh. Terima kasih.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Okey. Saya hendak beritahu pada Tuan Pengerusi, soalan itu ditimbulkan Yang Berhormat Kapar mencelah dengan Yang Berhormat Penampang tadi. Maka, sebab itu saya kata saya akan jawab secara bertulis, kata saya tidak ada *figure* dengan saya. *Insyaa-Allah* akan saya pada masa-masa hadapan. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, soalan itu Kuala Krai pun ada sambung tadi soalan itu, empat jawab sekali. *[Ketawa]*

#### ■1940

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM577,700,00 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM577,700,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM56,650,000 untuk Maksud P.25 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM56,650,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

#### **Maksud B.13 [Jadual]**

#### **Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2017]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Giliran Kementerian Luar Negeri. Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Pasir Puteh.

#### **7.41 mlm.**

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong doa]* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang untuk saya mencelah sedikit sahaja. Kalau kita lihat kepada Butiran 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala, kita lihat peruntukan yang diperuntukkan pada tahun 2016 ialah sebanyak RM36.6 juta tetapi pada tahun hadapan tahun 2017 berkurangan sampai kepada RM5.79 juta.

Kalau kita lihat kepada Butiran 030400 – Hal Ehwal Islam Pelbagai Hala juga kita lihat penurunan begitu ketara daripada RM8.247 juta pada tahun 2016 kepada RM998,000 sahaja pada tahun 2017. Jadi saya ingin mengetahui di mana kekurangan ini? Kenapa ianya berkurangan? Persoalannya, adakah ianya disebabkan oleh mungkin sumbangan ini dikurangkan ialah kerana dimasukkan kepada sumbangan tahunan Pertubuhan Antarabangsa iaitu peruntukan yang baru sebanyak lebih kurang RM39 juta kepada sumbangan tahunan Pertubuhan Antarabangsa ini. Jadi kalau boleh, saya ingin tahu pecahan kepada sumbangan ini yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada pertubuhan mana? Berapakah peruntukan-peruntukan yang ditentukan kepada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini.

Perkara yang kedua ialah tentang kita tahu masalah antarabangsa ini ialah suatu yang amat menggusarkan kita kerana kita melihat betapa ramainya manusia di dunia ini dalam keadaan yang susah dan lebih teruk daripada kita. Ini juga sepatut menjadi iktibar kepada kita bahawa kita patut bersyukur kepada Allah SWT kerana kita boleh hidup dalam keadaan aman, tenteram, dalam sistem demokrasi yang berperlembagaan dan

kita boleh bersuara di sini dengan bebas, agak bebaslah jika kita lihat. Kebebasan ini agak banyak jika dibandingkan dengan banyak negara lain yang kita lihat di sana itu penindasan yang dilakukan kepada sesama manusia ini begitu teruk sekali.

Kalau kita lihat kepada jiran tetangga kita yang di ASEAN, maka kita lihat akan penindasan yang berlaku misalnya di Myanmar. Maka ini suatu yang menyayat hati kita kerana kita lihat di sana itu segolongan rakyat mereka sendiri tidak diiktiraf kerakyatannya, kemudian ditindas dan berbagai-bagai lagi yang kita dengar khabar berita yang menyedihkan. Sehingga ada ramai bilangan mereka itu terpaksa melarikan diri sampai ke negara kita dan mencari perlindungan di sini. Banyak kita lihat bilangan mereka di Malaysia ini begitu banyak sekali.

Masalah ini berpanjangan. Jadi peranan yang kita mainkan setakat ini saya ingin ucapkan tahniah. Sekadar yang kita mampu tetapi saya rasa kita boleh mainkan peranan yang lebih lagi untuk membantu menyelesaikan masalah masyarakat Rohingya di Burma ini atau di Myanmar ini. Ini kerana kita tahu bahawa mereka ini adalah golongan yang tertindas, golongan minoriti dan juga mereka ini kalau kita lihat mereka ini beragama Islam. Kita lihat bagaimana disebabkan perbezaan agama sahaja boleh menyebabkan mereka ini ditindas. Walaupun kita tahu juga ada penindasan kepada sesama bangsa mereka sendiri. Kaum Cham misalnya mereka terpaksa lari juga ke Malaysia ini dengan bilangan begitu ramai ke Malaysia walaupun mereka ini seagama dengan pemerintah. Akan tetapi kerana berbeza kabilah atau berbeza kaum menyebabkan mereka ini juga ditindas.

Jadi, penindasan ini banyak sebab menyebabkan penindasan kepada sesama manusia ini. Kita tahu kita sebagai seorang mukmin kita kena ambil tahu tentang masalah sesama Islam khususnya dan kepada umat manusia umumnya. Ini kerana kita tidak boleh mengatakan bahawa kita terselamat apabila kita tidak memikirkan masalah bangsa-bangsa yang lain.

Bahkan bangsa yang membezakan di antara bangsa yang bertamadun dengan bangsa yang kurang tamadun ialah keprihatinan mereka kepada masalah manusia sejagat. Jadi manusia bertamadun, kita harap kita ini tergolong daripada manusia yang bertamadun maka kita mesti peka dengan apa yang berlaku di sekeliling kita khususnya kepada manusia seagama dengan kita dan juga manusia yang tertindas di tempat lain. Maka kita mesti mempunyai sifat kemanusiaan dan mesti menenangkan keadaan supaya mereka ini tidak ditindas dan menegur sesiapa yang menindas ini.

Jadi siapa— kalau kita melihat suatu kemungkaran itu maka kita mesti usaha sedaya upaya kita untuk mencegah kemungkaran itu. *[Berucap dalam bahasa Arab]* Apabila kita melihat kemungkaran, kita mesti mencegah. Kita sebagai suatu negara

yang berdaulat dan kita pula bersahabat dengan negara-negara yang kita maksudkan ini, maka kita mesti menegur mereka, mesti menasihati mereka dalam forum-forum yang ada dan juga hubungan peribadi dan juga hubungan kepimpinan kita dengan mereka itu mesti berhubung. Sama ada dengan telefon atau melawat ke sana untuk bertanya masalah mereka yang tertindas ini dan meminta pertolongan supaya jangan dianiayai sesama manusia walaupun mereka ini bukanlah rakyat Malaysia. Ini adalah keprihatinan yang kena ada kepada kita jika kita tergolong kepada satu bangsa atau satu negara yang bertamadun. Ini tanggungjawab kita.

Satu lagi yang kita lihat di sana iaitu masalah dunia ini ialah kita lihat masalah yang besar di dunia ini banyak berlaku di negara-negara yang Islam, yang ramai penduduknya Islam misalnya di Palestin. Maka perjuangan kita juga suatu jenis perjuangan di peringkat antarabangsa kita ialah untuk memperjuangkan hak rakyat Palestin ini terhadap negara mereka apabila negara mereka itu dijajah atau dikuasai oleh kuasa Israel atau bangsa Zionis Israel. Maka kita mesti bersepakat dengan bangsa-bangsa yang lain, negara-negara yang lain untuk memperjuangkan hak bangsa Palestin ini. Ini tanggungjawab yang kita mesti memberikan *effort* yang lebih dan di mana kedudukan kita di PBB atau di United Nation.

Kita mesti gunakan kedudukan kita di majlis kemaslahatan itu untuk membawa idea-idea, membawa cadangan-cadangan yang baik untuk memperjuangkan hak-hak mereka ini. Jadi ini tanggungjawab kita. Apabila kita berada di sana kita mesti memainkan peranan kita untuk memelihara kemanusiaan ini. Peranan ini saya rasa kita boleh mainkan peranan yang lebih lagi dan dengan itu kita boleh menaikkan nama negara kita. Menjadi satu negara, satu bangsa, negara bangsa yang prihatin tentang masalah umat di seluruh dunia yang mana kita mesti memainkan peranan kita.

Untuk itu kita mestilah mempunyai hubungan yang baik dengan banyak negara. Jadi kita mesti mengadakan hubungan-hubungan yang baik dengan semua. Banyak negara yang ingin berhubung dengan kita, kita mesti berhubung baik. Sesiapa yang hendak berbaik dengan kita, kita mesti *respond* dengan lebih baik lagi untuk kita bersama-sama mempunyai hubungan persaudaraan atau perkenalan, taaruf ini ataupun berbaik-baik dengan semua negara yang ada di dunia ini.

Jadi hubungan ini kita mesti pupuk dan peruntukan kita saya rasakan peruntukan kita, kita mesti pastikan peruntukan itu mencukupi untuk pegawai-pegawai kita atau *ambassadors* kita, wakil-wakil kita ke luar negara ini memainkan peranan mereka, menyebarkan nama baik kita dan seterusnya memupuk keamanan dunia ini. Ini adalah tanggungjawab kita yang kita mesti lakukan.

Jadi saya harap *insya-Allah* jabatan Kementerian Luar Negeri ini akan memainkan peranannya yang sebaik-baiknya dan memastikan bahawa rakyat kita yang berada di luar negara juga akan terbela. Ini kerana kita tahu ramai rakyat kita menjelajah ke seluruh dunia sama ada belajar, sama ada bekerja, berniaga dan sebagainya. Kita mesti pastikan bahawa mereka ini dibantu apabila mereka berada di luar negara.

■1950

Jangan kita abaikan walaupun seorang rakyat kita yang mempunyai masalah di negara-negara luar. Saya ingin tahu juga walaupun kita banyak pelajar, kita ingin tahu juga bilangan rakyat Malaysia yang dipenjarakan di luar negara kalau boleh pihak kementerian- kita hendak tahu berapa ramai rakyat kita yang bermasalah, melakukan kesalahan di negara luar dan sedang dipenjarakan. Misalnya di China berapa orang, di Singapura berapa orang atau di mana-mana negara seluruh dunia ini dan apakah bantuan-bantuan yang boleh pihak kita berikan kepada rakyat kita walaupun mereka ini bersalah di luar negara namun apakah pertolongan yang boleh diberikan kepada mereka ini. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani.

**7.51 mlm.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada beberapa isu hendak bertanya kepada kerajaan. Sama seperti Yang Berhormat Pasir Puteh juga, saya hendak tanya apakah peranan yang kita mainkan dalam ASEAN khususnya berhubung dengan pelarian Rohingya. Akhir-akhir ini keganasan makin terjadi. Jadi persoalan saya, sejauh manakah kita telah pun memberikan pandangan kita ataupun cadangan kita supaya ada sekurang-kurangnya peluang untuk rakyat Myanmar berketurunan Rohingya mempunyai peluang untuk hidup di negara mereka kerana apa yang terjadi di sana, dia punya implikasi juga berlaku di negara kita. Kedatangan mereka yang menjadi masalah kepada kita, di samping itu kita juga ada masalah kemanusiaan. Jadi itu yang pertama.

Kedua, saya hendak tanya bagaimanakah hubungan kita dengan UNHCR. Bagaimana kah kita boleh bekerjasama supaya maklumat-maklumat yang kita ada dapat kita *share*kan dengan UNHCR dan UNHCR juga ada maklumat yang boleh *share* dengan kita sebab kalau kita lihat kepada Menteri Sumber Manusia, ada masalah di mana ada orang mengatakan bahawa kita mempunyai penduduk pendatang-pendatang tanpa izin dan juga penduduk-penduduk yang tidak mempunyai dokumen datang atas



pelbagai alasan. Mungkin atas masalah ekonomi tetapi juga ada masalah-masalah politik dan lain-lain.

Jadi kita hendak tahu yang datang ke Malaysia ini tentulah berbagai-bagai. Yang datang atas tarikan kehidupan yang selesa di sini tetapi juga ada yang datang disebabkan masalah-masalah politik. Jadi bolehkah kita bekerjasama sebab kita juga mendengar daripada pihak UNHCR bahawa kerajaan agak *the world is cold*, sejuk dalam memberikan beberapa respons ke atas permintaan-permintaan mereka. Begitu juga kita tidak begitu nampaknya bersungguh-sungguh untuk membantu UNHCR.

Saya juga hendak bergerak kepada isu yang lain, Tuan Pengerusi iaitu Butiran 090000 – Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Adakah di institut ini juga diperkembangkan dalam memberikan pendedahan kepada bakal-bakal diplomat kita yang akan kita hantar ke satu-satu negara yang tertentu termasuk menyediakan kemampuan berbahasa. Saya baru-baru ini bila melawat negeri China contohnya, ada di antara diplomat-diplomat kita yang tidak *trained* untuk berbahasa Mandarin.

Jadi, untuk itu kita terpaksa menggunakan *interpreter* berbanding dengan negara Rusia contohnya. Rusia sebelum dia hantar diplomat dia ke satu-satu negara, walaupun mereka tidak boleh bercakap bahasa tempatan dengan baik tetapi mereka telah pun disediakan maklumat-maklumat dan juga paling tidak pun minimum *words* yang mereka mesti dapat fahami supaya ada peluang untuk berkomunikasi selain daripada menggunakan bahasa Inggeris.

Jadi, saya hendak cadangkan di sini ada beberapa *language* atau bahasa yang saya kira wajib Wisma Putra perkenalkan di kementerian sementara kita mesti berbahasa Inggeris dengan baik tetapi bahasa Mandarin sekarang menjadi bahasa ekonomi. Bahasa Spanish juga menjadi penting di dunia dan bahasa Arab. Jadi saya rasa empat bahasa ini haruslah dijadikan bahasa wajib untuk didedahkan kepada para-diplomat khususnya para diplomat kita yang muda yang mempunyai masa yang panjang untuk mereka berkhidmat dengan Wisma Putra.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak tanya adakah kerajaan berhajat untuk mengadakan satu sistem yang lebih teratur di mana berapakah peratus daripada *ambassador-ambassador* kita yang kita lantik bukan daripada kalangan *career officer* tetapi juga di kalangan berbagai-bagai bidang dalam negara. Mungkin kita akan lantik bekas-bekas Menteri ataupun wakil rakyat kita, yang itu satu sektor.

Akan tetapi juga bagaimana *judges* kita ataupun orang yang *prominent* dalam negara kita supaya ini akan memberikan imej, sama ada *good lawyers* atau *prominent lawyers*, *prominent judges* ataupun *bankers* yang saya rasa kalau mereka ini dilantik menjadi *ambassador*, ianya akan *boost* imej kita di luar negara khususnya negara-

negara maju seperti yang dilakukan oleh Britain ataupun oleh Amerika. Jadi, maknanya orang-orang yang ada *credential* sebegini bila dia jadi *ambassador*, sudah tentulah pihak pelabur ataupun negara yang menjadi *host* kepada *ambassador* ini akan mempunyai persepsi yang lain.

Perlu diingat bahawa *career officer* membuat kerja yang baik, *I mean no doubt about it*. Saya tentu memberikan sepenuh keyakinan kepada mereka *and they are among the best diplomats that we ever had*. Akan tetapi isunya sekarang ini ialah bagaimana kita hendak mempertingkatkan kedudukan itu. Jadi saya fikir harus ada satu polisi di mana *certain percentage ambassadors* ini d[iberikan kepada *prominent people* ini supaya ianya akan memberikan kebaikan kepada negara kita. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh.

**7.57 mlm.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada beberapa butiran iaitu Butiran 040100 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, Butiran 090100 – Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Tuan Pengerusi, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani tadi tentang diplomat kita ini dan saya lihat Bajet yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kementerian Luar Negeri, ia telah pun dipotong berbanding dengan tahun ini. Ia telah pun dipotong sebanyak RM69,039,000 berbanding dengan tahun ini untuk tahun depan. Kalau kita lihat yang Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, peruntukannya dipotong RM1.76 juta dan kalau kita lihat Program Seranta, Diplomasi Awam dan Penerangan yang di bawah Butiran 130200 itu, peruntukan dipotong RM1.195 juta dan kita lihat juga Pejabat Perwakilan Luar Negeri - Butiran 120100 dan ia telah pun dipotong sebanyak RM7 juta.

Tuan Pengerusi, saya lihat yang pemotongan peruntukan untuk kementerian ini saya rasa memang kementerian ini akan menghadapi masalah untuk memainkan peranannya dengan berkesan. Tadi saya bahas dalam Kementerian MITI, saya sebut perkara yang sama di mana RM100 juta telah pun dipotong untuk Kementerian MITI dan ini akan menjejaskan fungsi mereka. Bagi saya, saya lihat agensi seperti MIDA, MATRADE dan juga Kementerian Luar Negeri, mereka adalah wajah *Malaysian* ataupun Kerajaan Malaysia di dunia antarabangsa. Jadi, pegawai yang berkhidmat di Kementerian MITI dan juga Kementerian Luar Negeri ini sepatutnya adalah *the top officer* atau pegawai yang paling bermutu.

**■2000**

Kita haruslah mempunyai pegawai yang fahami dasar dan juga diplomasi tetapi kalau kita lihat pemotongan untuk program serantau diplomasi awam dan penerangan begitu banyak dan juga pejabat perwakilan luar negeri begitu banyak. Saya rasa adalah amat susah bagi diplomat kita ini untuk memainkan peranan mereka untuk mewakili Malaysia mempertahankan Malaysia di luar negara. Saya rasa yang pemotongan ini adalah amat tidak munasabah.

Tuan Pengerusi, kalau kita lihat ringgit kita ini, kita lihat Butiran 020100 – Hubungan Dua Hala Untuk Bahagian Eropah, Amerika, Afrika, Australia, New Zealand dan Asia Pasifik yang mana dipotong RM2 juta bagi tahun depan. Kita lihat yang ringgit telah pun semakin lemah. Dengan pemotongan ini dan juga dengan ringgit yang semakin lemah ini, saya hendak tanya, macam mana pejabat kita di negara-negara maju ini *how do they survive?* Susah bagi mereka untuk memainkan peranan kerana suka atau tidak, peranan diplomat atau *ambassador* adalah *eat and drink for the country*. Dengan keadaan macam ini, mereka memang susah untuk mengundang, mengadakan jamuan undangan kepada sasaran yang perlu mereka layani di luar negara ini. Jadi saya hendak tanya, macam manakah kementerian mengatasi isu seperti ini?

Di sini saya juga hendak sebut tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi tentang penyeludupan manusia. Baru-baru ini saya terima banyak gambar tentang kanak-kanak Malaysia, kononnya 100 orang kanak-kanak Malaysia ini yang hilang dan diseludup ke Thailand. Selepas itu *body organ* yang telah pun dikeluarkan dan mereka semua mati dan berbaring atas lantai. Saya terima beberapa gambar seperti ini. Saya tidak pasti sama ini benar ataupun tidak tetapi isu penyeludupan manusia ini memang satu isu yang harus diperhatikan, diambil berat oleh pihak kerajaan.

Saya sebenarnya hendak tanya, kenapakah negara kita masih enggan menandatangani *ASEAN Declaration Against Trafficking in Persons* . Saya tahu Singapura, Cambodia dan salah satu anggota lagi di ASEAN telah pun menandatangani *ASEAN Declaration Against Trafficking in Persons* dan kenapa Malaysia tidak menyertai ini? Saya juga hendak tanya tentang penerimaan pelarian. Kita lihat yang kaum Rohingya di Myanmar, mereka ramai diseksa, ditembak mati oleh askar dan tentera di Myanmar, wanita dirogol dan mereka adalah mangsa penyeludupan manusia.

Malangnya negara kita dan juga Thailand dijadikan sasaran bagi aktiviti penyeludupan manusia ini. Saya ingin tanya sama ada Kementerian Luar Negeri ada apa-apa perbincangan dengan pihak Myanmar berkenaan dengan isu Rohingya dan

juga penyeludupan manusia kaum Rohingya dari Myanmar ke Malaysia ini. Saya juga hendak tanya, berapa pelarian dari Syria yang telah pun diterima datang ke Malaysia dan berapa ratus lagi akan datang?

Apakah ini *double standard* bagi saya kerana pelarian dari Syria bila mereka datang, kita baca dalam surat khabar dan tengok dalam berita di televisyen, mereka duduk dalam pangsapuri yang ada kolam renang tetapi Rohingya ini nasib mereka kurang baik. Duduk dalam khemah. Jadi, *what is the criteria* dari segi penerimaan pelarian dari negara asing atas perikemanusiaan. Jadi, apakah yang kerajaan akan lakukan berkenaan dengan pelarian Rohingya yang masih berada di tanah Malaysia ini.

Di sini Tuan Pengerusi, saya juga hendak bangkitkan satu soalan yang Yang Berhormat Ipoh Barat minta saya panjangkan. Mengikut beliau, Parlimen Malaysia ini telah pun meluluskan melalui satu sesi perbahasan yang khas, telah pun meluluskan satu resolusi untuk mengutuk Israel yang dalam Gaza Flotilla Raid pada tahun 2010. Jadi, Parlimen Malaysia telah buat resolusi itu yang minta pihak Turki untuk merujuk Israel kepada *International Criminal Court* (ICC). Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat hendak tanya, apakah *progress* tentang ini? Adakah resolusi yang diluluskan di Parlimen ini dipanjangkan kepada pihak Turki dan apakah yang berlaku tentang resolusi ini.

Jadi, akhirnya saya juga setuju dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani tadi yang mana Kementerian Luar Negeri kita ini haruslah mempunyai pegawai diplomat yang fasih dalam pelbagai bahasa. Khususnya kita telah pun menandatangani begitu banyak persetujuan dengan pihak China. Selalunya kalau kita pergi ke Pejabat Kedutaan Malaysia di China, Taiwan dan sebagainya, pegawai kita ini sebenarnya lebih fasih dalam bahasa Malaysia. *Second language* adalah bahasa Inggeris tetapi tidak tahu bahasa Mandarin.

Ini adalah satu masalah kerana bila berhubung dengan pegawai dan diplomat ataupun peniaga di negara China, kita haruslah tahu apa yang mereka cakap. Kita kena memeterai perjanjian dengan mereka. Kita mesti ada pakar undang-undang yang fasih dari segi ini dalam undang-undang yang dalam bahasa Cina ini. Adakah kita mempunyai pakar macam ini supaya kita tidak rugi bila kita menandatangani perjanjian dengan pihak negara China. Saya hendak tanya sama ada kementerian ada bercadang untuk mengambil lebih pegawai yang fasih dalam bahasa Tionghoa, Arab dan juga bahasa lain dalam kementerian dalam masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Rompin.

**8.07 mlm.**

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk berbahas tentang Kementerian Luar Negeri dalam P.13, 120100. Di sebelah kiri saya ini Duta ke Kemboja. Ramai sungutan daripada kedutaan luar negara bahawa peruntukan mereka banyak dipotong walaupun ada tertera dalam bajet tetapi hakikatnya ialah mereka tidak mendapat sejumlah wang yang begitu cukup bagi keperluan mereka di luar negara.

Sesuai dengan jawatan duta, Tuan Yang Terutama. Tuan Yang Terutama, maknanya dia mewakili negara. Tuan Yang Terutama. Dia mewakili negara. Jadi kalau duta kedutaan kita dalam keadaan daif, tidak boleh mengadakan majlis-majlis keraian, tidak boleh mengadakan program-program untuk menjelaskan dasar-dasar negara, tidak boleh mengadakan perjalanan ke luar daerah, ibu kota untuk berbelanja sedikit demi untuk kepentingan penerangan kepada masyarakat, kereta rosak tidak boleh dibaiki. Saya difahamkan. Rumah duta bocor. Ini satu yang memalukan negara dan saya berharap Kementerian Luar Negeri mengambil tindakan yang tegas supaya khususnya negara-negara yang memerlukan banyak hubungan diplomatik dalam keadaan-keadaan tertentu di mana kita harus memperjelaskan banyak isu yang dibangkitkan oleh umpamanya di Australia, di New Zealand, di Perancis, di mana lagi? Di Denmark.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Ya, silakan.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya bersetuju pandangan Yang Berhormat Rompin kerana sambil saya melihat tentang peruntukan khususnya kepada kemudahan pegawai-pegawai kedutaan di luar negara semakin rendah dan semakin berkurangan.

**■2010**

Setujukah Yang Berhormat Rompin sekiranya kalau kemudahan ataupun dikurangkan lebih-lebih lagi bila peruntukan itu kurang dalam Bajet 2017 walhal kita akui tugas-tugas pegawai-pegawai kedutaan ini adalah untuk mempromosikan Malaysia, mempertahankan Kerajaan Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Saya khawatir nanti duta atau pegawai-pegawai kedutaan terpaksa pindah rumah, terpaksa kecilkan operasi dan ada kalanya boleh menyebabkan tugas mereka juga boleh terganggu disebabkan perkara ini. Saya hendak mohon pandangan Yang Berhormat Rompin.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Bagi saya tambah sikit Yang Berhormat Rompin. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Saya

hendak tambah sedikit kerana saya kebetulan berpengalaman sedikit ke luar negara dan berinteraksi dengan Kedutaan Malaysia di Perancis dan Brussels tentang minyak sawit. Walaupun ada masalah bahasa, masalah kekangan dan mereka juga sebut tentang peruntukan kewangan yang kurang, tapi saya rasa *performance* sekurang-kurangnya di dua tempat tadi, Paris dan Brussels bagi saya sangat baik, *excellent* dan ini disebut oleh duta-duta lain yang juga saya temui, beliau cakapkan kelapa sawit. Malahan kita *leading*, walaupun Indonesia datang dengan rombongan yang lebih besar dan Duta Indonesia sendiri memberitahu saya di Brussels, dia tidak beritahu *direct* lah tapi kita faham bahawa dia mengikuti kita dalam isu sawit.

Jadi saya rasa sangat cemerlang dan di tempat yang kita perlu berada dengan kepentingan strategi macam di Eropah, di Brussels, di Paris, isu sawit dan lagi saya rasa kita perlu beri *priority* khusus dan tidak boleh kita mudaratkan mereka dengan pengurangan dana tadi. Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Pandangan-pandangan kedua-dua Yang Berhormat dimasukkan dalam ucapan saya. Kadang-kadang pegawai kerajaan ini dia *across the board*, maknanya dia kalau kita suruh potong, dia potong. Tidak memilih dari segi keutamaan-keutamaan dan dari segi keperluan-keperluan. Bukan saja di antara kementerian dengan kementerian malah dalam kementerian itu sendiri kadang-kadang mereka tidak melihat secara khusus dan secara strategiknya di mana negeri yang patut dipotong, mana negara yang harus ditambah demi untuk menaikkan imej negara kita. Seperti saya katakan tadi kedutaan-kedutaan luar negara adalah lambang imej negara dan mereka pun diberi pengiktirafan sebagai wakil negara, statusnya amat tinggi Tuan Yang Terutama, maknanya dia mewakili negara.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narasshid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Rompin, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bertanya sikit saja Yang Berhormat Rompin. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah tadi, memang pencapaian pegawai-pegawai kita amat membanggakan di luar negara. *They are* orang yang pertama sekali yang berhadapan masyarakat di luar sana *and they are the first people*, dengan izin akan memberi dia *correct impression about the country*. Cuma satu saja saya minta, kita ada banyak jabatan-jabatan, banyak *agreement* dan sebagainya yang kita gerakkan di peringkat antarabangsa, peringkat Kementerian Luar Negeri tapi saya minta kementerian, apa pandangan Yang Berhormat Rompin supaya

setiap pengumuman ataupun pengisytiharan ataupun *declaration* yang kita buat oleh mana-mana jabatan mestilah dipantau secara berterusan oleh Kementerian Luar Negeri.

Kita tidak mahu ada contohnya kementerian-kementerian tertentu buat *statement* yang akhirnya dia ada percanggahan dengan, tidak selari dengan pandangan Kementerian Luar Negeri yang menjadi kementerian utama dalam menentukan apa kerangka, dasar kita luar negara. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Rompin tentang isu ini dan apakah usaha Kementerian Luar Negeri untuk memastikan benda ini dapat kita selaraskan dengan lebih efektif lagi. Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi supaya ia diperhaluskan dan dipantau secara teliti. Akhirnya saya, oleh kerana masa sudah dekat, saya hendak cakap sekarang soal Palestin. Kita harus melihat sama ada strategi yang kita lakukan dalam menyelesaikan masalah Palestin ini betul atau tidak. Selama ini kita bantu Palestin, kita hantar duit, sampai atau tidak sampai duit itu ke mereka yang memerlukan. Adakah pendekatan dari segi geopolitik, keadaan pertelagahan di antara dua golongan Palestin di sana. Sebenarnya sesuai tidak. Saya agak kritikal sedikit tentang kaedah dan cara kita untuk menyelesaikan Palestin ini. Oleh kerana negara Arab pun, di kalangan negara Arab pun sendiri nampaknya dia tidak dapat formula yang betul, mampan untuk selesaikan masalah Palestin.

Di kalangan negara-negara Arab pun, dalam negara Teluk, dalam negara Arab OIC ada satu persatuan, pertubuhan OIC. Dalam negara-negara Teluk pula ada dia punya pertubuhan. Lepas itu negara-negara yang beraja, negara Arab lain pula pendekatan. Negara-negara yang tidak beraja dalam negara Arab lain pendekatannya. Negara-negara di bawah fahaman Sunni, lain pendekatannya. Negara-negara di bawah fahaman Syiah, lain pendekatannya. Jadi, seolah-olah kalam kabut. Saya yakin bahawa cara penyelesaian yang paling baik dalam menyelesaikan masalah Palestin itu mengikut garis panduan yang di dalam Al-Quran itu sendiri. Cari petunjuk dalam Al-Quran, apakah garis panduan yang perlu kita lakukan bagi menyelesaikan masalah Palestin.

Saya tidak nampak cara penyelesaian dilakukan oleh negara-negara Arab sama ada negara Teluk, negara beraja, negara bukan beraja, Syiah, Sunni dalam menyelesaikan kerangka masalah Palestin. Saya tidak nampak mereka melaksanakan mengikut garis panduan yang tercatat dalam Al-Quran dan sejarah masa lampau yang ribuan tahun di negara Palestin. Ini harus dinilai semula. Sebagai sebuah negara Islam yang jauh, kita harus menilai semula sama ada pendekatan dan cara yang dilakukan selama ini betul atau tidak dalam menyelesaikan masalah Palestin. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu.

### 8.27 mlm.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Luar Negara 080000, 030000 dan 020000. Tuan Pengerusi, selama ini polisi luar negara Malaysia pada tahun 50-an dan 60-an adalah pro Barat dan ianya telah beralih kepada *non-aligned nation* kuasa berkecuali pada tahun 70-an semasa Tun Razak dan semasa Tun Mahathir dari tahun 1981 Parti Dasar Luar Negara Malaysia adalah berdasarkan pada ASEAN pertama negara Islam dan NAM (*Non-Aligned Movement*). Selepas itu barulah tempoh daripada 2,000 polisi Malaysia mengambil sikap *soft and quiet diplomacy*.

Tuan Pengerusi, sehingga sekarang Malaysia masih mengamal atau menyatakan mengamal dasar ZOPFAN atau *Zone of Peace, Freedom and Neutrality*. Tetapi situasi tindak tanduk kebelakangan ini sebenarnya tidak menunjukkan sebegitu rupa dan *in fact*, sebaliknya dengan kecenderungan negara kita ke arah negara China dari segi aspek ikatan politik dan juga ekonomi yang begitu bergantung besar. Portal rasmi Malaysia pula di bawah Kementerian Luar Negeri dalam paragraf utamanya menyatakan definisi diplomasi kita adalah *the over aching trust of foreign policy have been to save guard. Malaysia sovereignty and national interest* dengan izin dan majalah antarabangsa *Fox Magazine* menyatakan Malaysia anehnya menyepi dalam isu tuntutan besarnya atas kepulauan Spratly yang kaya sumber hidup laut, gas, minyak dan sebagainya.

Malaysia sebenarnya sekarang bersembunyi di belakang tirai membiarkan Filipina dan Vietnam di hadapan bersuara sementara kita membisu. Saya ingin bertanya di sini Tuan Pengerusi, dimanakah soladiriti ASEAN di dalam kelompok kita ini, dalam isu ini dan juga pendirian Malaysia tentang isu Spratly kerana begitu berdiam diri. Walaupun negara China menempatkan bot ronda mereka di perairan mereka dekat Sabah, kita masih membisu dan tidak membuat satu bantahan yang sepatutnya. Ini adalah satu perkara yang membimbangkan dan menghairankan. Baru-baru ini pula Tribunal Antarabangsa the Hague telah menolak tuntutan Laut China Selatan daripada negara China, tidak disambut oleh Kerajaan Malaysia dengan apa-apa kenyataan.

Keputusan Tribunal Antarabangsa ini menolak secara sebulat suara dengan hujah yang jelas tetapi Malaysia tidak membuat sebarang kenyataan atau menyambut *landmark decision* tersebut Tuan Pengerusi.



**■2020**

Dengan sikap ini, Tuan Pengerusi, bagaimanakah kerajaan mengharap untuk dengan izin, *safeguard sovereignty and national interest* dengan sikap membisu dan tidak membuat apa-apa pendirian? Adakah polisi *soft and quite diplomacy* tadi bertukar menjadi polisi *silent and subservient diplomacy* sekarang? Itulah persoalannya.

Dalam aspek bidang ekonomi pula, penjualan-penjualan aset utama seperti aset pengeluar tenaga yang menyebabkan keselamatan negara, Bandar Tun Razak, Iskandar, pelabuhan utama kita di Kuantan, Melaka dan Bagan Datok kepada negara China memberi monopoli hampir mutlak kepada mereka. Ini menyebabkan kebergantungan yang besar.

Saya hendak memberi contoh. Australia yang jauh lagi besar dan kaya dari Malaysia menghalang penjualan aset utama terutamanya tenaga kepada negara-negara luar termasuk China. Dan begitu juga Singapura. Singapura telah melalui pengalaman yang tidak begitu elok dengan kemasukan begitu banyak pelaburan daripada negara China dengan mendadak. Kita tidak membantah perniagaan dengan negara China tetapi apa yang kita persoalkan adalah *the wisdom*, dengan izin, kebergantungan yang terlalu tinggi yang dipersoalkan terutamanya dalam isu keselamatan.

Saya ingin beralih kepada senario Malaysia dengan negara-negara Islam di Timur Tengah. Pada masa Tuanku Abdul Rahman, Malaysia dihormati serta dipandang tinggi terutamanya semasa mengetuai OIC. Walaupun negara kecil yang baru tetapi penghormatan yang tinggi diberi kepada Malaysia. Hari ini walaupun Malaysia menghampiri status negara maju, Malaysia tenggelam dan suara kita tidak mempunyai tempat utama lagi di hati negara-negara Islam. Suara Malaysia tidak lagi kedengaran.

Permintaan Malaysia baru-baru ini dalam latihan perang *Northern Thunder* dengan sekutu Arab Saudi yang sebenarnya terdiri dari negara Arab dan Afrika sahaja telah menimbulkan banyak persoalan. Negara dekat Islam seperti Turki dan juga Indonesia yang teramai umat Islam tidak mengambil perhatian. Jadi kita telah bertanya, kenapa Malaysia terlibat dalam situasi sedemikian rupa?

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang kita hendak persoalkan adalah apa yang berlaku di Yaman hari ini di mana pergolakan perang saudara di Yaman apabila 300 orang awam menghadapi ancaman dan telah terbunuh di dalam majlis pengebumian dengan satu pengeboman oleh sekutu Arab Saudi dan juga berpuluh mati dibom kapal perang Amerika dari pesisiran laut Yaman.

Malaysia sekali lagi tidak membuat apa-apa kenyataan di atas nasib malang sebuah negara kecil iaitu Yaman. Di sinilah kita persoal sekali lagi kenapa sikap kita sebegini rupa? Kita bukanlah meminta Malaysia mengambil atau *to take side* tetapi

sekurang-kurangnya membuatlah kenyataan bagi pihak mereka yang lemah. Adakah polisi Malaysia berdasarkan semata-mata persahabatan Perdana Menteri dengan keluarga Diraja Arab Saudi dan bukan atas pertimbangan perikemanusiaan dan juga asas polisi Malaysia? Di manakah sikap ingin membela negara kecil?

Kita perlu ingat, Tuan Pengerusi, berpuluh ribu anak Malaysia belajar di Yaman dan pada suatu masa dahulu lebih daripada 50 peratus rakyat daripada Timur Tengah adalah merupakan pelajar-pelajar daripada Yaman. Itulah sejarahnya.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang pendekatan kerajaan yang mempromosikan imej *global movement of moderates* di peringkat antarabangsa dengan ucapan-ucapan dan kerjasama dengan negara sederhana. Ini memanglah sepatutnya kita boleh berbangga tetapi walau apa pun jua imej yang ditunjukkan di luar negara, rakyat Malaysia akan menilai apa yang dilihat di negara kita sendiri.

Bagaimanapun, keengganan Dato' Sri Mohd Najib untuk bersuara terhadap kumpulan pelampau perkauman seperti baju merah dan PERKASA tidak meyakinkan rakyat sendiri dan juga rakyat antarabangsa dalam isu *global movement of moderates* kerana apa yang berlaku di negara kita tidak sama dengan apa yang kita laung-laungkan di luar negara.

Juga, sikap kerajaan terhadap parti pembangkang rakyat Cina seperti DAP yang memberikan gambaran seolah-olah parti ini adalah ekstremis. Sementara, kerajaan memberi segala keistimewaan luar biasa kepada rakyat dan negara komunis China yang pernah menyokong komunis Malaysia amat dikesali. Ini adalah satu *contradiction* yang ramai kita di kalangan rakyat Malaysia tidak faham.

Saya akhiri dengan satu lagi persoalan kepada Wisma Putra. Adakah baru-baru ini Peguam Negara Switzerland melalui kedutaan ataupun Wisma Putra meminta kerjasama kita untuk mendapat maklumat tambahan tentang siasatan 1MDB? Jika ada, berapa lamakah dahulu permintaan itu dibuat? Kerana kami difahamkan mereka telah mencuba melalui beberapa saluran untuk mendapatkan kerjasama dari Kerajaan Malaysia. Ini amatlah penting untuk menjaga imej Malaysia di persada antarabangsa kerana tanpa *transparency* dan kerjasama di dalam menjaga nama baik kita, nama Malaysia akan terus terjejas dan merosot di kalangan pihak-pihak dan masyarakat antarabangsa.

Sekian, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**8.26 mlm.**

**Dato' Sri Dr. Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan Butiran B.13 Kementerian Luar Negeri.

Tuan Pengerusi, pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, imej Malaysia akan sentiasa baik di luar sana sekiranya tidak ada mana-mana pihak yang cuba memburuk-burukkan institusi kedaulatan negara kita. *[Tepuk]* Ini perkara pokok dan asas yang harus kita pegang dan pertahankan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 – Bahagian Asia. Tuan Pengerusi, saya menyambut baik keputusan Presiden Filipina iaitu Duterte untuk menghantar pulang secara berperingkat pendatang asing tanpa izin dari Filipina di Sabah. Saya juga amat berharap tindakan seperti ini akan disambut baik oleh negara-negara yang lain agar menerima cadangan kerajaan untuk menghantar pulang pendatang asing tanpa izin ini ke negara asal mereka. Selain daripada itu, saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, adakah kos penghantaran pulang PATI ini ditanggung oleh Kerajaan Malaysia ataupun ditanggung oleh kerajaan negara-negara yang terbabit?

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 030200 – Hak Asasi Manusia, Sosial, Kebudayaan dan Jenayah Rentas Sempadan. Tuan Pengerusi, bila merujuk kepada keselamatan, bagi saya, keselamatan tidak boleh didefinisikan hanya dalam bentuk tradisional yang mencakupi ancaman ketenteraan dan isu-isu yang berkaitan. Globalisasi memaksa negara-negara terlibat untuk bekerjasama demi memastikan kepentingan bersama dijaga. Namun, dalam masa yang sama, usaha untuk mengekalkan kepentingan keselamatan negara-negara haruslah diambil perhatian yang berat.

Keadaan ini juga membawa kepada satu keperluan untuk mengekalkan hubungan baik di antara negara. Oleh itu, Malaysia juga, pada hemat saya, tidak kecuali daripada hal ini terutama apabila ia mempunyai kedudukan yang strategik di Asia Tenggara. Malaysia dikelilingi oleh beberapa negara yang tidak boleh mempunyai kestabilan politik dalaman yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Sudah tentu negara-negara seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan juga Singapura adalah jiran Malaysia yang terdekat dan kesemuanya memberikan dampak yang signifikan terhadap keselamatan negara Malaysia.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apabila Malaysia dan Filipina mencapai satu persetujuan yang saya fikir lawatan baru-baru ini sangat baik untuk mewujudkan kerjasama *trilateral* yang turut melibatkan Indonesia

dalam usaha memburu penculik dan pengganas secara merentas sempadan, pada hemat saya Tuan Pengerusi, merupakan satu inisiatif yang amat wajar kerana tindak balas terhadap ancaman keselamatan hanya akan berjaya dilakukan dengan berkesan melalui pendekatan kerjasama antarabangsa memandangkan ancaman keselamatan maritim bersifat transnasional dan tidak menghormati konsep persempadanan negara.

■2030

Ini penting Tuan Pengerusi, kerana sudah tentunya bagi saya selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada inisiatif ini kerana setidaknya nelayan-nelayan di perairan Sabah terutamanya akan rasa lega dan bersyukur bahawa ada tindakan seumpama ini untuk memastikan keselamatan nelayan-nelayan khususnya di perairan Sabah terjaga dengan adanya rancangan ini.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor beri saya peluang. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Kuala Selangor, rupanya pendekatan Malaysia mengamalkan *constructive engagement* ini berpuluh-puluh tahun sejak kita pergi ke – Allahyarham Tun Razak pergi ke China 42 tahun dahulu dan hari ini apabila Filipina secara *unilaterally* buat *complaint* di UNCLOS. Akan tetapi hari ini kita lihat *the landscape* sudah berubah di mana Presiden Rodrigo Duterte pergi ke China balik datang ke Malaysia dan akhirnya hari-hari kita dengar dia membenarkan kita membuat rondaan bantuan bersama *across* sempadan di tiga buah kawasan *territorial* tadi Indonesia, Filipina dan Malaysia.

Ini akan membuka satu dimensi baru tentang keselamatan dan memberi peluang yang sekian lama ditunggu oleh penduduk di Filipina dan Indonesia untuk membangunkan negara. Tanpa pembangunan, keadaan tidak akan sentiasa – jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Selangor sifat kesabaran kita dan sifat ketenangan kita dalam menangani isu-isu ini terbukti akhirnya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor tentang cadangan saya ini?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kuala Selangor, adakah Yang Berhormat Kuala Selangor tidak menyangka bahawa dalam urusan menjaga keselamatan ini sepatutnya – dan saya menjangkakan bahawa kebenaran ini sepatutnya sudah lama

ada. Saya ingat ada sudah, rupanya baru hendak boleh kita menyeberang ke sempadan untuk memburu penjenayah-penjenayah ini. Jadi – dan perkara ini telah berlaku begitu lama bukan setahun dua hari ini, bukan sehari dua hari ini. Jadi saya pun agak terperanjat bahawa sebenarnya selama ini kita ada sesuatu perjanjian dengan mereka dalam urusan memburu penjenayah ini. Tidakkah Yang Berhormat Kuala Selangor juga turut terkejut?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi saya, yang pertamanya saya merujuk kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi. Dalam sesuatu isu, terutamanya dalam kerjasama ASEAN sudah tentunya *constructive engagement* ini sangat penting. Ia harus dilakukan secara *consensus* iaitu menghormati undang-undang antarabangsa.

Apabila merujuk kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kuala Krai sebentar tadi, sudah tentunya bagi saya, saya tidak terkejut kerana bagi saya sudah ada. Cuma kali ini untuk memperkukuhkan kerana Presiden Filipina ini merupakan presiden yang baru dilantik, yang dipilih oleh rakyat *Philippine*. Sudah tentunya dia datang ke Malaysia – ya saya lihat apabila datang ke Malaysia ini menunjukkan bahawa dia ingin bekerjasama dengan Perdana Menteri Malaysia yang pernah menjadi Pengerusi ASEAN bagi meneruskan dan memperkukuhkan lagi usaha menghormati undang-undang antarabangsa ini. [*Dewan tepuk*]

Jadi sebab itu pada khidmat saya ini sangat penting kerana agar ia akan berikan kelegaan terutamanya bagi nelayan-nelayan yang mana saya Pengerusinya supaya yang paling penting nelayan di negeri Sabah terutamanya boleh menarik nafas lega dan tidur lena dengan adanya usaha-usaha dilakukan oleh kepimpinan kerajaan di bawah kedua-dua negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk juga kepada persoalan saya. Apabila saya menyatakan tentang perkara yang berkaitan dengan rentas sempadan ini, saya ingin mendapatkan kepastian daripada pihak kementerian, sejauh manakah kerjasama ini membenarkan pihak berkuasa negara terlibat untuk memasuki sempadan negara dalam usaha untuk memberkas penculik dan pengganas? Ini kerana pada khidmat saya, saya masih ingat apabila berlakunya insiden penculikan di perairan Sabah, kita juga tidak boleh lupa dengan peristiwa pencerobohan Sulu yang sehingga hari ini semakin segar, masih segar dalam ingatan rakyat seluruh Malaysia. Penekanan juga harus diberikan sama ada aspek usaha sama ini memantau kerjasama maritim seperti yang dilakukan oleh sesetengah negara dengan izin, *initiative Eye in the Sky* yang mana melibatkan rondaan laut dan udara, yang melibatkan agensi-agensi ketiga-tiga negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 080000 – Undang-undang. Tragedi pesawat MH17 yang ditembak jatuh masih lagi menimbulkan banyak tanda tanya di kalangan rakyat. Sesungguhnya pun dakwaan bahawa usaha ke arah kendalian ini menemui jalan buntu, namun saya percaya pihak kementerian masih lagi sedang berusaha untuk membawa dalang kepada pembunuhan kejam ini ke muka pengadilan. Saya sedia maklum bahawa penyiasatan terperinci sedang jalankan dan perkara ini juga melibatkan penyiasatan teknikal jenayah. Justeru itu saya ingin bertanya, khususnya mereka yang sedang didakwa di ICJ, apakah usaha-usaha yang terkini ataupun laporan yang terkini khususnya untuk ke arah untuk memastikan ia tidak akan berlaku di masa akan datang?

Seterusnya yang terakhir Tuan Pengerusi, tentang pelarian Syria ke Malaysia. Saya ingin bertanyakan kerana sekarang ini saya difahamkan semakin meningkat kononnya. Saya mohon kepastian daripada pihak kementerian untuk menjawab persoalan. Akhir kata Tuan Pengerusi, Kuala Selangor menyokong. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai

### **8.36 mlm.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang bagi saya. Saya pergi terus kepada Maksud Bekalan B.13 butiran 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala dan juga merujuk kepada Butiran Kecil 030200 – Hak Asasi Manusia, Sosial, Kebudayaan dan Jenayah Rentas Sempadan.

Tuan Pengerusi, bekalan untuk butiran ini telah menyusut sebanyak 28.7 peratus iaitu daripada RM1.1 juta tahun 2016 kepada hanya RM816,000. Saya hanya bimbang kerana kerajaan bagi tahun ini mengumumkan banyak inisiatif khususnya penerimaan kepada untuk pelarian Syria. Sebagaimana yang kita tahu peperangan *civil war* dengan izin, di Syria telah bukan sahaja membangkitkan 1,001 saya fikir ada termanya *hell on earth* tetapi yang paling mengesankan adalah lebih kurang 11,420 orang anak-anak yang meninggal dunia dibunuh, itu pun hanya pada tahun 2013. Menjelang tahun 2016, jumlahnya lebih kurang 16,000 orang anak-anak kecil iaitu belum diambil kira generasi yang terkorban masa depan.

Saya rujuk kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Najib pada 1 Oktober 2015, beliau umumkan Malaysia akan terima 3,000 orang pelarian Syria dalam tempoh tiga tahun. Saya ingin merujuk kepada dan bertanyakan daripada

segi *the detail*, perincian. Ini kerana sehingga November 2016 Yang Berhormat Menteri Luar Dato' Sri Anifah Aman mengumumkan hanya 78 orang pelarian ditempatkan semula di Malaysia. Manakala 500 orang pelarian dijangka tiba pada akhir tahun 2016. Pada saya kita amat terkebelakang kerana kita hanya mencapai 19.2 peratus sahaja daripada sasaran dan tidak jelas sebelumnya daripada segi pendirian kementerian berkait dengan kezaliman Bashar al-Assad. Saya fikir daripada segi pendirian kita, dasar kita bila masa berlaku jenayah kemanusiaan sebegini kita harus berani mendepani keperluan zaman. Jadi kadangkala bila masa kenyataan kita agak kabur menunjukkan dukungan kepada rejim-rejim sebegini. Ia memberi *perception* negatif pada Malaysia.

Saya menyimpulkan dan kerana begitu rendah peratusan. Adakah kita bakal melihat peningkatan dalam tempoh 2 tahun yang akan datang untuk mencapai sasaran 3,000 orang sahaja? Ini jumlah yang sedikit tetapi apa pun saya tidak nampak bagaimana kita mampu menempatkan mereka secara efektif kecuali kementerian mempunyai perancangan yang jelas. Krisis pelarian ini bukan sahaja menimpa masyarakat di Syria ataupun negara Syria, ramai yang dilanda perang sama ada di Timur Tengah Syria dan Iraq, sub Sahara Afrika, Republik Afrika Tengah, Sudan Selatan, Somalia, Nigeria dan Congo dan tentunya Myanmar. Jadi pada saya kita – yang terdekat dengan kita ini, kita tidak memberi satu *moral compass* ataupun *moral leadership* dan Malaysia tidak menghulurkan bantuan yang serupa secara konsisten.

#### ■2040

Pada saya, walaupun Syria, walaupun Rohingya, kita harus menunjukkan komitmen yang sama. Dalam ucapan Perdana Menteri, saya rujuk semua ucapan beliau di luar negara, disebut Muslim *leaders*, dengan izin, *cannot frown and turn our faces away from our fellow Muslims poor and marginalized and that we stand partly responsible for any ensuing European hostility towards Islam, the faith we love and towards our fellow Muslims*. Saya agak keliru kerana kalau dilihat dari segi statistik, sama ada tempat tahanan pelarian ataupun di banyak depoh tahanan, kebanyakannya warga Rohingya. Ada lebih kurang 150,000 pelarian yang memohon suaka di Malaysia dan 45,000 daripada mereka pelarian Rohingya yang tidak diberikan pengiktirafan. Jadi, ini penting dan saya berharap kerajaan atau kementerian dapat berikan pendirian yang konsisten.

Isunya yang kedua Tuan Pengerusi kerana saya tidak mempunyai masa yang panjang, saya terus pergi ke isu *Commonwealth* kerana Malaysia pada 2019 bakal menjadi *host* kepada CHOGM. Jadi, dalam pertemuan saya dengan beberapa pimpinan *Commonwealth* di London dua minggu lepas, mereka mengatakan ada ramai pegawai SPR Malaysia yang telah menjalani latihan *Junior Election Professionals for Elections*,

dianjurkan oleh *Commonwealth Secretariat* dan bertempat di New Delhi, India dan melibatkan negara seperti Bangladesh, India, Malaysia, the Maldives, Pakistan dan Sri Lanka.

Jadi, persoalan saya, kita bila masa dikatakan dalam inisiatif ini, mereka akan mengikut dan mengguna pakai sistem dan juga praktis yang terbaik bagi menjalankan pilihan raya. Saya rujuk kenyataan daripada wakil *Commonwealth*, di mana pegawai SPR dihantar, Setiausaha Agung bagi *Commonwealth Electoral Network Biennial Conference*, Mr Kamalesh Sharma menyatakan, *“This initiative promises to make an important contribution to advancing our shared goal of forging stronger links within the family of the Commonwealth Election Management bodies.”*

Jadi, pendirian mereka mahukan pilihan raya di negara-negara *Commonwealth* ini *credible*, adil dan juga *inclusive*. Termasuklah memastikan ada, disebut di sini Tuan Pengerusi, *“importance of a level playing field and code of conduct”*. Jadi, memandangkan kita antara yang paling teruk dalam *electoral integrity project and index*, maka saya ingin menanyakan, apakah hasil daripada latihan tersebut? Adakah Malaysia mempunyai keberanian untuk menjemput *Commonwealth* datang selaku pemantau dalam pilihan raya seperti mana kita lakukan pilihan raya tahun 1990? Jadi, bila masa kita lalui latihan tersebut, kita juga bawakan isu praktis di Malaysia, apa yang harus diperbaiki, *philosophy-philosophy* dari segi prinsip keutamaan demokrasi pilihan raya.

Maka pada saya, harus ada jawapan dan pendirian yang jelas daripada Kementerian. Adakah mempunyai kesediaan untuk menjemput pihak *Commonwealth* selaku pemantau? Di peringkat kerajaan, mereka mengatakan pilihan raya kita antara yang terbaik di dunia, di pihak pembangkang sebaliknya. Jadi pada saya, bila masa ada badan seperti *Commonwealth*, ia memberi ruang badan ketiga untuk menjadi pengawas. Kalau mereka memberikan sedikit input yang positif dan negatif, pada saya akan membantu Malaysia memanfaatkan proses kita. Oleh kerana sekarang dengan kemelut yang berlaku sama ada isu krisis baju merah, baju kuning, baju merah yang tidak ditangkap-tangkap sehingga sekarang.

Jadi, kita perlukan penglibatan sebagai sebuah negara yang berdaulat yang juga aktif dalam *Commonwealth* dan bakal menjadi tuan rumah pada CHOGM, saya minta pendirian yang jelas dalam bab ini. Oleh kerana sekiranya kita tidak bersedia ataupun kita merasakan tidak perlu *Commonwealth* bersama, maka saya fikir ini peluang keemasan yang disia-siakan. Saya pasti pihak Kementerian tidak akan menolak, saya lihat juga latihan pilihan raya ini telah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Australia, maka tidak akan memakan perbelanjaan. Jadi, boleh tambah perbelanjaan dana untuk



pejabat-pejabat kegunaan kedutaan tapi untuk menjadi pemantau, pandai-pandailah *Commonwealth* mencari dana sendiri.

Saya percaya ini mampu dilakukan. Saya pohon sebenarnya pihak kementerian mempunyai minda terbuka. Saya masih ingat, kalau 1990 mereka datang dengan kesimpulan, dengan beberapa perancangan dan cadangan dan saya fikir kita tidak perlu lagi menghantar mana-mana anggota dalam Jawatankuasa Parlimen kita terlebih dahulu, kita hantar melawat sistem di England, di UK. Kita hantar melawat sistem lain-lain untuk tahu keadaan-keadaan *first-past-the post* dengan *proportional representation*.

Ini mudah sahaja kerana sudah ada *practice* terbaik di bawah rangkaian *Commonwealth*. Malaysia seharusnya mengambil peluang ini dan menjemput mereka hadir untuk membantu melihat sebagai pihak ketiga yang tidak berkecuali, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelutong.

#### **8.46 mlm.**

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pohon untuk membahaskan Butiran 020000 – Hubungan Dua Hala; serta 030000 – Hal Ehwal Pelbagai Hala. Tuan Pengerusi, saya ingin menyusul tentang hebahan yang telah dibuat oleh Menteri pada awal tahun mengenai perjalanan ke Amerika syarikat tanpa visa. Saya minta satu taklimat tentang *progress* yang terkini buat masa ini. Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah tentang persengketaan di Laut China Selatan.

Oleh kerana kemunculan dan kebangkitan kuasa baru iaitu negara China, saya tertanya-tanya sama ada perpaduan ASEAN telah mula retak? Saya ingin imbas kembali kepada dua peristiwa diplomat ataupun *the diplomatic maneuver* yang telah berlaku pada tahun 2012 dan akhir-akhir tadi 2016 bulan Jun, di mana semasa di *Cambodian Summit* diadakan pada tahun 2012, satu peristiwa yang tidak pernah berlaku dalam persidangan *Summit* semasa ASEAN mengadakan di mana-mana negara.

Pada tahun 2012, agak aneh sekali kerana setelah *Cambodian Summit* diselesaikan, tidak ada sebarang *joint communique*, pernyataan bersama dikeluarkan. Itu berlatarbelakangkan satu peristiwa kerana pada tahun itu juga telah berlaku tuntutan di Mahkamah Antarabangsa mengenai siapa tuan milik bagi *the Scarborough Shoal* di Laut China Selatan. Jadi, adakah perpaduan ASEAN itu terganggu oleh kerana ada pengaruh kuasa besar dalam bentuk negara China yang campur tangan dalam hal ehwal di Laut China Selatan?

Lepas itu, saya ingin imbas kembali pula pada bulan Jun tahun ini semasa Persidangan Menteri Luar ASEAN bersama dengan Menteri Luar China, Encik Wang Yi,

di mana berlaku satu peristiwa agak aneh juga. Di mana *joint communique* yang asal telah pun diedarkan kepada para wartawan antarabangsa dan kemudian ditarik balik *joint communique* itu. Jadi, saya ingin tahu apakah yang tersirat di belakang wayang kulit diplomatik sedemikian? Itu adalah sesuatu yang agak janggal. Kalau kita bercakap tentang persidangan antarabangsa dengan kuasa-kuasa besar. Jadi, saya hendak tanya sama ada pegangan Asean mengenai kedaulatan wilayah Asia Tenggara sebagai satu kawasan yang damai, bebas dan berkecuali itu dapat diteruskan?

■2050

Saya ingin imbas kembali sekali lagi bahawa pernah negara-negara ASEAN di persidangan antarabangsa seperti di Sochi telah dibuatkan satu Deklarasi ASEAN. Deklarasi ASEAN itu telah diulangi sekali lagi apabila negara-negara ASEAN berjumpa dengan Presiden Obama di Sunnylands. Jadi saya ingin mengutip daripada asal draf tentang pegangan dan pendirian negara-negara ASEAN tentang kawasan Laut China Selatan sebagai salah satu kedaulatan yang harus kita pegangkan dan juga kita pertahankan sebagai satu kawasan yang bebas, yang damai dan juga berkecuali.

Dengan izin, saya petik daripada Deklarasi ASEAN yang telah pun dibuat pada tahun 2015. *“We expressed our serious concerns over recent and ongoing developments, which have eroded trust and confidence, increased tensions and which may have the potential to undermine peace, security and stability in the South China Sea. We emphasized the importance of non-militarization and self-restraint in the conduct of all activities, including land reclamation, which may raise tensions in the South China Sea. We stressed the importance of maintaining peace, security, stability, safety and freedom and of navigation in and over flight above the South China Sea, in accordance with universally recognized principles of international law including the 1982 United Nations Conventions on the Law of the Sea (UNCLOS).”*

Jadi saya ingin memperingatkan Malaysia sebagai jaguh dan juga perintis dalam pertubuhan seperti ASEAN ini supaya kita harus berpegang teguh kepada prinsip yang demikian, yang beberapa kali kita telah utarakan di pentas antarabangsa dengan suara dan nada yang begitu lantang supaya kita mempertahankan kedaulatan kita secara berwilayah. Saya amat kuarir kerana akhir-akhir ini, kita kedengaran kata-kata pilihan, ungkapan yang diutarakan oleh Menteri Luar China, Wang Yi itu adalah kasar, adalah tidak begitu mesra, *not very friendly* terutamanya terhadap negara-negara yang tidak sebulu dengan pendirian negara China.

Saya rasa pada saat dan ketika ini, perpaduan ASEAN itu adalah satu persoalan kerana pada dua peristiwa, pada tahun 2012 dan tahun 2016 yang saya ungkapkan tadi, saya rasa ada dua puak yang telah berpecah-belah di dalam ASEAN di mana negara

seperti Laos dan Cambodia berdiri pada satu tahap dan negara-negara lain yang akan semacam lebih mirip kepada Kerajaan Negara China. Ada yang tidak sekata. Negara yang tidak sekata dengan Laos, Cambodia dan juga negara China itu, telah diutarakan, dijadikan sasaran kata-kata yang agak kesat dari segi bahasa diplomatik.

Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dapat membuat sedikit penjelasan dalam Dewan ini supaya kita boleh meneruskan usaha kita dalam satu rantauan yang besar yang merupakan satu ekonomi yang agak besar iaitu ASEAN sendiri lebih-lebih lagi pada suasana sekarang di mana TPPA pun telah terganggu. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, memadamkan sebelum jam 9.30 malam Yang Berhormat Menteri menjawab nanti. Yang Berhormat Bukit Gantang.

#### **8.54 mlm.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat malam, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak ambil sedikit masa sahaja iaitu berkenaan dengan Butiran 040000 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia iaitu berkenaan dengan Rohingya yang kita harapkan perkara ini perlu diambil perhatian oleh kerajaan Malaysia selaku negara yang agak dekat dengan negeri yang dianggap sebagai Gaza di sebelah Asia Tenggara pada hari ini yang disebut oleh— Menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Rohingya ini adalah salah satu minoriti dunia yang paling teruk ditindas.

Maka dengan sebab itu kita mengharapkan supaya tindakan drastik yang diambil oleh Kerajaan Malaysia ini perlu sama ada dengan cara diplomasi yang agak proaktif dan lebih agresif. Ini kerana Rohingya kalau kita lihat banyak perkara yang amat menyayat hati kita kerana dia tidak diiktiraf oleh Kerajaan Myanmar sana. Dianggap macam bukan bangsa dia ataupun rakyat dia. Ini satu perkara yang amat menyedihkan.

Kedua, kita lihat Bangladesh pun juga sama. Kadang-kadang mereka hendak pergi minta pertolongan di sana, dihalau, ditembak dan sebagainya. Ini perkara yang amat menyedihkan. Ketiga, kalau kita lihat juga dari segi hak asasi manusia. Mereka dinafikan. Malahan kita tengok bantuan-bantuan yang hendak dihantar ke tempat mereka dinafikan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** *[Bangun]*

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Bukan sahaja kerajaan mereka tidak hendak bantu malahan kalau ada NGO dari negeri-negeri lain yang hendak pergi

bantu, mereka tidak benarkan. Ini adalah pengalaman-pengalaman daripada NGO Malaysia yang pergi ke sana yang tidak dibenarkan untuk menghulurkan bantuan.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Bukit Gantang, boleh sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Saya hendak tambah sedikit sahaja. apakah Yang Berhormat Bukit Gantang sedar *National Geographic* misalnya pernah menulis dan pernah memberikan gambar-gambar sejarah bahawa Rohingya dahulu pernah wujud sebagai satu kerajaan Sultan Sulaiman antaranya. Mereka pernah ada kerajaan sendiri, wang sendiri dan mereka memang wujud sebagai satu entiti yang berbeza dengan Kerajaan Bengali yang tempat sekarang disebut Bangladesh. Jadi mereka memang ada asas yang kukuh ratusan tahun di tempat di mana mereka berada sekarang. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Memang pada abad ketujuh dahulu memang Arakan ini telah menjadi salah satu daripada kesultanan Islam selama 350 tahun sebenarnya yang ketika itu Sultan Mahmud, seorang sultan daripada Rohingya. Memang masuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi.

Keempatnya, kita lihat bagaimana keadaan buta huruf yang begitu tinggi di kalangan masyarakat Rohingya di sana. Yang amat kita sedih kalau dalam suasana dunia yang pada hari ini, kadar buta huruf yang cukup tinggi. Maka dengan sebab itu kita mengharapkan supaya Malaysia sama ada melalui OIC ataupun melalui ASEAN dan boleh untuk bertindak dengan secara agresif untuk memastikan keadaan Rohingya ini. Ini kerana apa yang berlaku di Rohingya sekarang ini telah pun mendatangkan masalah sosial juga kepada kita seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi, kita bertembung antara dua kepentingan. Satu, kemanusiaan. Kedua, ialah soal kedaulatan yang ada di dalam negara kita.

Kedua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan Butiran 100000 – Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) iaitu hal yang berhubung kait dengan soal selatan Filipina yang kita nampak. Yang amat menyedihkan ialah kumpulan yang disebut sebagai Abu Sayyaf yang merupakan kumpulan yang bertindak kadang-kadang, mereka menggunakan dengan tindakan agama. Kononnya mereka buat ini merupakan satu perintah agama sedangkan itu bukan merupakan satu perintah agama seperti mereka membunuh orang dengan keadaan jenayah yang tidak

sepatutnya dibunuh, mereka bunuh. Kita tengok pula mereka melakukan penculikan di Sabah di sana.

Jadi ini satu perkara yang kita lihat amat menyesal. Jadi saya juga mencadangkan supaya kepada pihak Kementerian Luar Negeri ini supaya pendekatan untuk mengatasi berkenaan dengan golongan ini mesti kita buat *engagement* juga dengan kumpulan-kumpulan gerakan Islam untuk kita hendak mengadakan supaya hendak berikan penjelasan yang sebenar.

#### ■2100

Ini bukan kefahaman Islam yang kamu buat ini bukan ajaran Islam. Ini bukan merupakan ajaran yang diajar oleh Nabi kita kerana ia mendatangkan imej yang tidak baik. Ini saya rasa perlu kita *educate*-kan kerana mungkin mereka mendapat ajaran ataupun pendidikan yang tidak betul sehingga menimbulkan rosaknya imej kepada Islam. Jadi itulah sahaja pandangan daripada saya, terima kasih kepada Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

#### 9.00 mlm.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan saya ruang untuk membahaskan B.13 pada hari ini. Saya mulakan dengan Butiran 010200 berkenaan dengan Khidmat Pengurusan. Saya amat terkejut ini ialah salah satu kementerian yang mempunyai penurunan hampir 60% daripada RM52 juta turun sehingga RM20 juta. Ini berkenaan dengan dana yang diperuntukkan untuk perkhidmatan dan bekalan. Saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana RM52 juta itu telah dibelanjakan pada tahun 2016 dan bagaimana pula untuk menampung kekurangan ini untuk tahun 2017.

Kedua adalah berkenaan dengan 030100, butiran mengenai Politik dan Keselamatan Pelbagai dan Perlucutan Senjata dibaca sekali dengan 030300. Saya ingin membawa penerangan tentang kedaulatan di kawasan Laut China Selatan di Asia Tenggara. Kita tidak dapat menafikan beberapa pertikaian yang sedang berlaku di antara China, Brunei, Filipina, Vietnam dan negara kita, Malaysia. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hargai semua hubungan diplomatik, percubaan-percubaan diplomatik, kesabaran yang ada dan sebagainya, itu tidak ada persoalan. Akan tetapi persoalan adalah komitmen kerajaan supaya kawasan-kawasan yang dikhususkan ini tidak diambil oleh negara-negara lain.

Saya bagi sebagai contoh pada 8 Jun 2015 berlaku di Beting Patinggi Ali yang juga dikenali sebagai Luconia Shoals. Saya pernah membangkitkan tentang benda ini

sebelum ini juga di mana pada 8 Jun 2015, tarikh tersebut kapal pengawal pantai China telah menurunkan sauh di kawasan tersebut dan ini mengundang bantahan daripada pihak Malaysia. Pada 15 Ogos 2015, Menteri di Jabatan Perdana Menteri meneruskan bantahan terhadap China mendakwa bahawa tidak menerima apa-apa tuntutan rasmi daripada China terhadap pulau ini dan kapal-kapal China telah pun mencero bohi kawasan kita selama dua tahun. Ini dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri. Beliau kata mereka akan mengambil tindakan diplomatik. So, apakah setelah hampir setahun ini sebab ini berlaku pada 15 Ogos 2015, hampir setahun ini. Apakah tindakan yang kita telah ambil? Apakah komitmen kerajaan bahawa pulau ini akan milik kita ataupun kita sedang mencuba untuk menjadikannya milik kita? Apakah komitmen kerajaan dalam situasi tersebut?

Pada waktu yang sama, saya juga mengambil ruang ini untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan juga bagaimana kita cuba hendak menyelamatkan kepulauan seperti Kepulauan Spratly, Kepulauan Paracel dan beberapa bahagian sempadan maritim di Teluk Tonkin sebab ini semua adalah perebutan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kawasan ini agak penting bukan sahaja sebagai laluan strategik perkapalan, ada juga kewujudan petroleum, gas asli, kawasan perikanan sebab ada dari sudut ekonomi yang menjadi perebutan di antara beberapa buah negara ini. Jadi saya perlukan dua bahagian ini, satu tadi saya telah terangkan tentang Beting Patinggi Ali yang selalunya saya fokus kepada soalan ini dan kepulauan - dua pulau tadi macam mana kerajaan sedang secara diplomatik mahupun cara lain cuba untuk menguasai kawasan-kawasan ini.

Ketiga berkenaan dengan Butiran 030200 – Hak Asasi Manusia, Sosial, Kebudayaan dan Jenayah Rentas Sempadan. Ini saya hendak secara ringkas Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua bahagian. Satu adalah tentang penyeludupan manusia yang telah dibawa oleh beberapa orang Ahli Parlimen yang lain. Betapa serius kah ataupun di tahap manakah penyeludupan manusia berlaku di negara kita? Ada berapa kes dan bagaimana kerajaan sedang mengatasi isu ini.

Kedua yang tidak disentuh adalah penyeludupan organ. Penyeludupan organ sedang berlaku beberapa negara-negara luar, kes-kes sebegini selalu dipandang secara serius tetapi di negara kita jarang kita dengar isu begini. Kalau kita jarang dengar kerana tidak ada isu tidak apa tetapi kalau memang ada isu dan tidak diberitahu, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri ada komitmen untuk jelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Pada waktu yang sama Yang Berhormat Timbalan Menteri, balik kepada 030100 tadi. Saya nampak emolument pun telah berkurang, adakah ini kerana ada sesiapa

dipecat atau akan dibuang kerja atau bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu jelaskan sebab ada puluhan ribu dikategorikan dari sudut emolumen dikurangkan.

Saya teruskan dengan Butiran 040100 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN–Malaysia. Ini berkenaan RM6.5 juta untuk bahagian Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – 40000, RM6.5 juta telah dibelanjakan untuk tahun 2016 tetapi untuk tahun ini kosong, tidak ada apa-apa bayaran diberikan. Saya perlu penjelasan bagaimana RM6.5 juta telah digunakan untuk tahun 2016 berbanding tahun ini tidak ada apa-apa kesinambungan mahupun tidak ada apa-apa pemberian langsung. Bagaimanakah belanja ini dilakukan dan mengapa tidak ada kesinambungan? Saya secara jujur saya tidak faham macam mana duit ini ada tetapi tidak disinambungkan sebab ini ada kena mengena Sekretariat Kebangsaan ASEAN – Malaysia. Sepatutnya ada kesinambungan sebab ini hubungan diplomatik, kita bukan buat SUKMA ataupun satu *show games*. *This is something to do with diplomatic relationship*. So, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Terakhir sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri ini adalah kena mengena dengan Sumbangan Tahunan Pertubuhan Antarabangsa - 130600. Ini adalah satu program khusus yang baru, RM39 juta diberikan untuk bahagian ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana dan untuk apa sumbangan ini akan dilakukan. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

#### **9.08 mIm**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pendek sahaja. Saya ingin menyentuh Butiran 020100 - Bahagian Eropah, Amerika, Afrika, Australia, New Zealand dan Asia Pasifik (ANZAP). Saya lihat dia punya butiran ini kita punya peruntukan ada berkurangan. Jadi saya hendak tanya dalam saya dengar semua sekali. Pandangan saya yang agak mendesak ketika ini yang menjadi persoalan di setiap pemikiran kita ialah berikutan kemenangan Presiden-elect Trump yang akan menjadi Presiden Amerika pada 20 Januari nanti. Kita masih melihat suasana landskap ini akan dalam beberapa bulan akan datang ini akan penuh dengan persoalan-persoalan yang akan menentukan hala tuju dan juga gerak kerja yang perlu kita lakukan untuk memastikan bahawa kita tidak terkesan negatif malahan kita dapat bersiap siaga untuk menangani isu ini.

**■2110**

Jadi, soalan saya pendek sahaja. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berikutan pilihan raya Amerika Syarikat yang melihat Donald Trump dilantik dengan undi yang agak besar. Apakah polisi-polisi beliau nanti akan menjejaskan hubungan diplomatik Malaysia dan Amerika Syarikat? Jadi, itu sahaja soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lumut. Lepas itu, Yang Berhormat Sungai Siput. Selepas Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Menteri menjawab.

**9.10 mlm.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Pengerusi saya ingin membangkitkan merujuk kepada maksud bekalan di 11 Butiran 130000 – Program Khusus. Saya lihat pada tahun ini kita tidak sediakan peruntukan untuk pengurusan Pulau Pisang dan rumah api. Saya tidak begitu selesa dengan rasa bangga dan gembira sebahagian Ahli Parlimen yang mengatakan, '*Wah Malaysia bersabar, bertenang, aman damai dan juga berbangga dengan reputasi di luar negara*'. Akan tetapi, kita lupa dengan atas sifat-sifat itulah maka kita telah kehilangan Pulau Batu Putih dan ini saya dapat lihat kebimbangan yang dilahirkan oleh Yang Berhormat Kapar begitu juga saudara— lupa saya daripada ini— tentang kepulauan-kepulauan di Laut China Selatan. Atas sifat agresif Tun Mahathir, kita berjaya menguasai beberapa terumbu ataupun pulau-pulau batu ini. Kita— Terumbu Ubi, Terumbu Mantanani, Pulau Layang-Layang. Itu atas dasar agresif kita, kita letak penempatan dan kita miliki pulau-pulau tersebut dan kita besarkan wilayah kita.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pulau Pisang dan rumah api di Pulau Pisang saya ingin kemukakan soalan ini kepada kementerian ataupun kerajaan. Sehingga bila kita hendak terus biarkan kerajaan Singapura menguruskan Pulau Pisang dan juga rumah api yang kita tahu Pulau Pisang merupakan hak milik negara kita. Saya bimbang dan khuatir atas sifat-sifat lemah lembut, baik dan sabar itu nanti kita kehilangan pula Pulau Pisang. Maka sebab itu, malam yang mulia ini saya mendesak kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang positif untuk miliki Pulau Pisang dan pengurusan rumah api dengan seberapa segera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**9.12 mlm.**



**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak fokus satu sahaja. Butiran 030200 – Hak Asasi Manusia. / hendak bangkitkan situasi ketengan kaum di daerah Rakhine di Myanmar yang mana pada 9 hari bulan pada bulan lalu iaitu bulan Oktober berlaku serangan terhadap tiga pos sempadan. Di mana sembilan orang anggota polis Myanmar telah dibunuh dan selepas itu, ada operasi tentera di situ.

Ini adalah hak dan tanggungjawab kerajaan Myanmar untuk mengawal kumpulan militan itu tetapi juga kita mendengar daripada NGO-NGO yang sedang kerja dengan pelarian Myanmar di sini dengan Rohingya di sini bahawa berlaku banyak serangan terhadap *civilian* di situ. Latar belakang dia di situ ialah ada ketegangan kaum di antara Rohingya dan rakyat *Buddhist* di Myanmar. Ini memang sudah berlaku pada tahun 2012, 2013. Dengan situasi sekarang, dia sudah timbul balik. So, kita dengar banyak laporan daripada Rohingya di sini, daripada saudara mara mereka di Rakhine bahawa ada masalah. Ada masalah rumah-rumah di bakar, mereka diserang, ada orang dibunuh, dirogol. *So, there is quite serious.*

Saya hendak tanya apa yang kita boleh buat. Pendirian Malaysia, macam mana kita— saya tahu kita seanggota dalam ASEAN tetapi kita pun ada sekatan. Kita ada polisi *non-intervention* dalam domestik. Akan tetapi, adakah cara— ada ke ruang yang kita boleh buat sesuatu. Umpamanya, saya pernah pergi ke kedutaan Myanmar untuk bagi satu surat *concern* dan saya jumpa dengan pegawai di situ dan dia katakan banyak fotografi ini daripada yang dahulu. Ini bukan kali ini. Ini semua fotografi tunjuk ini telah berlaku pada 2012, bukan sekarang.

So, mungkin bolehkah kita katakan kita buat satu pasukan pemantauan ASEAN untuk masuk ke kawasan itu. So, untuk bantu Myanmar kendalikan situasi publisiti yang teruk ini. Jika dikatakan ada orang juga yang keluarkan gambar-gambar yang lama untuk burukkan imej Myanmar. Jika ada satu pasukan ASEAN yang di situ untuk memantau. Kita boleh bantu mereka kawal *situation* publisiti itu. Adakah satu kaedah kita boleh pakai untuk masuk? Satu lagi yang kita boleh kongsi dengan mereka pengalaman kita mengawal pemberontakan bersenjata dalam *emergency*. Kita tahu berapa pentingnya kita menang *hearts and minds*, kita perlu pisahkan rakyat majoriti Rohingya daripada kumpulan militan itu. So, mungkin kita ada—adakah caranya kita boleh masuk kerana nampaknya situasi di situ teruk dan pada apa yang saya boleh pandang kerajaan Myanmar tidak menjalani tanggungjawab mereka untuk beri perlindungan untuk rakyat— rakyat yang bukan bersenjata. Walaupun mereka ada hak, ada tanggungjawab untuk lawan dengan kumpulan militan yang serang mereka tetapi mereka juga ada tanggungjawab untuk *control* situasi di situ supaya ketegangan kaum

tidak terCEPus dalam aksi-aksi militan antara rakyat di situ. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 9.16 mlm.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, terutama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam berbahas dan menyatakan pandangan dan juga memohon pencerahan berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Seramai 13 Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan tadi dan untuk makluman Dewan yang mulia ini suka saya maklumkan bahawa Kementerian Luar telah di peruntukan sejumlah RM620,904,400. Daripada jumlah tersebut, RM526,046,000 adalah perbelanjaan mengurus ataupun OE. Manakala, sebahagian bakinya adalah untuk perbelanjaan pembangunan.

Izin saya maklumkan di sini bahawa peruntukan belanja mengurus Kementerian Luar Negeri sememangnya sebagaimana kementerian-kementerian yang lain *which is cutting cross the board* telah berkurang sebanyak 12 peratus berbanding dengan peruntukan yang diberi pada 2016. Manakala, untuk perbelanjaan pembangunan pula peruntukannya telah berkurangan sebanyak 18 peratus berbanding dengan peruntukan yang diluluskan pada 2016 sebanyak RM115 juta. Saya hendak respons satu persatu terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan dan saya akan cuba pergi yang mana yang ada kaitan dengan Kementerian Luar Negeri dan akan beri pencerahan berkaitan dengan perkara-perkara yang mungkin tidak ada kaitan di bawah Kementerian Luar Negeri.

Yang Berhormat Pasir Puteh membangkitkan isu tentang hal ehwal pelbagai hala yang dikatakan bajet ini berkurangan daripada RM36 juta kepada RM59 dan RM7 juta di bawah hal ehwal Islam kepada kosong. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Puteh, sebenarnya ia tidak berkurangan kerana ia pindah daripada sub kepala tersebut kepada di bawah sub kepala Program Khusus di bawah item 40000 yang ada— yang melihat peningkatan daripada RM6 juta kepada RM40 juta. Ini sebenarnya adalah membabitkan kenaikan bayaran tetap sebagai Ahli United Nation, OIC demikian juga *Commonwealth*, ASEAN— dia akan ada bayaran-bayaran yang merupakan kenaikan tetap. Dahulunya, *it treated under different segments* tetapi hari ini untuk kali ini ia *has been put under the Program Khusus*.

Kemudian Yang Berhormat Pasir Puteh membangkitkan pasal berkaitan dengan isu Rohingya yang juga dibangkitkan kebanyakan rakan-rakan yang lain. Saya mengambil maklum dan saya melihat bahawa ini adalah isu yang dikongsi secara bersama keresahan. Cuma saya hendak maklumkan bahawa isu Rohingya ini, isu yang berlarutan begitu panjang terutamanya ketika di bawah pemerintahan kerajaan junta.

■2120

Namun sejak berlakunya penubuhan kerajaan baru di bawah pemerintahan NLD di bawah Aung San Suu Kyi telah ada beberapa perkembangan yang boleh dianggap sebagai progresif. Namun saya hendak *qualify*-kan bahawa ia bukanlah satu benda yang mudah dalam tempoh yang begitu lama. Hakikatnya ialah bila mana tertubuhnya kerajaan baru pada bulan April tahun ini kemudiannya Aung San Suu Kyi dilantik sebagai *state counselor* ataupun Menteri Luar Negeri. *She herself cannot be the president because she has been impeded by* satu artikel *which was not remove* adalah artikel yang tidak mengizinkan mana-mana Ahli Parlimen yang berkahwin dengan *non Myanmarist to be Prime Minister*. Kalau tak silap saya Artikel 25. So itu menyebabkan beliau sendiri pun tak boleh. Pada waktu yang sama, isu bila mana tertubuhnya kerajaan baru telah ada satu *engagement* yang lebih luas di antara Kerajaan Myanmar bersama dengan *international community*.

Walaupun *he has not gone to the commendable level yet* tetapi telah mula ada progresif *development* yang berlaku berkaitan dengan isu ini. Yang paling mutakhir adalah tertubuhnya apa yang dinamakan *Advisory Commission on Rakhine State* yang mengabung Yayasan Kofi Annan yang diterajui oleh Kofi Annan sendiri bersama dengan beberapa pemimpin *10 of them which was recognize by-* tujuan *commission* ini adalah untuk memastikan *Rakhine State* dapat dilihat secara menyeluruh bagi memastikan ada pembangunan, kegiatan ekonomi yang secara tak langsung akan membantu rakyat di situ termasuk juga di kalangan rakyat Rohingya.

Pada waktu yang sama, isu ini juga telah mendapat perhatian OIC. Kita melalui Tan Sri Syed Hamid Albar merupakan *special envoy for OIC to Rakhine State* ataupun kawasan Rohingya ini telah melakukan pelbagai lawatan mutakhirnya daripada bulan Jun tahun ini. Dalam lawatan itu dia diizinkan untuk pergi dan sekali gus telah menyampaikan bantuan-bantuan yang diperlukan. Ini juga memperlihatkan bahawa apabila kita ada *engagement* ini secara berterusan maka ia akan membuka laluan untuk kita adakan *a more progressive development in terms of the human rights conduct* dan juga proses-proses untuk memastikan apa yang kita lihat sebelum ini dan kita dengar tidak akan berulang.

Akan tetapi saya hendak cerita pada Dewan yang mulia ini sebagaimana permulaan saya *to qualify* bukanlah satu perkara yang mudah. Penduduk Islam di sana adalah terdiri daripada sekitar kalau tak silap saya jumlahnya *2.3 percent as against to Buddha 89.9 percent*. Ada di kalangan rakyat Myanmar walaupun yang beragama Buddha yang bersifat *moderate* tetapi ada juga yang bersifat ekstrem dan mungkin Yang Berhormat ada kalangan yang *really internalize* isu ini akan mengetahui adanya kumpulan yang dinamakan Mabata. Mabata sehinggakan untuk menggunakan perkataan Rohingya pun tak diizinkan.

Waktu ini walaupun Aung San Suu Kyi mendapat sokongan *overwhelming* beliau juga terpaksa menggunakan pendekatan-pendekatan yang dianggap *soft* bagi memastikan *a reconciling approach* dapat digunakan untuk menenangkan suasana yang berlaku di *Rakhine State* ini. Pada waktu ini memanglah terdapat 1.1 juta Rohingya's ataupun sekarang ini dikenali sebagai *a Muslim Bengalis* dan yang mutakhirnya ialah apa yang ditanya tadi salah seorang oleh Yang Berhormat Sungai Siput tentang kejadian tiga pos yang diserang memang benar dan cumanya apa yang dilaporkan susulan daripada situ ada 10 duta-duta yang senior dijemput, *nine of ambassador plus one UN Rights*. Mereka yang dijemput daripada sembilan ini tiga daripada mewakili Asian ataupun negara daripada Asian mereka pergi melawat dan mereka dibawa sendiri ke tempat yang dituduh sebagai kawasan yang mana rumahnya dibakar dan sebagainya.

Setelah pulang mereka telah buat PC dan mereka melihat bahawa ada dakwaan-dakwaan yang tidak tepat secara keseluruhan, namun mereka juga memberi gambaran bahawa *there did not get a chance to do and overall assessment* sebab terlalu terhad. Maka mereka telah mencadangkan supaya satu suruhanjaya penyiasatan ditubuhkan. Susulan daripada situ juga bantuan kemanusiaan telah dibuka oleh Kerajaan Myanmar untuk pergi ke kawasan yang telah berlaku apa disebut tadi tiga *post* yang berlaku pergaduhan. Jadi ini adalah antara proses-proses yang telah berlaku.

Kemudian ditanya berkaitan dengan rakyat Malaysia yang dipenjarakan. Secara *detail* saya tidak ada cuma saya difahamkan seramai 1,043, 129 orang daripadanya adalah di China. Namun kita kadang-kadang ada masalah juga berkaitan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Maaf kalau boleh sedikit sebelum Yang Berhormat beralih kepada tajuk baru. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menghargai jawapan Yang Berhormat menjelaskan isu terkini di Myanmar. Hanya saya ingin merujuk juga ada laporan bila masa ada dakwaan daripada pelbagai pihak kadang-kadang ada yang disahkan ada yang tidak. Akan tetapi kalau kita rujuk kepada *International State Crime Initiative* laporan daripada institut ini di *Queen Mary University*

of London yang mengejutkan saya mereka adalah menjumpai bukti *that the Rohingya face mass annihilation and are in the final stages of genocidal process*. Ini tahun 2015.

Jadi saya faham sudah ada jawatankuasa yang melibatkan juga Kofi Annan *foundation* tetapi bagi peringkat Malaysia bagaimanakah ketetapan yang boleh kita ambil di mana dakwaan Aung San Suu Kyi sendiri tidak mahu menyuarakan isu sampaikan identiti Rohingya juga sampai tidak mahu diiktiraf. Namun pendirian Malaysia itu dan keduanya hubung kait bagaimana kita melayan mereka di Malaysia. Ini kerana pada saya dari segi status sebagai pelarian walaupun ramai saya tak nafikan tetapi ini ada bearing, ada impak *because you cannot say different things, do different thing back home and abroad*, mohon jawapan. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Pertama tadi saya akan jawab nanti sampai juga kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Akan tetapi pada apa pun saya *just* hendak sentuh laporan yang disebut itu saya tidak ada *so I do not have, if you deserve by all means if I can get from you*. Keduanya sebenarnya banyak laporan *whether it can be qualified to be the right and credible and the true ones is another things for us to confirm*. Cuma dalam maklumat yang bila kita dapat bila mana pergi ada juga laporan-laporan yang tidak memberikan gambaran *a 100 percent accuracy*.

*So while we are not going to be skeptical of what has been reported* tetapi pada waktu yang sama *we also need to do action based on accuracy*. So Malaysia memang kita sentiasa memainkan peranan melalui OIC dan juga pada waktu-waktu yang ada kita memainkan peranan di peringkat-peringkat *Asian at sideline*. Sebab sebagaimana saya maklumkan tadi bahawa isu ini bukan isu yang sudah berlangsung begitu lama dan tentunya mengambil masa kerumitan perkara-perkara bila dilihat satu-satu perkara berlaku itu positif *we want it to continue, we want to have confidence building measures among the international committee dan juga among all the actors and players to finally find a complete peaceful situation in wilayah Rakhine*.

Baik Yang Berhormat Sungai Petani ada membangkitkan- tadi saya sudah jawab fasal sudah dipenjarakan. Okey saya sudah jawab 1,043, 129 di China ada kekangan sebab ada di negara-negara tertentu yang mengamalkan *privacy act* yang tidak berkongsi maklumat tentang mereka yang dipenjarakan. Namun begitu secara hubungan diplomatik *yang we have been indulge in* kita dapat perolehi maklumat adalah 1,043.

Yang Berhormat Sungai Petani membangkitkan isu Rohingya dan hubungan kita dengan UNHCR saya maklumkan bahawa hubungan kita sememangnya hubungan yang rapat dan baik. Setakat ini jumlah pemegang kad UNHCR adalah 150,669

sebagaimana saya jawab soalan di ketika soal jawab lisan kepada Yang Berhormat Gombak pagi tadi.

Kemudian dibangkit fasal IDFR berkaitan dengan kebolehan berbahasa. Saya menyanjung tinggi pandangan bahawa perlu latihan sememangnya di peringkat IDFR kita ada program yang dinamakan *total immersion language program* untuk membolehkan mereka yang boleh berbahasa selain daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris terutama bahasa di negara *they are posted to* untuk membuktikan hubungan atau *engagement* menjadi lebih berkesan.

■2130

Yang Berhormat Sungai Petani juga membangkitkan berkaitan lantikan duta yang mungkin boleh dipertimbangkan bukan daripada *career diplomat*. Memang diamalkan. Dahulu kita pernah ada *former ministers, the late Tan Sri Jamaluddin Jarjis* dan suka saya maklumkan satu ketika dahulu kita pernah ada bekas Ketua Pengarah IKIM, Dato' Dr. Ismail Ibrahim menjadi duta besar di Arab Saudi. So, *on case to case basis, this thing will be considered*.

Kedua, Yang Berhormat Seputeh membangkitkan bajet yang dipotong. Saya juga ingin menarik perhatian semualah terutama Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan berkaitan dengan bajet. Sememangnya kalau hendak bezakan Kementerian Luar Negeri— mungkin tadi Yang Berhormat Seputeh bangkitkan benda yang sebenarnya *right on the point*. Kalau hendak bezakan Kementerian Luar Negeri dengan kementerian-kementerian yang *home based operation*, tentulah mempunyai banyak beza. Kita hampir *60 percent of our operating budget are denominated in terms of payment in either US currency ataupun other major currency*. So, *any volatility which is completely*, dengan izin, luar daripada *control* kita, kadang-kadang ia memberi kesan.

Namun begitu, langkah-langkah telah pun diambil untuk selain daripada kita hendak *recalibrate* bajet ini tetapi kita hendak optimumkan *resources*. Dari segi LRS atau *local recruited staff*-nya dan termasuk juga dari segi *home based staff* dan juga mempelbagaikan atau menjadikan mereka ini lebih *multitasking compared* dengan *the old operations*.

Saya tidak akan menafikan bahawa akan ada satu-satu keadaan di mana kita mengalami kesulitan, namun sebagaimana yang kita sedia maklum, kita akan optimumkan *resources* kita. Kedutaan-kedutaan yang mempunyai keutamaan dari segi hubungan dua hala dan dari segi hubungan dagangan dari segi peranan-peranan kita, contohnya di *United Nation*, di Vienna, Brussels yang ada EU di sana, di Paris dan juga tempat-tempat yang memberi kehadiran rakyat Malaysia yang ramai seperti Australia,

UK, tentu sekali akan juga diberi keutamaan tanpa kita melihat bahawa yang negara-negara yang kurang akan dikurangkan secara drastik.

Penyeludupan manusia yang dibangkitkan Yang Berhormat Seputeh. Kita ada komitmen dalam *ASEAN Convention Against Trafficking in Persons (ACTIP)*. Namun, isu ini memang *entirely under KDN. It's not under MOFA*. So mungkin ketika penggulungan, Yang Berhormat boleh tanya lagi *progress whether we have exceeded on ACTIP or not. I think they will be able to answer*.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan apakah halangan yang menyebabkan kerajaan kita ini begitu lambat untuk *endorse convention* itu?

**Dato' Seri Reezal Merican :** Tidak. *It's entirely under ACTIP*. Dari segi halangan, *I think they will be— saya bercakap based on accuracy. I cannot be talking on somebody else's behalf*.

Resolusi pelarian Syria. Tadi saya ada jawab. Cuma saya hendak maklumkanlah bahawa pelarian ini bukanlah satu perkara yang kecil. Saya ada data tadi yang saya baru perolehi, jawapan saya pagi tadi, bahawa keadaan yang berlaku di dunia ini tentang berkaitan dengan *refugees* adalah keadaan yang dianggap paling teruk selepas Perang Dunia Kedua. Negara yang paling teruk terkesan dan dihipit berkaitan dengan pelarian adalah Syria. Sebab itu tidak timbul bahawa kita beri layanan yang *first class* atau tidak sebab dahulu kita pernah layan Vietnam, Aceh, Bosnia— Bosnia dahulu sedemikian juga— dan Syria.

Apakah ada halangan dan masalah? Ada, bukan tidak ada. Sebab, dia bukanlah suatu benda yang mudah. Saya hendak beritahu bukan kata Malaysia sahaja, negara-negara yang menandatangani Konvensyen 1951 dan juga Protokol 1967 yang *exceeded and become state party to that, even* negara-negara tersebut juga mengalami masalah *to adhere to that*. Saya bagi contoh. *If I may quote, Germany. Germany* adalah negara yang cukup-cukup membantu dari penerimaan Syria tetapi hari ini *Germany* juga dihurungi oleh masalah kerana mereka di pos-pos migrasi mereka dan meminta bantuan negara lain untuk juga membuat penempatan *because at the end of the day, filtration* dan juga isu-isu bebanan kewangan juga menjadi faktor.

Ada negara yang membina *razor blade fence* walaupun negara itu— saya tidak boleh sebutlah. *Diplomatically, it's not nice for me to mention*.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Setiawangsa bangun.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *how do we handle this 3,000 or whatever numbers of these Syrian punya community that coming dekat Malaysia ini? Adakah kita terikat supaya memperuntukkan rumah untuk mereka, menjaga mereka? Or, you have certain period of time, after 10 years, to go back to your own country? How it works?*

**Dato' Seri Reezal Merican:** Sebenarnya seperti mana yang saya sebut tadi, kita tidak menjadi penandatanganan kepada Konvensyen 1951 *and* Protokol 1967. *Then, we are not treating them as refugees.* Kepada negara yang menjadi parti kepada dua-dua ini, Konvensyen 1951 *and* Protokol 1967 ini, ada obligasi-obligasi yang tidak mungkin kita dapat tunaikan. Sebab, antaranya ialah untuk meletakkan status hampir sama—bukan hampir— memang sama rata dengan *citizen*. Tentulah keadaan ini amat menyulitkan kita.

Sebab itulah tadi saya jawab kepada Yang Berhormat Gombak pagi tadi, saya kata dalam kita melakukan bantuan kepada Syria ini, kita menggunakan juga pendekatan-pendekatan yang kalau dalam fiqah itu dipanggil '*la darar wa la dirar*'. Kita bantu tidak membawa mudarat kepada yang dibantu dan pada waktu yang sama, yang membantu pun janganlah tertekan dengan mudarat juga. Dan itulah yang kita lakukan setakat ini.

Yang Berhormat Rompin membangkitkan isu KLN melihat keperluan bajet dan sebagainya. Tadi saya sudah sentuhlah *kot* sedikit sebanyak Yang Berhormat Rompin. *I think it is intertwined* dan juga benda yang sama.

Isu Palestin, memang pernah ada terbangkit bantuan-bantuan kita di sana tetapi saya hendak maklumkan kalau bantuan yang disalurkan secara rasmi, *it is being audited*. Untuk makluman, saya tidak dapat tarikh yang tepat tapi dalam bulan ini, duta besar kita di Kaherah akan dibenarkan masuk ke Gaza untuk melihat *some of the pledge* yang kita telah sebut, contohnya *building some wings of the hospitals, schools, what is the progress, are they still there intact? So* ini adalah antara yang masih lagi dalam *progress* tetapi *rest assured* bahawa ia tidak akan *go without audited*.

Cumanya ialah bukan mudah. Duta kita di Mesir ini adalah duta yang *accredited* untuk Palestin. Rafah ditutup waktu ini. Bila diberi itu maknanya diberi atas belas ihsan daripada pihak Israel untuk tempoh-tempoh yang terhad sahaja. Okey.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Seri Reezal Merican:** Tadi tak bahas pun.



**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tak, satu sahaja. Ini *President elect Trump, if capital of Israel to be transferred from Tel Aviv to Jerusalem, where is our stand?*

**Dato' Seri Reezal Merican:** Begini sahajalah. *Let us not make a prejudgment yet. Okay? President Donald Trump is still president elect. He has not got the full minute until 20th January. So after the inauguration... So kalau saya bagi pandangan pun, pandangan itu juga akan bersifat prejudgment. So let us wait for that.*

Yang Berhormat Kuala Terengganu bangkitkan tentang ZOPFAN dan apakah ada *shift*? Sebenarnya tidak ada *shift*. Saya sudah sebut dahulu bahawa dasar luar kita adalah dasar yang kita amalkan pragmatik dan kita cari *dynamisms* dalam tertentu untuk kita pastikan apa yang kita sebut selama ini, *sovereignty of our country Malaysian and Malaysia will always be intact.*

Jadi berkaitan dengan China ini, ya benar kita ada hubungan diplomatik tetapi tidak bererti kita juga berlembut. Boleh saya maklumkan ada dalam dua tiga perbincangan kita dengan China bersama dengan ASEAN yang mungkin *it goes to displeasure*, dengan izin, pihak negara China. Kalau untuk makluman— siapa yang baca tadi? Yang Berhormat Jelutong *kot* yang baca tadi tentang *the word militarization and self-restrained*. Bukan kata disebut di US, ketika *the final joint communique* di Malaysia pada bulan 12 tahun lalu, disebut dan malahan untuk makluman, pada peringkat mula tidak begitu disukai tetapi Malaysia *insisted to put there. To put there and then it was put just to maintain our solidarity and ASEAN centrality and it was consensually agreed upon by all ASEAN without single.*

#### ■2140

Kedua berkaitan dengan keputusan Hague tentang *arbitral tribunal*. Saya hendak jelaskan lagi sekali bahawa *arbitral tribunal* yang dibawa oleh Philippine itu adalah unilateral. Ketika dia bawa ia tidak disokong oleh China, ia tidak bersifat bilateral. Keduanya bila *award* diberi, *award* itu diberi tentang 15 perkara agak *detail, I can give you in writing*. Malaysia keluarkan kenyataan sebagaimana kenyataan-kenyataan yang lain dengan kata kita berdiam diri, *silent not entirely true*. Kita bawa keluar kenyataan, *we took note* sebab isu itu dikeluarkan oleh pimpinan Aquino, pimpinan Kerajaan Philippine yang lalu.

Hari ini bila Duterte datang pendirian Philippine pun sudah ada pendekatan yang berubah. So, soal yang dituntut oleh Philippine itu untuk makluman, dipanggil Archipelago of Spratly adalah kawasan yang tidak ada kaitan sama sekali dengan *overlapping claim by our country. So nothing more that we can say except we take note of that.*

So yang keduanya GMM, peranan kita di OIC. *North Thunder Operation* di – *North Thunder Operation* ini telah dijawab dahulu bahawa pembabitan kita adalah dari segi kerjasama, *alliances against ISIS and Daish. We are not and we will never be involved with any kind of alliances of air strike.* So kita tidak ada terlibat dengan – cuma latihan yang terbatas kepada pengendalian berkaitan dengan *against* Daish dengan ISIS.

Yang Berhormat Kuala Selangor menyebut fasal lawatan Duterte dan Yang Berhormat Kuala Selangor ini dia bercakap panjang tadi. Dia bagi jawapan semua ada dekat saya. *[Ketawa]* Jadi kita tidak payah jawablah yang ini. Duterte ini – Duterte okeylah. Duterte punya lawatan adalah amat berjaya. Salah satu daripada kejayaannya ialah persetujuan untuk mereka membawa pulang PATI dari Sabah ke Philippine.

Keduanya dalam soal penjagaan Laut Sulu itu, dia ada panggil *hot pursuit.* *Hot pursuit* maknanya selepas ini kita boleh kejar mana-mana pengganas ataupun penculik dan kita sampai ke perairan, kalau kita tidak mendapat mana-mana *asset employment* daripada - *deployment* daripada negara tersebut kita diizinkan untuk masuk sehingga ke perairan mereka. *I think that was* kejayaan. Bukan negara kita sahaja yang telah ditawarkan negara Indonesia juga telah ditawarkan.

Selain daripada itu, Duterte juga telah bersetuju untuk *renew our* peranan *in The International Monitoring Team (IMT).* Tentang soal fasilitator memang kita tidak dipanjangkan sebab benda itu telah pun- Duterte ini pendekatan dia agak berbeza. Kalau kita dapat lihat baru-baru ini pun dia berjumpa dengan Nur Misuari, MNLF sebab Duterte ini melihat kepada keupayaan untuk melihat *Southern Mindanao because he is a very Southern Mindanao centric person.* Beliau hendak melihatkan peranan *Southern Mindanao* itu dapat dibangunkan. *So he wants everybody to be part of it including –* walaupun ada waran tangkap kepada Nur Misuari tetapi *it has been lifted up for at least six month* untuk membolehkan dia berjumpa. *So the shift in his policy* ini sebenarnya akan banyak menyumbang kepada keamanan dan juga kestabilan di rantau Selatan Philippine.

Undang-undang...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor, tidak puas hati.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Tidak puas hati lagi?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Puas hati, puas hati. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penjelasan yang begitu baik. Cuma ada satu persoalan sahaja. Semasa pertemuan Presiden Philippine Duterte bertemu dengan kepimpinan Malaysia, ada

dinyatakan oleh cadangan daripada Malaysia untuk meminta supaya PATI daripada Philippine dihantar pulang kembali ke Philippine dan ia disambut baik oleh Presiden Philippine.

Cuma saya hendak tanya dari segi kos penghantaran balik ini. Siapa yang menanggungnya? Adakah Malaysia ataupun Philippine. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Masih lagi dalam perbincangan. Apa yang penting kesediaan itu penting. Kalau *the receiving country* – walaupun negara itu *is a country of origin* tidak terima, agak masalah juga.

Undang-undang MH17, *I think now MH17 is solely under* Kementerian Pengangkutan, *is not under* Kementerian Luar Negeri *anymore*. Okey.

Yang Berhormat Lembah Pantai yang tadi saya bangkitkan tadi tentang – Okey, yang *the only thing that I owe you is about Commonwealth*. *Commonwealth* ini tadi – *well* saya sebenarnya alu-alukan kalau benda itu benar cuma tadi andaian bahawa *Commonwealth* punya SPR datang semua itu di bawah pembiayaan Kementerian Luar Negeri *it's not true. It is completely under SPR dan definitely will be under JPM*. So memanglah dia tidak mengusik pun sedikit pun daripada bajet kami dan tentang apa hasil daripadanya *it will entirely be between SPR dengan the Commonwealth election what you call that, Committee is it?*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Sorry*, kalau boleh saya berikan penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Isunya latihan itu memang biasa, dia melibatkan banyak negara dalam Komanwel. Diadakan dan dianjurkan di New Delhi. Akan tetapi bila kita kata melangkah ke depan adakah Malaysia bersedia? *Because* dia *require the government of the day. The Federal Government of the day to invite the Commonwealth*. Itu persoalan saya. Adakah kita bersedia sebagai sebuah kerajaan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab untuk menjemput Komanwel hadir menjelang pilihan raya di Malaysia yang keempat belas.

**Dato' Seri Reezal Merican:** *Again* kalau ikut pengurusan pilihan raya *is not under me is under SPR*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Sure, to get influence*.

**Dato' Seri Reezal Merican:** *Well I will influence*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Thank you. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] [Ketawa]*.

**Dato' Seri Reezal Merican:** *No, I didn't say that, I will influence for you*. Okey, Yang Berhormat Jelutong- *[Disampuk]* lain macam ya. Malam-malam sudah. Ini perpaduan ASEAN, saya maklumkan tadi perpaduan ASEAN tadi *centrality of ASEAN still intact*. Memang betul berlaku dua insiden itu tapi insiden itu *couldn't go higher*

*degree than insiden-insiden yang berlaku sebelum ini ataupun selepas itu. The latest one* saya hendak cerita kepada Yang Berhormat Jelutong bahawa *the last Summit which is in Vientiane not just* China bersetuju dalam banyak hal but China juga bersetuju untuk *move one step ahead* iaitu menandatangani COC. Sebelum ini kita sudah tandatangan *Declaration of Conduct, it is just a political document.*

*COC will be binding. COC has been dragging for the last six years but it has come to a point after a negotiation and China has agreed to state 2017 as a deadline* untuk *finalize the framework of COC.* Situ satu kejayaan, satu. Kemudian *there was also an understanding between all ASEAN and also China to create* apa yang dinamakan *hotline, hotline among SOM, SOM* ini Senior Officials' Ministry. Makna kalau ada berlaku suasana-suasana atau situasi-situasi yang dianggap sebagai *unrest so hotline* ini *will serve to respond rapidly* tentang insiden-insiden yang berlaku. *So this are all* bagi saya adalah perkembangan yang positif dan masih dianggap sebagai *within the framework of centrality ASEAN.*

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Tuan Pengerusi. Di sini saya ingin merakamkan sanjungan tinggi saya terhadap semua Pegawai Tinggi SOM daripada pasukan kita di Wisma Putra. Sumbangan saudara saudari itu amat disanjung dan saya percaya dengan adanya pegangan kita kepada kata-kata semasa kita mengasaskan ASEAN itu saya percaya kita masih dapat mempertahankan lagi kedaulatan. Teruskan usaha yang gigih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih. SOM sahaja, Menteri dan Timbalan Menteri tidak ada? *[Ketawa]*

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *It's a given, it's a given. Thank you.*

**Dato' Seri Reezal Merican:** Okey. Yang Berhormat Bukit Gantang isu Rohingya, saya sudah sebut tadi. Selatan Philippine pun tadi saya sudah sebut. Yang Berhormat Kapar perbezaan bajet, perbezaan bajet itu yang saya sebut tadilah, ia ada perubahan daripada yang asalnya pergi ke bawah berkenaan tetapi saya tidak – *I did not get what was the exact question you asked. Anyway* Yang Berhormat Kapar *I will come back to you, okey.*

Mana lagi? Isu berkaitan dengan Pulau Pisang. Mana Pulau Pisang tadi. *[Disampuk]* Ha, Yang Berhormat Lumut, kalau tidak jawab ini dia kacau juga ini.

#### ■2150

Isu Pulau Pisang ini pertamanya, Pulau Pisang ini terletak 7.5 nautika dari Pontian, Johor. Keseluruhan saiznya adalah 1,375 kilometer persegi ataupun bersamaan dengan 340 ekar. Tentang rumah api ini, ia telah diserahkan berdasarkan perjanjian bertulis atau *indenture* yang telah ditandatangani di antara Sultan Ibrahim dan

Gabenor Sweetenham pada tahun 1900. Namun begitu, secara keseluruhan pulau ini, pulau ini telah pun dimasukkan secara mutlak milik Kesultanan Johor, satu. Kedua, ketika mana mungkin ditanya kenapa Batu Putih dipertikaikan sebab Batu Putih ketika mana kita keluarkan peta 1979, ia memasukkan di mana yang telah meletakkan *our maritime boundary* yang memasukkan pulau, maka *they object*. Bila *they object, then* di situlah berlaku hinggalah bawa ke mahkamah ICJ. Akan tetapi soal Batu Putih, dia tidak pernah *object*, satu. Keduanya, setakat ini kalau mereka hendak masuk sekalipun, *they have to go through immigration point which is at Rungkup* di Johor. So, semua ini memberi gambaran jelas bahawa Pulau Pisang adalah hak mutlak kita.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Timbalan Menteri, Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Semasa persoalan saya, saya ada bangkitkan isu tentang perkembangan terkini mengenai hebahan Menteri pada awal tahun ini mengenai perjalanan ke Amerika Syarikat tanpa visa. Apakah perkembangan terkini? Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** *Arrangement still on going*, ia ada lebih kurang enam perkara. *Again*, saya hendak maklumkan bahawa itu berada di bawah Kementerian Dalam Negeri. Semua untuk visa, *no visa for us to travel, for Americans to travel here*. Cuma ada satu sahaja perkara yang masih lagi diperhalusi iaitu dipanggil *visa refusal percentage for US upon us*. Dahulu *percentage of refusal* itu *has been like almost five percent, gone down to four percent*. So, *standard* yang kita minta *must be less than three percent, so* setakat ini ia adalah *3.4 percent*. So, *we have not achieved on that one item*. Akan tetapi perbincangan itu *is still very much in progress*. I think Yang Berhormat boleh tanya ketika KDN menjawab di waktu Jawatankuasa nanti.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya bertanya kerana apabila saya dengar mengenai gagasan ini, berita itu disiarkan menerusi Kementerian Luar Negeri.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ya, ya, sebab kebetulan *we are the facilitating agency, so* kalau benda di Kementerian Luar Negeri, *normally* ketika lawatan-lawatan yang dibuat oleh TPM, jadi selalunya PC dibuat oleh kita. Akan tetapi *the detail of it—but*, saya akan jawab juga secara bertulis dan saya akan dapat maklumat daripada KDN.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:**  
[Bangun]

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lumut dan juga Yang Berhormat Kuala Terengganu. Mana satu?

**Dato' Seri Reezal Merican:** Yang Berhormat Kuala Terengganu dahulu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada satu soalan yang tertinggal tentang isu di antara Yaman dengan Arab Saudi yang saya persoalkan serangan Arab Saudi ke Yaman telah mengorbankan 300 nyawa. Reaksinya tidak seberapa daripada kita dan serangan daripada Yaman ini tidak mengakibatkan apa-apa kecederaan pun kita mengeluarkan satu kenyataan yang keras. Jadi, kita mintalah ya supaya kita buat suatu pendirian yang adil kerana Yaman juga ada banyak hubungan pendidikan antara kita dengan Yaman, kita ke sana dan mereka ke sini.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Ya, terima kasih. Saya sebenarnya soal Yaman ini pun dekat di hati saya. Ramai juga saudara mara saya dekat sana. Jangan ingat saya mamak, saya ada juga darah Arab. *[Ketawa]* Akan tetapi saya hendak maklumkan, ada mereka yang tinggal di sini dan *has already consider overstayed, they have been given on the humanitarian basis. Because, they will not—* mereka ini tidak mungkin dapat balik kerana *fearing of being persecuted*. Tentang soal serangan tersebut, serangan tersebut telah dinafikan oleh pihak Saudi. Jadi, ada dua *conflicting stories now, so it need to be confirmed before we made a position*. Anehnya, *just* hendak cerita kepada Yang Berhormat, kalau ada konflik-konflik bersenjata di luar negara ini, yang anehnya kadang-kadang bila mereka melakukan serangan, *the next thing they do is that* mereka mengaku bertanggungjawab tentang serangan tersebut.

*So, then it was pretty easy for us to make a position* tetapi *in this case*, Saudi menafikan dan banyak juga negara yang tidak membuat kenyataan berkaitan dengan serangan tersebut. Berkaitan dengan serangan ke atas Saudi ia mencetuskan sedikit sebab ia dikatakan menggunakan *missile* yang Borkan yang di hala kepada istana, saya rasa. Itu juga mendapat reaksi bukan dari Malaysia tetapi boleh katakan hampir seluruh dunia dan juga termasuk GCC. Baik, *so...*

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Yang Berhormat Lumut, okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tuan Pengerusi, soalan tambahan saya. Tiadakah rancangan Kerajaan Malaysia untuk

mengambil alih pengurusan rumah api itu? Tidakkah kita terfikir apakah niat Singapura terus berkesanggupan untuk menguruskan rumah api tersebut? Saya bimbang berlaku tuntutan di kemudian hari. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Saya sudah maklumkan *possibility* tetapi pandangan untuk mengambil alih ini saya boleh angkatkan. Ini sebab perkara ini adalah perkara yang membabitkan *indenture* yang telah diserahkan dan diserahkan daripada *Queen of England* pada sebelum lagi *pre-independence*. Jadi, kalau hendak ambil alih tentu ia membabitkan benda-benda, perkara-perkara yang lain, berkaitan dengan perjanjian, kos dan sebagainya tetapi *I will raise it*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** [Bangun]

**Dato' Seri Reezal Merican:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Betulkah Yang Berhormat dari apa yang kita tahu bahawa dalam kisah Yaman, adakah Saudi Arabia betul-betul yang *the first person to be involved in the war instigated* dari pengetahuan negara kita. Apakah tindakan yang diambil supaya kita dapat memberi nasihat yang tertentu?

**Dato' Seri Reezal Merican:** Isu Yaman juga dekat *United Nations Security Council*. *United Nations Security Council* juga mengambil beberapa ketetapan. Saya pun rasa ada *a few resolutions* yang telah pun dikeluarkan. *Resolutions* ini daripada sebelum kita menjadi ahli lagi. Apa yang penting pada waktu ini adalah mereka melihat bahawa perlunya ada rundingan damai antara dua pihak. So, kali terakhir dipanggil wakil ataupun *special envoy on rundingan damai* ini, TYT Ismail Sheikh Ahmad untuk memanggil mesyuarat. Malangnya setelah ada mesyuarat, kedua-duanya menolak.

So, pada waktu sekarang memanglah rundingan yang sedang diusahakan di peringkat, waima UNIC pun masih lagi menemui jalan. Cuma pada waktu yang sama ada terdapat isu yang dikatakan sebagai gencatan senjata. Satu ketika dahulu Saudi dikatakan telah minta supaya sekutunya memulakan gencatan senjata selama 72 jam. Waktu itu juga Malaysia antara negara yang pertama menyokong supaya jangan ada serangan. Ini sebab pada kita *it has been a strong belief in Malaysia that we want any conflict* diselesaikan secara *peaceful resolution*. Jadi, itu sahajalah Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Kapar satu pun tak sentuh.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Saya kata tadi *I will answer you in writing*-lah, *I will come back to you, because I don't have that*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mengapa Yang Berhormat Kapar selalu tidak dapat dijawab?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat, mengenai perkara ICC di mana pada, dengan izin Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dengan izin Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mula hendak katakan berhutang, hutang budi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tumpang Yang Berhormat Seputeh. Saya ada dengan *dinner* fasal saya ada *court case* dan sebagainya. Saya ada merujuk beberapa perkara, terutamanya pada tahun 2010 Yang Berhormat di Dewan ini. Di mana kita telah mengadakan *emergency session*.

#### ■2200

*So, important of the nation of the world* adakan satu pertemuan di sini supaya beberapa resolusi diambil supaya merujuk Israel ke *International Criminal Court*. *The Seven Resolutions in particular* adalah Malaysia meminta Turki merujuk perkara itu ke Bangsa-bangsa Bersatu.

Yang Berhormat baru empat tahun sebagai Timbalan Menteri Luar Negeri. Sebelum Yang Berhormat menjawat jawatan ini, saya ada membawa perkara ini dan dia kata '*Oh, saya sedang berusaha mendapat maklumat terkini*' dan sebagainya. Saya hendak tahu apakah usaha yang sebenar yang telah dibuat? Adakah perkara itu telah dibuat? Kalau telah dibuat, bila telah dibuat? Kalau tidak dibuat, adakah Yang Berhormat setuju bahawa kita telah gagal dalam arena luar negara? *We only speak but we don't do, we don't walk the talk. I want* Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri beri penjelasan.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Naikkan diri. Tak, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ipoh Barat, Ipoh Barat.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Sorry*, minta maaf Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya tahu bahawa Yang Berhormat Ipoh Barat ini *very passionate*, ya *that's the word*. Yang Berhormat Ipoh Barat ini *very passionate* tentang isu ITT dan ICC ini. Saya sentiasa memberi maklumat kalau seboleh mungkin. Tak pernah saya ---

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju, saya setuju.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Cuma berkaitan benda yang berlaku sebelum saya, *I can have to be sincere. So I do not have fact on my plate at the moment*. Tentang



berkaitan dengan *what happen to that resolution, how do I be answering that*. Akan tetapi tak bererti saya tak akan menjawab. *For all those...*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *What have you done? What have you done because* bila kita bertemu di sini, dua hari *debates*, 48 jam. *What have you done about it?*

**Datuk Seri Reezal Merican:** Ya, *that definitely something has been done but I will get it and then I will write to you*. Bagi jawapan bertulis. Apa yang penting ialah tanggungjawab saya ialah tak akan ada *anything* yang dibangkitkan di sini sama ada saya jawab secara lisan atau bertulis. Saya tak hendak jawab benda yang tak *base on accuracy*. Kalau saya tak tahu takkan saya hendak kata benda ini saya tahu hanya untuk tunjuk kata saya pandai, tak. Akan tetapi saya hendak jawab berdasarkan kepada benda berasaskan *accuracy*.

Jadi demikianlah Tuan Pengerusi. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada semua yang telah terbabit dan terlibat. Kepada yang saya berhutang, tidak apa, saya akan jawab secara bertulis, jangan marah. Kalau ada yang tidak terjawab, mungkin boleh bertanya secara *direct* dan saya tetap akan *answer*. Saya ucapkan terima kasih. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM526,046,000 untuk Maksud B.13 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM526,046,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM94,858,400 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM94,858,400 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, hari Selasa 15 November 2016.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.04 malam]**